



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 20**

**Khamis**

**1 Ogos 2024**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Usul Yang Berhormat Menteri  
di Bawah Peraturan Mesyuarat 11 (Halaman 1)

**PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**

Ucapan Takziah: Kepada Keluarga Mendiang  
Tuan Michael Chen Wing Sum (Halaman 2)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

(Halaman 2)

**PENERANGAN MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH P.M. 13(1)(i)**

Pendirian Malaysia Terhadap Pembunuhan Ismail Haniyen,  
Ketua Biro Politik Hamas (Halaman 31)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Penagih Dadah  
(Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 (Halaman 45)

Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan  
Sempadan Malaysia 2024 (Halaman 121)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
4. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dato' Sri Ti Lian Ker
6. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
7. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
8. “ Datuk Razali bin Idris
9. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
10. “ Tuan Manolan bin Mohamad
11. “ Puan Susan Chemerai Anding
12. “ Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
13. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
14. “ Datin Ros Suryati binti Alang
15. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
16. “ Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan
17. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
18. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
19. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
20. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
21. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
22. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
23. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
24. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
25. “ Tuan Abun Sui Anyit
26. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
27. “ Puan Noorita binti Sual
28. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
29. “ Datuk Nelson W Angang
30. “ Tuan Pele Peter Tinggom
31. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
32. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
33. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)

**AHLI HADIR** (samb/-)

- |     |                |  |
|-----|----------------|--|
| 34. | Yang Berhormat | Datuk Haji Aziz bin Ariffin  |
| 35. | “              | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)  |
| 36. | “              | Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)                  |
| 37. | “              | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)                        |
| 38. | “              | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)                        |
| 39. | “              | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)                     |
| 40. | “              | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)                            |
| 41. | “              | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)                                 |
| 42. | “              | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)                             |
| 43. | “              | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)  |
| 44. | “              | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)  |
| 45. | “              | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)                                    |
| 46. | “              | Datuk Lim Pay Hen (Johor)  |
| 47. | “              | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor)                                   |
| 48. | “              | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)                                    |
| 49. | “              | Datuk Noraini binti Idris (Sabah)  |
| 50. | “              | Datuk Wira Koh Nai Kwong   |
| 51. | “              | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)                                     |
| 52. | “              | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)             |
| 53. | “              | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)                                  |
| 54. | “              | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)                         |
| 55. | “              | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)                                       |
| 56. | “              | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)               |
| 57. | “              | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)          |
| 58. | “              | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

**AHLI TIDAK HADIR**

- |    |                |   |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]   |
| 2. | “              | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]    |
| 3. | “              | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]                                 |
| 4. | “              | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 5  | “              | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]   |

**AHLI TIDAK HADIR  
(BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
2. “ Tuan Robert Lau Hui Yew

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Menteri Ekonomi] (Pandan)
2. “ Tuan Nga Kor Ming [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Teluk Intan)
3. “ Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Hassan [Menteri Luar Negeri] (Rembau)
4. “ Tuan Chang Lih Kang [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Tanjong Malim)
5. “ Tuan Khairul Firdaus bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
6. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
7. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
8. “ Datuk Ugak anak Kumbong [Timbalan Menteri Digital] (Hulu Rajang)
9. “ Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)
10. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
11. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam] (Johor Bahru)
12. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
13. “ Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA  
Khamis, 1 Ogos 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL**

**USUL YANG BERHORMAT MENTERI  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 11**

**10.00 pg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditempoihkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputus dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**

**UCAPAN TAKZIAH**

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG  
TUN MICHAEL CHEN WING SUM**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan ini amat berdukacita atas berita kematian mendiang Tun Michael Chen Wing Sum, Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-13, yang telah meninggal dunia pada 26 Julai 2024 yang lalu. Mendiang merupakan Yang di-Pertua Dewan Negara mulai 7 Disember tahun 2000 sehinggalah 11 April tahun 2003. Mendiang memulakan kariernya pada tahun 1964 sebagai Setiausaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein. Manakala pada tahun 1973, beliau dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas yang bertanggungjawab dalam Penyelidikan Tenaga Nuklear dan Alam Sekitar.

Sepanjang hayatnya, mendiang juga pernah berkhidmat sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta menggalas amanah sebagai Timbalan Presiden MCA. Sesungguhnya mendiang telah banyak berjasa dan berbakti kepada masyarakat serta negara termasuk memudahkan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara China melalui diplomasi pingpong, seterusnya memupuk hubungan yang membawa kemajuan dan kerjasama bermakna antara kedua-dua negara.

Sumbangan dan jasa mendiang pasti dikenang sampai bila-bila. Mendiang telah selamat disemadikan di Nirvana Memorial Semenyih pada 31 Julai 2024. Semoga rohnya bersemadi dengan tenang.

Dewan juga merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga mendiang dan didoakan agar tabah menghadapi dugaan ini. Sebagai tanda hormat mengenang pemergian mendiang, saya mengajak Dewan yang mulia ini untuk bertafakur selama satu minit. Terima kasih.

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Soalan saya nombor 1.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

1. **Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, tindakan segera kementerian dalam mengenal pasti peneraju industri pelancongan terutamanya di kawasan kepulauan yang banyak mengguna pakai bahan api diesel berikutan kenaikan mendadak harga chalet, hotel, pengangkutan serta pakej pelancongan dalam negara ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung kesan pelaksanaan subsidi diesel bersasar pada 10 Jun 2024 lalu, MOTAC dan Kementerian Kewangan telah mengadakan sesi libat urus dengan penggiat industri pelancongan seperti wakil persatuan-persatuan agensi pelancongan dan Persatuan Bas Persiaran pada 3 Julai 2024. Sesi libat urus ini bertujuan membincangkan dan mendapatkan maklum balas. Tuan' Yang di-Pertua, *timer* tidak *on*. Nanti saya bercakap lebih masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB hendak lebih masa *ke*?

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Cukup, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Sesi libat urus ini bertujuan membincangkan dan mendapatkan maklum balas serta cadangan untuk membantu pihak industri dalam mengimbangi tanggungan atau beban kewangan susulan kenaikan harga diesel dengan keperluan untuk terus menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada pelancong dan mengekalkan harga perkhidmatan yang kompetitif.

Selain itu, MOTAC juga telah mengadakan perjumpaan dengan operator-operator pelancongan Sandakan. Mesyuarat ini diketuai oleh Ahli Parlimen Sandakan, Yang Berhormat Puan Vivian Wong selaku wakil Yang Berhormat Menteri. Perjumpaan ini telah diadakan pada 15 Julai 2024 di Sandakan.

Susulan itu, Kementerian Kewangan dalam proses mempertimbangkan langkah-langkah terbaik untuk membantu mengurangkan beban kos yang ditanggung oleh syarikat-syarikat dan pada masa yang sama tidak menjejaskan objektif program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani. Pengusaha-pengusaha pelancongan yang terjejas juga boleh mengemukakan permohonan terus kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang bertanggungjawab menyelaras bantuan subsidi diesel tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih, pendek jawapan Timbalan Menteri. Saya hendak bagi tahu Timbalan Menteri, yang Terengganu sekarang ini menerima kehadiran pelancong 5.2 juta lebih untuk suku tahun pertama, enam bulan pertama dan melebihi sasaran kita. Sasaran kita 4.5 juta sehingga akhir tahun.

## ■1010

Jadi, permintaan tinggi dan tawaran tinggi. Saya difahamkan dan sampai sekarang, subsidi diesel kepada sektor pelancongan masih belum termasuk dalam subsidi bersasar. Di sini saya nak minta, sejauh mana pihak kerajaan berusaha untuk memastikan subsidi bersasar diesel masuk dalam industri ataupun sektor pelancongan, pertama dan yang kedua Dato' Yang di-Pertua, dua soalan eh. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Kedua, bolehkah kementerian memastikan peneraju penerbangan negara kita supaya menyediakan lebih banyak penerbangan ke negeri Terengganu? Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB, soalan pasal diesel itu, saya rasa bukan bawah kementerian YB. Tapi perkembangan itu, relevanlah.

**Datuk Razali bin Idris:** Usaha, usaha.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Usaha.

**Datuk Razali bin Idris:** Usaha. Usaha kerajaan untuk pastikan diesel itu masuk dalam sektor pelancongan.

**Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti apa yang saya telah bangkitkan tadi, kita dalam usaha membincangkan bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Kedua-dua kementerian ini sedang melihat, apakah pendekatan yang terbaik, terutamanya untuk sektor pelancongan. Itu pertama.

Soalan kedua itu tidak ada kena-mengena dengan soalan pada pagi ini dan saya akan memberikan jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda...  
[Ketawa]

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Soalan saya nombor dua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**2. Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah permohonan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan berapakah jumlah yang telah diluluskan bagi tahun 2023.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Datuk Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat Kerajaan Madani untuk pastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan, dengan izin, *shelter for all*.



Kerajaan Madani melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa meneroka, mengkaji dan menambah baik pelbagai inisiatif dan program untuk memastikan rakyat mendapat akses kepada perumahan dan telah menyediakan pelbagai inisiatif pembiayaan untuk menggalakkan pemilikan rumah. Kerajaan telah pun melaksanakan inisiatif i-Biaya melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

Melalui inisiatif ini, kerajaan memberi jaminan pembiayaan rumah sehingga bernilai RM500,000. Ini termasuk jumlah pembiayaan pokok, jaminan tempoh pengurangan gadai janji, *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) atau Takaful Gadai Janji dengan izin, *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT), yuran guaman dan yuran penilaian.

Pembiayaan adalah terhad kepada rumah pertama, sama ada kediaman baharu atau rumah dalam pasaran sekunder. Sepanjang pelaksanaan SJKP skim ini, sehingga 30 Jun tahun ini sebanyak 57,752 permohonan bernilai RM12.77 bilion telah diluluskan. Bagi tahun 2023 pula, sebanyak 23,569 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM5.9 bilion. Selaras dengan slogan "*Rumahku, Syurgaku*", Kerajaan Madani sentiasa fokus dan komited untuk melaksana dan menambah baik pelbagai inisiatif untuk pastikan setiap rakyat mempunyai akses terhadap perumahan yang berkualiti, berdaya huni dan mampu dimiliki. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan YB Hasbie.

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda:** Soalan tambahan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Pertamanya, tahniah atas program yang sangat baik, khususnya kepada orang muda yang tak ada slip gaji. Cuma masalah yang biasa kita dengar, rungutan daripada mereka yang nak buat pinjaman ini ialah keperluan untuk menyediakan deposit 10 peratus itu masih tak dapat diselesaikan melalui skim ini yang menyebabkan mereka tak dapat memanfaatkan skim yang sangat baik ini.

Jadi, soalan saya pada Menteri, apakah inisiatif daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming:** Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Kerajaan telah pun tahun lepas melancarkan inisiatif baharu Skim Jaminan Kredit Perumahan. Sekarang boleh menjamin sehingga 120 peratus harga rumah. Oleh sebab itu, isu pembayaran deposit dapat diselesaikan kerana jaminan kerajaan terhadap pemilikan rumah pertama melebihi harga rumah. Dia merangkumi aspek termasuk *renovation* pun dibenarkan. Oleh sebab itu, Yang Berhormat boleh lihat pada tahun lepas, di mana jumlah kes kelulusan meningkat secara mendadak. Ini adalah rekod paling tinggi dalam sejarah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Lim Pay Hen:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Lim Pay Hen.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan, tempoh pembiayaan yang ditetapkan adalah selama 35 tahun, yang mana pinjaman dua generasi dibenarkan.

Jadi, bagaimanakah kerajaan melaksanakan verifikasi ke atas generasi kedua? Adakah tertakluk kepada berapa syarat supaya generasi kedua harus bersetuju dengan beban hutang yang bakal dipindahkan ke atas mereka? Generasi kedua itu sememangnya layak daripada segi pendapatan untuk membayar pembiayaan tersebut. Ini kerana isu pinjaman perumahan generasi kedua ini telah menimbulkan perdebatan dalam kalangan rakyat yang merasakannya hanya akan mendatangkan beban kepada generasi muda yang terikat secara tidak rela ke atas hutang ibu bapa itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan ini. Tentang hutang generasi kedua, sebenarnya tempoh pinjaman 35 tahun adalah dasar Bank Negara Malaysia. Ini memberikan fleksibiliti kepada peminjam. Tempoh 35 tahun adalah hak maksimum sekiranya ibu bapa yang berkemampuan boleh selesaikan tunggakan pinjaman dalam tempoh kurang daripada 35 tahun. Maka generasi yang kedua tidak akan mewarisi. Sebenarnya masalah ini tidak ketara kerana kebanyakan pinjaman mengikut rekod yang ada, memang selesai dalam tempoh generasi pertama. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Dato' (Dr.) Arman.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

*Jom kira pertama, kedua, ketiga;  
Soalan saya nombor tiga... [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**3. Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) statistik yang menunjukkan punca atau penyebab kepada melonjaknya gangguan seksual dan kemerosotan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia; dan
- (b) adakah status jumlah mangsa lelaki dewasa semakin bertambah dan berada pada tahap yang membimbangkan berbanding wanita dan kanak-kanak dalam kes-kes gangguan seksual.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Bin Abu Hanifah dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Yayasan Kebajikan Negara ada menyediakan Pusat Sokongan

Sosial Setempat (PSSS) sebagai pusat rujukan sosial yang menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta sokongan emosi untuk menangani isu-isu psikososial termasuk gangguan seksual.

Menerusi perkhidmatan ini, beberapa perkara yang dikenal pasti sebagai punca berlakunya gangguan seksual adalah tarikan fizikal atau personaliti yang menyebabkan keinginan secara seksual yang melampau, kecenderungan rangsangan seksual tidak normal dan faktor psikologi yang berkait dengan pengalaman atau peristiwa yang pernah dilalui oleh individu tersebut.

Manakala statistik oleh PDRM menunjukkan kes yang dilaporkan bagi kesalahan di bawah seksyen 292, 354, 377D, 507A dan 509 Kanun Keseksaan iaitu merujuk kepada kes gangguan seksual adalah sebanyak 1,483 kes pada tahun 2021; 1,455 kes pada tahun 2022 dan 1,621 kes pada tahun 2023.

Sementara itu, berhubung persoalan mengenai masalah kesihatan mental, data daripada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan satu juta penduduk di Malaysia berumur 16 tahun ke atas, mengalami kemurungan dan jumlah ini menunjukkan peningkatan dua kali ganda dari tahun 2019 hingga 2023. Dalam laporan itu juga dilaporkan, satu daripada enam orang kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental. Beban masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak kini juga meningkat dua kali ganda sejak 2019.

Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat baru sahaja menguatkuasakan sepenuhnya Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*] pada 8 Mac 2024 dengan Tribunal Bagi Antigangguan Seksual mula beroperasi pada tarikh tersebut.

#### ■1020

Sehingga Julai 2024, sebanyak lima aduan gangguan seksual telah diterima oleh tribunal tersebut dengan semua aduan melibatkan mangsa wanita. Mengambil kira tempoh penguatkuasaan perundangan ini masih lagi baru, trend bilangan aduan mangsa dan pelaku masih belum boleh dijana.

Selain daripada itu, Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 di seluruh negara turut merekodkan lebih 400 aduan gangguan seksual daripada pengadu lelaki yang hadir untuk mendapatkan nasihat dan sokongan emosi menerusi PSSS. Berdasarkan laporan statistik PDRM bagi kes gangguan seksual yang melibatkan lelaki yang dilaporkan dari tahun 2019 hingga 2023 adalah 484 orang mangsa iaitu 6.3 peratus bagi keseluruhan kes bagi tahun yang sama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Dato' Arman.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan dan hukuman yang boleh diputuskan ke atas pelaku yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Antigangguan Seksual yang telah dikuatkuasakan? Soalan kedua, sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual ini sejak ditubuhkan? Sekarang ini, isu gangguan seksual ini bukan hanya kepada wanita, lelaki pun ada juga kena gangguan seksual. Jadi, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Arman diganggu ya?... [Ketawa]

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator tadi. Seperti yang saya katakan dalam jawapan asal saya, selaras dengan seksyen 20 Akta 840 iaitu berkaitan dengan Akta Antigangguan Seksual, sekiranya terdapat aduan gangguan dan berjaya dibuktikan terjadinya gangguan tersebut, panel TAGS ataupun Tribunal Antigangguan Seksual akan mengeluarkan *award* yang mengandungi satu atau lebih perintah.

Pertamanya, kena ada permohonan maaf yang perlu dilakukan oleh responden terhadap pengadu, lepas itu penyiaran permohonan maaf oleh responden kepada pengadu kalau sekiranya gangguan ini berlaku di khalayak ramai. Maksudnya dia kena pergi ke *public* seperti *Facebook* dan sebagainya dan pembayaran pampasan atau ganti rugi oleh responden kepada pengadu tidak melebihi RM250,000.

Lepas itu, menghadiri apa-apa program yang berbentuk kaunseling seperti yang difikirkan perlu oleh panel TAGS dan yang itu kalau sekiranya betul. Akan tetapi kalau sekiranya aduan gangguan seksual gagal dibuktikan atasimbangan apa-apa juga kebarangkalian, panel TAGS boleh dan akan menolak aduan pengadu tersebut, yang itu.

Keduanya pula, TAGS ini memang aktif memberikan pendedahan kepada orang awam melalui pelbagai forum mengenai peranan dan fungsi TAGS dan implikasi daripada pendedahan tersebut, masyarakat didapati mula berani tampil ke hadapan membuat aduan terutamanya kalau sebelum ini mungkin ada kalangan lelaki yang segan dan malu.

Apabila ada pendedahan dan *engagement* yang dilaksanakan ini, mereka mula berani tampil ke hadapan untuk membuat aduan tapi TAGS ini hanya berkuat kuasa bermula 8 Mac sebab itu jumlah dia masih setakat ini lima tapi kita minta bantuan kepada semua jugalah supaya jangan malu, jangan segan. Kalau ia nya terjadi kepada individu tersebut, boleh datang kepada kami untuk membuat laporan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Arman, laluan dah ada untuk laporkan.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta YB Anna Bell, sebagai wanita.

**Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, Tribunal Antigangguan Seksual menyediakan saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos minimum. Oleh sebab Tribunal Antigangguan Seksual yang ada sekarang ini hanya berpusat di Lembah Klang, adakah kementerian boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan satu lagi Tribunal Antigangguan Seksual yang berpusat di Sabah dan Sarawak agar kes-kes gangguan seksual dapat didengar kerana faktor geografi? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Banyak kena gangguan... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih YB Senator Anna Bell atas soalan tambahan yang dikemukakan. Seperti yang saya maklumkan dalam jawapan asal saya, TAGS ini baru kita wujudkan 8 Mac tempoh hari. Jadinya kementerian masih lagi memberikan tumpuan terhadap pengoperasian dan pengukuhan pejabat TAGS yang sekarang ini berada di Putrajaya.

Dalam waktu yang sama, kita juga mengambil maklum mengenai kekangan yang daripada segi geografi dan pelbagai kekangan terutamanya di Sabah dan juga di Sarawak tapi kita nak maklumkan juga ada beberapa perkara yang sedang dilaksanakan oleh kementerian sebab kementerian sekarang dalam proses untuk membangunkan sistem e-Tribunal bagi antigangguan seksual ini.

Apa yang mangsa boleh laksanakan? Dia boleh buat aduan secara dalam talian dan *insya-Allah e-filing* ataupun sistem *e-filing* TAGS ini dijangka beroperasi tahun hadapan, *another six months* dan sebenarnya tribunal ini boleh bersidang dalam satu atau lebih persidangan pada bila-bila hari, pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat, sebagaimana yang ditentukan oleh presiden.

Saya juga nak maklumkan bahawa kementerian juga ada melantik anggota tribunal dari Sabah dan Sarawak dan kalau sekiranya ada aduan yang melibatkan negeri-negeri di Pantai Timur, tribunal boleh bersidang di sana, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, soalan tambahan?

**Tuan Seruandi bin Saad:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Seruandi.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam mencegah perbuatan-perbuatan gangguan seksual tersebut? Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Menteri.

**Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Minat betul. Dia ada beberapa langkah proaktif yang dilaksanakan oleh kementerian. Pertama, seperti yang saya maklumkan, kita ada menggubal Akta Antigangguan Seksual. Ini bagi

peluang bagi mana-mana mangsa untuk membuat aduan dan kita juga laksanakan pewujudan pusat sokongan sosial setempat (PSSS). Ini ada yang statik, ada yang mobil, yang boleh memberi perkhidmatan pencegahan dan sokongan dan kaunseling dan pelbagai lainnya.

Untuk makluman juga, Kementerian juga ada Talian Kasih 15999. Talian Kasih ini beroperasi 24 jam Tuan Yang di-Pertua dan dalam waktu yang sama, Kementerian juga memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang berhadapan dengan gangguan dan juga penderaan seksual ini dengan memberikan kaunseling kepada mereka dan di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia yang juga terletak di bawah Kementerian dan juga kaunselor yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat juga ada untuk memberikan perkhidmatan, kalau sekiranya diperlukan.

Jadinya, boleh sahaja datang kepada JKM, kepada Kementerian kami untuk apa-apa juga isu dan masalah berkaitan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Datuk Noraini binti Idris.

**Datuk Noraini binti Idris:** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Soalan saya nombor 4.

**4. Datuk Noraini binti Idris** minta Menteri Kewangan menyatakan, bagaimanakah kesiapsiagaan Kementerian dalam menangani risiko keselamatan dan ancaman siber seperti penggodaman dan pelanggaran data dengan pelaksanaan penggunaan Digital e-Invois ke atas pembayar cukai di Malaysia.

**Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Dato' Yang di-Pertua, pelaksanaan e-Invois secara berfasa mulai 1 Ogos 2024 merupakan satu mekanisme untuk meningkatkan pematuhan cukai dan seterusnya membantu kerajaan dalam menangani isu ekonomi bayangan. Melalui pelaksanaan e-Invois dan inisiatif *Tax Identification Number* (TIN) yang telah diperkenalkan terdahulu mulai tahun 2022, penyaluran data invois secara *real time* akan meningkatkan kecekapan mengesan trend aktiviti ekonomi, analisa risiko serta fokus audit atau siasatan secara lebih tepat dengan keberhasilan yang lebih tinggi.

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois dapat mencapai objektif secara menyeluruh, kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan memberi keutamaan untuk memastikan data dalam sistem MyInvois sentiasa terjamin daripada segi keselamatannya iaitu melalui pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT LHDN dan Garis Panduan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) Dalam Perkhidmatan Awam serta dasar pekeliling dan garis panduan berkaitan keselamatan ICT kerajaan yang berkuat kuasa.

**■1030**

Dalam memastikan faktor keselamatan terpelihara, LHDN juga sentiasa komited untuk mematuhi piawaian antarabangsa melalui pensijilan seperti *information security management system* dan *business continuity management system* serta piawaian lain yang berkaitan pengurusan dan keselamatan data. Untuk melindungi data e-Invois daripada capaian, pengubahsuaian, kehilangan atau pendedahan yang tidak dibenarkan, LHDN akan melaksanakan langkah-langkah keselamatan siber sejajar dengan piawaian industri yang sesuai, termasuk inskripsi, pengesahan, kawal capaian, *firewall* dan sebagainya.

Selain itu, pihak LHDN membentuk tadbir urus data berdasarkan piawaian industri, memastikan pemprosesan maklumat yang sentiasa selamat mengikut peraturan dan pembatasan akses kepada individu yang dibenarkan sahaja. Pendekatan ini adalah bagi melindungi hak privasi individu dan mengekal kepercayaan dalam protokol pengurusan data selepas e-Invois mula dilaksanakan di Malaysia.

Di samping itu, LHDN turut menjalankan *security posture assessment* (SPA) secara berkala dengan pihak ketiga yang dilantik, termasuk sentiasa bekerjasama dengan pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan keselamatan sistem MyInvoice berada pada tahap optimum serta untuk mengatasi risiko keselamatan dan ancaman siber seperti penggodaman- *hacking* dan pelanggaran data.

LHDN akan sentiasa menyemak dan menambah baik amalan perlindungan data secara berterusan berdasarkan aktiviti pemantauan dan audit secara berkala untuk mengenal pasti dan menangani sebarang kekurangan, kelemahan atau peluang untuk menambah baik dalam dasar-dasar perlindungan data, kawalan, prestasi atau insiden. Terima kasih.

**Datuk Noraini binti Idris:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat Datuk Noraini.

**Datuk Noraini binti Idris:** Ya, soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, apakah status pelaksanaan sistem e-Invois pada ketika ini? Memandangkan pada hari ini telah bermulanya syarikat yang mempunyai jualan tahunan melebihi RM100 juta untuk melaksanakan e-Invois.

Sejauh mana kedua-dua platform penghantaran e-Invois iaitu portal MyInvoice dan *application programming interface* (API) diuji keberkesanannya dalam aspek *real time submission* dan *real time receiving* bagi memastikan tiada masalah teknikal luar jangka berlaku, yang boleh merisikokan ketepatan satu-satu proses jual beli atau penawaran perkhidmatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Amir Hamzah Azizan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, bagi status pelaksanaan e-Invois, sebanyak 5,000 buah

syarikat dijangka akan melaksanakan e-Invois mulai hari ini. Mengikut anggaran awal, LHDN menjangkakan sebanyak 21 juta e-Invois akan dikeluarkan oleh syarikat pada setiap hari. Persekitaran pengujian dan produksi bagi *application programming interface* telah dibuka sejak bulan April 2024 kepada semua syarikat dan pembayar cukai.

Setakat 1 Ogos 2024, sebanyak 16,000 buah syarikat telah berjaya mengakses *send box* API dan 3,500 buah syarikat telah mempunyai akses kepada persekitaran produksi API. Portal MyInvois juga telah berjaya diakses oleh 47,000 orang pembayar cukai mulai bulan Jun 2024. Sehingga hari ini, lebih 800,000 e-Invois telah berjaya dihantar melalui portal MyInvois, manakala sebanyak 4 juta e-Invois telah berjaya dihantar melalui kaedah API bagi persekitaran produksi dan pengujian.

Bagi aspek ujian keberkesanan portal MyInvois dan API, kerajaan telah menjalankan projek rintis pelaksanaan e-Invois sejak bulan Mei 2024 yang melibatkan lebih 90 buah syarikat rintis daripada pelbagai jenis industri. Projek rintis ini untuk memberi peluang kepada kerajaan dan industri sama-sama mengenal pasti isu teknikal dan menambah baik sistem e-Invois dengan mengambil kira semua aspek yang diperlukan dari semasa ke semasa.

Daripada segi keberkesananannya, kerajaan juga telah mengumumkan tempoh peralihan selama enam bulan mulai hari ini sebagai *flexibility* kepada perniagaan untuk mengadaptasikan pelaksanaan e-Invois dengan sekurang-kurangnya mengeluarkan invois yang disatukan. Ini diharap akan menolong syarikat-syarikat yang kena membuat e-Invois ada kelonggaran sedikit. Asalkan dia masuk, dia mencuba, penalti tidak akan dikenakan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan tambahan.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Dominic lah.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri, penjelasan yang telah diberikan. Persepsi dan keyakinan awam itu adalah terhadap kerajaan menangani risiko keselamatan ancaman siber itu adalah sangat penting. Apakah pendekatan awam yang dilakukan oleh kementerian untuk meninggikan atau meningkatkan keyakinan rakyat, terutamanya dalam perkhidmatan awam seperti e-Invois dan eGUMIS. Terima kasih.

**Datuk Seri Amir Hamzah Azizan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti saya katakan tadi, kerajaan memandang berat tentang keselamatan data yang dimasukkan dalam sistem-sistem kerajaan yang kita ada. Sebelum satu-satu aplikasi itu dimulakan, sistem itu perlu melalui satu proses yang *rigorous*, di mana ia akan diuji untuk menentukan ada apa-apa kelemahan yang ada. Seperti juga dalam sistem e-Invois, kita ada projek rintis. Dalam projek rintis, kita buat proses, kita *stresskan* sistemnya untuk kecekapan dan adakah ada



peluang untuk orang memasukinya dan yang penting daripada segi dasar, kita juga mengikut peraturan-peraturan, kaedah-kaedah yang diutarakan. Oleh sebab itulah, kita akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti NACSA agar kita terus mendapat sokongan yang meluas.

Dengan adanya percubaan yang banyak, kita rasa *insya-Allah*, apa yang kita buat adalah yang terbaik buat masa sekarang. Namun, kalau ada apa-apa yang berlaku, kita akan terus memperbaiki sistem yang ada dan kita akan terus bekerjasama dengan agensi lain untuk memperkuat kaedah-kaedah yang kita ada. Terima kasih.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Soalan tambahan.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan, satu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, memandangkan bahawa isu ini merupakan isu yang berkenaan dengan peniaga dan juga rakyat, saya akan benarkan dua soalan tambahan lagi. Mula-mula Datuk Zurainah dan selepas itu Dr. Lingesh. Adil ya?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *Fair, fair.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *One woman, one man, adil.*

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** *I like that statement.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta Menteri Kewangan II untuk menyatakan keperincian usaha kerajaan bagi menjelaskan dan membantu para pengusaha PKS dalam melaksanakan e-Invois serta kaedah kawalan kos-kos penyelenggaraan sistem tersebut. Bagaimanakah kerajaan dapat menangani kebimbangan PMKS ini dalam pelaksanaan e-Invois? Sebab mereka ini peniaga kecil, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Seri Amir Hamzah Azizan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar akan cabaran yang akan dihadapi oleh PMKS dalam mengadaptasikan e-Invois ini, terutama bagi peningkatan kos operasi, penerapan teknologi dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-Invois. Sehubungan dengan itu, kerajaan bersetuju membenarkan PMKS untuk mengeluarkan e-invois yang disatukan iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan setiap bulan dan hanya perlu dikemukakan kepada pihak LHDN dalam tempoh tujuh hari pertama dalam bulan berikutnya.

#### ■1040

Selain itu, kerajaan juga bersetuju untuk mengecuali peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan di bawah RM100,000 daripada pengeluaran e-Invois buat masa ini. Namun, kerajaan menggalakkan penglibatan peniaga kecil dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan.

LHDN juga telah menyediakan portal MyInvois dan sistem *point of sales* yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi membantu penghantaran e-Invois kepada LHDN. Pengguna portal MyInvois ini tidak melibatkan kos tambahan pada PMKS.

Sekiranya peniaga yang memilih untuk membangunkan sistem sendiri atau menggunakan pembekal teknologi, inisiatif cukai telah disediakan seperti berikut:

- (i) pengurangan tempoh tuntutan elaun modal dari empat tahun kepada tiga tahun bagi pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024; dan
- (ii) potongan cukai sehingga RM50,000 bagi setiap tahun taksiran bagi perbelanjaan yuran perundingan yang ditanggung oleh PMKS mulai tahun taksiran 2024 hingga 2027.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Lingesh.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat, hari ini merupakan hari pertama e-Digital, e-Invois dilancarkan. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Madani. Walau bagaimanapun, MyInvois portal *server down*, dengan izin, Yang Berhormat. Apakah tindakan Yang Berhormat tentang isu ini?

**Datuk Seri Amir Hamzah Azizan:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kalau kita tengok daripada segi persediaan, LHDN mengambil berat tentang sistem dan isu yang diadakan. Mereka mengadakan satu pasukan yang akan memantau sistem agar sistem itu sentiasa sedia ada. Kalau ada apa-apa interupsi yang berlaku, mereka akan memantaunya dengan lebih cepat untuk menaikkan sistem semula.

Kalau kita tengok daripada segi kesannya, mula semalam, tengah malam semalam, lebih daripada 240,000 invois telah mula masuk dari pukul 2 pagi tadi. Jadi, saya rasa daripada segi keberkesanan, ia telah bermula. Kalau ada apa-apa, mereka yang tidak boleh akses boleh menghubungi LHDN dan memberi- isu yang diadakan, mereka akan cuba memperbetulkan agar *submission* boleh dibuat dengan cepat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Sekarang saya jemput Tan Sri Low Kian Chuan.

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

**5. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta Menteri Ekonomi menyatakan, langkah yang akan diambil untuk menangani isu-isu yang berterusan untuk perniagaan termasuklah masalah proses pendaftaran yang panjang, proses permohonan yang tidak konsisten merentas negeri dan masa kelulusan yang panjang untuk insentif yang dipertimbangkan.

**Menteri Ekonomi [Tuan Mohd Rafizi bin Ramli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi* dan salam sejahtera, Datuk Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator.

Kerajaan komited untuk memastikan persekitaran peniagaan adalah menyokong dalam usaha untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara untuk berada di tangga 12 teratas di dunia selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Dalam hubungan ini, Kementerian Ekonomi bersama-sama dengan agensi Perbadanan Produktiviti Malaysia di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dalam peringkat akhir untuk membentangkan kepada kerajaan satu pelan tindakan untuk menambah baik kecekapan proses dan prosedur serta pelaksanaan reformasi struktur untuk memudahkan menjalankan peniagaan di negara ini.

Proses libat urus dengan agensi-agensi kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta dan wakil-wakil industri telah pun selesai. Rangka kerja akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara hari Isnin ini dan, sekiranya diluluskan, akan diangkat ke Jemaah Menteri dalam tempoh dua tiga minggu selepas itu dan akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *insya-Allah* pada 4 Oktober 2024.

Ini melibatkan beberapa perkara yang penting. Pertama ialah untuk memastikan kita ada reformasi struktur yang mewajibkan kerajaan untuk melakukan semakan proses dan prosedur secara berkala. Sekarang ini tidak ada. Jadi, sudah tentu daripada satu tahun ke-satu tahun, akan ada perkembangan baharu dan proses baharu dan prosedur baharu. Jadi, sudah tentu ia akan terus bertambah.

Jadi, sebab itu, ada keperluan untuk kita memastikan bahawa komitmen dan tanggungjawab kerajaan iaitu jabatan-jabatan kerajaan untuk sentiasa kekal dalam satu parameter yang telah ditetapkan supaya kita memastikan sebarang prosedur dan proses baharu yang diperkenalkan itu tidak membebankan peniagaan. Itu akan melibatkan kerajaan mengenal pasti akta, pekeliling dan garis panduan yang memerlukan semakan segera selaras dengan perkembangan ekosistem peniagaan dan pelaburan.

Rangka kerja ini yang akan diberi nama Siap Niaga akan diangkat ke peringkat tertinggi, dan itu akan memudahkan kerajaan untuk memastikan proses ini berlaku dengan sekata dan selari di semua jabatan. Tanggungjawab ini akan diberikan kepada Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang mana Yang Berhormat Senator juga adalah salah seorang anggotanya. Ini adalah platform tertinggi kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Saya yakin ini akan memastikan bahawa proses ini berkekalan dan akan dapat mengimbangkan keperluan kerajaan daripada segi mengawal selia dengan kepentingan peniagaan untuk memastikan kawal selia itu tidak memperlahankan perjalanan dan proses peniagaan. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan. Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan:** Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan diberikan. Soalan tambahan. Sama ada penstrukturan

semula pusat sehenti iaitu *one-stop centre* boleh dilakukan sebagai skim perintis, *as a pilot scheme* dahulu untuk beberapa buah negeri dan model ini boleh direplikasi ke negeri-negeri lain setelah berjaya? Terima kasih.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat Senator merujuk kepada *one-stop centre* yang beroperasi di peringkat kerajaan tempatan dalam proses kebenaran merancang, kerana itu adalah satu proses selalu menjadi igauan kepada perniagaan. Dia bergantung kepada PBT-PBT. Ada PBT yang cekap yang boleh memastikan proses kebenaran merancang itu diluluskan dalam tempoh antara 40 ke-60 hari. Ada yang boleh sampai mencapai tujuh, lapan bulan.

Di peringkat kerajaan dan PEMUDAH, sebenarnya kita sudah pun ada satu senarai *ranking* yang menyenaraikan semua PBT dan kecekapan mereka. Masalah strukturnya, Datuk Yang di-Pertua, ialah sebenarnya Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa kepada PBT-PBT ini, kerana mereka adalah kerajaan tempatan yang mempunyai punca kuasa sendiri dan tidak tertakluk kepada arahan daripada Kerajaan Persekutuan.

Sebab itu, saya sebut dalam rangka kerja Siap Niaga, kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu ekosistem, dengan izin, '*carrot and stick*'. Maksudnya, pihak berkuasa tempatan yang berusaha untuk mencapai satu piawaian kecekapan sama ada melalui OSC, sama ada melalui pemudah cara proses, akan mendapat insentif. Mereka yang tidak secekap PBT-PBT yang lain, sudah tentu akan ada kesan daripada segi reputasi dan juga dari segi peruntukan dan sebagainya.

Ini akan mewujudkan satu ekosistem yang mana kerajaan-kerajaan tempatan akan bersaing sesama sendiri. Ekosistem ini, melalui satu dasar dan juga pewujudan mekanisme itu, *insya-Allah*, akan membantu kita memastikan PBT-PBT di seluruh negara mempunyai motivasi untuk mereka memudah cara peniagaan supaya mereka berada di dalam parameter nasional.

#### ■1050

Situasi itu tidak ada sekarang. Jadi, dengan arahan yang tidak boleh diberikan, dia bergantung kepada PBT masing-masing. Saya ingat Yang Berhormat Senator, bila perkara itu berlaku, maka bolehlah Kerajaan Persekutuan berunding dengan PBT-PBT ini supaya kecekapan mereka itu berada dalam satu piawai dan akan selaras di seluruh negara.

Berbeza dengan sekarang, yang mana PBT masing-masing mempunyai proses masing-masing dan kecekapan masing-masing yang akan ada kesan kepada usaha negara untuk membawa lebih banyak pelaburan kerana perkara ini adalah perkara yang selalu ditimbulkan oleh pelabur-pelabur. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan? Kalau tak ada, kita terus kepada Datuk Lim Pay Hen.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Menteri.

6. **Datuk Lim Pay Hen** minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan, strategi kerajaan untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia termasuk insentif untuk syarikat yang melabur dalam teknologi hijau dan perincian mengenai sasaran jangka panjang bagi penggunaan tenaga bersih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu ataupun singkatannya TBB sebagai sumber penjanaan bekalan elektrik di Malaysia, kerajaan telah menetapkan strategi pelaksanaan untuk pelbagai segmen penggunaan elektrik seperti berikut.

Yang pertama, bagi kategori pengguna komersial dan industri, pemasangan sistem solar PV boleh dilakukan di bangunan dan premis mereka di bawah program *net energy metering* ataupun NEM Nova. Program ini membolehkan pengguna untuk menjana bekalan elektrik TBB untuk kegunaan sendiri dan mengeksport lebih tenaga kepada sistem grid sebagai kredit tenaga. Pelaburan dalam pemasangan sistem solar PV yang digunakan untuk penjanaan TBB layak menikmati insentif pelepasan cukai di bawah skim *green investment tax allowance* ataupun GITA.

Seterusnya, bagi kategori pengguna domestik pula, pemasangan sistem solar PV boleh dilakukan melalui program *net energy metering*- NEM Rakyat. Sama seperti program NEM Nova, pengguna menjana bekalan elektrik TBB untuk kegunaan sendiri dan mengeksport lebih tenaga kepada sistem grid sebagai kredit tenaga.

Bagi menggalakkan lebih banyak pemasangan solar PV, *Program Solar for Rakyat Incentive Scheme* ataupun SolaRIS telah pun kita perkenalkan tahun ini akan membolehkan pengguna yang menyertai Program NEM Rakyat mulai 1 April 2024, untuk layak mendapat insentif rebat sebanyak RM1,000 per kilowatt jam sehingga RM4,000 seorang ataupun sebuah premis rumah.

Selain itu, untuk meningkatkan penggunaan serta akses kepada bekalan TBB, beberapa program telah diperkenalkan termasuk *Green Electricity Tariff Programme*, *Malaysia Green Attributes Trading Scheme*, *Corporate Green Power Programme* dan juga *Corporate Renewable Energy Supply Scheme*. Yang ini yang paling terbaharu, yang kita perkenalkan.

Menjawab persoalan yang seterusnya berkaitan dengan sasaran jangka panjang bagi penggunaan tenaga bersih ini, pelaksanaan strategi dan program pembangunan TBB ini dijangka akan meningkatkan campuran kapasiti tenaga boleh baharu dalam pembekalan

elektrik negara kepada 40 peratus menjelang tahun 2035 dan 70 peratus menjelang tahun 2050. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Datuk Lim.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih atas jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah kita nampak *Premier Sarawak* baru-baru ini telah mengumumkan kesediaan negeri untuk membangunkan *hydrogen power house* di Sarawak secara *big scale*. Ini sekali gus menunjukkan tahap keseriusan Sarawak dalam mencapai visi mereka untuk menjadi *hydrogen economy producer* menjelang tahun 2027.

Malah, kini telah terdapat enam buah stesen hidrogen di Sarawak iaitu di Kuching, Sri Aman, Sibu, Bintulu dan Miri. Jadi, melihat kepada aspirasi Sarawak, apakah perancangan kementerian untuk Semenanjung, yang dilihat masih lagi selesa dengan teknologi konvensional minyak dan masih lagi belum bergerak ke arah hidrogen ekonomi yang dilihat sebagai *future driven green industries*? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menteri.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Merujuk kepada persoalan tambahan, yang ini lari sedikitlah daripada konsep tenaga boleh baharu yang saya terangkan lebih menjurus ke arah solar dan penggunaan tenaga boleh baharu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak jawab kah tidak jawab?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Boleh jawab sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik... [Ketawa]

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Yang mana daripada segi merujuk kepada pengalaman ataupun inisiatif yang telah, sedang dilaksanakan di Sarawak, yang itu memang kita ambil maklum. Kalau di peringkat Persekutuan ketika ini, sememangnya ada pelan perancangan untuk hidrogen ini, tetapi terletak di bawah Kementerian MOSTI.

Jadi buat ketika ini, sememangnya pihak MOSTI lah yang mengepalai daripada segi kesesuaian untuk penggunaan hidrogen untuk dilaksanakan di sini, yang mana sepertimana yang jawapan, yang saya terimalah. So, memang ketika ini memang MOSTI yang sedang *spearhead* ataupun sedang mengemudi cadangan ataupun bagaimana untuk kita membuka teknologi ataupun sistem hidrogen ini di Semenanjung Malaysia. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Dominic, Datuk sudah diberi peluang. Okeylah, bagi orang Sarawak lah peluang. Yang Berhormat Pele.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memaklumkan strategi berkenaan dengan solar. Adakah perancangan daripada pihak kerajaan untuk membina *solar platform* di Tasik Kenyir seperti yang dibuat oleh Kerajaan Sarawak sekarang untuk membina *solar platform* di Batang Ai dan di Bakun dan Murum kerana kuasa yang diperbaharui daripada solar ini memang banyak, untuk digunakan oleh negara dan boleh dieksport. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu soalan spesifik YB... [Ketawa]

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya cuba juga, yang mana kalau kita tengok daripada segi bagaimana negara membuka peluang pelaburan tenaga solar ini. Ketika ini memang kerajaan ada membuka kuota melalui *large scale solar* ataupun LSS ketika ini yang kelima. Jadi, tahun ini *insya-Allah* kita akan buka ruang untuk 2,000 megawatt lagi.

Cuma dalam proses ini, sememangnya dalam LSS itu sendiri, kita meletakkan kategori khas iaitu untuk *floating solar*. Cuma sama ada di manakah kawasan tersebut, siapa yang itu, terpulang kepada pembida ataupun pihak yang membawa permohonan tersebut. Jadi, kita lebih menilaikan untuk memberi kebenaran sama ada daripada segi *competitiveness* ataupun daripada segi harganya itu kompetitif, tetapi memang di bawah LSS5 ini, kita ada bagi pengkhususan untuk peluang membina di atas kawasan permukaan air. Sebab ada juga yang memberi pandangan sebagai contoh, kalau menggunakan kawasan tersebut, mungkin menjimatkan daripada segi perlunya buka kawasan yang baru di atas tanah dan sebagainya. Jadi, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, terpulang kepada cadangan ya.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** YB Rita, saya hendak habiskan sesi soal jawab ini sebelum pukul 11.30. Jadi, bagi peluang kepada ramai lagi untuk nak tanya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Isaiah.

**Tuan Isaiah a/l D Jacob:** Terima kasih Yang di-Pertua, Datuk. Soalan saya, soalan nombor 7.

**7. Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan yang diambil terhadap peniaga-peniaga yang menghalang laluan pejalan kaki- *public walkway* di mana ia nya membawa banyak masalah kepada pengguna jalan kaki khususnya golongan orang kurang upaya (OKU).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Datuk Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Madani menyokong penuh usaha penambahbaikan di peringkat pihak berkuasa tempatan untuk

memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing, termasuk menyantuni hak dan kepentingan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam masyarakat. KPKT sentiasa prihatin dan peka dalam memastikan peruntukan Kerajaan Madani turut dimanfaatkan secara optimum untuk perancangan dan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam bagi memastikan golongan tersebut turut menikmati fasiliti awam dengan selamat dan selesa.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai gangguan akibat peniaga-peniaga yang menjaja di laluan pejalan kaki, dengan izin *public walkway*, Undang-undang Kecil Penjaja di peringkat PBT telah mensyaratkan dengan jelas bahawa mana-mana penjaja tidak dibenarkan berniaga atas tangga, kaki lima ataupun tempat awam yang berturap, melainkan dengan mendapat kebenaran daripada PBT.

#### ■1100

Sekiranya disabit kesalahan oleh mahkamah, penjaja tersebut boleh didenda tidak melebihi RM1,000. Perkara ini adalah selaras dengan ketetapan seksyen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] bahawa PBT boleh menahan tanpa waran, mana-mana orang yang meletakkan halangan iaitu apa-apa barang atau benda yang digunakan di mana-mana tempat awam. Sekiranya disabit kesalahan, individu tersebut boleh didenda sebanyak RM500 dan tidak melebihi RM1,000 bagi kesalahan yang berulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, KPKT menyedari perkembangan semasa yang menyaksikan masyarakat semakin cakna terhadap isu-isu persekitaran komuniti dan situasi ini telah mendorong PBT untuk komited mengukuhkan aktiviti penguatkuasaan masing-masing untuk mengawal penyalahgunaan lesen perniagaan sehingga mengganggu kemudahan awam. Selaras dengan ini, PBT telah meningkatkan rondaan dan pemantauan secara berkala, mengenakan tindakan notis dan kompaun ke atas peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa kebenaran di pejalan kaki tanpa lesen.

Sehingga 30 Jun tahun ini, KPKT telah merekodkan sebanyak 879 aduan awam, berkaitan peniaga yang menghalang laluan pejalan kaki. Selain itu, sebanyak 1,047 operasi penguatkuasaan telah dijalankan, 1,720 Notis Amaran, 7,891 kompaun telah dikeluarkan serta 339 sitaan juga telah dibuat oleh PBT terhadap peniaga-peniaga yang didapati melakukan kesalahan. Tahun lepas sahaja, jumlah kompaun yang dikeluarkan, setinggi 11,181 kompaun juga telah dikeluarkan.

PBT juga terlibat dalam operasi yang bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia telah mengawal kebanjiran penjaja warga asing di lokasi kemudahan awam untuk menjaga kebersihan persekitaran, keselamatan pengguna, serta imej negara di pandangan pelancong, di samping memastikan kemudahan awam dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, YB Isaiah.



**Tuan Isaiah a/I D Jacob:** Terima kasih, terima kasih Menteri, tetapi daripada hasil siasatan yang saya lakukan sepanjang sebulan yang lepas, saya mendapati banyak peniaga-peniaga menyatakan mereka dapat lesen ini daripada PBT sendiri. So, tadi Menteri mengatakan ambil tindakan saman terhadap peniaga-peniaga ini. Sekarang, peniaga kata mereka dapat lesen untuk meniaga di atas tapak jalan kaki, ia memberi banyak kesusahan kepada golongan OKU khususnya penglihatan.

**Tuan Nga Kor Ming:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, PBT boleh menimbang dan meluluskan permit perniagaan sementara sahaja atas kaki lima berdasarkan kepada Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT masing-masing. Kelulusan ini adalah terhad kepada penggunaan kaki lima, tidak termasuk penggunaan longkang ataupun parit.

Setiap permohonan yang dikemukakan, diberikan pertimbangan sewajarnya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT. Ia banyak syarat dia kena bagi.

Pertama, barang perniagaan yang diletak hanya dibenarkan untuk diletak ketika premis perniagaan sedang dalam waktu operasi.

Kedua, barang jualan yang diletak, tidak dibenarkan menutup laluan sepenuhnya iaitu sekurang-kurangnya premis perlu menyediakan ruang tiga kaki bermula di hadapan premis untuk sepanjang kaki lima buah premis bagi laluan awam, kecemasan dan OKU.

Ketiga, semua barangan jualan bagi tujuan perniagaan diletakkan di kaki lima perlu bersifat mudah alih atau beroda.

Keempat, bagi premis bengkel kenderaan, pusat servis motosikal kenderaan, jualan alat ganti- *sparepart* kenderaan, lain-lain, ia perlu mendapatkan surat kebenaran bertulis premis bersebelahan dia bagi memastikan tiada sebarang aduan berbangkit mahupun kacau ganggu.

Syarat lima, pemilik lesen adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang permasalahan atau risiko kemalangan.

Keenam, kaki lima yang digunakan perlu sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, kemas dan tersusun.

Terakhir, kaki lima perlu dikembalikan seperti keadaan asal, sebaik tamat waktu operasi premis perniagaan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, bagi tahun ini iaitu sehingga 30 Jun 2024, hanya 118 permit telah dikeluarkan oleh 103 PBT. Satu PBT mungkin beberapa, dua tiga permit, tertakluk kepada *case-to-case basis* untuk tempoh kelulusan selama satu hingga enam bulan atau bagi tahun semasa saja, khusus ke atas peniaga yang telah mengemukakan maklumat yang lengkap kepada PBT. Sekian, terima kasih.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Soalan tambahan.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Soalan tambahan Dato' Setia.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Soalan tambahan, boleh?

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** OKU.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memandangkan Datuk Hisamudin pakai baju lawa hari ini, warna-warni, saya benarkan beliau.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Okey, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah tindakan yang kita boleh ambil kepada PBT? Ini kerana saya dapati bahawa laluan orang kurang upaya (OKU) ini terutama di bandar raya, sering terputus-putus. Maknanya kalau di jalan orang buta *line* kuning itu putus, lepas itu okey balik, lepas itu tak okey. Jadi apakah tindakan yang boleh kita ambil? Sebab saya lihat, banyak bandar-bandar di Malaysia ini kemudahannya begitu, terputus-putus.

**Tuan Nga Kor Ming:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di mana KPKT amat prihatin dan juga peka dalam memastikan peruntukan Kerajaan Madani dimanfaatkan secara optimum menjaga semua pihak. Bukan saja OKU, juga termasuk warga emas. Sebarang bentuk pembangunan pada masa kini dan akan datang, saya tegaskan perlu mengambil kira hak setiap lapisan rakyat untuk menikmati kemudahan awam yang telah disediakan oleh KPKT dan dapat menangani isu berkaitan OKU dalam pembangunan perbandaran.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk memastikan setiap pembangunan baru mematuhi keperluan OKU, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah melaksanakan kursus berkaitan OKU kepada semua pegawai PBT. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada PBT akan kepentingan pematuhan kepada keperluan Reka Bentuk Sejagat MS 1184 (*Universal Design*) dalam pembangunan baru, selain juga menjadikan platform kepada peserta berkongsi pengalaman, pandangan serta lain.

KPKT juga melaksanakan audit *accessibility* kemudahan-kemudahan OKU di bawah pentadbiran PBT, berdasarkan kepada indikator reka bentuk sejagat yang telah dimulakan sejak tahun 2014. Sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 53 PBT telah terlibat dalam proses audit tersebut dan hasil penemuan lawatan audit akan dikemukakan kepada PBT untuk penambahbaikan.

Sekiranya Yang Berhormat memperhatikan ada kes khusus, dialu-alukan untuk kemukakan kepada pihak kementerian dan kami akan mengambil tindakan. Saya ucapkan terima kasih atas kerjasama Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Salehuddin nak juga tanya?

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Boleh. Satu saja. Sekejap, sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memandangkan isu ini juga berkenaan dengan pejalan kaki yang bukan OKU yang terhalang dengan peniaga ini, saya benarkan satu lagi soalan.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, lanjutan daripada apa Yang Berhormat Menteri jelaskan berkaitan dengan kadangkadangkang ada lesen yang dibenarkan, ada permit yang dibenarkan untuk peniaga-peniaga untuk meniaga atas bahu jalan.

Adakah ianya juga terpakai kepada peniaga-peniaga yang berniaga di waktu malam? Sebab kita tahu pada waktu malam, banyak peniaga yang telah pasang dia punya tempat peniaga di atas bahu jalan dan begitu juga dengan restoran-restoran yang telah meletakkan kerusi-kerusi meja bukan saja di bahu jalan, malah di tempat-tempat *parking* juga. Adakah ini merupakan lesen, permit yang dibenarkan ataupun dia bergantung kepada keadaan? Minta mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

**Tuan Nga Kor Ming:** Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Ini adalah bergantung kepada keadaan dan seperti yang saya katakan tadi apabila menjawab soalan tambahan. Semua permohonan itu:

- (i) lesen permit itu adalah bersifat sementara;
- (ii) wajib mematuhi tujuh syarat yang saya telah pun jelaskan tadi; dan
- (iii) kesemua itu bergantung kepada terutamanya tidak mengganggu keselamatan awam.

Untuk *case-to-case basis*, itu kita tertakluk kepada kawasan dan juga keadaan premis masing-masing. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa ini masalah penguatkuasaan ini YB... *[Ketawa]* Terima kasih. Sekarang saya jemput Datuk Haji Aziz bin Ariffin.

**Datuk Haji Aziz bin Ariffin:** Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

**8. Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan setiap aset kesihatan diselenggarakan dengan baik dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat serta berapakah jumlah klinik kesihatan daif yang telah dikenal pasti.

#### ■1110

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan aset kesihatan diselenggarakan dengan baik bagi memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat. Kementerian Kesihatan telah melantik syarikat konsesi di bawah Program Perkhidmatan Sokongan Hospital (PHS) di hospital dan Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) di klinik KKM untuk melaksanakan penyelenggaraan secara komprehensif.

Pelaksanaan Program PHS ini melibatkan 148 buah hospital KKM seluruh negara. Manakala pelaksanaan Program MEET pula melibatkan semua klinik kesihatan dan pergigian

di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Proses penyelenggaraan ini merangkumi pelaksanaan penyelenggaraan berjadual, pembaikan kerosakan dan pelaksanaan pengujian keselamatan *electricity safety test* (EST) serta latihan pengoperasian kepada pihak pengguna di fasiliti kesihatan.

Semua pelaksanaan penyelenggaraan ini juga dilaksanakan mengikut ketetapan pengilang dan piawaian berkaitan bagi menjamin mutu ke fungsian yang optimum untuk peralatan perubatan di samping memastikan peralatan perubatan selamat untuk digunakan. Namun, bagi klinik yang tidak termasuk dalam Program MEET, penyelenggaraan secara *plan preventive maintenance* ataupun PPM dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Selain itu, sebanyak 201 buah klinik kesihatan terpilih di seluruh Malaysia dilaksanakan penyelenggaraan di bawah Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) dengan kontrak selama lima tahun bermula tahun 2022 sehingga tahun 2027 dengan kos tahunan sebanyak RM137 juta. PSK adalah program penyelenggaraan bukan komprehensif melibatkan perkhidmatan penyelenggaraan, kejuruteraan fasiliti ataupun *facility engineering maintenance services* (FEMS) dan perkhidmatan pembersihan- *cleansing service*.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah inisiatif baik pulih dan naik taraf klinik fasiliti kesihatan daif KKM, sebanyak 436 projek telah dikenal pasti dan telah diluluskan peruntukan sebanyak RM110.45 juta pada tahun 2023. Pada tahun 2024 pula, sebanyak 403 fasiliti klinik daif seluruh negara dikenal pasti telah diluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta. Sehingga 1 Julai 2024, sebanyak 81 projek iaitu 20 peratus telah berjaya disiapkan. Manakala, sebanyak 319 buah projek dalam pelaksanaan dan tiga projek masih lagi dalam fasa pra pelaksanaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Dia bagi saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Kesavadas... [Ketawa]

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ini berpakatliah ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kementerian mengumpul dan menggunakan maklum balas daripada pesakit mengenai keadaan dan penyelenggaraan aset kesihatan dan apakah program latihan yang disediakan untuk kakitangan yang bertanggungjawab menyelenggarakan aset kesihatan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini.

**Dato Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Berkenaan tentang persoalan soalan tambahan yang telah dibangkitkan. Berkenaan tentang latihan penyelenggaraan. Buat ketika ini seperti jawapan yang telah saya berikan, pihak konsesi yang melaksanakan segala penyelenggaraan. Walaupun demikian, kakitangan-kakitangan kami di fasiliti juga mempunyai pengetahuan asas untuk mengenal

pasti masalah-masalah yang berlaku ataupun *technicality issues, minor technicality issues* yang berlaku sekiranya peralatan tersebut rosak.

Juga, setelah didapati peralatan tersebut rosak, pihak yang bertanggungjawab perlu melaporkan kepada pihak konsesi ataupun yang melaksanakan Program MEET untuk segera melaksanakan penyelenggaraan. Buat masa kini, pegawai-pegawai kami di lapangan ataupun di fasiliti tidak melakukan penyelenggaraan untuk peralatan-peralatan yang telah disenaraikan bagi perkhidmatan konsesi, tidak seperti sebelum ini.

Walaupun demikian, ketika ini juga, saya ingin memaklumkan pada Ahli-ahli Dewan Negara, kami di KKM juga turut menambah baik dari sudut perkhidmatan konsesi yang akan datang, di mana kadang-kadang kita mendapati bahawa pelaksanaan *lease to own* adalah satu pelaksanaan yang baik, tetapi pada akhirnya peralatan yang kami terima selepas tamatnya konsesi itu adalah *beyond economic repair*.

Maka, kami telah mengubah sedikit penggunaan *leasing lease to own*, di mana kita dapat memastikan peralatan yang disediakan akan sentiasa diselenggarakan dan pada tempoh tertentu peralatan tersebut akan ditukar dengan peralatan yang baharu dan juga peralatan-peralatan yang akan dikembalikan kepada pembekal akan dapat pula membentuk satu *secondary market* di luar kelak.

Bagi pelaksanaan, bagi pada input-input berkenaan tentang kerosakan peralatan ataupun input daripada pesakit, kita sentiasa mengemas kini daripada Bahagian Perkembangan Perubatan untuk memastikan peralatan-peralatan yang disediakan dan juga diperlukan oleh pihak hospital dapat dibekalkan memenuhi keperluan semasa. Itu sahaja Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan. Dr. Lingesh. Tadi Dr. Lingesh dah. Baiklah, kerana YB seorang Doktor, saya benarkan.

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Menurut jawapan bertulis kementerian pada bulan Julai 2023, 28,000 aset perlu digantikan yang bernilai RM2.5 bilion. Dianggarkan sebahagian besar daripada aset perubatan KKM telah melebihi jangka hayat aset tersebut.

Apa perancangan kementerian untuk menggantikan aset-aset ini secara berfasa kerana aset-aset lama ini mungkin akan membahayakan pesakit kita.

**Dato Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Datuk Yang di-Pertua, sememangnya apabila soalan keluar sahaja daripada mulut Dr. Lingesh ini sememangnya soalan yang tepat dan mencucuk hati kami di KKM dan juga kami sedar bahawa persoalan yang dibangkitkan oleh Dr. Lingesh itu adalah satu persoalan yang penting.

Kesihatan dan juga keselamatan pengguna dan juga pesakit, sangat-sangat kami utamakan. Walaupun demikian, kita kena faham bahawa sistem kesihatan kita semakin mendapat desakan untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan juga jangka hayat

penggunaan *medical equipment* kita adalah sangat, jangka hayat dia sepatutnya lima tahun, tetapi penggunaannya terlampau kerap sehinggakan peralatan tersebut mudah untuk rosak dan juga mencapai hayat yang lebih awal.

Salah satu yang saya sebut sebentar tadi adalah penggunaan pendekatan *lease to use*. Di mana kita akan dapat tawaran yang lebih baik untuk mendapatkan peralatan yang lebih kerap dan juga penawaran yang lebih banyak daripada pihak-pihak industri. Walaupun demikian, proses untuk menggantikan keseluruhan peralatan-peralatan perubatan yang bernilai lebih daripada RM2 bilion ini memakan masa yang agak panjang dan juga kita memerlukan satu pendekatan kewangan ataupun pendapatan yang tambahan bagi menampung keperluan ini, tetapi di bawah *Health Transformation Office*, di bawah Yang Berhormat Menteri, kita sedang mengenal pasti dan juga memasukkan perkara ini untuk pendanaan kesihatan yang sedang dirancang dan juga satu cadangan komprehensif akan kita bentangkan di peringkat Kabinet dan seterusnya kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Itu sahaja Datuk Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya Menteri sudah menunggu soalan-soalan menusuk hati daripada Dr. Lingesh dan telah bersedia dengan jawapan yang begitu tepat sekali. Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

**9. Tuan Pele Peter Tinggom** minta Menteri Pendidikan menyatakan, pecahan mengikut negeri peruntukan yang telah disalurkan untuk menyelesaikan masalah sekolah-sekolah daif dan peratusan sekolah-sekolah daif yang telah diperbaiki setakat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

Soalan Yang Berhormat Senator adalah berkenaan dengan pecahan mengikut negeri peruntukan yang telah pun disalurkan untuk sekolah-sekolah daif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2016 sehingga 2024, sebanyak 1,075 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah telah pun diluluskan.

■1120

Jumlah kos projek adalah berjumlah RM8.395 bilion. Pecahan jumlah kos yang diluluskan mengikut setiap negeri adalah Sabah, RM3.739 bilion; Sarawak, RM3.077 bilion; Kedah, RM342.81 juta; Perak, RM287.53 juta; Kelantan, RM261.37 juta; Johor, RM193.08 juta; Terengganu, R119.67 juta; Selangor, RM115.55 juta; Pahang, RM113.68 juta; Negeri

Sembilan, RM108.05 juta; Pahang, RM88.9 juta; Melaka, RM74.16 juta; Pulau Pinang, RM31.45 juta; Labuan, RM19.64 juta; Kuala Lumpur, RM3.05 juta; dan Perlis, RM2.9 juta.

Sehingga 16 Julai 2024, daripada 1,075 projek pembangunan semula bangunan daif di seluruh Malaysia yang telah pun diluluskan, 708 projek telah pun siap bersamaan dengan 65.86 peratus, 166 dalam fasa pembinaan, 15.44 peratus dan 201 dalam fasa pra bina, 18.69 peratus. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan YB Pele.

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu tadi. Persoalannya, apakah kekangan untuk kementerian mencari penyelesaian kepada masalah berkurun lamanya ini yang melibatkan masyarakat luar bandar dan tidak sepatutnya berlaku setelah 60 tahun Malaysia ditubuhkan memandangkan perkara ini sememangnya membantutkan pembangunan modal insan dan apakah strategi penyelesaian yang efektif demi masa depan negara yang kita cintai. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Sememangnya, sepanjang masa ini khasnya selepas tahun 2016 yang mana kita mula mempunyai projek untuk membaik pulih dan juga membangunkan semula sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan daif, maka setiap tahun kita mempunyai projek yang telah pun diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga KPM.

Daripada jumlah projek yang telah saya sebut tadi 1,075 projek, bagi tahun 2024 sahaja projek yang telah pun lulus sebanyak 78 projek. Jumlah nilai RM1.828 bilion. Tahun 2023, 86 projek diluluskan, jumlah projek RM1.711 bilion. Bagi pihak KPM, KPM selalu melaksanakan usaha untuk memastikan bahawa nombor satu, untuk sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan daif ini, kita mengambil tindakan dan dengan peruntukan yang secukupnya untuk membaik pulih dan membuat pembinaan baharu.

Untuk bangunan-bangunan lain yang belum masuk ke dalam status daif, maka pihak KPM ada mengambil tindakan untuk memastikan bahawa hayat bangunan tersebut dapat dipanjangkan supaya ia tidak jatuh ke dalam definisi bangunan daif.

Timbalan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa untuk memperjelaskan. Dalam sistem KPM, kita ada tujuh skala yang mana skala enam dan tujuh akan diklasifikasikan sebagai bangunan daif. Bagi skala satu dan lima setiap tahun, KPM ada menyediakan peruntukan penyelenggaraan untuk diedarkan dan disalurkan kepada sekolah-sekolah dan untuk membantu dalam mengekalkan ataupun membaik pulih keadaan bangunan tersebut.

Untuk sekolah-sekolah di bawah skala enam, pada tahun ini 2024 dan 2025 sejumlah wang sebanyak RM150 juta telah pun disediakan oleh pihak kementerian untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah bagi tujuan penyelenggaraan. Ini merupakan sesuatu peruntukan penyelenggaraan tambahanlah di atas apa yang sedia ada. RM150 juta peruntukan tambahan

ini, RM15 juta disalurkan pada tahun ini dan kita berharap setiap sekolah dapat RM1 juta untuk penyelenggaraan bagi PU yang telah pun ditentusahkan dan RM135 juta lagi adalah untuk tahun hadapan.

Satu lagi saya nak tambah di sini yang mana bagi Sarawak khususnya, pada bulan lepas iaitu pada bulan Jun 2024, satu peruntukan tambahan untuk tujuan penyelenggaraan sebanyak RM50 juta telah pun disalurkan dan projek akan dilaksanakan oleh JKR Sarawak bersama-sama dengan Kerajaan Sarawak. Itu merupakan sedikit sebanyak usaha daripada pihak kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Halim.

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya bagi pihak Johor pada Mei yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah memaklumkan dan mengeluarkan kenyataan bahawa 14 buah sekolah daif di negeri Johor yang telah diluluskan peruntukan untuk tujuan baik pulih sejak tahun 2021, tetapi sehingga kini, selepas tiga tahun ia masih lagi belum dapat diselesaikan.

Saya nak tanya, apakah punca kelewatan sama ada kelewatan disebabkan kewangan atau disebabkan oleh kontraktor yang telah dilantik dan tidak melaksanakan tugas tersebut. Saya mohon pencerahan. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan soalan spesifik 14 buah sekolah daif di negeri Johor, secara spesifik apa faktor yang menyumbang kepada kelewatan setiap satu- projek tersebut, saya perlu mendapat maklumat terperinci daripada kementerian kerana saya tidak mahu untuk memberikan satu jawapan yang mana ia adalah lebih spesifik terhadap 14 buah sekolah tersebut.

Namun, apabila kita berbincang berkenaan dengan peruntukan kewangan bagi projek-projek sekolah daif ini, sekiranya projek itu telah pun diluluskan, maka tidak ada masalah daripada segi peruntukan kewangan kerana di bawah setiap AP, peruntukan itu telah pun diluluskan dan disediakan.

Daripada data yang saya ada, bilangan sekolah dengan bangunan daif di negeri Johor skala enam ada 45 buah, skala tujuh ada 19 buah, jumlahnya 64. Antara faktor yang mungkin secara *general* antara faktor yang mungkin menyebabkan kelewatan daripada segi sesetengah projek sekolah daif bukan untuk 14 buah sekolah yang dimaksudkan itu, tetapi secara *general* adalah kebiasaannya nombor satu isu berkenaan dengan pemilikan tanah. Isu kedua, keadaan fizikal tanah, isu ketiga, daripada segi kita hendak menyuraikan anak-anak ataupun murid-murid kita dan juga ada faktor-faktor yang lain yang menyumbang kepada kelewatan.

Namun demikian, setiap projek itu akan dipantau oleh JPN dan juga PPD untuk memastikan projek itu dapat dijalankan dengan lancar. Sekiranya di negeri Johor ada apa-



apa kes secara spesifik boleh sampaikan kepada pihak kementerian, kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Dato' Ahmad Azam bin Hamzah.

**10. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) keberkesanan polisi dan undang-undang sedia ada dalam menangani isu bangunan tinggal dan projek terbengkalai serta adakah terdapat cadangan untuk penambahbaikan; dan
- (b) bagaimanakah kementerian menangani isu bangunan tinggal di kawasan bandar yang boleh menjadi ancaman keselamatan dan kesihatan kepada penduduk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri yang hari ini rajin menjawab. Banyak kali dia... *[Ketawa]*

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana berikan peluang dan ruang untuk insan yang kerdil di sini menjawab tiga soalan pada pagi yang penuh berkat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Madani melalui KPKT sentiasa komited untuk memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan *shelter for all*.

Dalam masa yang sama, KPKT sentiasa berusaha mengimbangi antara keperluan menyediakan perumahan mampu milik dengan pengurusan projek perumahan ini yang diisytiharkan sakit ataupun terbengkalai yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan peraturan-peraturan Akta 118 yang sedang berkuat kuasa telah memperuntukkan bahawa bagi mana-mana projek perumahan swasta yang terbiar dan tidak disiapkan dalam tempoh mengikut perjanjian jual beli boleh diisytiharkan terbengkalai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kerajaan Madani menerusi KPKT telah melaksanakan tindakan proaktif dan bersasar melalui penubuhan *Special Task Force* Projek Perumahan Swasta, Sakit dan Terbengkalai.

#### ■1130

Jawatankuasa tersebut telah pun ditubuhkan pada Disember 2022 di mana pencapaian *special task force* setakat 30 Jun tahun ini telah berjaya memulihkan sebanyak 704 projek swasta sakit dan terbengkalai melibatkan 82,101 unit rumah dengan nilai pembangunan kasar- *gross development value* sebanyak RM58.94 bilion. Ini menunjukkan keprihatinan dan keberkesanan kerajaan dalam pelaksanaan dasar sedia ada dan KPKT akan terus mengambil tindakan penambahbaikan supaya dapat mengurangkan projek-projek yang

bermasalah, seterusnya menyasarkan tiada lagi projek perumahan terbengkalai menjelang tahun 2030.

Di bawah Payung MADANI yang sentiasa mengutamakan keamanan dan kesejahteraan rakyat, KPKT sedar dan prihatin bahawa isu bangunan tinggal ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap sosioekonomi pembeli rumah tersebut malah turut menjadi ancaman keselamatan dan kesihatan kepada penduduk setempat. Justeru, di samping melaksanakan tindakan yang sedia ada, KPKT sedang memperhalusi Akta 118 untuk mengukuhkan tindakan dan kawalan yang lebih baik sebagai pencegahan awal serta tindakan jangka panjang bagi memastikan tiada lagi projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai.

Antara pindaan yang dicadangkan dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, menguatkuasakan sekatan perjalanan ke luar negara bagi pemaju atau ahli lembaga pengarah yang disenaraihitamkan.

Kedua, memperkenalkan *escrow account* bagi menggantikan akaun pemajuan perumahan- *housing development account* (HDA) untuk memastikan kawalan yang lebih telus terhadap pengeluaran wang oleh pemaju daripada akaun ini yang mana pengeluaran hanya dibenarkan melalui pengesahan oleh mana-mana ejen *escrow* iaitu selaku pihak ketiga sebelum pengeluaran wang daripada akaun boleh dibuat. Maka, pemaju tidak boleh gunakan duit dalam HDA akaun untuk projek lain. Dia hanya boleh untuk projek khusus sahaja.

Ketiga, menyediakan definisi dan peruntukan perundangan khusus bagi pelikuidasi bagi menjelaskan dengan terperinci peranan dan tanggungjawab pelikuidasi yang mengambil alih projek perumahan swasta terbengkalai.

Keempat, mencadangkan *corporate guarantee* bagi pemajuan yang berorientasikan *Special Purpose Vehicle* supaya syarikat utama yang bertanggungjawab terhadap pemajuan yang dimajukan oleh anak syarikat. Kaedah penggunaan *corporate guarantee* adalah berdasarkan nilai sebenar suatu projek perumahan tersebut iaitu *gross development value* yang dicadangkan sebagai kaedah alternatif memantau aliran kewangan projek perumahan swasta sehingga penutupan akaun HDA.

Dengan adanya *corporate guarantee* ini, maka sebuah syarikat, sekarang dia tubuh 100 anak syarikat. Lepas anak syarikat itu terlibat dalam projek terbengkalai, dia gulung tikar, tetapi ia tidak membawa kesan, impak yang besar kepada ibu syarikat. Dengan adanya pindaan ini, maka semua perlu dipertanggungjawabkan untuk pastikan hak pembeli dan juga pemaju sentiasa seimbang dan kita menegakkan keadilan untuk semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, soalan tambahan.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Soalan tambahan. Di Bandar Seremban ada beberapa buah bangunan yang telah terbengkalai sejak- mungkin lebih daripada 15 tahun. Boleh tak bangunan-bangunan ini, melalui peraturan yang sedia ada dirobuhkan? Sebab saya

rasa bukan saja sakit mata memandang, setiap hari kita lalu tengok bangunan yang tak siap itu, yang terbengkalai itu, bahkan dia- saya rasa dia adalah bahaya sebab menjadi mungkin sarang penagihan dadah, binatang-binatang liar membiak di sana dan yang utama sekali masalah denggi. Jadi, apakah komen Menteri?

**Tuan Nga Kor Ming:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya cadangkan ini adalah soalan yang spesifik yang melibatkan projek spesifik. Oleh sebab itu, saya memerlukan surat spesifik supaya kementerian akan menjalankan siasatan dan mencari jalan untuk mengatasi masalah yang spesifik ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Menteri. Ahli Yang Berhormat, selesailah sesi pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **PENERANGAN MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH P.M 13(1)(i)**

#### **PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP PEMBUNUHAN ISMAIL HANIYEH, KETUA BIRO POLITIK HAMAS.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput YB Menteri untuk memberikan penerangan, saya nak membuat petua di bawah Peraturan Mesyuarat 89.

Saya akan membenarkan empat orang Ahli untuk membuat pernyataan selepas YB Menteri membuat penerangan. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah YB Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah; YB Senator Haji Hussin bin Ismail; YB Senator Datuk Razali bin Idris; dan terakhirnya, YB Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Memandangkan isu ini bersifat global dan amat penting dan sensitif kepada agama dan perkauman serta saya yakin keseluruhan rakyat Malaysia menentang kekejaman yang keterlaluan dan luar biasa di Gaza...*[Tepuk]* saya mohon kepada Ahli-ahli yang akan membuat pertanyaan untuk bertenang dan menyumbang secara positif dan membantu usaha kerajaan ke arah penyelesaian isu Rantau Timur Tengah ini.

Jadi, saya tidak akan membenarkan perbahasan berbangkit atas pernyataan itu atau apa-apa perkara yang boleh membangkitkan pertelingkahan. Diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi petua ini.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penerangan.

**11.36 pg.**

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Datuk Seri Yang di-Pertua, terima kasih membenarkan saya untuk membuat kenyataan Menteri, penerangan berkenaan dengan kejadian yang telah menimpa pemimpin Palestin yang merupakan seorang yang menjadi sebagai orang tengah untuk mengadakan gencatan senjata.

Datuk Yang di-Pertua, rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari semalam, dunia dikejutkan dengan berita pembunuhan Allahyarham Ismail Abdel Salam Ahmed Haniyeh, Ketua Biro Politik Hamas dan bekas Perdana Menteri Palestin. Kita- semua berduka cita Datuk Yang di-Pertua dengan tragedi ini.

Pada saat dan di Dewan yang mulia ini, kita menzahirkan rasa simpati dan solidariti serta seluruh rakyat Malaysia dengan kepimpinan dan rakyat Palestin. Kerajaan telah merakamkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada ahli keluarga Almarhum Ismail Haniyeh dan juga keluarga Pegawai Pengawal Peribadi beliau yang turut terbunuh serta barisan kepimpinan dan rakyat Palestin.

Sebagaimana yang kita maklum Datuk Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menelefon Dr. Basem Naim, Ketua Hal Ehwal Antarabangsa Biro Politik Hamas seurus selepas menerima perkhabaran mengenai tragedi ini semalam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan takziah dan menzahirkan rasa dukacita atas kehilangan seorang sahabat yang akrab dan tokoh pejuang sejati rakyat Palestin.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, izinkan saya memetik di sini Datuk Seri Yang di-Pertua, *"Pembunuhan ini ternyata sangat tragik dan kejam, yang jelas bertujuan untuk menggagalkan rundingan yang sedang berlangsung bagi mengakhiri kekejaman rejim Zionis Israel di Gaza yang telah meragut lebih daripada 40,000 nyawa. Pembunuhan besar-besaran ini hanya boleh berlaku dimungkinkan dengan tanggapan bahawa tidak ada sesiapa yang akan dipertanggungjawabkan dan dihukum- bring in punity, dengan izin. Hanya mereka yang tiada sifat kemanusiaan sahaja yang tidak menyedari keperluan untuk meningkatkan tekanan terhadap rejim biadab Zionis Israel bagi menghentikan pembantaian ini. Rakyat Palestin telah dihadapkan dengan malapetaka dan penderitaan selama berdekad-dekad lamanya dan saya amat bimbang tentang nasib mereka susulan pembunuhan saudara Ismail."* Itu petikan daripada perbualan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Dr. Basem semalam.

Datuk Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang di bawah peraturan 13(1)(i) untuk memberi penerangan mengenai pendirian Malaysia terhadap pembunuhan Ismail Haniyeh, Ketua Biro Politik Hamas semalam

## ■1140

Selain kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri juga telah mengeluarkan kenyataan media yang mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan Almarhum Ismail Haniyeh semalam.

Semasa Mesyuarat Jemaah Menteri juga semalam, barisan pentadbiran kerajaan turut bersolidariti bersama rakyat Palestin dengan mengecam sekeras-kerasnya pembunuhan tersebut. Jemaah Menteri juga menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum dan menggesa siasatan segera dilaksanakan agar pihak yang bertanggungjawab dihadapkan ke muka pengadilan.

Datuk Yang di-Pertua, Almarhum Ismail Haniyeh merupakan tokoh pejuang pembebasan. Almarhum sebelum ini telah kehilangan ahli keluarga yang juga syahid akibat kekejaman rejim Zionis Israel. Pembunuhan pemimpin utama Palestin ini mempunyai beberapa implikasi yang sangat besar terhadap keamanan dan kestabilan keselamatan global. Bukan sahaja sekadar di Timur Tengah tetapi dengan pelbagai kemungkinan Datuk Yang di-Pertua.

Pertama, kemungkinannya ia akan mencetuskan konflik yang lebih besar dan melebar bagi peperangan di Gaza ini. Kemungkinan adalah sangat besar yang konflik Gaza ini akan menjadi *a regional war*, dengan izin. Pembunuhan ini telah secara langsung menyumbang kepada *the escalation of the war*, dengan izin. Ia telah menjadikan prospek Perang Gaza membarah dan mengheret pelbagai negara di Timur Tengah ke kancah peperangan.

Keadaan di Timur Tengah pada waktu ini Datuk Yang di-Pertua adalah sangat meruncing dan amat sukar untuk dibendung daripada merebak setelah pembunuhan ke atas pemimpin-pemimpin utama Palestin. Negara yang terdampak juga pasti akan bertindak balas dengan lebih keras setelah kedaulatannya tercabar dengan tindakan pembunuhan secara terancang di dalam sempadan negara yang berdaulat tersebut.

Kedua, Datuk Yang di-Pertua, tindakan pembunuhan ini adalah sangat jelas membuktikan bahawa ada pihak yang tidak berminat langsung untuk mencapai perjanjian gencatan senjata dengan Hamas, apa lagi mewujudkan keamanan yang kekal. Yang terbunuh kali ini bukan sahaja sekadar pimpinan utama Palestin, tetapi prospek untuk keamanan. *It is a dare of peace*, dengan izin, Datuk Yang di-Pertua.

Bagaimana mungkin usaha gencatan senjata dapat diteruskan apabila pemain dan perunding utama gencatan senjata tersebut dibunuh dengan kejam. Semua ini jelas menunjukkan matlamat sebenar rejim Zionis Israel iaitu untuk meneruskan agenda genosid, keganasan dan kezaliman di luar batasan terhadap rakyat Palestin. Bagi mereka, tiada keperluan gencatan senjata. Matlamat mereka Datuk Yang di-Pertua ialah kemusnahan menyeluruh Gaza, pembunuhan semua rakyat- pemimpin utama Palestin, semua tahanan Palestin yang ditahan tanpa bicara didera dengan penyeksaan yang di luar batas

kemanusiaan serta lebih banyak penempatan haram diperluaskan di Tebing Barat. Itu matlamat mereka.

Ketiga, Datuk Yang di-Pertua, amat sukar untuk menyeru agar semua pihak berkonflik untuk meredakan konflik dengan *exercising maximum restraint* pada ketika ini. Israel langsung tidak menunjukkan *any form of restraint*, dengan izin. Mereka memperlekehkan segala gesaan untuk menghentikan genosid mereka ke atas penduduk di Gaza.

Sehingga ke saat ini, kekejaman rejim Zionis Israel masih berterusan dan berleluasa. Jumlah mangsa yang terkorban akibat konflik di Gaza telah menjangkau melebihi 40,000 orang. Jumlah ini tidak termasuk Datuk Yang di-Pertua, mereka yang masih tertimbus di bawah runtuh-runtuh bangunan. Jelas, penjenayah-penjenayah tersebut tidak memilih sasarannya. Orang awam termasuk wanita dan kanak-kanak, sukarelawan misi kemanusiaan, petugas-petugas perubatan, wartawan pengamal media dan senarai ini berterusan.

Kita- semua tahu Datuk Yang di-Pertua, konflik di Palestin tidak bermula pada 7 Oktober 2023 seperti mana yang dipermainkan oleh sesetengah pihak. Ia merupakan satu perjuangan untuk kebebasan rakyat Palestin yang telah menjangkau selama lebih tujuh dekad yang lalu. Malah, konflik ini semakin merebak dengan pelbagai serangan yang dilancarkan ke atas beberapa buah negara seperti di Yaman, Lubnan, Iran dan juga di Syria. Kerajaan berpandangan bahawa segala usaha untuk mencegah konflik ini dari terus memuncak bukan sahaja gagal, tetapi seolah-olah seperti telah menemui jalan buntu.

Keempat, Malaysia menjangkakan bahawa tindak balas dari kelompok *the exist of resistance*, dengan izin, akan lebih sukar dibendung. Bukan lagi suatu kemungkinan untuk mereka bertindak balas. Persoalannya sekarang adalah- bila dan pada skala yang bagaimana? Yang pasti akan lebih banyak korban, kemusnahan dan penderitaan. Semua ini akan menjadikan dunia berhadapan dengan krisis keselamatan global Datuk Yang di-Pertua yang lebih meruncing dan seterusnya mengancam pertubuhan dan kestabilan ekonomi dunia serta kesejahteraan manusiawi.

Kekejaman rejim Zionis Israel dan pembunuhan rakyat Palestin mesti dihentikan. Saya telah tegaskan beberapa kali sebelum ini dan saya ulangi sekarang, sekali lagi *the killings must stop now*, dengan izin, Datuk Yang di-Pertua... [Tepuk] Pembebasan sebuah tanah air dan pencarian keadilan untuk negara dan rakyat Palestin adalah perjuangan yang sah dan mulia. Ia mesti disokong dalam segenap lapisan masyarakat... [Sebak][Tepuk]

Pelbagai negara dan kebangsaan, pelbagai agama dan kepercayaan sama ada Muslim mahupun bukan Muslim mesti melakukan apa jua dalam kemampuan kita untuk mewujudkan negara Palestin yang merdeka dan diiktiraf dan berdaulat... [Tepuk]

Apatah lagi, perjuangan mereka didasari dengan matlamat menuntut keadilan dan pengiktirafan hak yang sah dan sangat asasi terhadap perkara-perkara tersebut:

- (i) membebaskan Al-Aqsa, Palestin dan seluruh warganya daripada penjajahan brutal, zalim dan tidak sah oleh rejim haram Zionis Israel;
- (ii) mendapatkan semula tanah air yang telah dirampas dengan mencabuli segenap lunas undang-undang dan norma-norma antarabangsa;
- (iii) memperjuangkan hak untuk pulang ke tanah air sendiri bagi jutaan rakyat Palestin setelah berdekat lamanya diusir menjadi pelarian tanpa hak asasi;
- (iv) menghentikan penempatan tidak sah oleh puak penceroboh atau *settlers* yang rakus mencederakan, merampas hak, harta dan tanah rakyat Palestin dengan sewenang-wenangnya;
- (v) mempertahankan dan memelihara kemuliaan Al-Quds/Baitulmaqdis tempat ibadah antara yang termulia untuk penganut agama Islam; dan
- (vi) menjadikan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara Palestin yang merdeka.

Inilah intipati dan matlamat sebenar perjuangan rakyat Palestin. Bukan seperti yang dilabelkan dan dipesongkan nilai dan maknanya oleh media dan pemimpin negara yang tertentu yang berat sebelah serta taasub dengan peperangan dan pembunuhan beramai-ramai.

Atas dasar itu, Malaysia harus kekal menjadi negara yang waras dan pro-kemanusiaan. Kita harus konsisten dalam mempertahankan sokongan dan pendirian terhadap pembebasan Palestin. Seperti juga kita konsisten yang teguh dalam pendirian kita memerangi rejim Aparteid di Afrika Selatan pada suatu ketika dahulu Datuk Yang di-Pertua.

Berbekalkan kompas moral, nilai kemanusiaan serta pegangan terhadap lunas serta norma undang-undang antarabangsa, kita menjadikan sokongan kita ke atas Palestin sebagai teras dalam Dasar Luar Malaysia sejak merdeka lagi... [*Tepuk*]

Kita tegas bahawa pencerobohan dan penjajahan rejim Zionis Israel ke atas Palestin adalah penindasan yang nyata melanggar undang-undang antarabangsa dan zalim. Sebagai negara yang berdaulat serta menghormati semua norma dan tata kelola yang terbit daripada undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia tidak pernah tergelincir dari pendiriannya untuk menyokong perjuangan dan keadilan untuk Palestin dan rakyatnya.

Malaysia teguh dengan penegasan dasar luar kita bahawa hak dan kepentingan rakyat Palestin mesti diperjuangkan dalam setiap forum, dalam setiap ketetapan, usul dan tindakan di peringkat nasional juga antarabangsa.

Bagi Malaysia, setiap segmen, kelompok dan perikatan politik kebangsaan Palestin akan Malaysia dukung sebagai wakil yang sah untuk bangsa Palestin. Pejuang-pejuang Palestin pada pandangan dan pendirian Malaysia adalah pejuang kemerdekaan dan pembebasan yang sah dan mesti dihormati serta disokong.

Mereka yang menentang pendirian adalah mereka yang diskriminatif dan sengaja membutakan mata dan hati serta akal dari segala fakta dan kebenaran. *Alhamdulillah*, pendirian Malaysia ini bukan sahaja sangat konsisten dan absah daripada segi undang-undang antarabangsa, namun mula menjadi ikutan banyak negara dunia yang lain. Kini banyak negara turut lantang dan tegas dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin dan kemerdekaan negara mereka.

Sama ada dari benua Afrika Selatan, Afrika mahupun Eropah, satu satu- satu persatu negara dunia mula menyatakan pendirian yang kini memihak kepada Palestin. Sudah banyak yang kini turut mengiktiraf Palestin sebagai negara yang berdaulat, Datuk Yang di-Pertua. Intervensi Malaysia bersama puluhan negara lain beberapa bulan lepas di Mahkamah Keadilan Antarabangsa ataupun ICJ bahawa penempatan Israel di Tebing Barat adalah tidak sah dan melanggar undang-undang antarabangsa juga nampaknya berhasil dengan keputusan yang telah pun diberikan oleh ICJ baru-baru ini.

Keputusan ICJ itu jelas bersetuju dan memihak dengan pendirian Malaysia serta puluhan negara lain bahawa Israel telah melanggar undang-undang antarabangsa dalam perkara berkaitan perampasan dan pembukaan penempatan haram di tanah milik rakyat Palestin. Begitu juga pandangan dan ketetapan serta keputusan pelbagai tribunal antarabangsa dan ICJ dalam pelbagai perkara lain berkaitan dengan kedudukan Israel di Palestin.

Kesemuanya memutuskan bahawa tindakan rejim Zionis Israel tersebut bersifat satu penjajahan *collective punishment, genocide, crimes against humanity* yang mesti dihalang dan dihentikan segera. Begitu juga dengan ratusan resolusi di Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Kesemua menterjemahkan konsensus global bahawa rakyat Palestin itu tertindas, dirampas hak dan dinafikan segala hak asasi terhadap mereka. Pendirian Malaysia sangat selari dengan semua ketetapan tersebut.

Datuk Yang di-Pertua, Malaysia menyambut baik seruan supaya rakyat Palestin terus bersatu. Deklarasi Beijing yang dipersetujui pada 23 Julai baru-baru ini, merupakan satu asas kesepakatan dan kesepaduan semua pihak di Palestin bagi membina kekuatan mereka tersendiri dalam berdepan dengan kekejaman rejim Zionis Israel. Semestinya kita menghendaki satu pihak yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan Almarhum Ismail Haniyeh dihadapkan ke muka pengadilan. Malaysia yakin bahawa pihak berkuasa Republik Islam Iran berupaya menjalankan siasatan segera dan menyeluruh. Pada masa yang sama,



kiat menyeru semua pihak supaya tidak terburu-buru mengambil tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Datuk Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai menghormati kepergian tokoh Palestin yang tersohor ini, izinkan saya mengusulkan agar Dewan yang mulia ini berdiri dan bertafakur seminit untuk menghormati perginya seorang pejuang kemerdekaan yang cintakan bangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila bangun.

**Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan:** ...Dan tanah air. Sekian. *Wabillahi taufik. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita bertafakur seminit.

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri membawa pendirian kerajaan, tetapi telah meluahkan kenyataan dari hati beliau juga. Dan penuh perikemanusiaan yang sering dituntut oleh kuasa besar Barat dunia kepada kita, tapi tidak amalkan. Kadang-kadang.

Dengan ini, saya seperti yang mana yang petua yang telah saya berikan tadi, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah untuk membuat kenyataan. Masa diberikan 5 minit.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila ikut masa ya.

**11.55 pg.**

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri yang telah hadir ke Dewan untuk menyatakan pendirian negara kita tentang kecaman ke atas rejim Zionis Israel terhadap pembunuhan politik- pemimpin politik, Ismail Haniyeh pada Rabu, 31 Julai 2024.

Saya, Arman Azha bin Haji Abu Hanifah selaku Ahli Dewan Negara mohon mencadangkan agar Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Perkara 17(1)(2), Peraturan Majlis Mesyuarat untuk meletakkan ketetapan dan pendirian Kerajaan Malaysia menyatakan sokongan solidariti kepada ahli keluarga Ketua Biro Politik HAMAS dan bekas Perdana Menteri HAMAS yang terkorban iaitu Almarhum Ismail Haniyeh dan salah seorang pegawai peribadinya serta barisan kepimpinan dan rakyat Palestin.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Usul ini adalah perkara tertentu kerana konflik peperangan antara Palestin dan rejim Zionis Israel merupakan satu kepentingan kepada negara. Memandangkan Palestin

mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Malaysia, maka adalah penting untuk negara Malaysia secara konsisten bersuara menentang kezaliman dan kekejaman rejim Zionis dan terus berusaha untuk membawa keadilan untuk penduduk Palestin.

Sebagai salah satu peranan yang penting yang perlu dimainkan oleh negara Malaysia dan komuniti global, Usul ini berkehendakkan disegerakan kerana perbuatan rejim Zionis Israel menyerang Kota Tehran dan menyasarkan pembunuhan yang kejam terhadap pemimpin politik HAMAS, Almarhum Ismail Haniyeh adalah satu tindakan yang keji dan menjejaskan kestabilan politik serta keamanan negara Palestin serta negara-negara serantau.

Malaysia tanpa ragu-ragu mengutuk sekeras-kerasnya semua tindakan keganasan termasuk pembunuhan yang telah disasarkan dan menggesa semua negara yang cintakan keamanan untuk turut bersama mengecam tindakan kejam rejim Zionis Israel tersebut. Usul ini melibatkan kepentingan ramai kerana perbuatan rejim Zionis Israel ini menggugat keamanan dunia sejagat. Tindakan kejam Israel terhadap rakyat Palestin adalah sungguh keji untuk tamadun manusia yang di dalam zaman moden ini.

Justeru itu, saya berdiri di sini menyokong pendirian tegas dan ketetapan pendirian Kerajaan Malaysia bersama rakyat Palestin dan menegaskan komitmen untuk menyokong perjuangan mereka bagi keadilan penentuan nasib rakyat Palestin. Malaysia mengiktiraf peranan sumbangan Almarhum Ismail Haniyeh dalam usaha membebaskan Palestin dan rakyatnya daripada penjajahan haram Israel. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang dijemput Yang Berhormat Senator Haji Hussin bin Ismail.

**11.58 pg.**

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua atas izinnnya untuk saya turut bersama menyampaikan usul bersama dengan Dato' Arman bagi maksud yang sama.

*[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Jangan kamu mengira bahawa orang yang gugur di jalan Allah itu mati. Bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan-Nya dengan mendapat rezekinya daripada Allah SWT".* Ayat yang saya bacakan ini Tuan Yang di-Pertua adalah ayat yang memang diulang-ulang baca oleh Al-Syahid Ismail Haniyeh semasa beliau mengimamkan banyak kali solat-solat jemaah di kalangan pengikut-pengikutnya.

Tuan Yang di-Pertua yang dirahmati Allah, Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sudah sekian lama dunia menyaksikan kekejaman tanpa batasan dengan seolah-olahnya sekadar melihat, sekadar simpati tanpa mampu berbuat apa-apa. Buat, tapi sehingga ke hari ini, kesannya dilihat berlaku dengan nyata.

Israel yang mendapat sokongan dukungan penuh daripada kuasa besar khususnya Amerika Syarikat dan juga sekutu-sekutunya, bekalan senjata tanpa had, pembekalan senjata secara *legal*- senjata *legal* dan sebahagian senjata tidak *legal* yang digunakan dalam peperangan dibekalkan oleh pelbagai syarikat-syarikat pembekal senjata tanpa *limit*.

#### ■1200

Walaupun protes besar-besaran di seluruh dunia termasuk sebahagian masyarakat Yahudi yang tidak bersetuju dengan gerakan Zionis Israel ini turut membuat protes di mana-mana, tetapi kuasa-kuasa besar ini semacam ini tidak memperkatakan atau tidak bertindak apa-apa. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah, persoalan kita di mana peranan badan yang paling besar di dunia yang kita harapkan mampu menyelesaikan pelbagai kerenah dalam dunia hari ini?

Saya ingin bertanya hari ini isu yang sebegini di mana peranan PBB? Hari ini di mana peranan Majlis Keselamatan PBB? Kita mungkin tidak hendak sebut tentang OIC sebab kemungkinan rankingnya dalam isu ini duduknya sangat jauh, sepatutnya berbanding dengan PBB dan Majlis Keselamatan yang diharapkan oleh masyarakat dunia. Penduduk dunia diperlakukan sekehendaknya tanpa pembelaan, dinafikan oleh segelintir kuasa-kuasa veto dunia.

Apa erti keputusan yang dibuat oleh puluhan negara-negara PBB, ahli-ahli PBB, tetapi suara mereka, keganasan yang diperlakukan kepada mereka lebih khusus di Palestin, di Gaza, hanya mampu kita lihat tanpa mampu berbuat apa-apa. Saya ingin mencadangkan dalam tempoh yang sangat singkat ini untuk menyatakan dukungan, sokongan terhadap pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita sebentar tadi dan kenyataan Perdana Menteri bagi pihak negara kita.

Namun ada tidak ruang hari ini untuk kita mengambil satu kata sepakat- Ahli-ahli Dewan Negara di sidang terakhir pada hari ini untuk bersama mengutuk dan mengecam sekeras-kerasnya pembunuhan bekas mantan Perdana Menteri, bekas atau mantan Perdana Menteri Palestin dan pemimpin tertinggi Hamas yang telah berlaku pada hari malam semalam di Tehran.

Keduanya, yang ini pun saya fikir tidak ada khilaf, walaupun tidak ada siapa yang mengaku, tetapi *confirm* semua yakin ini adalah gerak kerja Zionis bagi tujuan menyekat usaha-usaha yang disebutkan oleh Menteri Luar kita sebentar tadi.

Keduanya, menggesa walaupun dalam keadaan keraguan, pihak-pihak yang lebih berupaya untuk mengesan dan mengesahkan mereka yang bertanggungjawab dan membawa ke muka pengadilan dengan keputusan yang sewajarnya.

Yang ketiganya memutuskan segala hubungan dengan mana-mana pihak yang mendukung kekuatan ekonomi Israel dan dia mendukung serta membekalkan persenjataan kepada negara haram Israel dan gerakan Zionis Yahudi ini dan seterusnya membuat,

memperkasakan pemboikotan ekonomi dalam semua bidang terhadap negara-negara yang terbabit dan yang sepakat dengan mereka.

Keempat Dato' Yang di-Pertua, saya ingat satu usaha yang sedang di kempen oleh As-Syahid Ismail Haniyeh, hendak mengisytiharkan 3 Ogos sebagai Hari Solidariti terhadap penduduk Gaza dan tahanan Palestin di penjara Israel. Boleh tidak kita juga mengambil sepakat untuk menerima tarikh 3 Ogos yang dicadangkan oleh As-Syahid Ismail Haniyeh ini sebagai Hari Solidariti untuk Gaza dan tahanan-tahanan Palestin di penjara Israel. Saya harap ia nya bakal memberi satu kekuatan juga kepada perjuangan di Israel.

*Last point* Dato' ialah kalau di Tehran mereka mencerooboh sebegitu, negara yang ada kekuatan yang hebat, apa keadaannya kemungkinan kita di negara-negara seperti di Malaysia ini. Ertinya ancaman ini boleh berlaku di mana-mana dan boleh berlaku bila-bila masa tanpa sekatan dan usaha yang keras mereka boleh buat apa sahaja terutama bagi mereka yang mendukung perjuangan Palestin. Terima kasih.

Saya sekali lagi menyokong hasrat pernyataan oleh Yang Berhormat Menteri Luar dan mengharapkan *insya-Allah* Dewan hari ini adalah pernyataan suatu *legal House* atau badan *Senate*, badan tertinggi dalam perundangan negara kita juga memberikan satu imej yang besar kepada *insya-Allah. Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**12.05 tgh.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Dato' Seri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri memberi ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas menyokong pernyataan Yang Berhormat Menteri dan pernyataan kerajaan Malaysia terhadap isu pembunuhan ketua tertinggi Hamas.

Dato' Yang di-Pertua, perjuangan Islam, Palestin, Gaza tidak mungkin lupus, tidak mungkin lenyap di bumi Allah. Waima syahid pemimpin tertinggi Hamas, Ismail Haniyeh. Dato' Yang di-Pertua, pembunuhan Ismail Haniyeh yang dilakukan ketika puluhan pemimpin negara berkumpul di Ibu Kota Iran termasuk Malaysia dalam melihat Majlis Angkat Sumpah Presiden Iran termasuk Yang Berhormat Speaker Dewan Rakyat berada di Tehran.

Pembunuhan melalui serangan udara yang mengorbankan Allahyarham Haniyeh bersama seorang pegawai peribadi beliau amat memalukan dan sangat kejam. Ini adalah pembunuhan politik yang sama sekali tidak boleh diterima dan ia akan membawa kepada peningkatan ketegangan seterusnya dan meluas Perang Gaza di wilayah serantau ini. Walaupun sehingga kini tidak ada pihak mengaku bertanggungjawab atas pembunuhan tersebut, tetapi dunia mensyaki ianya dilakukan oleh rejim Zionis yang selama ini berikrar

untuk membunuh Haniyeh dan pemimpin Hamas yang lain kerana kesan konflik berpanjangan di bumi Palestin.

Pembunuhan ini adalah satu pelanggaran serius undang-undang antarabangsa dan prinsip kedaulatan. Tindakan serangan sedemikian pasti menjejaskan kestabilan dan keselamatan rantau yang sedang bergolak sekali gus wajar dikutuk sekeras-kerasnya. Jelas sekali peristiwa ini tidak akan menamatkan konflik di Palestin. Sebaliknya hanya mengakibatkan kitaran keganasan dan penderitaan berpanjangan. Usaha-usaha gencatan senjata arah pendamaian akan menemui kegagalan bila mana berlaku tindak balas daripada pejuang-pejuang pembebasan bukan sahaja di bumi Palestin malah di seluruh rantau di seluruh dunia.

Malaysia dan rakyat negara ini mempunyai hubungan sangat akrab sejak tercetusnya krisis di bumi Gaza. Kekejaman yang berlaku di Palestin dirasai oleh seluruh rakyat negara ini atas sifat agama dan juga kemanusiaan. Pemimpin tertinggi negara Malaysia sentiasa tegas dan keras dalam mempertahankan hak rakyat dan bumi Palestin di pentas antarabangsa. Kejadian pembunuhan kejam ini bukan sekadar kita berdegar-degar dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kerajaan perlu membuktikan ketegasan melalui tindakan.

Yang pertama, saya mendesak kerajaan menghentikan sebarang rundingan yang sedang berjalan dalam mana-mana pihak, agensi atau syarikat yang diketahui ada hubungan dengan Zionis Israel.

Kedua, kerajaan harus juga memanggil satu sidang khas Parlimen bagi memberi ruang kepada suara rakyat melalui Ahli-ahli Parlimen didengari dan sebagai bukti ketegasan dan hubungan rapat Malaysia dengan Palestin dalam memperjuangkan pembebasan rakyat Palestin.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, *wallahu 'alam*.

#### ■1210

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang kita jemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

#### 12.10 tgh.

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang telah membawa Usul Penerangan Menteri di dalam Dewan yang mulia pada hari yang mana seluruh kita berada dalam kesedihan yang amat sangat di atas syahidnya Ismail Haniyeh di bumi Tehran setelah diserang dan dibunuh dengan begitu kejam oleh rejim Zionis. Saya harus menegaskan di sini bahawa kematian bagi mana-mana pejuang itu bukanlah sesuatu yang tidak diduga. Ismail Haniyeh selaku Ketua Biro Politik tertinggi di perjuangan Palestin telah pun dalam pada bila-bila masa bersiap sedia bertemu

dengan Tuhannya untuk beliau meninggalkan legasi yang terus segar dan hidup dalam jiwa para pejuang dan dalam jiwa manusia.

Allah berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Di kalangan mereka lelaki yang gagah, menunggu dan membenarkan janji Allah ke atas mereka, di kalangan mereka akan pergi untuk meninggalkan kita dengan memenuhi janji itu dan di kalangan mereka akan terus kekal menanti saat untuk mereka memenuhi janji itu dan sesungguhnya tidak ada perubahan pada ketetapan-ketetapan ini.

Dewan yang mulia hari ini, pada saat yang sama merakamkan perasaan kesal terhadap apa yang berlaku daripada bisunya masyarakat dunia untuk mengambil tindakan ke atas rejim Zionis Israel yang sifatnya jauh lebih daripada kebinatangan dan sifatnya yang tidak beradab langsung. Kita diam membiarkan semua ini berlaku tanpa apa-apa tindakan. Maka, Dewan ini merasa kesal dengan apa yang berlaku dan akan kita sampaikan mesej daripada Dewan Negara yang mulia ini untuk seluruh dunia diberitahu bahawa mewakili bukan sahaja Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, tanpa mengira keturunan, tanpa mengira bangsa, tanpa mengira agama mengutuk sekeras-kerasnya tindakan ini... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, mereka menyangka pembunuhan ini akan menamatkan semangat dan cita-cita untuk membebaskan bumi Palestin, tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa setiap jiwa yang diambil atas perjuangan membebaskan tanah air, maka setiap kali tumpah darah akan melahirkan lagi beribu-ribu para pejuang yang mendapat semangat daripada syahidnya seorang yang hebat.

Sebelumnya Abdel Aziz Al-Rantisi juga mati syahid. Mereka ingat dengan kematian itu selesailah semangat pejuang-pejuang Palestin. Kemudian sebelumnya, Sheikh Ahmad Yassin, seorang yang lumpuh, tetapi memberi semangat kepada umat Islam Palestin dengan kebangkitan Intifada', walaupun beliau sama dibunuh seperti mana kita bicara hari ini, tetapi semangat Sheikh Ahmad Yassin lah yang telah membangkitkan Intifada' yang terkenal itu. Sebelumnya Sheikh Izzuddin Al-Qassam yang menjadi nama bagi pejuang-pejuang Palestin daripada Unit Al-Qassam kerana semangat beliau yang telah memberikan kepada umat Islam Palestin kekuatan. Maka hari ini, apakah dunia menyangka dengan kematian Ismail Haniyeh, maka mereka akan duduk diam?

Maka, sebab itulah Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia melalui Menteri yang membuat penerangan hari ini untuk menyatakan pendirian kita yang tegas dan meneruskan desakan di peringkat antarabangsa dan meneruskan juga usaha Malaysia di kalangan negara-negara Islam bagi kita menyatukan suara kita, bertegas untuk memastikan Palestin bebas daripada cengkaman Zionis, di mana perjuangan mereka telah pun berlarutan hingga 75 tahun dan kita akan terus bersama dengan perjuangan

Palestin. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Usul yang dibawa pada hari ini. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, penyertaan Ahli-ahli telah selesai. Maka, dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan respons, jika ada, kepada kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

**12.15 tgh.**

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada semua rakan dalam Dewan yang mulia ini yang bersama-sama bersolidariti untuk kita mengutuk kekejaman yang telah dilakukan terhadap rakyat Palestin.

Terima kasih kepada empat orang rakan pembahas: Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin; Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid yang mewakili rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini untuk menyatakan betapa kesalnya dan kita mengutuk perbuatan yang amat kejam yang dilakukan oleh pihak rejim Zionis yang tidak berperikemanusiaan.

Tadi ada disebut seolah-olah sifat kebinatangan. Tuan Yang di-Pertua, binatang pun tidak bunuh anak, binatang pun tidak bunuh macam itu, tetapi mereka lebih dahsyat daripada binatang. Kekejaman yang dilakukan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok klip-klip videonya, kalau kita tengok laporannya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Amman baru-baru ini, pergi melawat hospital. Sepatutnya melawat tiga buah wad. Sampai 10 orang, saya tidak sanggup lagi pergi tengok, Tuan Yang di-Pertua. Begitu teruk kanak-kanak, wanita yang telah pun dibunuh, cedera- 100,000 lebih yang cedera. Kanak-kanak putus kaki, putus tangan dan macam-macam, Tuan Yang di-Pertua. Inilah isu yang seluruh dunia perlu faham.

Banyak orang kata, isunya bermula 7 Oktober atas asas untuk mempertahankan diri. Bagaimana sebuah kuasa yang menjajah menyatakan dia hendak mempertahankan diri. Dia sebagai penjajah, Israel menjajah dan menghalau rakyat Palestin daripada tanah airnya sendiri, tetapi dalam waktu-waktu tertentu dan semua sekutunya mengatakan bahawa Israel berhak untuk mempertahankan diri. Ini suatu *mockery*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *double standard* yang teramat sangat dan ia jelas sekali bahawa kuasa-kuasa yang mendukung rejim Israel ini memang berselindung di sebalik tabir yang jelas menampakkan perangai dan juga sikap mereka terhadap keadaan di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, memang setuju dengan pandangan rakan-rakan tadi supaya Dewan yang mulia hari ini yang bersidang, hari akhir Dewan Negara bersidang hari ini, kita memutuskan untuk mengambil satu keputusan untuk mengutuk serangan-serangan, bukan sahaja- mengutuk serangan dan kekejaman yang dilakukan oleh pihak rejim Zionis Israel.

Bukan baru 7 Oktober, tetapi tujuh dekad yang lalu. Bukan 40,000 yang meninggal, yang meninggal 40,000, yang mati 40,000 mulai daripada 7 Oktober, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang telah terbunuh, yang telah dibunuh Tuan Yang di-Pertua, melebihi angka yang amat besar sejak tujuh dekad yang lalu.

Jadi, ini yang sedang berlaku. Semalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bersidang tergepar, dibawa Usul oleh Iran, Syria, Palestin, Jordan dan Lebanon, tetapi seperti biasa Tuan Yang di-Pertua, walaupun disokong Usul tersebut oleh negara China dan juga oleh Rusia, tetapi seperti biasa, negara-negara yang mempunyai kuasa veto menggunakan kekuasaan mereka. Inilah satu kekesalan yang amat sangat Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku.

Malaysia telah pun memulakan usaha supaya kuasa veto Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, lima buah negara yang mempunyai kuasa veto ini dihadkan, tidak boleh digunakan untuk asas *genocide*, *war crimes* ataupun *crimes against humanity*. Kuasa veto tidak boleh digunakan dan kita sedang berpakat dengan negara-negara *likeminded countries*, negara yang sepemikiran dengan kita supaya kuasa veto ini dihadkan, kuasa veto ini tidak boleh digunakan kepada tiga perkara tadi iaitu *genocide*, *war crimes* dan *crimes against humanity*, dengan izin.

#### ■1220

Dato' Yang di-Pertua, inilah dia berbagai-bagai resolusi, pelbagai resolusi. Perhimpunan Agung, resolusi Majlis Keselamatan, resolusi. OIC, resolusi. Liga Arab- bahkan, baru-baru ini, saya menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama dengan negara-negara rakan dialog, 11 -rakan dialog negara-negara besar dan juga dengan negara-negara bukan rakan dialog, Malaysia terus menyatakan. Saya membawa suara rakyat Malaysia, Dato' Yang di-Pertua, mengutuk tindakan kejam dan tidak berperikemanusiaan terhadap Palestin ini... [Tepuk]

Dato' Yang di-Pertua, itulah yang boleh kita buat. Dan saya yakin bahawa gesaan rakyat Malaysia ini sekarang sudah didengar oleh masyarakat antarabangsa. Beberapa buah negara, Dato' Yang di-Pertua, daripada Kesatuan Eropah telah menyatakan dengan terbuka. Seperti di Norway, seperti juga di Ireland dan juga negara Sepanyol, Dato' Yang di-Pertua, menyatakan dengan terbuka bahawa mereka menyokong terhadap penubuhan negara Palestin yang merdeka. *Insyah-Allah*, Malaysia akan terus membawa suara rakyat Malaysia. Kementerian Luar Negeri akan bertugas untuk membawa suara rakyat Malaysia supaya perjuangan rakyat Palestin ini akan terus dapat kita suarakan di semua peringkat antarabangsa dan juga di pentas-pentas yang lain, *insyah-Allah*.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]



**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dewan yang mulia ini merakamkan penghargaan atas kehadiran Yang Berhormat Menteri ke Dewan ini untuk memberikan penerangan berhubung dengan pendirian Malaysia terhadap pembunuhan Ismail Haniyeh, Ketua Biro Politik Hamas pada Rabu, 31 Julai 2024.

Dalam hal ini, Dewan Negara sentiasa bersolidariti dan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan zalim pembunuhan kejam ini. Moga As-syahid Ismail Haniyeh dicucuri rahmat ke atasnya dan dihimpunkan bersama para syuhada. Terima kasih... *[Tepuk]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) (PINDAAN) 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.22 tgh.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)(APD) 1983 telah diwartakan pada 14 April 1983 dan pindaan kali terakhir dibuat pada tahun 1998. Akta ini menyediakan peruntukan mengenai rawatan dan pemulihan penagih dadah serta perkara-perkara berkaitan dengannya.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2024 telah menimbangkan dan bersetuju akan Memorandum daripada Menteri Dalam Negeri No. ML 457/2024 bertajuk Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)(Pindaan) 2024, antara lain untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Parlimen.

Atas prinsip bagi merai segala pandangan dan cadangan yang dilontarkan daripada pelbagai pihak dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat yang terlibat dalam perbincangan, rang undang-undang ini telah dirujuk untuk mendapat pandangan yang selanjutnya daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan dan Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Parlimen Malaysia. KDN telah menggunakan platform dan ruang yang diberi bagi menjelaskan dan menerangkan mengenai rang undang-undang ini kepada kedua-dua Ahli Jawatankuasa dan mendapatkan pandangan daripada jawatankuasa termasuk Ahli Yang Berhormat, individu, pakar, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dijemput.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan telah merumuskan bahawa semua ahli mesyuarat bersetuju rang undang-undang ini diluluskan dengan kadar segera dan diperkemas kaedah pelaksanaannya. Bagi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan pula, telah bersetuju secara dasar dan menyokong rang undang-undang ini dengan beberapa syor penambahbaikan.

Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 ini kemudiannya telah dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Kedua pada 18 Julai 2024 lalu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merujuk kembali kepada dasar peralihan penyahguna dadah daripada hukuman pemenjaraan ke program rawatan dan pemulihan yang telah dipersetujui pada tahun 2020. Dasar ini telah diterjemahkan melalui pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Namun, pindaan ini tidak menterjemahkan konsep dekriminalisasi secara total yang menganggap penggunaan dadah iaitu kesalahan di bawah seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dikeluarkan daripada undang-undang jenayah. Pindaan ini merupakan jalan tengah yang diambil kerajaan dalam mengimbangi keperluan rawatan dan pemulihan dadah dan bahan serta memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terus terpelihara.

Kerajaan dalam hubungan ini tidak berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap kesalahan-kesalahan pemilikan dan penawaran dadah selaras dengan peruntukan perundangan semasa yang sedang berkuat kuasa seperti mana terkandung dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 serta akta-akta lain yang berkaitan.

Seksyen 6 adalah mengenai rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah atau bahan. Pindaan kepada seksyen ini hanyalah melibatkan pindaan kepada perintah rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah dan tambahan pilihan hukuman bagi kesalahan melanggar syarat rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

Seksyen 6(1) jelas menyatakan mengenai keperluan menjalani ujian dan perakuan oleh Pegawai Perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar sebagai penagih dadah atau bahan. Perakuan Pegawai Perubatan ini akan dikemukakan kepada majistret bagi tujuan mendapat perintah rawatan dan pemulihan dengan syor daripada pegawai pemulih. Peruntukan ini adalah sebagaimana seksyen 6(1) APD 1983 yang asal.

Justeru, tidak timbul isu pegawai pemulih diberi kuasa yang besar atau mutlak memandangkan perakuan daripada Pegawai Perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar masih diperlukan di bawah seksyen 6(1) RUU ini.

KDN tidak menafikan keperluan bagi *check and balance* dalam pengesahan penagih dadah atau bahan atau penyalahgunaan dadah atau bahan. Sehubungan dengan itu, masih terdapat punca kuasa bagi perakuan oleh Pegawai Perubatan kerajaan atau pengamal

perubatan berdaftar dan syor oleh pegawai pemulih bagi klien yang diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di bawah seksyen 6 dan 6A.

Ahli Yang Berhormat, berkaitan rawatan dan pemulihan dadah dan bahan secara sukarela, seksyen 8 memperuntukkan bagi tatacara rawatan dan pemulihan mana-mana penagih dadah atau bahan dan penyalahgunaan dadah atau bahan yang menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela. Pindaan ini memberi punca kuasa kepada pegawai pemulih untuk membuat perakuan bagi tujuan rawatan pemulihan dadah dan bahan secara sukarela di AADK. Melalui pindaan ini, klien boleh memulakan rawatan dan pemulihan serta-merta di fasiliti AADK dengan tempoh penilaian yang lebih pendek berbanding peruntukan asal yang perlu mendapat perakuan daripada Pegawai Perubatan dan ianya bergantung kepada kesediaan Pegawai Perubatan yang berada di luar fasiliti AADK.

Peranan Pegawai Perubatan masih diperlukan untuk tujuan diagnosis penyakit-penyakit lain termasuk psikosis akibat penagihan dadah bagi klien sukarela di bawah seksyen 8. Pada ketika ini, terdapat 63 orang pegawai dan Penolong Pegawai Perubatan yang ditempatkan di fasiliti AADK dengan tambahan 24 orang Pegawai Perubatan bagi perkhidmatan di PUSPEN, pusat saringan penilaian daerah dan Pejabat AADK Daerah. Harus diingat, rawatan dan pemulihan dadah melibatkan pelbagai komponen iaitu aspek biologi, psikologi, sosial serta spiritual yang memerlukan pelan rawatan yang komprehensif.

Selain itu, pindaan ini juga akan merapatkan jurang perkhidmatan kerajaan dan swasta di mana amalan sedia ada, klien sukarela yang hadir ke pusat pemulihan dadah persendirian tidak perlu melalui proses mendapatkan perakuan daripada Pegawai Perubatan sebagai syarat kemasukan.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan denda yang dikenakan kepada ibu atau bapa atau penjaga, izinkan saya untuk menjelaskan bahawa denda ini hanya dikenakan kepada ibu atau bapa atau penjaga yang mengabaikan kanak-kanak semasa menjalani rawatan dan pemulihan dadah atau bahan tanpa alasan yang munasabah berdasarkan penilaian Pegawai Pemulihan. Merujuk kepada Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak ditafsirkan sebagai orang yang di bawah umur 18 tahun. Golongan ini perlu berada di bawah pengawasan orang dewasa yang bertanggungjawab terhadap mereka. Namun, terdapat sesetengah ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab bagi memulihkan anak-anak kepada pegawai pemulih semata-mata.

Kajian yang dilaksanakan oleh *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse* mendapati penglibatan penjaga dalam rawatan dan pemulihan dadah berkaitan dengan pengurangan tahap ketagihan, pengurangan keparahan psikologi dan pengurangan simptom kemurungan. Penglibatan ibu atau bapa yang dikehendaki dalam seksyen ini hanya pada program yang ditetapkan atas penilaian pegawai pemulihan.

Jumlah denda tidak melebihi RM5,000 dirujuk silang kepada seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 bagi kesalahan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa. Jumlah denda RM5,000 ini hanyalah sekadar 10 peratus berbanding RM50,000 di bawah Akta Kanak-kanak 2001 tersebut.

Perkara seterusnya yang dibangkitkan adalah mengenai denda kepada pengendali pusat pemulihan dadah persendirian.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, APD 1983 sedia ada tidak mempunyai peruntukan mengenai kesalahan tidak mendaftar pusat pemulihan ataupun yang melanggar syarat. KDN berpandangan terdapat keperluan untuk mengawal selia PPDP bagi penambah baik peruntukan kawal selia pusat pemulihan persendirian supaya pengoperasian pusat ini diikuti piawaian kualiti dan kelayakan ditetapkan.

Pindaan akta ini kelak akan dapat memastikan keselamatan dan kebajikan penghuni atau klien yang dirawat adalah terpelihara di samping perkasa peranan komuniti untuk bersama kerajaan dalam memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah dan bahan. AADK telah membangunkan satu garis panduan untuk mengawal dan memantau tanggungjawab PPDP untuk mematuhi fungsi dan peranan sebagaimana syarat dan peruntukan pelesenan dan pewartaan yang ditetapkan.

Selain itu, PPDP mestilah mematuhi kaedah pertama dan syarat yang telah ditetapkan sebelum mana-mana penyelia perkhidmatan boleh menawarkan perkhidmatan rawatan atau pemulihan kepada penagih dadah. Panduan pengoperasian pusat pemulihan dadah persendirian telah dikeluarkan pada tahun 2019. Panduan ini mengandungi komponen pilihan utama iaitu sistem pengurusan, pengurusan pelanggan, perkhidmatan teras, perkhidmatan kumpulan tertentu dan kemudahan fizikal. Semua PPDP ini akan diperiksa sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan markah penilaian akan diberikan berdasarkan penelitian dan semakan.

Kadar denda yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini adalah berdasarkan rujukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 iaitu yang menetapkan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tidak berlesen atau tidak berdaftar boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Manakala bagi kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat, didenda tidak kurang daripada RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Denda merupakan langkah terakhir yang diambil sekiranya PPDP masih gagal untuk mematuhi syarat ditetapkan setelah proses konservasi dan amaran diberikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui RUU ini juga klien yang datang mendapat rawatan dan pemulihan secara sukarela di AADK boleh memilih untuk ditempatkan di pusat pemulihan dadah persendirian ini. Sehubungan dengan ini, terdapat

keperluan untuk kerajaan membantu PPDP untuk mencapai standard minimum rawatan pemulihan dadah yang diberikan kepada klien. Selain itu, pihak AADK juga turut membantu PPDP untuk memperkasakan perkhidmatan yang ditawarkan terutama dalam membangunkan modal insan dan modul rawatan pemulihan yang berkaitan pada masa hadapan.

KDN mengambil maklum isu pemakaian seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 boleh bergerak selari dengan RUU ini berdasarkan pandangan dari Jabatan Peguam Negara. Pihak Polis Diraja Malaysia memaklumkan seksyen 15(1) ADB 1952 masih diperlukan dan terdapat beberapa kriteria bagi klasifikasi individu untuk tindakan di bawah seksyen 15(1) seperti:

- (i) mana-mana orang yang ditangkap memiliki dadah dan positif ujian saringan urin;
- (ii) mana-mana orang yang ditangkap terlibat jenayah dan positif ujian saingan urin; dan
- (iii) aduan daripada keluarga, masyarakat setempat jika penagih dadah itu tidak terkawal.

Perkara terakhir yang ingin saya jelaskan ialah mengenai pendaftaran penagih dadah yang menerima rawatan pemulihan di bawah Jadual Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*].

Untuk makluman semua, Jabatan Peguam Negara telah memberikan arahan dan pandangan bahawa perintah mahkamah yang dikeluarkan untuk menjalani rawatan pemulihan di bawah seksyen 6(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bukanlah merupakan suatu kesalahan dan tidak boleh didaftar di bawah sistem pendaftaran jenayah. Jabatan Peguam Negara juga berpandangan bahawa maklumat berkaitan perintah di bawah seksyen 6(1) ini hendaklah dikemukakan kepada pihak AADK sahaja bagi tujuan rekod kemasukan.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 merangkumi aspek perundangan yang lebih komprehensif dan tersusun bagi membolehkan rawatan dan pemulihan yang sewajarnya dapat diberikan dengan lebih cepat kepada penagih dadah atau bahan dan penyalahgunaan dadah atau bahan. RUU ini merangkumi pindaan bagi mewujudkan beberapa punca kuasa baharu serta penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada. RUU ini menggerakkan nilai ihsan bagi meningkatkan akses kepada rawatan pemulihan dadah dan bahan serta memperkasa penglibatan komuniti untuk berganding bahu dengan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan negara daripada gejala dadah.

Secara keseluruhannya, RUU Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 2024 mengandungi 29 fasal di dalamnya. Fasal-fasal pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan oleh Menteri.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang akta daripada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) kepada Akta Penyalah guna Dadah dan Bahan (Rawatan dan Pemulihan).

Fasal 4 bertujuan untuk meminda tajuk ringkas Akta 283 bagi mencerminkan ruang lingkup yang diperluas untuk merangkumi penagih dadah dan penyalah guna dadah dan bahan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 283] untuk memasukkan tafsiran baharu dan untuk meminda takrif tertentu yang sedia ada. Antaranya seperti berikut. "*Bahan*", ertinya mana-mana bahan yang dinyatakan dalam Jadual. "*Mengambil*", termasuklah makan, mengunyah, menghisap, menelan, minum, menyedut atau memasukkan ke dalam badan dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa cara jua. "*Penyalah guna dadah atau bahan*", ertinya seseorang yang mengambil dadah berbahaya atau bahan ke dalam badan yang bukan bagi maksud perubatan atau bahan yang sah oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar yang ditentu sah melalui ujian.

Tafsiran baharu mengenai penyalah guna dadah atau bahan ini merupakan peruntukan yang penting dan signifikan bagi RUU ini bagi membolehkan rawatan pemulihan diberikan kepada mereka. Penagih dadah atau bahan ditambah baik kepada seorang yang melalui penggunaan mana-mana dadah berbahaya atau bahan menunjukkan ciri-ciri ketagihan kepada dadah berbahaya atau bahan yang menjelaskan kawalan sendiri yang ditentu sahkan melalui ujian. Elemen suatu keadaan psikik pada tafsiran asal digugurkan bagi membolehkan pengesahan dibuat dengan lebih cepat dan rawatan pemulihan segera dapat diberikan.

#### ■1240

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 [Akta 638]. Pindaan ini dilaksanakan supaya pelantikan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan adalah di selaras iaitu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 4 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 [Akta 638] berbanding peruntukan asal Akta 283 yang diberi punca kuasa lantikan oleh Menteri.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 3 [Akta 283] untuk memperuntukkan bahawa seseorang pegawai boleh menahan dalam jagaan mana-mana orang yang dengan munasabah disyaknya sebagai penagih dadah atau bahan atau penyalah guna dadah atau bahan.

Seksyen 8 bertujuan untuk meminda seksyen 5 [Akta 283] berhubung dengan obligasi mana-mana penagih dadah atau bahan atau penyalah guna dadah atau bahan yang disyaki untuk menjalani tatacara ujian.

Seksyen 9 Yang Berhormat bertujuan untuk menggantikan seksyen 6 Akta 283 untuk memperuntukkan bahawa Majistret hendaklah atas syor pegawai pemulihan dan selepas memberi penagih dadah atau bahan peluang untuk membuat representasi memerintahkan penagih dadah atau bahan itu menjalani rawatan dan pemulihan.

Seksyen ini diperluas kepada penagih bahan dan perintah pengawasan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) digantikan dengan rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Untuk menjelaskan perintah yang diberikan tidak terhad kepada pengawasan oleh pegawai pemulihan sahaja tetapi merupakan suatu proses menjalani rawatan dan pemulihan dan juga merupakan kesinambungan rawatan yang diterima dalam institusi.

Seksyen ini memberi punca kuasa kepada Majistret untuk membuat pilihan perintah rawatan dan pemulihan yang boleh diberikan kepada penagih dadah atau bahan atas syor pegawai pemulihan sedia ada:

- (i) menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama tempoh dua tahun dan selepas itu menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti selama tempoh dua tahun; atau
- (ii) menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti selama tempoh dua tahun.

Pada tahun 2023, seramai 75,291 orang telah menerima rawatan dan pemulihan di AADK dengan pecahan seramai lebih kurang 70,000 orang menerima rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Manakala seramai lebih kurang 10,000 orang menerima rawatan pemulihan dalam institusi.

Subseksyen baru juga diwujudkan bagi memberi peluang kepada klien dalam komuniti untuk mendapat rawatan dan pemulihan dalam institusi sehingga tempoh enam bulan. Peluang ini diberikan untuk membantu klien supaya terus membebaskan diri daripada ketagihan dengan berada dalam persekitaran yang lebih terkawal.

Pilihan hukuman denda atau khidmat masyarakat juga ditambah bagi kesalahan melanggar mana-mana syarat bagi perintah rawatan pemulihan dalam komuniti, sebagai tambahan kepada pemenjaraan atau sebatan dalam Akta 283 yang asal. Khidmat masyarakat ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan, aktiviti atau pelaksanaan arahan bagi kebaikan orang awam pada amnya, yang boleh membantu dan mengekalkan pemulihan penagih dadah atau bahan di bawah pengawasan Ketua Pengarah.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 6A ke dalam Akta 283 untuk memperuntukkan bahawa Majistret hendaklah atas syor pegawai pemulihan dan selepas

memberi penyalah guna dadah atau bahan peluang untuk membuat representasi, memerintahkan penyalah guna dadah atau bahan itu menjalani rawatan pemulihan.

Seksyen ini memberi punca kuasa kepada Majistret untuk memerintahkan penyalah guna dadah atau bahan untuk menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti tidak melebihi dua tahun atau di pusat pemulihan tidak melebihi tempoh enam bulan. Rawatan pemulihan yang bersesuaian pula diberikan kepada penyalah guna dadah atau bahan sebagai langkah pencegahan awal daripada ketagihan sekiranya diambil dengan kerap atau dalam tempoh panjang. Tempoh perintah yang dicadangkan juga adalah berbeza untuk memastikan klien dapat dipulih secara komprehensif berdasarkan model i-Pulih yang telah dibangunkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan.

Sepertimana dalam fasal 9 subseksyen baharu juga diwujudkan dalam fasal ini bagi memberi peluang kepada klien dalam komuniti untuk mendapat rawatan dan pemulihan dalam institusi sehingga tempoh enam bulan. Peluang ini diberikan untuk membantu klien supaya terus membebaskan diri daripada ketagihan dadah dengan berada di persekitaran yang lebih terkawal.

Mana-mana orang yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti yang tidak mematuhi mana-mana syarat adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan:

- (i) kesalahan pertama, dikenakan perintah perlanjutan tempoh rawatan dan pemulihan dalam komuniti tidak melebihi enam bulan; dan
- (ii) kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan perintah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Berdasarkan perundangan semasa yang sedang berkuat kuasa, individu yang memasukkan dadah ke dalam badan boleh diambil tindakan di bawah seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Statistik Jabatan Penjara menunjukkan seramai 3,472 orang banduan sedang menjalani hukuman pemenjaraan bagi kesalahan tersebut. Manakala seramai 2,978 orang adalah tahanan reman.

Seterusnya, banduan yang telah selesai menjalani hukuman pemenjaraan atau membayar denda di bawah seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ini perlu menjalani pengawasan di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan selama tempoh dua hingga tiga tahun melalui seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 8 [Akta 283] untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara bagi rawatan dan pemulihan mana-mana penagih dadah atau bahan dan penyalah guna dadah atau bahan yang menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela. Seksyen ini memberi kuasa kepada pegawai pemulihan untuk membuat perakuan



dan seterusnya peruntukan rawatan pemulihan dadah dan bahan yang bersesuaian kepada mana-mana orang yang akan menjalani rawatan pemulihan secara sukarela.

Pilihan rawatan pemulihan adalah sama ada rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan, pusat khidmat atau pusat pemulihan persendirian selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau rawatan pemulihan dalam komuniti selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Melalui cadangan pindaan ini, klien boleh memulakan rawatan pemulihan serta-merta dengan tempoh penilaian yang lebih pendek. Punca kuasa juga diwujudkan di bawah seksyen ini untuk memberhentikan mana-mana klien yang tidak mematuhi syarat rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan atau pusat khidmat.

Pada tahun 2023, seramai 2,460 orang klien telah mendapat rawatan dan pemulihan secara sukarela di Agensi Antidadah Kebangsaan dengan 961 orang klien menjalani rawatan dan pemulihan dalam institusi dan 1,499 orang klien menjalani rawatan pemulihan dalam komuniti.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 9 [Akta 283] untuk memperuntukkan bahawa mana-mana ibu bapa atau penjaga seseorang belum dewasa atau ibu atau bapa atau penjaga itu mengesyaki atau mempunyai sebab mempercayai penagih dadah menjadi penagih dadah atau bahan atau penyalah guna bahan atau bahan boleh memohon kepada pegawai pemulihan supaya orang belum dewasa ini dirawat dan dipulihkan dan membawa orang belum dewasa itu ke hadapan pegawai pemulihan itu.

Seksyen ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa ibu atau bapa atau penjaga seseorang belum dewasa itu hendaklah menghadiri program rawatan pemulihan bersama dengan seseorang belum dewasa itu, sekiranya ibu atau bapa atau penjaga seseorang belum dewasa itu diminta oleh pegawai pemulih untuk berbuat demikian.

Pegawai pemulihan boleh mengenakan syarat-syarat kepada ibu atau bapa atau penjaga yang difikirkan patut dan sebarang ketidakpatuhan adalah satu kesalahan dan boleh disabitkan denda tidak melebihi RM5,000.

Bagi seorang belum dewasa yang dibawa ke hadapan pegawai pemulihan, seksyen 8 mengenai tatacara rawatan pemulihan secara sukarela adalah terpakai.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 283 untuk memberi kuasa Menteri untuk menubuhkan pusat khidmat bagi kediaman, rawatan, pemulihan penagih dadah atau bahan atau penyalahgunaan dadah atau bahan yang diperintahkan untuk diterima masuk untuk tinggal dalamnya di bawah Akta 283. Pusat khidmat ini adalah fasiliti yang disediakan dan dikawal oleh Agensi Antidadah Kebangsaan untuk klien menjalani rawatan pemulihan dalam komuniti. Pada masa ini, terdapat 22 buah Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan di seluruh negara.

Punca kuasa ini membolehkan lebih banyak fasiliti di AADK disediakan untuk kediaman serta rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah atau bahan atau penyalah guna dadah atau bahan.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 11 [Akta 283] untuk memberi Menteri kuasa untuk menentukan pembayaran elaun kepada anggota Lembaga Pelawat. Menteri mempunyai kuasa untuk melantik Ahli Lembaga Pelawat bagi tiap-tiap pusat pemulihan yang bertanggungjawab untuk menasihati dan membuat syor kepada Ketua Pengarah.

#### ■1250

Ahli Lembaga Pelawat pusat pemulihan memainkan peranan penting dalam pastikan pengoperasian pusat pemulihan berada pada tahap yang baik dan kebajikan penghuni-penghuni adalah terjaga, termasuk merancang, menyelaras dan melaksanakan program atau aktiviti untuk klien.

Ahli Lembaga Pelawat juga perlu melaporkan pada pusat pemulihan sekiranya terdapat sebarang keadaan yang berhubung dengan penyelenggaraan, rekreasi dan disiplin penghuni-penghuni yang berada pada tahap yang tidak memuaskan. Pada ketika ini, terdapat 30 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara dengan setiap PUSPEN mempunyai lembaga pelawat masing-masing jumlah keseluruhan Ahli Lembaga Pelawat semasa ialah seramai 288 orang.

Fasal 17 bertujuan untuk menggantikan seksyen 12 [Akta 283] untuk memberi kuasa Ketua Pengarah kuasa meningkatkan tempoh rawatan pemulihan. Mana-mana orang di mana-mana pusat pemulihan dan pusat khidmat atau dalam komuniti atas sebab-sebab yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini memberi kuasa penuh kepada Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan bagi meningkatkan tempoh perintah rawatan pemulihan ditetapkan bagi mana-mana orang di pusat pemulihan atau pusat khidmat atau tempoh rawatan pemulihan dalam komuniti atas apa-apa sebab yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah. Peruntukan asal APD 1983 mempunyai keizinan bertulis daripada Menteri bagi peningkatan tempoh bagi individu yang belum menjalani rawatan pemulihan dalam pusat pemulihan genap 12 bulan digugurkan.

Pindaan ini adalah bagi mempercepat, membolehkan Ketua Pengarah meningkatkan tempoh rawatan berdasarkan beberapa faktor yang difikirkan perlu bergantung pada tahap pemulihan klien serta kebajikan seperti memberi peluang pekerjaan, pendidikan dan memberi ganjaran pada prestasi cemerlang klien.

Bagi fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 16 [Akta 283] bagi menambah baik peruntukan berhubung dengan pusat pemulihan persendirian bagi rawatan pemulihan dan penjagaan lanjutan bagi penagih dadah atau bahan atau penyalur dadah atau bahan. Seksyen ini memberi punca kuasa kepada Menteri untuk kelulusan bagi pendaftaran satu pusat pemulihan persendirian kepada mana individu atau mana-mana organisasi, badan atau

kumpulan yang selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui dari masa ke semasa.

Menteri juga boleh membatalkan kelulusan pendaftaran yang diberikan jika individu atau organisasi, badan atau kumpulan yang diberikan kelulusan tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri. Melalui pindaan ini, denda tidak melebihi RM500,000 ataupun pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang menyelia, mengendali atau melaksanakan apa-apa perkhidmatan tanpa kelulusan Menteri.

Selain itu, denda tidak kurang RM50,000 ataupun pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan kepada mana-mana yang tidak mematuhi syarat oleh Menteri. Seksyen ini akan menambah baik peruntukan bagi pengawal selia pusat pemulihan persendirian supaya pengoperasian pusat ini mengikut piawai ditetapkan, selaras dengan polisi semasa kerajaan.

Pindaan ini kelak akan dapat memastikan kebajikan penghuni atau klien dirawat adalah pelihara, di samping memperkasakan pelan komuniti untuk bersama kerajaan dalam berikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah. Sehingga 31 Disember 2023, terdapat 55 buah pusat pemulihan bersendirian berdaftar dengan agensi dadah kebangsaan dengan jumlah penghuni atau klien yang mendapat rawatan dan pemulihan dadah adalah seramai 3,145 orang.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 17 [*Akta 283*] bagi peruntukan bahawa mana-mana orang yang menjadi penghuni di pusat pemulihan, pusat khidmat ataupun pusat pemulihan persendirian boleh pada bila-bila masa diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dipindah untuk tinggal di pusat pemulihan, pusat khidmat ataupun pusat pemulihan persendirian yang lain dan jika diarah demikian orang itu hendaklah dipindahkan ke pusat pemulihan, pusat khidmat ataupun pusat pemulihan persendirian yang lain itu. Pindaan ini meluaskan skop punca kuasa pemindahan penghuni kepada pusat khidmat dan pusat persendirian.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 18 [*Akta 283*] untuk memperuntukkan bahawa seorang pengamal perubatan termasuk pegawai perubatan kerajaan hendaklah mempunyai kewajipan untuk memberitahu Ketua Pengarah mengenai mana-mana orang yang dirawatnya kerana ketagihan dadah atau bahan atau penyalahgunaan dadah atau bahan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta 283. Pindaan ini meluaskan skop kepada penagih bahan dan penyalahgunaan dadah atau bahan.

Fasal 22 bertujuan untuk menggantikan seksyen 21 [*Akta 283*] untuk memperuntukkan bahawa tempoh pemenjaraan atau tahanan yang telah dijalani hendaklah disifatkan sebagai tempoh rawatan dan pemulihan dalam komuniti atau pusat pemulihan dan pusat khidmat

mengikut mana-mana yang berkenaan dan hendaklah disifatkan telah dijalani serentak dengan tempoh pemenjaraan atau tahanan itu.

Seksyen 283 bertujuan untuk meminda seksyen 26 [Akta 283] untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menjalani rawatan pemulihan di pusat pemulihan atau pusat khidmat boleh dikehendaki melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang pada pendapat orang yang menjaga pusat pemulihan dan pusat khidmat ini akan membantu dalam rawatan dan pemulihannya. Aktiviti itu boleh melibatkan pekerjaan di dalam atau di luar pusat pemulihan atau pusat khidmat itu. Pindaan ini untuk meluaskan skop aktiviti yang akan membantu rawatan pemulihan kepada mana-mana penghuni di pusat khidmat.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 27A, 27B, dan 27C ke dalam Akta 28, butiran pada seksyen tersebut adalah seperti berikut:

Seksyen 27A yang dicadangkan bertujuan memberi Menteri kuasa untuk melantik apa-apa bilangan pegawai pemulihan yang dikehendaki bagi semua perkara yang berhubung dengan tangkapan, rawatan dan pemulihan bagi penagih dadah atau bahan atau penyalahgunaan dadah atau bahan daripada masa-ke-sembasa bagi maksud Akta 283.

Seksyen 27B pula yang dicadangkan bertujuan memberi kuasa Ketua Pengarah untuk melantik apa-apa bilangan sukarelawan sebagaimana yang diperlukan untuk membantu pegawai untuk melaksanakan fungsi rawatan pemulihan di bawah Akta 283. Peruntukan baru ini membolehkan seorang sukarelawan untuk dibayar elaun yang ditentukan oleh Menteri.

Sukarelawan yang dikenal pasti untuk dibayar elaun adalah mereka mempunyai kepakaran dalam bidang pencegahan, perundangan, rawatan perubatan dan pemulihan yang boleh membantu Pegawai Pemulihan menjalankan tugas. Selain itu, sukarelawan ini juga berperanan sebagai ejen perubahan bagi menggalakkan masyarakat dalam membantu penagih dadah atau bekas penagih dadah supaya tidak kembali menagih dengan berintegrasi semula ke dalam masyarakat.

Seksyen 27C yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Profesion Pegawai Pemulihan dan melantik apa-apa bilangan orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran mengenai perkara yang berhubung dengan hal ehwal Pegawai Pemulihan, rawatan pemulihan penagih dadah atau bahan penyalahgunaan dadah, atau bahan dan perkara lain sebagaimana yang ditetapkan untuk menjadi anggota Majlis tersebut.

Majlis Profesion Pegawai Pemulihan bertujuan untuk mengawal selia profesion pegawai pemulihan dengan ahlinya terdiri daripada pakar dalam bidang perawatan perubatan serta rawatan dan pemulihan penagih dadah daripada pihak swasta dan kerajaan. Majlis ini juga berperanan untuk mengiktiraf kompetensi profesionalisme Pegawai Pemulihan untuk melaksanakan tugas rawatan dan pemulihan. Majlis juga menentukan syarat atau kriteria

yang melayakkan pegawai pemulihan atau pegawai perubatan berdaftar untuk melaksanakan tugas rawatan dan pemulihan.

Fasal 26, bertujuan untuk meminda seksyen 28 [Akta 283] bagi memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan atau maksud akta ini dengan lebih lanjut berkenaan perkara-perkara berkaitan dengan penubuhan, pengurusan dan kawalan pusat khidmat termasuklah peruntukan mengenai kuasa, kewajipan dan fungsi orang yang menjaga atau diambil bekerja di pusat khidmat itu dan untuk mengadakan peruntukan mengenai disiplin, pelajaran, latihan vokasional dan pekerjaan orang yang menjalani rawatan pemulihan pusat khidmat itu.

Kuasa ini juga, memberi Menteri kuasa untuk mengadakan peruntukan mengenai keanggotaan, kewajipan, fungsi dan tatacara Majlis Profesion Pegawai Perubatan. Fasal ini selanjutnya memperuntukkan supaya hukuman bagi apa-apa pelanggaran terhadap peruntukan bagi mana-mana kaedah yang menjadi satu kesalahan ditingkatkan kepada denda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Yang Berhormat, fasal 27 bertujuan untuk memansuhkan seksyen baru 28A dan 28B ke dalam Akta 283 seperti berikut. Seksyen 28A bertujuan untuk memberi Menteri kuasa meminda Jadual Akta 283 melalui perintah yang disiarkan dalam warta dan seksyen 28B bertujuan untuk memberi kuasa, memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membuat dan mengeluarkan perintah tetap Ketua Pengarah yang selaras dengan Akta 283 dan mana-mana peruntukan yang dibuat di bawah Akta 283.

#### ■1300

Seksyen 28 bertujuan untuk memasukkan Jadual ke dalam Akta 283 untuk peruntukkan senarai bahan yang termasuk bahan psikotropik yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta Racun 1952 dan toluena. Kemunculan dadah jenis baharu telah menyebabkan penagih dadah sukar untuk diperakui dan pendaftaran NPS ini ke dalam Jadual ADB 1952 mengambil masa yang panjang.

Oleh demikian, terdapat keperluan untuk mewujudkan Jadual senarai bahan dengan membuat rujukan silang kepada Akta Racun 1952, berserta tambahan dadah dan bahan bagi membolehkan rawatan dan pemulihan bagi penagih dadah atau bahan dan penyalahgunaan dadah atau bahan diberikan sewajarnya.

Fasal 29 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian, merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada siapa-siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 30 orang ahli yang hendak berbahas, maka kita hadkan lima minit seorang. Sama ada hendak teruskan atau *lunch break* ke pukul 2.30, tangguh ke 2.30. Ha..?... [*Dicelah*] *No break*.

**Seorang Ahli:** *No break*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *No break*. Okey... [*Dicelah*] Sebab tiada *break*, so kita jemputkan dan mempersilakan Senator Dr. Wan Martina Wan Yusof.

**1.02 ptg.**

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan RUU Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Akan tetapi Dato' Yang di-Pertua, saya minta sedikit lebih masa kerana ini adalah ucapan terakhir saya bagi penggal ini.

Kita menyokong usaha kerajaan untuk menyahkriminal penagih-penagih dadah dengan mengambil contoh-contoh negara luar yang telah berjaya seperti Portugal. Kerajaan perlu mengkaji kaedah pelaksanaan undang-undang yang telah membuahkan hasil dan kejayaan ini supaya dapat ditiru oleh kerajaan kita.

Penagih dadah atau penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang adalah satu penyakit kerosakan pada otak ataupun sistem saraf yang menyebabkan seseorang yang terlibat menjadi terlalu bergantung pada bahan atau *substance* yang diambil atau bahasa perubatannya kita menyebut sebagai *substance dependence*. Semakin lama mereka perlukan dos yang makin tinggi dan jika mereka tidak dapat dos bahan yang mencukupi, mereka akan mengalami *withdrawal symptoms*.

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Faktor inilah yang menyebabkan kejadian kes berulang atau relaps ini adalah amat tinggi. Yang merisaukan kita adalah Datuk Seri Yang di-Pertua, undang-undang ini apabila dilaksanakan nanti tidak memberi kesan dekriminalisasi kerana hukuman juga berlaku apabila kejadian kes yang berulang. Bentuk hukuman ini melanggar prinsip dekriminalisasi kerana akhirnya mereka akan dihukum di penjara. Justeru, objektif kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di penjara tidak dapat dicapai.

Kebimbangan kita juga adalah rang undang-undang ini tidak selaras dengan sebarang pindaan yang berkaitan dengan Akta Dadah Berbahaya (DDA) 1952. Kerajaan perlu meneliti dan menyemak akta ini supaya tiada percanggahan dalam kedua-dua akta ini.

Datuk Seri Yang di-Pertua, menangani masalah ketagihan dadah memerlukan penglibatan rentas kementerian. Antaranya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia dan pelbagai kementerian, termasuk pelbagai agensi.

Kerajaan perlu melihat keperluan dalam pencegahan yang lebih dan amat penting. Penyalahguna yang belum dewasa bermula dengan bahan yang mudah didapati iaitu *vape* ataupun rokok elektronik dengan tambahan nikotin yang juga boleh menyebabkan *substance dependence*.

Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah bentuk penguatkuasaan yang akan dilaksanakan untuk mencegah langkah permulaan oleh kanak-kanak ini. Kementerian Kesihatan perlu dilibatkan untuk memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan diagnosis, menilai tahap rawatan dan rawatan pemulihan termasuk rawatan kesihatan mental dan psikologi.

Datuk Seri Yang di-Pertua, RUU ini menamakan Pegawai Pemulihan yang akan dilantik oleh Agensi Antidadah Kebangsaan. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah kelayakan ataupun kriteria sebagai pegawai pemulihan? Apakah mereka akan diberi latihan yang khusus untuk menjadi seorang pegawai pemulihan memandangkan tanggungjawab ini memerlukan kepakaran atau kemahiran tertentu untuk menguruskan seorang pesakit ataupun penagih dadah atau bahan ini.

Datuk Seri Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan, apakah bentuk penyelarasan bersama dengan Kementerian Kesihatan dalam membuat perancangan di peringkat Pusat dan negeri bagi meningkatkan ketersediaan bagi pengurusan sumber manusia, termasuk penyaluran dwi-rawatan berbentuk perubatan dan juga psikoterapi.

Sejauh manakah fungsi KKM dalam menyokong inisiatif ini? Misalnya, menerusi Program Sub-kepakaran Psikiatri Penagihan dan Forensik bagi rawatan perubatan dan pemulihan. Sebagai contoh, Program Rawatan Terapi Gantian dadah sedia ada yang ditawarkan di klinik KKM dengan menggunakan *methadone* serta program sama yang turut ditawarkan oleh klinik swasta untuk merawat penagih.

Datuk Seri Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seksyen 94 dan 95. Apakah kajian untuk menambah baik prosedur operasi standard melibatkan seseorang bukan dewasa yang dikehendaki untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan, pusat khidmat atau pusat pemulihan persendirian atau menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

Menyaksikan contoh Portugal yang berjaya memulihkan klien dengan salah satu kaedah yang menyediakan program-program *reskilling* kepada klien yang sedang menerima rawatan pemulihan. Apakah usaha atau perancangan kerajaan untuk mengadakan atau mewajibkan klien ini memasuki kelas-kelas kemahiran dalam bidang TVET mengikut kecenderungan mereka.

Seperti yang kita sedia maklum, mereka ini datang dari keluarga yang susah. Oleh itu latihan-latihan ini membuka peluang kepada mereka untuk mencari pekerjaan atau membuka perusahaan sendiri dengan bimbingan dan kawalan dari kerajaan. Saya juga ingin bertanya, apakah rasionalnya mengenakan denda kepada ibu bapa sehingga RM5,000 dan apakah ibu bapa ini akan dikenakan hukuman penjara jika tidak dapat membayar denda ini.

Datuk Seri Yang di-Pertua, oleh sebab ini adalah ucapan perbahasan saya yang terakhir untuk penggal ini, saya memohon izin untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada Dato' Yang di-Pertua, semua Ahli Dewan Negara, Setiausaha dan semua warga Dewan Negara. Sesungguhnya Dewan yang mulia ini bagaikan sebuah universiti bagi saya, banyak ilmu yang saya dapat timba di Dewan yang mulia ini.

Junjung kasih saya sembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V yang telah memperkenankan pelantikan saya dan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan Dewan Negeri Kelantan yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk mewakili negeri Kelantan. *Insyallah* kita akan berjumpa lagi di mana-mana lapangan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusof. *Insyallah* akhir bukan akhir selama-lamanya. Kita doakan bersama. Dipersilakan Senator Dato' Ahmad Dato' Sri Haji Ibrahim. Lima minit. Bukan *last-term*.

■1310

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) ini.

Datuk Seri Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pindaan dan penambahbaikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang dilakukan oleh Kerajaan Madani di sini. Pindaan ini dapat dilihat memperkemarkan lagi proses pemulihan kepada individu-individu yang mempunyai permasalahan terhadap dadah kerana permasalahan penagih atau pengguna dadah ini sudah menjadi antara perkara pokok dan berdekad lamanya di dalam negara kita, apatah lagi mengenai pemulihan dan rawatan terhadap penagih dadah.

Saya beranggapan perlu ada penekanan yang jelas dalam akta apabila kita menyentuh mengenai dekriminalisasi penagih atau pengguna dadah. Ia patut melibatkan pakar-pakar perubatan yang mengetahui jenis-jenis dadah dan juga rawatan terhadap dadah.

Untuk lain pula, pindaan ini dapat memperluaskan lagi skop perkhidmatan untuk lebih cepat tanpa perlu melalui kerenah birokrasi yang menjadi halangan dalam usaha merawat pulih penagih. Persoalannya sekarang, adakah pihak kementerian atau agensi



berkepentingan mengetahui kebimbangan yang diutarakan oleh *Malaysia Medical Association* (MMA) terhadap pindaan akta ini.

Datuk Seri Yang di-Pertua, pada 21 Julai lepas dilaporkan dalam FMT ada seorang penyarah iaitu Associate Prof. Dr. Darshan Singh Mahinder, yang juga Ketua Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan di Universiti Sains Malaysia, menyatakan kebimbangan beliau mengenai akta ini yang mengancam dan menyebabkan penggunaan ketum menjadi mangsa kepada pindaan akta ini.

Ini kerana saya merasakan isu memang akan terkait dan seterusnya boleh menjadi satu lagi masalah kepada kita. Sudahlah mereka pula bergelumang dengan perkara yang lain, saya berharap agar di pihak kementerian boleh menghalusi perkara ini supaya dapat diperjelaskan sebaik-baiknya. Ini penting dan saya harap kementerian boleh menjawab isu yang dibangkit oleh penyelidik ini.

Mengenai pegawai pemulihan pula, saya ada dua persoalan berbangkit. Pertamanya, ialah apakah akan jadi- apakah akan ada satu *certification body*, dengan izin daripada kementerian untuk memberi pengesahan kepada pegawai pemulihan sepertimana yang selalu dibuat agensi penguatkuasaan yang lain? Bahasa senang ialah lesen kompetensi Pegawai Pemulihan AADK.

Memang kita mengetahui mereka ini terlatih dan AADK sudah pun menjangkau hampir 30 tahun, semenjak ditubuhkan pada tahun 1996. Pegawai pemulihan bukanlah seorang yang berkelayakan dalam bidang kesihatan dalam menentukan pemulihan dan juga rawatan ke atas pesakit atau penagih dadah tersebut. Peranan itu sepatutnya dibuat oleh pegawai perubatan dalam menentukan perkara ini.

Pegawai pemulihan boleh kita katakan seperti pegawai penguasaan. Cuma, skopnya diperluaskan kepada rawatan yang sememangnya luar daripada kelayakan mereka. Dengan izin, *yes, with most drug test, nowadays we can identify drug in the person system easier. But further diagnosis and the appropriate medical treatment for a particular drug user or addict should be done by an appropriate medical practitioner, thus a doctor and not by an enforcer or of the law or disciplinarian who might ill equip with the right medical knowledge.*

*Remember, some people may be allergic to certain treatment and they are some people that have some kind of mental disorder, autism or paranoid schizophrenia before drug abuse that looks most normal on the outside, which may need a different approach and additional treatment,* dengan izin, sekali lagi. Terima kasih.

Kita harus mengakui perkara sebegini harus ada pemantauan daripada pegawai perubatan yang bertauliah, bukan sekadar tangkap muat lebih-lebih lagi apabila menentukan tarikh pemulihan kepada pengguna dadah ini kerana kita tahu perkara ini lebih kompleks dan tidak harus dipandang enteng. Sedikit lagi masa. Dua minit? Terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Seminit, boleh?

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** *Insyallah*, I cuba. Keduanya ialah isu integriti terhadap pegawai pemulihan. Sekiranya tiada campur tangan daripada Pegawai Perubatan yang bertauliah, apakah akan jadi pada penagih dadah yang di bawah seliaan Pegawai Pemulihan? Apakah mereka mengetahui perkara-perkara saintifik mengenai jenis dan penggunaan dadah?

Harus diingat, kita tidak mahu perkara sebegini umpama mengambil kesempatan dalam kesempitan. Penahanan penagih atau pengguna perlu ada pengesahan dan pengesahan terlebih dahulu daripada Pegawai Perubatan sebelum Pegawai Pemulihan membuat tangkapan.

Datuk Seri Yang di-Pertua, mengenai Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan pusat pemulihan swasta, adakah kementerian bercadang untuk menjadikan pusat pemulihan swasta sebagai *affiliated center*, dengan izin, selepas pihak kementerian mengawal selia dan mendaftarkan kesemua 56 buah pusat pemulihan swasta? Bagi saya, perkara ini harus dilihat secara holistik mengenai peranan pusat pemulihan swasta selain daripada tanggungjawab PUSPEN itu sendiri.

Saya syorkan supaya pusat pemulihan swasta ini mendapat bantuan daripada pihak kementerian dan AADK. Dalam masa yang sama, ada pematuhan undang-undang atau peraturan dapat dikawal selia oleh AADK mematuhi spesifikasi Kementerian Kesihatan dan yang paling penting ialah tiada perkara yang tidak diingini berlaku di pusat pemulihan swasta, dalam masa yang sama dapat menampung 30 PUSPEN yang ada di seluruh negara. Begitu juga dengan PUSPEN, pihak Kementerian Kesihatan perlu ada juga bersama-sama dengan PUSPEN melalui bantuan kepakaran yang sedia ada, lebih-lebih lagi bidang kesihatan dan perubatan.

Saya berharap agar pindaan yang baharu ini dapat memberi perkhidmatan yang lebih bersesuaian dan bersifat kemanusiaan terhadap mana-mana individu yang berhasrat untuk berhenti menjadi penagih dan mengurangkan stigma kita terhadap mereka, sekali gus dapat membantu mereka melakukan proses pemulihan untuk menjadi manusia yang berguna dan bertanggungjawab selepas rawatan yang bersesuaian.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Datuk Seri.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

### 1.18 tgh.

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Datuk Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk turut saya- untuk turut sama bersetuju dan menyokong penuh atas ketetapan, atas keputusan Dewan yang

mulia ini pada hari ini menyatakan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak bertamadun pihak yang tidak bertanggungjawab membunuh pemimpin pembebasan Palestin Ustaz Asy-Syahid Ismail Haniyeh oleh pihak pengganas.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga akan sama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan) 2024. Datuk Yang di-Pertua, saya difahamkan rang undang-undang ini bertujuan untuk memartabatkan peranan Pegawai Pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Seterusnya, RUU ini juga dapat memperluaskan akses-akses rawatan dan pemulihan, khususnya secara sukarela dalam kalangan penagih dadah atau di kalangan penyalahgunaan dadah dan juga bahan terlarang.

#### ■1320

Datuk Yang di-Pertua, pertama pendekatan berasaskan komuniti pelantikan Pegawai Pemulihan seksyen 27C(1), Menteri hendaklah menubuhkan Majlis Profesion Pegawai Pemulihan rawatan dan pemulihan penagihan dadah untuk anggota majlis.

Datuk Yang di-Pertua, bagaimana kerajaan dapat memastikan penyelesaian iaitu menang-menang- *win-win* melalui pendekatan berasaskan komuniti kepada penagih yang telah- penagih yang menyertai program rawatan dan pemulihan di bawah seliaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berbanding kaedah semasa yang lebih terarah kepada penguatkuasaan dan pemenjaraan. Pada masa yang sama, dapat mengurangkan kes-kes ataupun perkara yang menyebabkan kesesakan di penjara kita.

Datuk Yang di-Pertua, ini mengambil kira cabaran yang sering dihadapi oleh pengamal perubatan di pusat pemulihan dan tahanan apabila seorang penagih bergelut dengan gejala sindrom tarikan ataupun kerencatan mental juga fizikal akibat penggunaan dadah bahkan menyukarkan usaha merangka pelan rawatan dan perubatan secara menyeluruh dan berkesan. Adakah kaedah penilaian AADK akan dibuat berdasarkan keseriusan kes? Makna dia *case-to-case basis* kepada setiap penagih yang tampil secara sukarela untuk dirujuk terus kepada pegawai pemulihan AADK.

Datuk Yang di-Pertua, yang kedua berkaitan dengan seksyen 16(2), Menteri boleh atas permohonan secara bertulis, mana-mana orang perseorangan atau mana-mana organisasi ataupun badan atau kumpulan orang memberi kelulusan bagi pendaftaran suatu pusat pemulihan persendirian. Apakah pihak kementerian juga telah mengkaji cadangan ini untuk memperuntukkan bantuan khusus pada Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) ini untuk menyokong usaha ke arah membangunkan ekosistem institusi pemulihan untuk penagih dadah yang dikendalikan oleh orang-orang perseorangan atau NGO atau pertubuhan syarikat secara holistik dan berkesan?

Adakah telah wujud mana-mana badan yang telah ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti pemulihan dadah? Jika ada, minta Yang Berhormat Menteri nyatakan jumlah mengikut negeri setiap negeri.

Seterusnya, bagaimana Menteri dapat memastikan bahawa pusat-pusat swasta ini dapat menjalankan tanggungjawabnya secara berkesan, secara baik serta tidak menjadikan pusat pemulihan ini sebagai pusat lain, menjadi pusat dadah pula.

Yang Berhormat Tuan Menteri...

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Menteri?

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idirs:** Yang Berhormat Tuan Speaker, secara kesimpulannya saya menyokonglah usul ini kerana ia mampu menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Dalam masa yang sama, kerajaan harus peka dan aktif dalam membasmi aktiviti pengedaran serta kempen kesedaran tentang bahaya dadah kepada masyarakat dengan lebih komprehensif. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker. Lima minit Dato' Sri ya.

### 1.24 tgh.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih Yang di-Pertua memberi saya peluang dan ruang untuk turut sama membahaskan pindaan Rang Undang-undang Penagih Dadah.

Saya secara dasarnya tidak mempunyai masalah berkenaan pindaan yang saya sifatkan akan memberi nafas baru kepada pengurusan gejala penagihan dadah dan semangat yang diterjemahkan dalam pemakaian pindaan RUU ini juga saya lihat melengkapi prinsip-prinsip rawatan dan pemulihan sepertimana yang diterangkan oleh Institut Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan (NIDA) dan diselaraskan dengan hasrat kerajaan untuk mendekriminalisasikan penagihan dadah atau *decriminalization*.

Namun demikian, terdapat beberapa persoalan berkaitan pindaan ini yang ingin saya bangkitkan, pertamanya tentang pewujudan satu seksyen baru iaitu seksyen 6A, perintah rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah atau bahan yang membenarkan penyalahgunaan dadah atau bahan untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan dalam komuniti tidak melebihi dua tahun atau rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan tidak melebihi enam bulan.

Saya berpandangan bahawa benar setiap individu Malaysia ini berhak untuk mendapatkan peluang untuk representasi diri mereka sekiranya disabitkan kesalahan. Peluang untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan ini sedikit sebanyak dapat memberi ruang kepada penyalahgunaan dadah atau bahan untuk memperbaiki diri mereka.

Namun begitu, terdapat beberapa persoalan yang ingin saya lontarkan kepada justifikasi penetapan kadar tempoh bagi mendapatkan rawatan dan pemulihan ini iaitu enam bulan bagi kesalahan kali pertama dan satu tahun bagi kesalahan kedua dan berikutnya. Apakah kewajaran tempoh ini memadai dalam memulihkan para penagih dadah ini? Saya pohon untuk dijelaskan dengan lebih baik sekiranya pihak kementerian turut dapat

memberikan sedikit data mengenai beberapa jumlah perbelanjaan kerajaan yang diperuntukkan bagi seksyen ini.

Seterusnya, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai kekhawatiran yang disuarakan oleh sekumpulan 15 orang pakar yang diketuai oleh Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia, Prof Datuk Dr. Adeeba Kamarulzaman yang menyifatkan pindaan ini salah satu langkah ke belakang dan tidak seiring dengan matlamat dekriminalisasi yang tulen dan mungkin memburukkan cabaran yang sedia ada. Apakah pandangan kementerian berhubung dengan kenyataan ini?

Apakah pertimbangan kepada kementerian untuk meminda kesemua undang-undang yang melibatkan penggunaan kesalahan dadah seperti Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 dan Akta Racun 1952 untuk menyelaraskan atau selaraskan dengan pindaan yang telah kita cadangkan di sini?

Datuk Seri Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan usaha kita untuk *decriminalize* iaitu kita menumpukan pada pemulihan dan kurangkan pada hukuman. Namun begitu, kita nampak juga, kita perlu memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah ini kerana mereka sebenarnya adalah pesakit. Namun, kalau kita kumpulkan mereka dengan penjenayah, maka akan berlaku banyak masalah.

Jadi daripada segi pindaan yang telah diadakan, yang saya ingin sampaikan sebelum terlambat kerana masa yang diberi lima minit dan walaupun saya ini adalah ucapan saya yang terakhir juga tetapi saya ingin menekankan dan menyampaikan...

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh Yang Berhormat, saya beri lebih masa sedikit.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Sebab saya banyak untuk saya cakap sebenarnya.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Dua minit lagi.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Saya nak sampaikan sebagai suara bagi mewakili mereka-mereka yang betul-betul *empathic* bagi penagih-penagih dadah. Mereka daripada kalangan NGO yang saya kenal berpuluh-puluh tahun berkorban bukan untuk mencari kewangan ataupun kedudukan tetapi mencari keadilan kepada pesakit-pesakit.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Dua minit, saya tambah. Saya tambahkan dua minit, boleh?

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih. Satu minit sudah habis. Tak apa, saya pun tak mahu ambil masa orang yang panjang. Namun begitu, apa yang penting di sini ialah isu-isu yang diutarakan ialah *inconsistency* dengan *decriminalization principal* yang telah diadakan oleh pindaan ini. Persoalan mereka, apabila mereka memberi kita *briefing* baru-baru ini, dua hari yang lepas, semua Senator yang hadir bersetuju bahawa kita tidak perlu *rush through* dan ada juga yang bersetuju untuk memohon supaya pindaan ini dikemudiankan, namun nampaknya ia tidak terjadi kerana dari segi isu-isu yang dibawa antaranya ialah mengapa

penumpuan diberi kepada penentuan rawatan dan pemulihan oleh pegawai pemulihan AADK dan diketepikan peranan yang dimainkan oleh pegawai perubatan kerajaan ataupun pengamal perubatan berdaftar kerana merekalah yang paling profesional, paling arif, paling empati, paling bertimbang rasa dalam membuat satu penelitian kajian terhadap pesakit dan memberi cadangan kepada Majistret untuk membuat Perintah.

■1330

Kalau kita tumpukan selepas *certification*, kita tumpukan kepada kuasa pada pegawai pemulihan dadah, bukan saya nak meremehkan peranan mereka, tetapi kalau kita cuba berpuluh-puluh tahun dengan sistem yang sama, budaya yang sama, pegawai yang sama, pentadbiran yang sama tetapi kita tidak berjaya. Maka, kita perlulah membawa *check and balance*. Seperti juga *banker*. Kalau *banker* dia tukar *manager* dia, kalau lama-kelamaan orang akan mencari *loophole*. Itulah masa mereka menyuntik dan akan ada *the devil in us will sell whatever principles we have*.

So, saya setuju sangat kalau kita memperkasakan pegawai-pegawai perubatan ini yang lebih-lebih lagi terdiri daripada orang-orang muda yang mempunyai idealisme berkobar-kobar seperti saya untuk memastikan sistem yang kita ada dapat diperbaiki kerana nekad kita ada. Kerana kita mempunyai niat, nawaitu dan panggilan untuk menyelesaikan masalah. Bukan cakap setakat kita buat *prima facie* tetapi nekad tak ada, *the will power is not there*.

So, saya amat-amat setuju bahawa pindaan ini kita masukkan pegawai-pegawai perubatan untuk membuat kajian, membuat cadangan supaya pesakit-pesakit ini tidak menjadi mangsa kepada pegawai-pegawai pemulihan sahaja. Kerana lama-kelamaan orang yang lama biasanya dia akan buat kompromi. Kadangkala sebab saudara, kadangkala sebab panggil kawan, kadangkala sebab wang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat-amatlah menyarankan supaya kita memberikan pertimbangan kalau boleh untuk selaraskan pindaan ini supaya matlamat tercapai dengan akta-akta lain yang bersangkutan.

Kedua, kita memberi lebih peranan kepada pegawai perubatan kerana pegawai perubatan kita tidak tentukan seorang sahaja, ia akan berubah-ubah dan biasanya orang-orang akan bertukar-tukar. Kalau kita tumpu kepada sistem yang ada, kepada pegawai yang sama, pasti matlamat kita tidak akan tercapai. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi saya lebih masa. Saya ingin menyokong pindaan juga. Terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Menteri kita ada dari pagi sampai sekarang. Tahniah. Terima kasih Timbalan Menteri ya, masih bersama dan *insya-Allah* beliau akan menjawab. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, "*Rome wasn't built in a day*." Jadi, kita kena bersama-sama membantu kerajaan kita ya. Dipersilakan Senator Dato' Juhani Abd Aziz. Lima minit.

### 1.32 tgh.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah merupakan perbahasan saya kali terakhir. Serupa juga dengan rakan-rakan saya yang lain. *Alhamdulillah*, syukur kepada Allah SWT kerana saya dapat berbahas bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain iaitu berkenaan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Saya kira adalah amat wajar untuk kita laksanakan semakan terhadap Akta 283 ini, memandangkan kali terakhir akta ini dipinda adalah pada tahun 1998. Oleh itu, keperluan untuk meminda akta ini adalah bersifat mendesak bagi memastikan penambahbaikan bagi kelompangan sedia ada dapat dilaksanakan di samping memastikan akta ini dapat dilaksanakan dengan penguat kuasa yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara sejak tahun 1983. Mengikut data Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), menunjukkan sebanyak 145,526 kes penagihan dan penyalahgunaan dadah yang direkodkan pada tahun 2023. Apa yang lebih membimbangkan adalah daripada jumlah ini, sebanyak 62.1 peratus atau 90,520 orang yang terlibat merupakan golongan belia yang berusia 19 hingga 39 tahun.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga mendedahkan, setiap hari kira-kira 17 orang penagih dadah baharu dikesan seluruh negara. Ini membuktikan meskipun selama ini kerajaan giat melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, menyedarkan kesedaran bahaya dadah. Namun begitu, meningkatkan hukuman-hukuman dan sebagainya, ia tidak berjaya membendung gejala penagihan dadah di Malaysia. Malah, ia makin kritikal dan membarah.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya telah tiba masanya untuk kerajaan melaksanakan sebuah inisiatif yang baharu yang lebih berkesan untuk menyelesaikan gejala ketagihan dadah di seluruh negara. Saya amat menyokong usaha kerajaan untuk mendekriminalisasi. Ha, panjang ini. Berbelit-belit. Penagih dadah, dengan mengalihkan penyalahgunaan daripada hukuman penjara ke program rawatan pemulihan.

Merujuk kepada fasal 2 yang bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 283 untuk memperluas ruang lingkungannya supaya merangkumi penagih bahan dan penyalahgunaan dadah atau bahan. Pindaan ini penting bagi mengemaskan istilah yang digunakan dalam akta ini.

Penggunaan istilah penagih dadah dan penyalah guna bahan ini meluaskan skop daripada hanya menangani penagih dadah kepada penagih dadah serta penyalah guna dadah dan bahan. Pindaan ini secara tidak langsung mengiktiraf berbagai jenis bahan yang boleh membawa kepada ketagihan dan penyalahgunaan dadah yang mencerminkan realiti semasa masalah ketagihan yang melangkaui narkotik tradisional. Definisi yang lebih luas ini

akan membantu pegawai pemulihan AADK untuk merangka program rawatan dan pemulihan yang lebih proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada pindaan fasal 12. Bertujuan untuk menggantikan seksyen 8 Akta 283 untuk mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi rawatan dan pemulihan mana-mana penagih dadah atau bahan dan penyalah guna dadah atau bahan yang menjalani rawatan secara sukarela. Sebelum ini, perakuan penagih dadah dilaksanakan oleh pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar. Kemudian, barulah pegawai pemulihan AADK akan membuat penentuan rawatan dan pemulihan.

Namun begitu, melalui pindaan ini, pegawai pemulihan AADK akan diberi mandat iaitu sebuah kuasa untuk membuat perakuan penagih atau penyalah guna dadah atau bahan seterusnya, menentukan rawatan dan pemulihan yang bersesuaian bagi individu yang sukarela untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan.

Saya yakin pindaan ini akan memudahkan proses dan mempercepatkan usaha pemulihan dan rawatan penyalahgunaan dadah dan bahan tanpa perlu melalui berbagai-bagai kerenah birokrasi. Oleh itu, bagi memastikan proses rawatan dan pemulihan ini dapat dirangka dengan lebih berkesan, kementerian perlu memastikan pegawai pemulihan AADK yang diberi tanggungjawab ini dilengkapi dengan ilmu kemahiran dan kepakaran yang mencukupi.

Saya ingin tahu, apakah perancangan kementerian untuk memastikan kemahiran pegawai-pegawai ini mencapai kualiti standard yang ditetapkan serta adakah terdapat keperluan untuk perjawatan ini ditambah?

Tuan Yang di-Pertua, usaha berani kerajaan untuk menangani penagih dadah ini wajar dipuji dan disokong. Namun begitu, sekiranya pelaksanaan akta ini tidak dibuat dengan teliti dan berhati-hati, terdapat kemungkinan ia akan menghantar mesej yang salah kepada orang ramai.

Apabila hukuman terhadap penggunaan dadah dihapuskan, tidak akan ada lagi rasa takut yang akan menghalang mereka. Saya khuatir kita mungkin secara tidak sengaja menggalakkan lagi penggunaan dadah terutamanya bagi individu yang kononnya sekadar ingin mencuba, namun akhirnya terjerumus ke dalam kancah penagihan.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Lama lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Sikit lagi. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator, Setiausaha Dewan Negara dan semua petugas-petugas di Dewan Negara.

■1340



Saya juga merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang dan menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Duli Yang Teramat Mulia Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan saya sebelum ini ya. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat... *[Tepuk]*  
Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Michael Mujah Lihan. Masa 5 minit, Yang Berhormat.

#### **1.40 tgh.**

**Tuan Michael Mujah Lihan:** Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Negara kita berhadapan dengan ancaman dadah sejak berpuluh-puluh tahun yang dahulu. Ramai rakyat kita terutama anak-anak muda yang telah menjadi mangsa akibat penagihan dadah. Pelbagai kempen dan hukuman yang kerajaan implementasi, namun jumlah penagihan tetap meningkat.

Datuk Seri Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang yang kita bahas pada petang ini adalah untuk mengiktiraf peranan pemulihan diberi kepada pegawai AADK untuk melaksanakan verifikasi terhadap individu yang memerlukan rawatan pemulihan dadah kerana akta sebelum ini proses penilaiannya dibuat oleh pegawai perubatan di mana proses memakan masa yang begitu lama. Ini bagi memastikan terdapat dadah dalam tubuh mereka sebelum dimasukkan ke pusat pemulihan.

Akta yang bakal diluluskan ini membawa kepada peningkatan penglibatan dan pengawasan yang lebih terperinci dalam proses rawatan dan pemulihan. Salah satu aspek penting dalam pindaan ini adalah peralihan daripada pendekatan pemenjaraan kepada pendekatan bukan pemenjaraan. Ini menunjukkan fokus kepada pegawai pemulihan daripada hukuman. Ia memberi tumpuan kepada sokongan dan bantuan yang diperlukan.

Datuk Seri Yang di-Pertua, pindaan ini juga bertujuan menyediakan akses yang lebih baik kepada rawatan dan pemulihan bagi individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Ini termasuk langkah-langkah untuk memudahkan penagih menerima rawatan sukarela dengan sokongan pegawai pemulihan yang lebih bertauliah. Pindaan ini merangkumi penubuhan Majlis Profesion Pegawai Pemulihan untuk memastikan standard perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai pemulihan. Ini adalah penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sokongan kepada individu yang memerlukan bantuan.

Melalui pindaan-pindaan yang akan dilaksanakan ini adalah diharapkan pengurusan penyalahgunaan dadah akan menjadi lebih holistik, efektif dan berorientasikan kepada pemulihan individu. Kepentingan aspek kesihatan, keselamatan dan kemanusiaan diberikan penekanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan individu yang terlibat dalam

penyalahgunaan dadah. Saya berpendapat pindaan ini tidak mengabaikan peranan Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawainya kerana penagih akan dirujuk kepada pegawai kesihatan, sekiranya ada keperluan.

Dalam itu, saya berharap pegawai-pegawai AADK yang terlibat dalam proses pemulihan ini perlulah diberi latihan yang secukupnya bagi memastikan melakukan penilaian menyeluruh agar memberi manfaat maksimum kepada individu yang memerlukan pemulihan daripada penagihan mereka. Sekiranya tiada latihan yang secukupnya, kesannya penagih akan kembali ke tabiat lama mereka. Maka, proses ini tidak berhasil.

Datuk Seri Yang di-Pertua, pindaan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) ini adalah satu langkah yang dapat meningkatkan dan memperkasakan kualiti pemulihan bagi penyalahgunaan dadah. Namun, untuk mencapai tujuan ini dengan efektif, saya ingin bertanya sama ada pusat pemulihan di seluruh negara cukup bagi menampung jumlah penagih untuk mendapatkan pemulihan.

Datuk Seri Yang di-Pertua, masalah pengedaran dadah ini bukan sahaja berlaku hanya di bandar-bandar besar bahkan sekarang menular sehingga ke kawasan pedalaman. Saya ambil kesempatan ini dan melencong sedikit tetapi ia berkaitan dengan isu yang kita bahas pada hari ini. Ini adalah tentang masalah penagihan dadah terutamanya di daerah Belaga, Sarawak, khususnya di Sungai Asap.

Datuk Seri Yang di-Pertua, perkara ini amat merisaukan dan sangat kritikal kerana banyak terlibat adalah remaja dan belia. Semenjak akhir-akhir ini banyak berlaku kes kecurian dan pecah rumah. Mereka terlibat dengan mencuri kabel, buah kelapa sawit, lada, motosikal dan telefon mudah alih untuk dijual bagi mendapatkan bekalan dadah mereka. Oleh itu, saya menyeru supaya pihak berkuasa PDRM mempertingkatkan lagi rondaan di kawasan Sungai Asap. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Datuk Seri- Datuk Yang di-Pertua. Eh, minta maaf... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Masa 5 minit.

**1.46 tgh.**

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Seri Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana sekali lagi membawa pindaan yang berhubung kait dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Cuma hari ini pindaan yang dibawa adalah membezakan tafsiran di antara penagih dadah atau bahan dengan penyalahgunaan dadah atau bahan, selain meluaskan skop rawatan dan pemulihan kepada penagih. Kerajaan sekali lagi mengambil langkah proaktif

dalam usaha menjadikan Malaysia bebas daripada ancaman dadah. Kita sekarang sudah beralih daripada menghukum mereka yang terlibat dengan dadah tetapi lebih kepada kaedah rawatan dan pemulihan.

Walau bagaimanapun, bagi kesalahan mengedar dan menjual dadah, itu tetap dihukum mengikut perundangan sedia ada. Saya berharap agar semua pihak tidak kira fahaman politik, kaum dan agama harus bergabung tenaga bersama-sama menyokong hasrat dan cita-cita murni kerajaan dalam memerangi penyalahgunaan dadah.

Datuk Seri Yang di-Pertua, Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga mendefinisikan penagihan sebagai penyakit kronik otak berulang. Bersandarkan definisi ini, dekriminalisasi penggunaan dadah bermaksud ia dikeluarkan daripada undang-undang jenayah dengan penagihan dadah- dengan penagih dadah tidak diambil tindakan di bawah kerangka perundangan jenayah. Sebaliknya perlu mendapat rawatan dan pemulihan sewajarnya.

Pindaan akta pada hari ini yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah bukanlah amalan asing bagi sesebuah negara. Ini kerana trend jenis dan penggunaan dadah berubah dengan cepat. Lebih-lebih lagi kini ada trend dadah sintetik yang berada di pasaran gelap dan diedarkan berleluasa. Pindaan pada RUU ini akan memberi kuasa kepada pegawai AADK untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah dengan lebih berkesan. Kali ini kita akan mengiktiraf peranan pegawai pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan untuk melaksanakan verifikasi terhadap mereka yang memerlukan rawatan penagihan dadah.

RUU ini juga dapat memperluaskan akses rawatan dan pemulihan khususnya secara sukarela dalam kalangan penagih atau penyalahgunaan dadah dan bahan. Apabila seseorang individu dengan rela hati hadir di AADK, apakah proses yang perlu dilalui beliau sebelum menjalankan proses rawatan pemulihan? Adakah perlu diambil keterangan kerana mengambil barang terlarang atau tidak dikenakan sebarang tindakan undang-undang? Adakah mereka akan ditahan oleh Polis disebabkan kesalahan dadah atau akan dibawa ke balai polis untuk diambil keterangan atau sebaliknya?

Saya juga ingin tahu, apakah pentakrifan atau bagaimana seorang yang ditahan akan berpindah tangan, dibawa dan berpindah ke pusat penahanan AADK? Apakah kaedah yang diguna pakai supaya hak mereka yang ditahan adalah terpelihara.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh mengenai kempen kesedaran dan hebahan awam mengenai RUU ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah ada rancangan dan jenis maklumat hebahan umum kepada rakyat selepas RUU diluluskan? Bagaimana bentuk kempen kesedaran untuk mengajak rakyat yang menghadapi masalah dadah dapat tampil ke pusat pemulihan yang sedia ada di Malaysia, untuk menerima rawatan sepatutnya?

#### ■ 1350

Saya ingin cadangkan bahawa kempen dan hebahan ini haruslah lebih interaktif, menarik dan moden agar ramai tampil ke hadapan mendapatkan rawatan. Datuk Seri Yang

di-Pertua, apabila kita melihat RUU ini, kerajaan bercadang untuk memindah pesalah dadah ke pusat-pusat AADK dan juga menambah lagi bilangan kompleks AADK yang akan dibina oleh kerajaan.

Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa masalah dadah tidak berkesudahan dan semakin runcing di negara kita. Apa tidaknya, ada pelbagai jenis dadah haram yang berada di pasaran sekarang. Dadah daripada jenis sintetik dan juga bukan sintetik. Walau apa pun jenis dadah haram ini, tujuannya hanya satu iaitu sebagai perangsang bertujuan untuk khayal dan akhirnya membawa kepada gangguan emosi dan mental, seterusnya kematian.

Saya juga ingin bertanya, apakah kempen antidadah yang terbaru yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk memerangi dadah? Bagaimana pula dengan kempen-kempen di media sosial, media elektronik dan media massa? Adakah kita betul-betul perangai dadah secara habis-habisan? Adakah peruntukan sedia ada mencukupi untuk kita jalankan kempen secara besar-besaran? Sikit lagi, Datuk Seri Yang di-Pertua. Kempen-kempen ini harus juga dikembangkan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi sama ada yang awam atau swasta.

Tidak lupa juga di kem-kem khidmat negara yang bakal dihidupkan semula tahun hadapan. Mereka yang diwajibkan untuk Program Khidmat Negara pada tahun hadapan seharusnya didedahkan dengan bahaya dan ancaman dadah pada diri dan juga negara. Saya tahu pendedahan dan ceramah ada diberikan. Cuma saya ingin cadangkan ia harus diperkasakan lagi dan pegawai-pegawai AADK harus turun ke kem-kem ini di tahun hadapan. Ini kerana pegawai-pegawai lebih terdedah dan melihat dengan mata mereka sendiri akan bahaya dadah pada diri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

Walaupun rang undang-undang ini bersifat pemulihan penagih dadah tapi kita jangan lupa apabila seorang itu telah dicap sebagai penagih, mereka biasanya dipandang serong oleh masyarakat. Seterusnya, bekas penagih ini akan mengharungi pelbagai stigma dalam masyarakat yang enggan menerima mereka kembali. Mereka lantas terpinggir, terabai dan tidak ada arah tuju. Maka, di sini terjadilah berulang lagi mereka sebagai penagih-penagih dan seterusnya.

Pada pandangan saya, mereka yang terlibat dengan masalah dadah ini terdiri dari pelbagai golongan. Mungkin terdiri daripada keluarga kita sendiri dan- yang pasti dalam fikiran mereka hanya ada satu penyelesaian iaitu kembali kepada dunia dadah balik. Maka, pusat-pusat AADK juga harus membantu daripada aspek kerohanian dan ketahanan fizikal bagi melawan sifat penagih terhadap dadah.

Soalan saya, berapa ramaikah kaunselor-kaunselor ditempatkan di pusat-pusat ini? Saya juga ingin cadangkan agar pakar agama juga ditempatkan untuk diberi kaunseling agama bagi mereka yang beragama Islam dan tidak salah juga kaunseling bagi penganut agama yang lain.

Akhir sekali, dadah tidak mengenal bangsa, jantina, agama dan warna kulit. Apabila seseorang terjerumus dalam kancah dadah, amat sukar bagi beliau melepaskan genggamannya. Dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong sepenuhnya pindaan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

### 1.54 tgh.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani. Saya juga ingin membahaskan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Dadah ini sebenarnya kalau siapa tak kena, tak tau, tapi siapa yang kena, dia baru tau macam mana dadah ini. Dadah ini- ada dadah yang lama dan ada juga yang jenis baru. Jenis lama Yang Berhormat Menteri, ganja. Kalau tempat saya, bukan panggil dadah. Tempat saya dipanggil '*pet hun*'. Pasai saya ini terdedah dalam kumpulan-kumpulan yang berada, yang sentiasa bersama dengan di kampung saya, di kawasan Pantai Remis adalah kawasan yang *black area* jugalah dengan '*pet hun*' ini ataupun disebut dadah.

Sekarang dadah fesyen baru. Dadah sintetik yang dia makan, dia telan hari ini, tahan tiga bulan. Dia bunuh mak dia, dia gelak, dia senyum, dia *happy* kerana dadah itu ialah dadah yang bukan *original*. Dadah yang dibuat secara saintifik, yang merosakkan fikiran. Dia boleh seronok, dia makan sebiji, dia boleh baca buku tiga hari tiga malam tak tidur. Jadi, ini dadah. Jadi, siapa yang tak kena dadah ini, dia tak tau. Siapa yang kena, bukan setakat itu, pincang sebuah keluarga. Kalau ada dalam keluarga kita, ada seorang yang hisap dadah ini, satu keluarga itu jadi masalah kerana dia akan kacau, dia akan muncul, macam-macam lah.

Itu hal yang bersangkutan paut dengan dadah ini, tapi oleh sebab kita ini, kerajaan kita kerajaan yang bertanggungjawab. Sentiasa nak memikirkan bagaimana nak menyelamatkan kerana anak-anak yang kena dadah ini, *depa* bukan penjenayah sebenarnya. Mereka dilahirkan suci, bersih tetapi kadang-kadang kehidupan keluarga, kerana disebut syurga itu bermula dari rumah, tapi kalau di rumah tidak ada syurga, ibu bapa- saya cuba bawa ke arah lain sikit. Kalau di rumah itu berantakan, rumah yang- keluarga yang sama ada keluarga kaya, keluarga miskin, tidak ada kebahagiaan di rumah, maka mereka di sanalah bermulanya untuk mencari kawan dan sebagainya. Mula terjerumus dengan ambilan-ambilan yang seperti ini.

Jadi, akhirnya mereka ini hisap dadah. Kadang-kadang yang lebih malang lagi Yang Berhormat Menteri, *duk* tepi laut, Polis hambat, mati begitu saja. Mati keras, mati dalam pukut dan sebagainya kerana takut sangat pada Polis yang *rush* ini, tapi marilah hari ini, kita jangan- kita meletakkan penagih dadah ini adalah orang yang sakit, bukan penjenayah. Kita kena

ubah yang ini. Masalahnya, kita ini- kita kalau kita orang hisap dadah saja, “*Dia jahat. Dia pencuri. Dia macam-macam.*” tapi kita cuba ubahkan, kita kena fikir masyarakat kita ini, mereka ini adalah orang-orang yang sakit. Ini kerajaan kita nak buat ini. Pindaan rang undang-undang ini sebahagiannya nak mengubah daripada penjenayah kepada mereka yang perlu dirawat.

Kalau perlu rawat maksudnya, hospital, pusat-pusat rawatan yang baik, tapi pusat rawatan ini pun banyak tapi kena ada *standard of procedure* (SOP) untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini. Mesti ada peraturan dan undang-undangnya. Macam Rumah Pengasih umpamanya. Jadi, banyak benda yang kita kena buat, yang akhirnya yang boleh mempercepatkan proses pemulihan ini, bukannya penagih itu, bukannya undang-undang ini. Undang-undang kerajaan boleh cipta, seksyen itu, seksyen ini, undang itu atau undang ini tetapi kembali kepada masyarakat. Kembali kepada masyarakat ini siapa? Kembali kepada ibu dan bapa. Keluarga, Yang di-Pertua, kerana anak kita- yang menjadikan anak kita itu dan ini adalah kita.

Jadi, tanggungjawab ibu bapa itu paling penting. Jangan biarkan, jangan lemparkan anak-anak kita itu. Saya bercakap ini pengalaman, pengalaman. Saya dalam keluarga saya ada yang terlibat begini tetapi mak dan ayah main peranan yang sangat, sangat penting, Yang Berhormat Menteri. Kalau Islam, solat hajat tak berhenti. Apa orang kata pun dekat anak-anak yang penagih dadah ini, dia sebab ibu, Puan Yang di-Pertua, tetap kata itu anak kita. Kalau kita semua ini, masyarakat ini melihat penagih dadah ini bukan penjenayah, dia perlu dirawat sepertimana rang undang-undang hari ini dibuat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, peranan AADK. AADK ini dulu lepas orang keluar dari pusat pemulihan, dia mari rumah. Dia juga bertindak sebagai- pantau, dia bertindak sebagai kaunseling, dia bertindak sebahagian daripada keluarga. Datang rumah seminggu sekali, dua minggu sekali tapi Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan. AADK ini kalau satu Daerah Manjung, empat orang mana cukup. Kesian kat dia, 24 jam nak buat kerja. Minta masa sikit. Tak cukup. Tambah...

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Bagi 1 minit, boleh?

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Lebih sikit.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Baiklah, saya bagi 2 minit tapi tak boleh lebih daripada 2 minit.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Pasai ini isu *ground*. Isu ini isu yang...

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih, terima kasih- 2 minit.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Kena ingat Yang di-Pertua, kita selalu sebut dadah lebih bahaya lebih daripada komunis. Ingat lagi, dulu kita sebut macam itu. AADK perlu ditambah kerana AADK bertindak sepertimana yang kita kehendaki. Kalau satu daerah empat orang, mana cukup, tak cukup.

**■1400**

Jadi, lagi yang kedua, Timbalan Menteri, jangan ada “*harapkan pegar, pegar makan padi*”. Ini dia. Punca tidak boleh selesai dadah kita ini. Rang undang-undang, saya tidak mahu baca, saya tidak mahu bacakan satu-satu seksyen itu, tetapi daripada segi keseluruhannya ialah kalau penguatkuasaan kita tulus, ikhlas, amanah, menjalankan ini untuk negara dan bangsa, takkan tidak selesai-selesai lagi dadah kita ini? Dari zaman saya dilahirkan sampai hari ini, sebut lagi masalah dadah, tidak boleh selesai.

Penyalahgunaan dadah, hisap dadah, yang paling malang, pengedar dadah. Antara dua- pengedar dadah dengan penghisap dadah, penggunaan dadah. Pengedar dadah, kadang-kadang- minta maaf, Timbalan Menteri pun faham, kita orang kampung- tidak dapat ditangkap. Kita duduk hambat penagih dadah. Lari kawan itu, terjun sungai, mati. Banyak jenis yang- jadi, dengan ada rang undang-undang ini, apabila seorang penagih dadah kalau dia *surrender* dengan baik, dipulihkan, mereka ini tidak masuk dalam elemen-elemen seorang penjenayah.

Timbalan Menteri, saya minta tambah AADK bagi mereka, pegawai yang kompeten, pegawai yang ada integriti, yang betul-betul sayang kepada bangsa ini. Kalau bangsa ini terlibat dalam dadah, mana mungkin kita boleh stabil politik kita. Kalau anak-anak muda- kata Sayidina Ali *karamallahu wajhah*, kalau untuk melihat negara ini 10 tahun ke hadapan, lihat pemuda hari ini. Kalau anak-anak muda kita terlibat dengan dadah semua, mana mungkin negara kita 10 tahun lagi menjadi negara yang hebat.

Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

**2.02 ptg.**

**Tuan Musoddak bin Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahaskan beberapa perkara berkenaan dengan pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) pada hari ini.

Saya secara prinsipnya, menyokong pendekatan yang diambil oleh kementerian berhubung dengan dasar menyahjenayakan dadah dalam negara. Langkah mengimbangi antara penyalahgunaan, kawalan, rawatan dan hukuman adalah sangat penting bagi memastikan usaha menghapuskan penyalahgunaan dadah dalam negara dapat dilaksanakan secara berstrategi.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada perbincangan yang menyentuh kejayaan di Portugal sebagai asas kepada langkah menyahjenayah dadah, suka untuk saya pula memetik satu kajian yang dilakukan oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka telah menerbitkan satu jurnal pada tahun 2022 bertajuk, “*Memahami Sejarah dan Geopolitik*

*Amerika Syarikat di Segi Tiga Emas Thailand: Hubung Kait Ketagihan dan Penyeludupan Dadah terhadap Keselamatan Malaysia”.*

Dalam kajian tersebut, ada dibangkitkan mengenai isu menyahjenayah dadah. Para penyelidik dalam jurnal ini berpendapat bahawa langkah menyahjenayah penyalahgunaan dadah sama ada melalui dasar dan lunas perundangan harus mengambil berat terhadap penguatkuasaan aktiviti penyeludupan dadah yang dianggap masih lemah. Kajian ini secara asasnya menyentuh mengenai hubungan antara bekalan dadah haram di pasaran gelap di Malaysia dengan sindiket dadah transnasional khususnya melibatkan Segi Tiga Emas iaitu wilayah di antara Thailand, Laos dan Myanmar.

Saya meminjam istilah yang digunakan oleh penyelidik tersebut iaitu kerumitan geopolitik sejarah ancaman dadah. Tuan Yang di-Pertua, saya memasukkan pandangan kajian ini dalam perbahasan saya kerana ia lebih realistik untuk diteliti. Soal rawatan dan pemulihan sangatlah mustahak. Namun, aspek penyeludupan dan bekalan dadah yang diperoleh di pasaran gelap masih menjadi tanda tanya. Di manakah kita sekarang ini?

Di Malaysia, selepas dasar dadah musuh nombor satu negara diperkenalkan tahun 1983 di mana Malaysia dalam aspek mengawal penyalahgunaan dadah sejak pengubalan Dasar Dadah Negara 1996 dan ke mana kita akan pergi dengan Pelan Tindakan Dasar Dadah Negara 2023-2027 untuk tempoh satu dan dua dekad yang mendatang?

Tuan Yang di-Pertua, hari ini dadah semakin mudah didapati. Dadah tradisional semakin berkurangan dan kini penagih beralih kepada dadah jenis sintetik yang lebih mudah didapati dan sukar untuk dikesan. Laporan *Harian Metro* lima tahun lalu menunjukkan bekalan dadah boleh mencecah RM300,000 dalam satu-satu masa. Hari ini, adakah masih di paras yang sama atau makin parah?

Kita bersetuju soal rawatan di sini tetapi bagaimana soal penguatkuasaan ke atas penyeludupan dadah? Persoalan paling mendesak, apakah dasar menyahjenayakan dadah ini seiring dan sekata dengan usaha menghapuskan aktiviti penyeludupan dadah yang terlalu berleluasa? Mohon Menteri memberi sedikit maklum balas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi aspek iaitu berkenaan pusat pemulihan persendirian yang akan dikawal selia oleh kerajaan. Perkara ini disentuh dengan pindaan pada seksyen 16 dalam kertas pindaan ini. Saya ingin mendapatkan maklum balas kementerian berkenaan piawaian asas yang diletakkan terhadap pusat pemulihan persendirian. Apakah ada kriteria tertentu daripada kementerian?

Kedua, apakah sistem sokongan yang akan disalurkan oleh kementerian bagi memastikan pusat pemulihan tersebut dapat beroperasi sesuai dengan objektif yang diharapkan oleh kementerian?



Ketiga, apakah ada sistem pemantauan supaya pusat-pusat pemulihan persendirian ini tidak menjalankan aktiviti yang salah di sisi undang-undang, apatah lagi jika terdapat elemen-elemen eksploitasi dan salah guna kuasa?

Keempat, apakah ada pelan bersepadu di bawah AADK yang mengawal selia PUSPEN dengan pusat-pusat pemulihan ini? Supaya dapat memastikan aspek pengoperasian yang seragam pada prinsipnya, walaupun tidak semua dapat diselaraskan, disebabkan kekangan-kekangan yang lain.

Kelima, kita memahami bahawa seorang penagih ini berhadapan dengan isu psikologi seperti personaliti, emosi, tingkah laku dan sebagainya. Oleh itu, kita yakin dan percaya pendekatan agama yang sebenarnya boleh merawat dan memulihkan seseorang daripada penagihan dadah dengan izin-Nya, *insya-Allah*.

Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

## 2.07 ptg.

**Tuan Seruandi bin Saad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya, ucapan saya yang terakhir bersama rakan-rakan yang seangkatan dengan saya. Kami akan meninggalkan Dewan yang mulia ini dengan penuh keceriaan, *insya-Allah*.

Isu dadah ini bukanlah isu yang akan habis di Dewan ini sahaja. Ia adalah satu- *it's a never-ending story*, dengan izin. Masalah ketagihan dadah bukanlah satu masalah baharu di negara ini, sebaliknya ia telah membelenggu sejak puluhan tahun lamanya. Secara asasnya, ketagihan dadah ini boleh dibahagikan kepada dua elemen. Pertama, iaitu kesihatan dan juga sosial iaitu jenayah.

Daripada aspek kesihatan, sudah pasti ketagihan dadah ini mengakibatkan masalah kesihatan kepada penagihnya. Ketagihan dadah boleh membawa kepada pelbagai jenis penyakit yang kronik, antaranya seperti kardiovaskular, strok, kanser, HIV, AIDS, hepatitis, penyakit paru-paru, malah ada juga yang menghidap masalah kesihatan mental disebabkan penggunaan dadah yang terlalu lama. Kepada mereka yang telah menjadi penyakit ataupun menjadi pesakit, bayangkanlah kos-kos sampingan yang terpaksa ditanggung oleh pihak kementerian ataupun kerajaan.

Daripada aspek sosial pula, penagih dan penyalahgunaan dadah menyumbang kepada gejala jenayah apabila terlibat dengan aktiviti penagihan, pembelian dan pengedaran dadah dalam komuniti. Di ambang kecanggihan dunia moden, jenis dadah sintetik juga semakin berkembang, antaranya seperti *methamphetamine*, *ecstasy*, *mescaline*, *ketamine*

dan lain-lain. Dan yang terbaru, *magic mushroom* seperti mana yang didedahkan baru-baru ini. Mereka yang menghisap *vape* yang menggunakan perasa tersebut, apabila dibuat ujian urin, tidak mendapat kesan negatif.

Inilah permasalahan-permasalahan yang terpaksa dihadapi oleh pegawai-pegawai AADK. Saya berbangga dengan mereka. Mereka masih lagi bertabah. Sepertimana yang dimaklumkan oleh sahabat saya dari kawasan Beruas, beliau mengatakan hanya empat orang sahaja pegawai AADK di kawasan tersebut, tetapi atas keazaman kepada pegawai-

#### ■1410

Dadah jenis sintetik ini bukan hanya mengganggu saraf manusia, tetapi juga memberikan kesan kepada perilaku seseorang individu, sekali gus mencetuskan tahap agresif dan ketidakstabilan mental. Kami di Arau ada satu cerita, "Tragedi Mastura". Akibat ketagihan yang melampau, si suami sanggup- kalau di Beruas, sanggup si anak membunuh ibunya, tapi kami di Arau, si suami sanggup membunuh isterinya.

Pagi itu isterinya dengan *uniform* hendak ke hospital sebagai *nurse*. Apabila dia menikam isterinya, dia meletakkan isterinya balik di atas katil dan mengejutkan dua orang anak-anaknya yang masih kecil dan membawa anak-anak itu untuk dihantar ke rumah penjaga. Anak-anak bertanya kepada ayah, "*Ayah kenapa ibu tak bangun lagi?*" Ayahnya berkata, "*Ibu masih lagi tidur*". Jadi bayangkanlah, apabila hantar ke rumah penjaga sampai tengah hari, penjaga akan telefon si ibu untuk ambil anaknya balik ke rumah, tetapi telefonnya itu telah dijawab dan berlakulah cerita sebaliknya.

Itulah apabila kita melihat satu ketagihan yang melampau, inilah akibatnya. Kita yakin dan percaya sehebat mana pun pengawasan, sehebat mana pun kita membuat, tapi isu dadah tidak akan berhenti di situ sahaja. Bahan psiko aktif yang dalam dadah akan menyebabkan situasi seperti mabuk, khayal, ketagihan dan gangguan tingkah laku. Akibatnya, mereka turut berpotensi memberi ancaman kepada orang awam seperti kegiatan mencuri dan merosakkan harta awam, merompak untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah dan ada yang sanggup mencederakan atau membunuh orang lain termasuk keluarga sendiri.

Ini membuktikan penggunaan dadah secara tidak terkawal dan berleluasa memberikan risiko negatif bukan hanya kepada penagihnya, tetapi juga kepada masyarakat. Setelah hampir 20 tahun akta ini digubal, sampai masanya akta ini memerlukan penambahbaikan. *Insyah-Allah* pada petang nanti akta ini akan diluluskan dan kita amat mengharap apabila akta ini diluluskan, kita gunakanlah akta ini sebaik yang boleh. Saya amat berharap kepada pegawai-pegawai AADK, jangan lemah semangat. Walaupun kita akui banyak juga NGO-NGO di bawah sana mengharap akta ini tidak diluluskan, tetapi atas semangat kami di dalam Dewan Negara, saya yakin dan percaya akta ini akan diluluskan.

Dalam masa yang sama, keprihatinan dan sokongan daripada semua pihak termasuklah masyarakat setempat dan juga NGO-NGO seperti PEMADAM sangat penting

bagi memastikan agenda negara untuk membanteras dan memerangi aktiviti atau gejala penagihan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara kita selari dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah bangsa yang sihat dan bebas dadah. Saya dengan ini mohon menyokong. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*]

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin. Masa 5 minit Yang Berhormat.

### 2.13 ptg.

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Isunya banyak Tuan Speaker. Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, musuh negara dulu dadahlah nombor satu. Sekarang dadah tetap musuh nombor satu. Akan datang pun saya rasa sampai bila-bila pun dadah tetap menjadi musuh nombor satu. Mana tidaknya, kalau kita lihat kepada statistik yang dikeluarkan daripada data AADK sendiri, 121,170 orang yang terlibat dalam penyalahgunaan dan penagihan dadah serta bahan.

Kalau kita lihat dari- semalam saya telah berjumpa dengan pihak polis yang telah memberikan satu statistik yang mengatakan bahawa lebih kurang 52,000 orang yang positif dadah yang kini masih lagi bebas setelah mereka ini dituduh di mahkamah ataupun di-*tested positive urine* mereka disebabkan masalah nak menentukan kesahihan mereka ini sebagai seorang penagih dadah disebabkan oleh perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak perubatan.

Sebenarnya dadah ini, kalau dulu kita berhadapan dengan dadah berbentuk syabu, heroin, ketamin, sekarang pelbagai sintetik dadah yang telah muncul. Yang akhir sekali yang hari ini kita tahu bahawa adanya dadah jenis *mushroom*, *magic mushroom* yang tidak dapat dikesan seperti mana yang kata Yang Berhormat tadi, yang tak dapat dikesan melalui proses perubatan pengesanan yang ada sekarang ini. Jadi ini ialah merupakan masalah yang sedang melanda negara, melanda masyarakat. Bagaimanakah kita nak atasi?

Saya percaya kerajaan telah mengambil pendekatan untuk meminda rang undang-undang pemulihan dadah ini adalah untuk cuba mengatasi masalah ini. Tetapi tidak dapat tidak, kita perlu lihat kepada rang undang-undang ini adakah satu rang undang-undang yang efektif, yang mampu untuk menangani masalah dadah? Sebab perlu diingatkan di sini ya, kita ada Akta Dadah Berbahaya yang sekarang terpakai. Kita sekarang ada Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. Kita ada dua undang-undang yang selari. Masalah yang kita akan hadapi nanti, bila kita nak tuduh seseorang itu di bawah Akta Dadah Berbahaya. Satu lagi kita nak tuduh di bawah Akta Pemulihan.

Now, kalau sekiranya apa yang saya boleh gambarkan sekarang ya, sebab ada dua pihak penguatkuasaan yang menjalankan penangkapan. Satu oleh pihak polis dan satu lagi pihak AADK. Jadi kalau sekiranya AADK sekarang ini berhasrat untuk menangkap mereka

yang menagih dadah tadi untuk dibuat pemulihan, mereka ditangkap, mereka akan dituduh di bawah seksyen 6 kepada Akta Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan). Apabila Polis pula menangkap, mereka akan menangkap dan akan- ya Allah, dah 1.05 tengah hari dah Speaker... [Ketawa]

Polis pula akan menangkap dan akan menuduh di bawah Akta Dadah Berbahaya di bawah seksyen 5, di bawah seksyen 39C. Jadi ini akan menimbulkan keadaan ketidakadilan, yang mana sepatutnya ada pihak, ada penagih tersebut yang baru menagih, tetapi ditangkap oleh Polis, maka dia pula dituduh di bawah seksyen 15. Sedangkan ada yang dah kronik kes ditangkap oleh AADK, mereka akan dituduh di bawah seksyen 6 kepada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan).

Ini kemungkinan ya. Saya tidak mengatakan ini telah berlaku, tetapi dengan adanya dua akta yang berbeza ini, ada kemungkinan akan berlakunya keadaan yang mana tuduhan dibuat pada dua akta yang berbeza. Dia berbeza kalau sekiranya kalau kita lihat kepada kuasa Peguam Negara ataupun *Public Prosecutor* (DPP) di bawah seksyen *FIPA- Firearms (Increased Penalties) Act* dan juga *Arms Act*.

Memang kuasa tersebut diletakkan kepada seorang PP untuk menentukan sama ada nak tuduh kepada hukuman yang lebih berat di bawah FIPA ataupun di bawah yang lebih ringan di bawah *Arms Act* oleh sebab fakta itu ada pada pihak pendakwaan bagi menentukan kalau ringan itu, kita bawa. Kalau kes itu tak berapa berat, kita bawa kepada *Arms Act* dan kalau berat kita kepada FIPA. Tetapi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menentukan siapa punya kuasa ini, nak letakkan di bawah akta pemulihan ataupun Akta Dadah Berbahaya. Itu yang pertama.

Kedua, kita perlu lihat pada segi *possession*, milikan kepada dadah yang dimiliki. Kalau seseorang itu hisap dadah, dia mesti ada sedikit sebanyak dalam poket dia, milikan dadah. Dia nak *consume* dadah itu, dia ada milik dadah. Jadi kalau mereka yang ada milikan dadah ini, kalau kita tak tuduh dia bermakna kita telah melepaskan keadaan yang mana seseorang itu telah melakukan kesalahan memiliki dadah. Tapi di bawah seksyen 6 kepada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan), tidak ada kesalahan tentang pemilikan dadah.

Jadi, keadaannya yang mana kalau katakan seseorang itu ditangkap, dia baru hisap dadah. Dia ada milikan terhadap dadah, *small amount of drugs*. Now, kita tuduh di bawah Akta Dadah Berbahaya kerana memiliki dan kemudiannya kita tuduh dia pula di bawah akta pemulihan untuk tujuan pemulihan. Now, dia ada dua kesalahan yang berbeza. Kalau kita ambil rasional untuk kita tujuan kita nak pulihkan orang ini dan kita bawa dia kepada Akta Dadah Berbahaya, kita bawa dan tuduh dan sabit dan dimasukkan ke dalam penjara, bermakna *the very first intention of government*, dengan izin, untuk memulihkan mereka ini akan gagal. Ini yang perlu kita lihat. Boleh lagi Puan?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Saya beri satu minit Yang Berhormat. Boleh?

**Dato' Setia Salehuddin Saidin:** Boleh. Saya cuba ringkaskan yang banyak-banyak ini kepada satu minit. Perkara yang perlu kita lihat juga dalam pusat-pusat pemulihan. Pusat-pusat pemulihan, kita ada AADK ada pusat pemulihan dan juga kita ada juga tempat-tempat lain yang dikendalikan oleh NGO.

Now, kalau kita lihat adakah kita kerajaan meletakkan satu proses pemulihan yang seragam? Sebab ada pihak pusat pemulihan yang memfokuskan kepada aspek kerohanian. Ada pusat pemulihan yang memfokuskan daripada segi aspek *rehabilitation* dengan cara *alternative medicine* dan ada yang *full medical* punya pemulihan.

■1420

Jadi kalau sekiranya ini berlaku, tidakkah kerajaan mahu melihat dalam kes yang melibatkan AADK yang memulihkan dan juga NGO yang memulihkan mereka ini, kita buat satu contoh, satu prosedur yang standard. Maksudnya semuanya mesti ada kerohanian, mesti ada *alternative medication* untuk pemulihan penagih-penagih ini. Barulah ia boleh dikatakan efektif.

*Of course* Tuan Yang di-Pertua, kita perlu juga melihat sama ada mampu ataupun tidak AADK ini untuk mengendalikan jumlah pesakit-pesakit dadah ini yang begitu ramai. Sebab barang diingat, sekarang ini, 70 peratus daripada mereka yang menghuni penjara adalah merupakan mereka yang terbabit dengan dadah. *An offences related to drugs*, dengan izin.

Jadi mereka ini nanti kalau kita fokus kepada pemulihan, tuduh mereka di bahagian pemulihan, adakah kita mampu untuk menjamin keselamatan rakyat kita di luar sana sebab dah ramai mereka ini terlibat dan dimasukkan ke dalam pusat pemulihan dan tempoh enam bulan. Kemudian kita lepaskan ke dalam masyarakat dalam keadaan mereka ini masih mungkin belum sepenuhnya pulih.

Jadi ini adalah persoalan-persoalan yang perlu dilihat oleh pihak kementerian. Adakah kita mampu untuk melaksanakan rang undang-undang ini dengan secara efektif dan berkesan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Masa 5 minit, Yang Berhormat.

2.21 ptg.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekejap sahaja sebab saya tahu ramai kawan-kawan di sini akan menyentuh perkara-perkara yang selebihnya. Saya tak ada bahas Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada enam soalan.

Soalan yang pertama, apakah pencapaian sekarang iaitu usaha kerajaan untuk merawat dan memulihkan penagih-penagih dadah dan juga penagih bahan? *Where are we now?* Berapa peratus yang dapat dirawat dan dipulihkan sepenuhnya?

Kedua, apakah masalah ataupun kekangan yang dihadapi oleh kerajaan sekarang, AADK sekarang?

Ketiga, negara mana yang mempunyai amalan terbaik daripada segi rawatan dan pemulihan dadah? Negara mana *best practices*?

Keempat, adakah kita AADK mengamalkan amalan terbaik tersebut di dalam rejim rawatan dan pemulihan mereka? Saya percaya, cadangan yang dibawa melalui RUU ini adalah sebahagian daripada amalan baik yang hendak diperkenalkan oleh kerajaan iaitu kesedaran bahawa penagihan dadah itu bukanlah satu kesalahan, tetapi ia merupakan satu penyakit.

Kelima, banyak yang diperkatakan tentang pegawai pemulihan. Jadi, apakah kompetensi pegawai pemulihan? Adakah mereka ada badan yang mengiktiraf bahawa mereka betul-betul kompeten untuk menjalankan tugas sebagai pegawai pemulihan? Ini di antara satu perkara utama yang dibimbangkan oleh pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar yang ada di luar sana, orang-orang NGO yang terlibat dengan rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Saya harap, kerajaan tidak mengambil ini perkara remeh dan saya harap kerajaan boleh membawa *stakeholder* untuk terlibat supaya dapat mencapai satu pendekatan yang terbaik supaya peratus kejayaan program rawatan dan pemulihan kita dapat dipertingkatkan.

Terakhir, apakah pelan selepas pemulihan supaya mereka boleh menjalankan kehidupan baru yang normal? *An empty mind is the devil's playground*. Jika mereka telah pulih, mereka tak berpendidikan, mereka tak dapat kerja, tak dapat berbini bersuami, tak dapat beranak-pinak, tak dapat menjalani kehidupan yang normal, kehidupan yang baru, nescaya saya rasa memang besar kemungkinan mereka akan *relapse*, akan menjadi penagih dadah baru.

Jadi ini adalah soalan-soalan daripada saya kepada kementerian. *Of course* fokus kita pada hari ini adalah berkaitan dengan mendekriminalisasikan undang-undang supaya tidak menghukum penagih dadah dengan secara, *not to say* secara sewenang-wenangnya. Sebab ini di antaranya ada peruntukan yang membolehkan lebih lama lagi tempoh untuk rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

Jadi saya harap *that the key task* di sini, apa perkara yang sebenar yang betul-betul menjadi masalah negara adalah ketagihan dadah, perkara yang sangat besar yang telah merosakkan masyarakat kita.

Dengan itu, saya menyokong Tuan Yang di-Pertua RUU ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya memanggil Tuan Yang di-Pertua seterusnya, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Daerah Gombak. Terima kasih dan juga Ahli Persatuan Kebajikan Radio Amatur Ukhuwah. Terima kasih.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Nelson W Angang.

## 2.25 ptg.

**Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk berbahas dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berbahas panjang kerana saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Senator Dato' Setia Salehuddin sebentar tadi. Dalam rang undang-undang ini, apa yang perlu ditekankan adalah niat. Niat kepada pengenalan kepada undang-undang ini ialah untuk mengalihkan penyalahgunaan dadah daripada hukuman pemenjaraan ke program rawatan dan pemulihan.

Saya perlu tekankan juga bahawa sekarang ini kita mempunyai dua undang-undang. Itu betul di bawah Akta Dadah Berbahaya dan satu lagi di bawah Akta 283 ini iaitu Rawatan dan Pemulihan. Akta ADB ini - saya ringkaskan ADB, ini bersifat jenayah di mana seksyen 15 adalah daripada segi penyalahgunaan dadah. Ini bersifat jenayah.

Bagi Akta 283 ini yang di mana pindaan ini dibuat, ini bersifat lebih bukan jenayah tetapi kepada rawatan dan pemulihan. Persoalan tepat yang dikemukakan di sini, rang undang-undang ini hanya melibatkan Akta 283. *There is no consequential amendment in respect of ADB.* Ini kerana ia melibatkan boleh dikatakan kesalahan yang sama iaitu penyalahgunaan dadah atau penagihan dadah. Jadi persoalan saya di sini, kenapa tidak ada *consequential amendment* yang dibuat terhadap ADB, lebih-lebih sekali kepada seksyen 15 dan seksyen 39C?

Persoalan yang penting seperti yang diutarakan oleh YB Senator tadi, siapakah yang memutuskan seorang pesalah ini atau penagihnya atau penyalah guna dadah ini sama ada dia ini dituduh di bawah seksyen 15 Akta Dadah Berbahaya ataupun dia dirujuk di bawah Akta 283 bagi tujuan rawatan dan pemulihan kerana ini adalah penting.

Ini adalah penting kerana jika dia dituduh di bawah seksyen 15, dia akan mempunyai kesalahan ataupun jika didapati bersalah, dia akan mempunyai rekod jenayah, sabitan lampau. Jika dia mempunyai sabitan lampau, di mana dia boleh dituduh jika dia mempunyai dua sabitan lampau di bawah seksyen 15 dan dihukum di bawah seksyen 39C. Inilah maksud dia 39C ini. Seksyen 39C(1) di mana mempunyai dua kesalahan sabitan lampau, hukuman penjara tidak kurang dari lima tahun, tidak lebih daripada tujuh tahun dan boleh dikenakan sebatan tidak kurang daripada tiga sebatan.

Bagi seksyen hukuman 39C(2) pula, hukumannya adalah penjara tidak kurang daripada tujuh tahun, tidak lebih 13 tahun. Sebatannya tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada enam. Ini menunjukkan dengan masih wujudnya seksyen ini di akta.. *[Tidak jelas] It is against the intention of this amendment*, dengan izin, dan kekhuatiran yang wujud juga jika wujud *inconsistency* ini, ketidakseragaman ini mungkin wujud satu cabaran nanti dari segi undang-undang. Ini kerana ia melanggar peruntukan 11 Perlembagaan Persekutuan yang mana mengatakan *equality before the law*, kesamarataan.

Seseorang itu, *he is entitled*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Artikel 11(1), "*All person are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*". Jika seseorang itu, dikatakan nasib dialah, kami cakap nasib dialah. Kalau ditangkap oleh pihak PDRM, dia akan dirujuk Akta Dadah Berbahaya. Dia akan dituduh kesalahan jenayah. Tetapi jika nasib dia, dia ditangkap oleh AADK, dia akan dirujuk oleh Akta 283, bukan kesalahan jenayah. Jenis kesalahan yang sama, dua akta yang berbeza.

Itulah yang berlaku pada hari ini, *inconsistency*. Jika terdapat pihak-pihak, saya harap tidaklah ada pihak yang akan membawa perkara ini dan mencabar rang undang-undang ini ke peringkat Mahkamah Persekutuan seperti contoh mengatakan terdapat *inconsistency* melanggar Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Itu satu perkara yang pihak kerajaan perlu menjawab dan perlu bersedia untuk mempertahankan rang undang-undang.

#### ■1430

Saya bersetuju. Saya bersetuju. Saya menyokong rang undang-undang ini sebab ini satu rang undang-undang yang baik. *The intention is good, the intention is there*, tetapi persoalan dia, adakah pindaan ini telah mempertimbangkan semua aspek? Saya ada mendengar penjelasan dalam taklimat yang diberikan bahawa memutuskan sama ada di bawah seksyen 15 jika ada kesalahan lain seperti memiliki.

Hakikatnya, *logically speaking* apabila seseorang mengguna, sebelum dia mengguna atau memasukkan dadah atau bahan terlarang itu ke dalam badan dia, dia melakukan kesalahan memiliki, kerana dia memiliki, dia memegang benda itu. Pada waktu itu, itu kesalahan memiliki. Setiap orang yang melakukan kesalahan mengguna, dia melakukan kesalahan memiliki terlebih dahulu sebelum memasukkan barang itu di dalam badan dia.

Jadi, siapakah yang memutuskan sama ada mereka ini di bawah Akta Dadah Berbahaya ataupun di bawah Akta 283? Jadi, kekhuatiran ini wujud. Jadi, saya menyokong. Saya menyokong penuh terhadap pindaan ini tetapi saya berharaplah bahawa niat dan tujuan kenapa pindaan ini dibuat akan dilaksanakan sepenuhnya. Saya berharap selepas pindaan ini diluluskan, langkah seterusnya adalah untuk memastikan niat keseluruhan *to decriminalisasi* kesalahan ini betul-betul dibuat sepenuhnya dan pindaan *subsequent consequential amendment should be done under the Dangerous Drug Act*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom. Lima minit, Yang Berhormat.

**2.31 ptg.**

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Salam Malaysia Madani, salam *Segulai Sejalai*. Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 di Dewan yang mulia ini.

Tahniah juga diberikan kepada Kerajaan Madani, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah mengambil langkah ke depan untuk memastikan isu-isu sosial akibat gejala dadah diambil perhatian dengan serius yang telah menjadi salah satu musuh utama kepada rakyat negara ini melalui pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada 29 fasal yang akan dipinda. Walaupun demikian, saya hanya ingin menyentuh kepada beberapa fasal iaitu fasal yang berkaitan dengan isu yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Puan Yang di-Pertua, secara ringkas pindaan kepada fasal-fasal ini adalah penting supaya penyalah guna dadah atau bahan diberi peluang untuk menjalani rawatan dan pemulihan terutamanya rawatan pemulihan dalam komuniti dan juga pemulihan persendirian. Tahniah kepada Kerajaan Madani dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana prihatin kepada penyalah guna dadah atau bahan supaya diberi peluang untuk memudahkan mereka menjalani rawatan dan pemulihan melalui pindaan ini.

Puan Yang di-Pertua, banyak sudah isu-isu yang perlu penjelasan yang diutarakan oleh rakan Yang Berhormat Senator dengan hujah-hujah yang amat memerlukan penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun demikian, persoalan saya adalah adakah kerajaan sudah mempunyai perancangan dengan mengenal pasti tempat-tempat yang mencukupi untuk penyalah guna dadah atau bahan menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti sekiranya pindaan ini dikuatkuasakan?

Apakah yang akan berlaku sekiranya penyalah guna dadah atau bahan telah melalui semua tempoh rawatan dan pemulihan di institusi dan rawatan dan pemulihan dalam komuniti dan persendirian? Adakah mereka akan dilepaskan begitu sahaja? Ia akan menjadi satu bebanan dan menjadi masalah sosial dan bebanan kepada masyarakat selepas mereka dibebaskan.

Kebanyakan kes-kes yang sedia ada dan ini fakta di mana keluarga penyalah guna dadah atau bahan mendapati sekiranya ada ahli keluarga menjadi penagih dan tidak diterima oleh agensi untuk dimasukkan ke pusat pemulihan dengan alasan tempat tidak cukup, pegawai tak ada dan sebagainya. Ini akan menjadi bebanan mental dan fizikal kepada

keluarga penagih di mana mereka akan diperas ugut oleh anak-anak mereka sendiri untuk meminta wang dan ahli keluarga mereka sendiri dan bebanan mental juga apabila anak-anak mereka keluar dan masuk lokap tiap-tiap bulan atas kesalahan yang mereka lakukan untuk mendapatkan wang bagi membelikan dadah atau bahan untuk kegunaan mereka sendiri.

Puan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah sangat diharapkan tetapi dengan izin, *is a bit reactive action*. Apakah tindakan *proactive action* untuk memastikan masalah penyalahgunaan dadah ini tidak berleluasa? Sebagai contoh, mengikut data yang kita peroleh apabila taklimat diberikan oleh pihak PDRM kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari Sarawak dan Sabah pada Mac yang lepas di Bilik Mesyuarat Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini amat merisaukan.

Data menunjukkan peningkatan penyalahgunaan dadah dan bahan di kawasan luar bandar di Sarawak iaitu di Lawas, Saratok, Belaga dan kawasan pedalaman yang lain di Sarawak, begitu juga di kawasan pedalaman di Sabah. Mohon penjelasan daripada pihak kementerian dan kerajaan mengenai *proactive action*, dengan izin, sekiranya ada di dalam pindaan ini.

Puan Yang di-Pertua, seterusnya. Dengan adanya fasal 15 dan fasal 26, apakah perancangan pengambilan dan kompetensi pegawai pemulihan dan kakitangan oleh pihak kerajaan untuk memastikan tempat-tempat menjalani rawatan dan pemulihan komoditi dan juga persendirian dipantau dan diurus oleh pegawai yang kompeten supaya mencapai objektif pindaan ini.

Rakan-rakan Yang Berhormat Senator telah mengutarakan kerisauan mereka berkenaan dengan kompetensi pegawai-pegawai yang mengendalikan masalah pemulihan ini nanti kerana tanggungjawab pegawai pemulihan amat penting di dalam pindaan ini. Sebagai contoh, perkataan-perkataan yang menarik perhatian saya berkenaan dengan pegawai ada disebut di fasal 7, '*Di mana seseorang pegawai boleh menahan*'. Fasal 9, '*Pegawai Pemulihan memerintahkan*'. Fasal 10, '*Majistret ada syor Pegawai Pemulihan*' juga dan fasal-fasal lain ada menyebut perkataan '*Pegawai*' beberapa kali.

Oleh yang demikian, kita ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan perkara ini. Puan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah saya tadi saya juga menyokong pindaan ke atas rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

*[Puan Rita Sarimah anak Patrik Insol **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Profesor Emeritus, Dr. Awang bin Sariyan.

**2.38 ptg.**

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan. Saya pada dasarnya merujuk kepada apa yang dikatakan niat tadi. Hasrat mengapa diperlukan untuk pindaan Akta 283 kerana melihat peri pentingnya soal ataupun aspek rawatan dan pemulihan sebagai satu strategi mengatasi kalau pun tidak menghapuskan masalah penagihan dadah ataupun masalah salah guna dadah ataupun bahan.

Hal ini penting saya kira ada kaitan dengan yang dibicarakan oleh salah seorang Senator sebelum ini bahawa apabila hukuman penjara itu dijadikan satu bentuk hukuman yang dominan, maka sebenarnya itu juga akan menyebabkan dadah ini menjadi punca bagi jenayah-jenayah yang lain.

Soal rasuah, soal salah guna kuasa, pembekalan secara haram, pemprosesan dadah dan ini disebut dalam sebuah buku di Amerika Syarikat iaitu '*Ending the War on Drugs*' yang menampilkan kajian yang menunjukkan bahawa pemenjaraan bukan suatu kaedah pemulihan, bukan satu kaedah terbaik walaupun mungkin sukar dielakkan.

**■1440**

Namun, inilah saya kira pentingnya akta ini atau pindaan ini kita sokong kuat kerana penegasan pada aspek rawatan dan pemulihan. Itulah saya kira premis yang hendak saya sentuh pada peringkat awal. Sudah tentulah soal penagihan dadah, penyalahgunaan dadah ataupun bahan ini memang suatu fenomena yang sangat jelik. Fenomena yang disebut oleh salah seorang Senator sebagai musuh nombor satu- negara. Dalam konteks agama sendiri, penagihan dadah, penyalahgunaan dadah ini terkategori dalam yang dikatakan orang yang mencampakkan diri kepada kebinasaan, kebinasaan diri, kebinasaan keluarga, masyarakat, negara dan keseluruhannya. Ini saya kira perkara yang harus menjadi titik tolak dalam perhatian kita.

Satu waktu dahulu di RTM sendiri sekitar 80an, 90an diperkenalkan istilah najis dadah untuk menunjukkan betapa jelik dan betapa buruknya. Walaupun barangkali dalam konteks agama dadah itu tidak najis dalam bentuk materinya atau materialnya tetapi dengan *metaphorical* makna kiasan, saya kira ini dapat membangkitkan kesedaran peri pentingnya dadah itu dihindari ataupun dijauhan daripada kehidupan anak-anak khususnya golongan remaja.

Dalam konteks pembinaan masyarakat dan negara, dadah menjadi musuh besar kerana menghindarkan suatu pembentukan modal insan, modal sosial kerana inilah golongan terutama kalau dadah yang memang daripada statistik yang banyak menunjukkan bahawa golongan yang peratusan besar terlibat itu adalah golongan muda. Ini suatu kerugian besar pada masyarakat dan negara, baik dalam soal pembinaan sosioekonomi, budaya, pemikiran

ilmu dan sebagainya kerana dadah menyebabkan susulan-susulan jenayah yang lain seperti saya katakan dan juga kerosakan, kebinasaan pada diri.

Soal kesan pada mental, pada psikologi, pada emosi, fizikal ini akan menyebabkan penagih atau penyalahgunaan dadah atau bahan itu dengan sendirinya tidak dapat menjadi modal insan, modal sosial yang berkesan ataupun yang bermakna ataupun boleh dikatakan sudah menjadi hampas masyarakat kalau dengan perkataan yang sejelas-jelasnya.

Maka dengan itu saya kira usul-usul dalam beberapa perkara yang disebut dalam rang undang-undang ini saya kira sangat penting, tetapi barangkali berapa isu yang perlu juga saya kira saya kita timbulkan. Misalnya dalam soal fasal 9 itu, saya kira itu penting Majistret boleh memerintahkan penyalah guna dadah atau bahan menjalani rawatan dan pemulihan atas syor pegawai pemulihan. Cuma yang saya hendak kaitkan dengan soal adalah salah satu mungkin saya tidak dapat memperincikannya kerana agak banyak iaitu soal kesukarelaan. Ini kira masih terbuka pada perbincangan.

Saya kira orang yang melakukan jenayah, melakukan kesalahan ini sukar walaupun ada sedikit statistik dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sukar untuk kita mengatakan orang yang salah melakukan dalam soal dadah ini secara sukarela. Mungkin ada tetapi peratusannya agak kecil.

Jadi apa rancangan kerajaan untuk mewujudkan suatu suasana, suatu insentif agak kesukarelaan ini menjadi satu ciri budaya dalam orang bermuhasabah dan menyedari kesilapan yang telah dilakukan dalam soal penyalahgunaan atau penagihan dadah.

Kemudian juga soal menuntut kehadiran atau penyertaan ibu bapa ataupun penjaga seorang yang belum dewasa yang diperlukan menghadiri program rawatan dan pemulihan bersama dengan orang yang belum dewasa itu. Apakah tatacaranya? Apakah prosedurnya? Apakah undang-undangnya? Kalau boleh dapat dirincikan supaya ibu bapa dan penjaga yang mungkin tidak berdosa dalam soal kesalahan anaknya itu tidak terjebak pula dalam hukuman yang tidak sewajarnya. Ini kerana tiap-tiap insan bertanggungjawab kepada diri, kebaikan dan kesalahannya seperti dalam al-Quran, surah Al-Baqarah begitu.

Jadi kita harus lebih prihatin tentang nasib ibu bapa atau penjaga yang mungkin tidak bersalah sama sekali tetapi mungkin terheret kerana dianggap bertanggungjawab kepada tata tingkah laku anaknya. Saya tidak dapat meneruskan pertanyaan-pertanyaan lain yang agak banyak, tetapi mungkin kita boleh menyoal dengan cara bertulis.

Jadi bukan sahaja Menteri menjawab secara bertulis, kita juga mungkin boleh menulis soalan kepada Menteri, tetapi saya hendak mengakhiri perbincangan ini dengan menyentuh soal aspek pencegahan. Kita berbicara tentang soal rawatan, pemulihan, pemenjaraan serta hukuman tetapi sangat penting kerajaan dan semua institusi sosial termasuk NGO, isu pendidikan dan sebagainya memikirkan bersama soal aspek pencegahan ini jauh lebih penting daripada barah itu sudah berlaku.

Bermula sebagai contoh kajian-kajian yang sudah banyak seperti oleh Agensi Antidadah Kebangsaan yang mengatakan 90 peratus ketagihan dadah ini bermula daripada ketagihan merokok. Saya perhatikan Kempen Anti Merokok ataupun yakni nampak tidak begitu berkesan, bahkan dalam premis di sekitar Kompleks Parlimen ini pun saya dapati ada sesetengah tandas yang digunakan untuk tempat melepaskan gian ketagihan merokok sehingga kita juga ikut pening kepala. Jadi kalau di Dewan tempat penggubal undang-undang ini pun tidak dihormati, maka di tempat awam lain apatah lagi soal kaitan dengan ketagihan ini. Dan yang akhirnya...

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Yang Berhormat, bolehlah- okey, rumuskan ya.

**Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** ...Yang akhirnya Puan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ataupun Rang Undang-undang D.R. 17/2024. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Ya, terima kasih YB. Seterusnya saya mempersilakan Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

#### **2.46 ptg.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Saya ingin memulakan perbincangan saya ini dengan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah membawa satu pindaan yang baik untuk menangani isu penyalahgunaan dadah di dalam negara kita.

Ini kerana isu ini bukan isu baru tetapi ia sudah lama berpanjangan dan kita tengok jumlah penyalahgunaan dadah, penagih dadah ini bukan berkurangan tetapi ia semakin meningkat dan terus meningkat dan terutamanya pada golongan muda. Sebenarnya banyak-pelbagai langkah telah dilakukan oleh kerajaan tetapi keberkesanan itu nampaknya masih lagi di takuk yang lama. Jadi dengan pindaan ini saya fikir sekurang-kurangnya kerajaan ada mengambil beberapa langkah yang terbaik seperti kita mahu menyahjenayakan penagih dadah ini.

Jadi kita beranggapan bahawa penagih dadah ini bukan melakukan jenayah tetapi mereka ini mengalami penyakit-penyakit yang mungkin mereka ini ada masalah, pelbagai masalah, masalah keluarga, masalah kemurungan dan sebagainya, masalah peribadi. Maka itu mereka mengambil dadah ini untuk menghilangkan rasa tekanan jiwa mereka dan akhirnya mereka menjadi ketagih. Ada juga penagih-penagih ini- saya bersetuju dengan Yang Berhormat Prof. tadi bahawa pencegahan itu lebih penting sebenarnya sebelum mereka terjebak terus menjadi penagih dadah ini.

Seperti yang kita tengok sekarang ini ketum sebagai contoh, mereka ketagih dengan ketum. Mula-mula ketum selepas itu mereka mengambil dadah dan mereka mengambil suntikan buat dadah. Ini yang sukar untuk dipulihkan. Ini sebenarnya satu bebanan kepada kerajaan. Berdasarkan laman web rasmi AADK sehingga Mac 2024, jika kita *zoom* ikut tahap pendidikan untuk kesalahan penggunaan dadah ini didapati peringkat sekolah menengah ini merupakan paling tinggi iaitu 70.7 peratus, lebih 85,000 orang.

Justeru itu sangat tepatlah pindaan ini dengan memberikan penekanan yang lebih kepada rawatan dan pemulihan berbanding memberi fokus kepada hukuman yang mana anak-anak muda ini perlu diberi peluang kedua. Maka bagaimanakah kementerian mempergiatkan lagi atau adakah pelan jangka panjang melalui pendekatan yang berbeza untuk warga muda ini?

#### ■1450

Kalau kita tengok di sini, data yang ada dikeluarkan oleh AADK ini, jantina lelaki dan wanita. Lelaki 95.8 peratus, wanita 4.2 peratus iaitu lelaki ada 116,103 orang. Kalau kita tengok mengikut bangsa; Melayu, 79.6 peratus; Cina, 6.7 peratus; India, 6.7; peribumi Sabah, 3.5; peribumi Sarawak, 2.3 peratus Puan Yang di-Pertua dan lain-lain 1.3 peratus.

Jadi kalau kita tengok sini, kategori pekerjaan yang menyalahgunakan dadah ini, yang paling ramai sebenarnya di kalangan swasta; 30.1 peratus. Mungkin pihak swasta ini dia kerja *stress* sikit. 36,512 orang dan penganggur 27,792 orang. Jadi, kalau kita tengok, umur yang paling ramai adalah di antara 19 sehingga 39 tahun. Jadi, ini sebenarnya satu kerugian bagi negara. Ini— di kalangan anak muda, yang paling ramai terlibat dan ini satu kerugian dan juga kerajaan terpaksa menanggung kos rawatan. Maka, itu kita pinda undang-undang ini Puan Yang di-Pertua.

Puan Yang di-Pertua, oleh sebab terdapat kewujudan pusat pemulihan persendirian, pengawasan berkala dan audit oleh pihak berkuasa perlu dilaksanakan untuk memastikan kualiti rawatan dan pemulihan terjamin. Jadi, kita tengok di sini, di fasal— di seksyen 16 di mana kalau ada pusat-pusat pemulihan swasta ini, mereka boleh mohon kepada kementerian untuk menjadi sebahagian pusat pemulihan penyalahgunaan penagih dadah ini.

Jadi, apakah mekanisme kawalan daripada kementerian bagi pusat pemulihan persendirian ini daripada segi operasi dia agar ianya setanding dan setaraf dengan PUSPEN? Adakah juga Kementerian Kesihatan ini dilibatkan? Seperti yang saya sebutkan tadi, orang yang mengambil dadah ini, mereka perlu dirawat. Mereka ini bukan penjenayah, mereka ini pesakit. Jadi, bila pesakit ini kita mahu satu individu yang mempunyai kepakaran di dalam penyakit ini. Kenapakah mereka mengambil dadah ini?

Puan Yang di-Pertua, akhir sekali, peranan komuniti agar tidak memandang serong juga kepada penyalahgunaan dadah ini supaya kita melihat mereka ini bukan penjenayah, kita menerima mereka ini di dalam masyarakat dan kita memberi peluang pekerjaan. Kerajaan

kena beri peluang dan juga- bukan peluang, tetapi memang memberi pekerjaan kepada mereka. Kalau beri peluang, nanti orang lain pun mohon. Maksudnya, kerajaan kena beri mereka ini pekerjaan yang bersesuaian.

Kalau kita tengok Puan Yang di-Pertua, jumlah penganggur ini ramai dan 27,792 ini. Maka itu, mereka ini tak ada kerja. Bila tak ada kerja, mereka ada keluarga, ada anak dan isteri, mereka perlukan wang. Mungkin mereka dibuang kerja dan sebagainya. Maka itu, saya fikir, kerajaan- apakah peluang yang sesuai untuk mereka dan masyarakat juga harus menerima mereka. Peluang yang kedua, yang ketiga mesti diberikan kepada penyalahgunaan dadah ini.

Puan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya sangat bersetuju dan menyokong pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Senator Puan Anna Bell.

## **2.54 ptg.**

**Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani Yang Berhormat Datuk- Tuan Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut menyertai perbahasan berkenaan Rang Undang-undang Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Puan Yang di-Pertua, sejak bertahun lamanya, dadah masih musuh nombor satu negara. Senario ini cukup membimbangkan dan menggerunkan masyarakat di mana statistik mengikut Laporan Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri iaitu penyalah guna dan penagih dadah serta bahan bagi tahun 2024 yang terlibat adalah seramai 121,170 orang.

Hasil daripada dapatan ini, golongan belia yang berumur antara 19 tahun sehingga 39 tahun adalah paling yang tertinggi iaitu seramai 71,818 orang yang terjebak dalam kancah dadah ini. Angka ini benar-benar menggusarkan kita, apatah lagi anak-anak belia yang ada adalah merupakan pewaris dan harapan bangsa. Maka, sudah tentu segala amanah untuk meneruskan kesinambungan dan menggalas tanggungjawab negara terpikul di bahu mereka. Rentetan daripada itu, masalah ini sudah semestinya memerlukan penyelesaian secara tuntas dan holistik, amatlah diperlukan bagi menangani masalah ini lebih efektif dan berkesan.

Puan Yang di-Pertua, bahawa pindaan rang undang-undang ini memerlukan dilaksanakan bagi menambah baik Akta 283. Justeru, perbezaan tafsiran antara penagih dadah, penyalah guna dadah atau bahan adalah penting untuk membantu proses rawatan dan pemulihan. Ini kerana ketagihan mereka adalah berbeza-beza dan sudah tentu rawatan mereka juga adalah berbeza-beza mengikut kategori tersebut.

Saya melihat bahawa Kementerian begitu bersungguh-sungguh dan cakna akan permasalahan ini. Buktinya, sebanyak 30 buah pusat pemulihan- PUSPEN diwujudkan bagi menangani permasalahan ini. Persoalan saya, apakah pendekatan atau kaedah pemulihan di PUSPEN ini membantu golongan ini dan berapakah bilangan serta di manakah pusat rawatan PUSPEN ini di Sabah dan Sarawak?

Datuk- Puan Yang di-Pertua, melihat kepada dasar pengalihan yang dilaksanakan untuk menyahjenayah hukuman pemenjaraan di mana mengalihkan penagih dadah ke program rawatan dan pemulihan agar penagih ini dapat dilihat sebagai pesakit dan bukannya sebagai penjenayah. Persoalan saya, apakah rawatan dan pemulihan ini benar-benar membantu penagih dadah tersebut? Mohon perincian.

Puan Yang di-Pertua, dalam perkara seksyen 6 Akta 283, adalah disyorkan agar pegawai perubatan berdaftar bersama dengan pegawai pemulihan bagi mempermudah urusan sekiranya berlaku penangkapan terhadap seseorang individu bagi mengenal pasti apakah individu tersebut merupakan seorang pengguna tegar, pengguna sosial mahupun pengguna sakit seperti halusinasi, terkena tekanan, sakit mental, *stress* dan sebagainya?

Maka dengan itu, adalah saya mencadangkan agar kuasa rawatan dan pemulihan ini bukan sahaja diletakkan kepada pegawai pemulihan tetapi doktor juga memainkan peranan untuk mendiagnosis bahawa adakah perlu penagih ini benar-benar penagih tegar ataupun penagih yang hanya diberi rawatan secara kaunseling. Persoalan saya yang seterusnya, apakah kriteria-kriteria pegawai pemulihan yang dilantik ini benar-benar kompeten untuk memainkan peranan tersebut?

Puan Yang di-Pertua, sehubungan itu saya menyarankan agar diwujudkan program-program kesedaran terus diperhebatkan. Pendedahan-pendedahan kepada aktiviti-aktiviti bermanfaat seperti perniagaan digital dilaksanakan secara eksklusif kepada penagih yang menjalani rawatan secara sukarela.

Kita maklum bahawa pengguna media sosial secara aktif di negara ini dianggarkan seramai 26.8 juta orang dan antaranya adalah untuk tujuan perniagaan. Melalui program ini, kita melahirkan lebih ramai bekas penagih dadah menggunakan platform ini untuk tujuan meningkatkan ekonomi diri mereka dan keluarga apabila mereka selesai menjalani rawatan dan pemulihan.

#### ■1500

Puan Yang di-Pertua, sungguhpun kita menggembeng tenaga untuk menangani isu penagihan dadah yang semakin hari semakin meningkat setiap tahun. Walaupun kita berusaha untuk menyasarkan bilangan penagih dadah ini ke tahap sifar penagih. Namun mana mungkin kita dapat mencapai tanpa adanya RUU yang dapat mengawal dan dijadikan panduan untuk melaksanakan sebarang tindakan berkaitan dengan penagih dadah.

Oleh itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.



**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Senator Tuan Abun Sui Anyit.

**3.00 ptg.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang DR.17/2024 iaitu meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Seperti yang kita bincangkan atau banyak sahabat yang membahaskan di dalam Dewan ini terutamanya berkaitan dengan ada kekeliruan antara AADK dengan akta ini. Walau bagaimanapun, saya akan membahaskan tentang perkara ini yang lebih baik berbanding sebelum ini kerana kita tidak akan menjenayahkan lagi penagih dadah yang makan ataupun mengambil dadah ataupun yang memiliki dadah secara kecil-kecilan untuk kegunaan sendiri.

Ini adalah sesuatu yang baik. Bukan bermakna Dewan yang mulia ini menggalakkan orang mengambil dadah. Tidak, tetapi saya berharap supaya- saya melihat perkara ini dari sudut perspektif untuk memberi peluang kepada anak-anak muda. Mereka yang mungkin mudah terpengaruh oleh kawan-kawan yang sudah ketagihan dadah ini. Justeru, saya sangat menyokong dan berharap pindaan ini akan memberi satu peluang kepada mereka, terutamanya anak muda supaya mereka tidak terus terjerumus ataupun tidak terus dihukum kerana mengambil dadah.

Jadi, saya sangat menyokong seperti ada dalam bahagian penggantian seksyen 6 ini di mana jika penagih dadah dan bahan itu dibawa di hadapan Majistret, Majistret itu hendaklah dengan syor pegawai pemulihan dan selepas itu memberi peluang untuk membuat representasi.

Jadi, representasi ini adalah sesuatu yang diberi cadangan ataupun dimohon oleh orang yang menagih dadah ataupun peguamnya. Jadi, saya berharap dengan adanya representasi ini akan memberi peluang dan latar belakang yang sebenar kepada pihak mahkamah.

Jadi, oleh sebab itulah saya berharap pegawai pemulihan yang kita hangat membincangkan dalam Dewan ini supaya menggunakan kuasa itu sebaik mungkin. Bukanlah untuk bersifat seperti polis tetapi bersifat seperti untuk memulihkan, mesra dengan orang-orang yang ditahan kerana mengambil dadah ini supaya mereka tidak takut melihat pegawai pemulihan ini. Tetapi mereka lebih dengan rela kerana mungkin ketagihan, mereka akan berani ataupun dengan rela pergi kepada pihak yang memulihkan mereka.

Saya juga berharap supaya pusat pemulihan seperti selain daripada PUSPEN yang kita ada di dalam kerajaan, NGO-NGO, malah pihak agama juga perlu dibantu. Jadi, dengan ini saya bertanya. Adakah kerajaan menyediakan peruntukan kepada badan-badan NGO dan juga badan-badan agama yang berusaha juga membantu memulihkan penagih-penagih ini?

Jadi, saya berharap supaya dengan adanya badan NGO dan badan agama yang mahu membuat pemulihan kepada penagih-penagih ini akan dibantu juga oleh kerajaan.

Puan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini ataupun pindaan ini adalah sesuatu yang baik dan di mana apabila seseorang itu ditahan kerana menagih dadah dan berusaha untuk memperbaiki diri terutamanya ada kes di mana kita membela mereka dan dituduh di mahkamah tetapi perkara itu nampaknya kecil tetapi cukup menyulitkan.

Saya berharap supaya anak-anak muda yang berusaha untuk memperbaiki diri di dalam tempoh ini, yang mengambil dadah ini dan memperoleh peluang pekerjaan, dibenarkan untuk terus bekerja dan jangan mengganggu mereka. Kalau boleh pegawai pemulihan ini mencadangkan kepada mahkamah supaya kes-kes yang anak muda berjaya memperbaiki diri ini memperoleh peluang pekerjaan dan sudah pun bekerja, jangan diganggu lagi. Biarlah mereka meneruskan hidup bekerja yang mereka ada pada hari ini.

Jadi, justeru itu saya berharap dengan pindaan ini nanti, maka pusat-pusat pemulihan kita akan dapat memulihkan dengan baik, dengan tidak ada lagi penjenayah-penjenayah yang kononnya kerana mereka ambil dadah hanya kerana itu mereka dijadikan penjenayah. Jadi pindaan ini adalah sesuatu yang baik dan saya berharap kakitangan ataupun pegawai pemulihan ini akan diperbanyakkan supaya sama-samalah kita menjaga anak-anak muda kita supaya negara kita tidak terjejas akibat daripada ketagihan yang berterusan ini.

Dengan ini saya sangat menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Abun, tepat pada masanya. Seterusnya saya mempersilakan Senator Dato' Kesavadas.

### **3.06 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Saya seterusnya ingin menyentuh mengenai penglibatan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang diperuntukkan sebagai badan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan hal ehwal penahanan.

Pertama, pindaan yang menggariskan penyerapan fungsi Ketua Pengarah AADK sebagai Ketua Pengarah Rawatan dan Pemulihan Penagih Dadah.

Kedua ialah pindaan yang menggariskan penglibatan pegawai AADK sebagai pegawai yang akan bertanggungjawab secara bersama dengan pegawai polis atau pegawai pemulihan dalam menjalankan fungsi-fungsi yang digariskan dalam pindaan Akta 283 ini.

Berdasarkan pindaan 27B(1) menyebut bahawa Ketua Pengarah ialah Ketua Pengarah AADK diperuntukkan dengan kuasa untuk melantik sejumlah sukarelawan.

Kesimpulannya, menurut pindaan seksyen 2,3 dan 4, sukarelawan yang dilantik bagi maksud subseksyen 1 terikat dengan waran pematuhan pengendalian fungsi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. Setiap sukarelawan yang ada disifatkan sebagai penjawat awam

mengikut pengertian Kanun Keseksaan yang boleh dibayar elaun yang ditetapkan oleh Menteri.

Saya berpendirian bahawa pelantikan sukarelawan yang membantu PDRM dan pegawai pemulihan hanya akan menambahkan lagi beban kewangan tahunan yang perlu ditanggungkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Selain, saya dan ramai pengamal undang-undang serta rakyat di luar sana, musykil terhadap kewajaran penglibatan sukarelawan dalam mengendalikan rawatan dan pemulihan penagih dadah sedangkan selama ini fungsi tersebut dijalankan oleh pegawai pemulihan.

Apakah rasionalisasi di sebalik keperluan untuk melantik sukarelawan? Bagaimanakah penyertaan sukarelawan tersebut mampu memperkasakan usaha KDN dalam menjayakan fasa rawatan dan pemulihan penagih dadah yang datang dari pelbagai segmen kehidupan, khususnya remaja bawah umur?

Sebagai alternatif yang boleh dijadikan sebagai langkah penjimatan kewangan kerajaan, saya ingin mengesyorkan agar Menteri dapat menumpukan aspek pemantapan kredibiliti Unit Narkotik PDRM serta pegawai pemulihan. Menerusi tumpuan dalam aspek tersebut, sinergi tugas antara anggota PDRM dengan Pegawai Pemulihan akan dapat dibentuk dengan lebih proaktif dalam mengendalikan hal ehwal penahanan rawatan dan pemulihan penagih dadah menurut kuat kuasa Akta 283 ini.

Pemerkasaan PDRM dan Pegawai Pemulihan dalam menjalankan fungsi hakiki secara langsung akan dapat melancarkan lagi proses pengendalian ujian pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar bagi maksud pindaan seksyen 6 dan seksyen 6A.

#### ■1510

Kelancaran proses tersebut akan memberi kesan domino kepada kecepatan fasa rawatan pemulihan seseorang penagih dadah, sama ada yang akan ditempatkan di pusat pemulihan atau secara dalam komuniti. Oleh yang demikian, saya secara peribadi berpandangan bahawa penubuhan Majlis Profesion Pegawai Pemulihan yang digariskan dalam pindaan seksyen 27C adalah wajar, serta majlis tersebut mampu mendorong kepada perencanaan pembangunan profesionalisme yang boleh menaikkan lagi standard Pegawai Pemulihan di negara ini di samping meningkatkan keyakinan umum terhadap kredibiliti profesion tersebut.

Justeru, saya meletakkan harapan agar keanggotaan Majlis tersebut akan di isi oleh mereka yang selama ini menyumbang kudrat dengan penuh dedikasi dalam membina semula kehidupan seseorang penagih dadah yang sewajarnya berhak untuk memberi peluang kedua. Berhubung dengan perihal tersebut, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan pertama, berapakah anggaran perbelanjaan mengurus tahunan bagi tahun 2025 yang akan

diperuntukkan untuk membiayai elaun yang boleh dibayar kepada sukarelawan bagi maksud pindaan seksyen 27B(C)(a). Bagi 1 minit...

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Kedua, apakah signifikan penglibatan sukarelawan yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah sedangkan Menteri mempunyai kuasa untuk melantik seberapa ramai pegawai pemulihan menurut pindaan seksyen 27A?

Ketiga, bagaimanakah Agensi Antidadah Kebangsaan dapat mewujudkan keseragaman dalam aspek pengendalian rawatan dan pemulihan penagih dadah di peringkat negeri? Apakah pembentukan kredibiliti yang akan dikendalikan oleh AADK kepada setiap kesukarelawan baharu?

Keempat, apakah pendekatan yang akan digunakan oleh AADK menerusi pertimbangan Ketua Pengarah dalam mengenal pasti individu yang mempunyai kecenderungan untuk dilantik menjadi sukarelawan?

Kelima, apakah bentuk pengesahan identifikasi yang akan dilaksanakan oleh AADK bagi mengenal pasti mana-mana sukarelawan palsu yang menyamar? Puan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Senator Dato' Dr. Arman Azha.

**3.12 ptg.**

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, terima kasih Yang di-Pertua Dewan Negara. Tak lupa kepada Timbalan Menteri yang konsisten sejak tadi pagi duduk mendengar perbincangan rakan-rakan Dewan Negara dan juga barisan daripada kementerian yang hadir yang cukup konsisten dari pagi sehingga hari ini.

Terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk berbahas tentang Rang Undang-undang Penagih Dadah, Rawatan dan Pemulihan Pindaan 2024. Dato' Yang di-Pertua, bila Timbalan Menteri jeling saya, saya nak terus pun macam tersekat-sekat bila dia pandang.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** YB, ini cakap Dato' Yang di-Pertua, muka pergi sana [*Dewan Ketawa*].

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Sebab saya dengan abang sini, saya cair sikit.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Okey teruskan... [*Ketawa*]

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Dato' Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta Penagih Dadah, Rawatan dan Pemulihan 1983 [*Akta 283*] ini merupakan satu perbincangan yang cukup hangat. Daripada sesi libat urus sehinggalah mendapat pelbagai pandangan

daripada ahli Dewan. Dan ini satu langkah yang amat baik bagi saya. Kerana ini menunjukkan bagaimana negara kita sedang bergerak ke arah negara yang lebih maju pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, semua pendapat perlu diambil berat, kerana teliti perinciannya memberi manfaat yang komprehensif dalam penyalahgunaan dadah dan bahan. Pindaan Akta 283 ini daripada aspek perundangannya telah lebih holistik, tersusun dan telah membolehkan memberi rawatan dan pemulihan yang sewajarnya dengan memberikan lebih cepat kepada penagih dadah atau bahan penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan lain.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan ini juga merangkumi pindaan bagi mewujudkan beberapa punca kuasa baharu. Serta penambahbaikan kepada peruntukan yang sedia ada dalam perundangan. Daripada fahaman saya, rang undang-undang ini berusaha untuk menerapkan nilai-nilai insan yang lebih mesra penagih dan penyalahgunaan dadah daripada bahan bagi meningkatkan akses kepada rawatan dan pemulihan.

Seperti mana yang kita dengar daripada Yang Berhormat Anna Bell tadi, terbahagi kepada tiga- penagih tegar, penagih sosial, penagih sakit- halusinasi dan bagai-bagai lagi. Penglibatan komuniti ibu bapa dan penjaga diperkasakan, sama-sama berganding bahu dengan kerajaan bagi memastikan kesejahteraan negara terpelihara daripada kemudaratannya gejala dadah dan bahan-bahan terlarang ini. Saya tertarik dengan pindaan ini, apabila penglibatan ibu bapa dan penjaga diperlukan untuk menghadirkan diri bersama-sama menyertai program pemulihan.

Dari sudut positif, bagi saya pendekatan ini amat baik. Penglibatan ibu bapa penjaga dapat menyumbangkan kepada peningkatan peratus kejayaan proses pemulihan penagih, pengambilan dadah ini amat baik. Namun dari sudut negatif pula, ia seakan memberikan bebanan kepada ibu bapa dan penjaga menghadapi kekangan logistik, kekangan masa, kekangan kewangan dan alasan-alasan peribadi yang tidak dapat dielakkan. Bagaimana pihak kementerian akan melihat perkara ini secara peribadi dan situasi ini untuk diberi penyelesaian kepada ibu bapa yang ada kekangan dalam permasalahan untuk turut serta.

Saya rasa hampir semua ibu bapa dan penjaga mahukan hasil yang terbaik, sebolehnya memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi mendapat jaminan kehidupan yang jauh lebih baik kepada anak-anak mereka di bawah jagaan mereka yang terjerumus dengan gejala dadah dan penyalahgunaan bahan, tetapi tidak semua ibu bapa atau penjaga mempunyai kelebihan, kelapangan masa mengikut serta program-program pemulihan dengan alasan-alasan yang telah saya sebutkan tadi, kekangan kewangan, masa dan sebagainya.

Kita sedar kebanyakan golongan yang terbabit dengan penyalahgunaan dadah ini terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah, yang kurang tahap pendidikan, keluarga yang berpecah belah. Ini merupakan komposisi orang yang terlibat banyak dalam masalah dadah ini. Dan saya dimaklumkan ada 30 buah pusat PUSPEN yang akan dibuat dan dipastikan ada pegawai-pegawai pemulihan, pegawai kesihatan dan sebagainya.

Yang manakah satu PUSPEN ini menjadikan salah satu tempat kesukarelawan untuk mendaftar diri mereka? Kerana kita bila mendaftar secara sukarela ini, kita nak penagih tersebut, keluarga tersebut rasa lapang dada nak hantar, tetapi kalau kata tempat PUSPEN itu masih lagi dilihat seperti berpagar tinggi, kawad dawai, pegawai beruniform garang. Jadi takut mereka. Takut nak datang menyerah diri mereka secara sukarela.

Jadi perkara-perkara ini kita nak tengok yang mana daripada 30 buah kawasan tersebut, yang mana satu yang akan jadi *prove-of-concept* dulu sebelum pelaksanaan. Adakah ibu bapa ini akan dikenakan sebarang tindakan perundangan atau menjadi tahanan jika tidak dapat turut serta kepada sebarang program pemulihan yang melibatkan anak mereka. Dan bila saya baca seksyen 9 ini, dikenakan denda sebanyak tidak melebihi RM5,000.

Dahlah anak *depa* masalah dadah. Dah kena tangkap, hantar sukarela, tiba-tiba tak dapat, lepas itu kena denda pula RM5,000. Bayangkan mereka daripada keluarga pendapatan di FELDA, di RISDA, di luar bandar. RM5,000 ini berat, tetapi saya yakin pihak Timbalan Menteri ada sifat prihatin sikit. Mungkin beliau boleh lihat secara dasarnya untuk mengurangkan denda sebanyak RM5,000 ini.

Siapakah yang akan memantau dan memberikan lampu hijau, keizinan pelaksanaan rawatan dan pemulihan pusat-pusat rawatan pemulihan NGO? Selain daripada itu, apakah perbezaan penubuhan pusat-pusat rawatan dan pusat-pusat pemulihan ini dan apakah pendekatan yang digunakan oleh premis-premis ini terutamanya NGO? Apakah satu garis panduan yang telah disediakan oleh pihak kementerian kepada premis-premis ini khasnya kepada NGO dalam proses mereka menawarkan khidmat rawatan dan pemulihan? Kerana hari ini kita tahu, ada daripada kerajaan, ada daripada NGO dan sebagainya. Ada tak kerjasama di antara kerajaan dan NGO bagi melaksanakan rang undang-undang ini?

Seterusnya, seksyen 18 Akta 283, dipinda untuk diperuntukkan bahawa seorang pengamal perubatan termasuk Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah mempunyai kewajipan memberitahu kepada Ketua Pengarah mengenai mana-mana orang yang dirawat kerana ketagihan dadah dan bahan ini atau pengambilan dadah ini mengikut kaedah yang dibuat di bawah Akta 283.

Sebab itu saya nyatakan bila dalam akta ini, jangan hanya spesifik meletakkan Pegawai-pegawai Pemulihan, kerana kita tak salah kalau dalam akta ini kita campur sekali Pegawai Pemulihan bersama Pegawai Perubatan yang telah disahkan oleh kerajaan.

#### ■1520

Sebab kita hendak ubahkan daripada pesalah ini menjadi pesakit, tetapi apabila dia menjadi pesakit masih lagi di bawah kawal selia pegawai perubatan. Jadi, ini bagi saya perlu sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun sudah enam kali

dia bagi tahu saya dekat tempat makan tadi, saya minta dia jelaskan kepada Dewan yang mulia ini.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Yang Berhormat, tolong rumuskan.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Hendak rumuskan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Ya.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Saya ingat hendak tambah lagi lima minit.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Tidak boleh, kita ada ramai lagi pembahas.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Ini maknanya Timbalan Menteri sudah bincang awal dengan Speaker ini.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Tidak ada.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tidak ada?

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Tidak jumpa pun, tengok sahaja.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan dibuat pada Akta 283 menghasilkan pelbagai reaksi dan interpretasi. Pada pada pendapat saya, kenapa perlu ada pemakluman tentang pegawai perubatan, kerana perlu ada penambahbaikan sedikit tentang akta ini, kerana kita perlu ada *medical expertise, assessment experience* kepada pesakit-pesakit ini. Perlu ada *diagnostic accuracy* dan perlu ada *medication management*, perlu ada *legal ethical consideration* terhadap pesakit-pesakit ini dan ini semua memerlukan pegawai-pegawai kesihatan di samping daripada pegawai pemulihan.

Oleh sebab itu bagi saya, pentingnya hari ini, akta ini perlu ada satu penjelasan yang cukup jelas agar tidak ada pertikaian pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, saya cukup puji komitmen yang ditunjukkan oleh pihak kementerian atas sedaya usaha mungkin ikhtiar untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah gejala dadah di Malaysia. Ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk bergerak maju ke hadapan untuk memastikan tidak ada rakyat yang tertinggal dalam usaha Kerajaan Madani hari ini.

Saya harap, apa yang saya nyatakan, apa yang saya beri penjelasan sedikit ini agar pihak Menteri jangan ambil secara negatif, ambillah secara positif termasuk rakan-rakan kementerian yang hadir dari pagi tadi. Bila saya lalu *depa* tengok jer. Saya ni penyokong setia kerajaan, takkan saya hendak bantah rang undang-undang ini. Jadi, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Senyum ya. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih... [Tepuk]

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya mempersilakan Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali.

### 3.22 ptg.

**Tuan Amir bin Md. Ghazali:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Puan Yang di-Pertua. Yang saya hormati semua Ahli Dewan Negara dan juga saudara-saudara yang saya banggakan.

Saya ucapkan terima kasih kerana bersama pada petang ini membahaskan rang undang-undang ini untuk meminda. Pasti pindaan ini merupakan punca kuasa kepada pemerksaan pusat perkhidmatan rawatan dan pemulihan, sama ada dalam sektor awam dan juga swasta. Pemakaian seksyen 6(a) adalah sebuah seksyen yang sangat bermakna dalam memastikan pesakit mendapat rawatan dan pemulihan mengikut pilihan secara terbuka.

Puan Yang di-Pertua, ada empat soalan, saya teruskan kepada soalan iaitu soalan pertama iaitu berkaitan dengan seksyen 27B, pelantikan sukarelawan. Saya ingin meminta penjelasan terperinci mengenai kriteria sukarelawan daripada AADK. Penjelasan ini penting, apakah tanggungjawab ataupun bidang kuasa, bidang kerja sukarelawan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan. Adakah sukarelawan ini juga disifatkan sebagai penjawat awam mengikut Kanun Keseksaan Akta 574?

Soalan yang kedua tentang Majlis Profesion Pegawai Pemulihan seksyen 27C. Majlis Profesion Pegawai Pemulihan seksyen 27C, Menteri boleh menentukan pembayaran elaun. Berapakah tangga ataupun nisbah angka daripada segi pembayaran elaun dan kenapa anggota Majlis ini diberi elaun? Adakah ini adalah amalan baharu daripada kementerian ataupun kerajaan masa kini?

Soalan lain adalah berkisar tentang bagaimana dan apakah kaedah Pegawai Pemulihan AADK mendiagnosis penagih dadah? Cara bagaimana Pegawai-pegawai AADK ini merawat penagih dan selain daripada itu adalah saya memerlukan penjelasan berkaitan dengan perkara berikut.

Jika pegawai pemulihan memutuskan bahawa seseorang belum dewasa perlu menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan, pusat khidmat ataupun pusat pemulihan persendirian atau menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Ibu atau bapa atau penjaga seseorang belum dewasa itu hendaklah menghadiri program rawatan dan pemulihan bersama dengan seseorang belum dewasa itu, jika ibu atau bapa atau penjaga seseorang belum dewasa itu dikehendaki oleh pegawai pemulihan untuk berbuat demikian.

Soalnya adalah, kenapa Kementerian Dalam Negeri (KDN) membezakan seseorang belum dewasa dengan dewasa, kerana semua ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak mereka, tidak kira sama ada mereka bawah 18 tahun atau 18 tahun. Selagi bernyawa, ibu bapa bertanggungjawab menjaga ahli keluarga secara berterusan.

Selain itu, soalan lain adalah mana-mana ibu bapa atau penjaga seseorang belum dewasa yang merupakan penagih dadah atau bahan penyalahgunaan dadah atau bahan itu tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 4, melakukan



sesuatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM5,000. Soalannya, adakah pihak Kementerian Dalam Negeri memikirkan kewajaran denda tersebut? Adakah denda ini praktikal dengan keadaan keluarga itu yang menghadapi masalah, kita tidak tahu keadaan persekitaran. Jadi, adakah wajar denda itu diletakkan sebegitu tinggi? Jadi, saya minta supaya melihat kembali, adakah wajar denda itu.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, tentang pindaan rang undang-undang ini saya menyokong disebabkan banyak persatuan-persatuan di luar sana, contohnya PEMADAM. PEMADAM- satu negara ada. Jadi, saya minta supaya Kementerian Dalam Negeri melibatkan NGO-NGO yang mempunyai kepakaran seperti PEMADAM yang telah wujud di dalam negara kita hampir 60 tahun, yang mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu, merawat, dia ada tempat rawatan dan sukarelawan yang terlatih.

Jadi, saya minta supaya mereka ini, NGO-NGO ini diberikan keutamaan untuk membantu daripada segi rawatan dan juga pemulihan dan sebab itulah sepanjang sejarah negara ini, PEMADAM ini tidak dapat memberikan satu tanggungjawab, memberikan fokus yang terbaik disebabkan banyak faktor-faktor lain. Dasar-dasar yang sentiasa berubah, kerajaan yang sentiasa berubah dan bajet yang sentiasa berubah.

Jadi, saya minta supaya perkara ini perlu diatasi segera supaya kita dapat NGO-NGO yang mempunyai- memfokuskan bidang-bidang pendidikan dadah dan juga merawat dadah ini diberi keutamaan dan dibantu oleh kerajaan.

Jadi, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Senator Tuan Roderick Wong.

### **3.28 ptg.**

**Tuan Roderick Wong Siew Lead:** Selamat petang yang dimulakan Puan Speaker dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati.

Puan Speaker, terima kasih atas peluang kali ini untuk saya turut sama menyampaikan pandangan saya mengenai Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 ini.

Saya ingin menyatakan sokongan penuh saya pada fasal 18 yang memperlihatkan usaha kerajaan untuk menambah baik peruntukan yang berhubungan dengan pusat pemulihan persendirian bagi rawatan pemulihan dan jagaan lanjutan bagi penagih dadah atau bahan atau penyalahgunaan dadah atau bahan.

Kalau boleh saya ingin mendapatkan maklumat tentang berapakah jumlah peruntukan di bawah Belanjawan 2024 yang telah diberikan kepada pusat-pusat pemulihan persendirian bagi rawatan pemulihan dan jagaan lanjutan ini. Di samping itu, saya lebih menyokong kepada

usaha pemulihan yang berbentuk integrasi. Oleh sebab itu, saya menyokong fasal 23 yang membenarkan mana-mana orang yang layak dan yang menjalani rawatan dan pemulihan untuk kembali berintegrasi dengan masyarakat melalui penglibatan mereka dengan bekerja di luar pusat pemulihan atau pusat khidmat.

Saya juga ingin menyeru agar jentera kementerian sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama dengan semua pihak seperti pusat rawatan dan pemulihan persendirian dan jagaan lanjutan pihak NGO, rumah ibadat dan sebagainya yang turut mempunyai misi dan visi yang sama untuk membanteras gejala dadah ini.

#### ■1530

Saya ingin menyeru kepada semua masyarakat kita untuk menukar persepsi kita tentang mereka yang menagih atau menyalahgunakan dadah ini. Kita hendaklah melihat dan menerima mereka sebagai pesakit dan bukannya penjenayah.

Puan Speaker, selanjutnya sebagai seorang belia Senator di Dewan yang mulia ini, saya sangat bimbang gejala dadah ini semakin meluas jaringannya di kalangan belia dan pelajar. Apa yang lebih merisaukan saya sebagai anak Sarawak, sebuah negeri yang sangat luas dengan jarak sempadan antarabangsa sejauh 2,173 km, aktiviti penyeludupan dadah juga semakin melarat. Menurut laporan dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, perbezaan peratus rampasan dadah di Sarawak bagi tahun 2022 dan 2023 meningkat sebanyak 1,000 lebih peratusan.

Tidak salah kalau saya labelkan bahawa Sarawak sekarang sudah menjadi hab dan transit pengedaran dadah. Saya percaya jumlah pelajar-pelajar yang mengambil dadah juga semakin meningkat, terutamanya di Sarawak. Oleh sebab faktor ini, saya menyokong fasal 13 yang membolehkan ibu atau bapa atau penjaga boleh memohon kepada Pegawai Pemulihan supaya orang belum dewasa dirawat dan dipulihkan dan ibu atau bapa atau penjaga terlibat sama sekali dalam proses rawatan dan pemulihan sekiranya perlu.

Saya juga ingin memohon maklumat tentang berapakah jumlah pelajar mengikut negeri yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan setakat ini dan apakah langkah-langkah kesedaran di kalangan pelajar-pelajar di bawah kementerian? Saya juga mahu mencadangkan supaya usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar mesti dipertingkatkan lagi dengan mewajibkan program-program kesedaran ini dijalankan di semua institusi pendidikan, termasuk sekolah-sekolah kita.

Puan Speaker, perkara terakhir yang ingin saya utarakan ialah mengenai fasal 12 yang mengadakan peruntukan bagi tatacara, bagi rawatan dan pemulihan mana-mana penagih dadah atau bahan dan penyalahgunaan dadah atau bahan, yang menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela. Kalau kita fikir secara logik, agak susah untuk orang yang sedang menagih ada menyalahgunakan dadah atau bahan mahu mendapatkan rawatan secara sukarela.

Saya tidak nafikan memang ada sesetengah penagih ada menyalahgunakan dadah yang mahu mendapatkan rawatan secara sukarela, tetapi apa tindakan kementerian untuk mereka yang sah menagih atau menyalahgunakan dadah ini sekiranya mereka tidak mahu mendapatkan rawatan secara sukarela, adakah mereka akan dipenjarakan? Adakah cara-cara lain selain penjara bagi mereka yang tidak mahu mendapatkan rawatan secara sukarela?

Untuk itu Puan Speaker, saya noktah kan perbahasan saya dengan menyokong RUU Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Roderick. Seterusnya, Senator Datuk Dr. Dominic Lau.

### 3.33 ptg.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua. Memang pada petang yang mulia ini, saya mendapati ada banyak Yang Berhormat Senator hari ini adalah hari yang terakhir untuk berbahas dan saya jugalah salah satu daripada yang terakhir nak bahas pada petang yang mulia ini di Dewan yang mulia ini. Oleh itu, minta masa lebih sikit.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Puan Yang di-Pertua.

Pembanterasan perdagangan dadah merupakan satu cabaran yang sangat besar kepada para penggubal dasar dan juga anggota penguat kuasa di mana-mana negara. Ciri transnasional perdagangan dadah membawa lapisan yang rumit kepada usaha memutuskan rangkaian bekalan dadah yang berasal dari luar negara. Seperti tadi Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi mengatakan, ada banyak jenis dadah yang termasuk *methamphetamine*, termasuk MDMA yang dikenalkan, *ecstasy* dari *Golden Triangle*, kokain dari Colombia dan kini ancaman penyebaran bahan psikoaktif baru, dengan izin, *new psychoactive substances* (NPS) yang terhasil daripada sintetik dari bahan-bahan sah, di mana beberapa daripadanya susah dikesan dalam ujian dadah.

Puan Yang di-Pertua, hakikat tetap hakikat. Hakikatnya ialah kadar ketagihan dadah terus meningkat di negara kita. Jika kita merujuk Buku Maklumat Dadah Agensi Antidadah Kebangsaan, ini menunjukkan peningkatan yang kita sangat bimbang bahawa dalam bilangan penangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya daripada 43,000 pada tahun 2005, naik sampai 153,000 pada tahun 2022. Ini jelas menunjukkan apa? Menunjukkan bahawa dasar kita kurang berkesan dan menangani punca asal ketagihan dadah yang termasuk keluarga yang terabai, tekanan kehidupan, trauma akibat peristiwa malang dan sebagainya.

Peralihan dasar dekriminalisasi kepada rehabilitasi dalam konteks ini adalah amat penting dan diperlukan. Walaupun rehabilitasi merupakan sasaran dan objektif dalam pindaan kali ini, tetapi kaedah pelaksanaan dasar ini adalah berbahaya, kurang berkesan dan mungkin

akan memudaratkan keyakinan rakyat kepada dasar ini. penagih dadah yang diusahakan oleh kerajaan dan organisasi masyarakat sivil.

Puan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 3 memasukkan penyalahguna dadah dan bahan menetapkan satu duluan yang bahaya kerana ia memberikan kuasa kepada Pegawai AADK untuk mengambil dalam jagaan bukan sahaja penagih dadah, tetapi sesiapa yang dia syak sebagai penyalahguna dadah atau bahan, dia akan membuat tangkapan. Saya nak tanya, apakah SOP yang ditetapkan kepada Pegawai AADK untuk membuat tangkapan? *What is the basis*, dengan izin? Adakah kerajaan menetapkan mekanisme imbalan untuk memastikan Pegawai AADK tidak menyalahguna kuasa membuat tangkapan.

Selain itu, bukan semua pengguna dadah akan menjadi penagih. Jika kita mengikut statistik, ketagihan hanya tercatat dalam lingkungan 10 dan sampai 20 peratus pengguna dadah sahaja.

Peluasan skop kuasa- ini bermakna pengguna dadah tidak kira mereka ketagih atau tidak, akan ditangkap oleh AADK dan didakwa di bawah Akta Penagih Dadah ataupun di bawah Akta Dadah Berbahaya.

Walaupun pindaan seksyen 6 ini mewajibkan pengguna dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama tempoh dua tahun, tetap ada kemungkinan mereka akan didakwa dan dipenjarakan dalam Akta Dadah Berbahaya, terutamanya seksyen 15 dalam Akta Dadah Berbahaya iaitu *self-administration* yang akan membawa denda tidak melebihi RM5,000 dan atau hukuman penjara tidak melebihi dua tahun. Seperti rakan kita mengatakan, Dato' Setia Salehuddin mengatakan *we have two different systems for the same offense*. So, jika pengguna adalah didakwa dan dipenjarakan di bawah Akta Dadah Berbahaya, mereka bukan sahaja menyumbang keadaan kesesakan penjara. tetapi juga menjadi statistik pada masa yang akan datang.

Puan Yang di-Pertua, kita kena ingat, terdapat ramai pengguna dadah yang di reman atau dipenjarakan adalah dalam kalangan belia ketika mereka tengah direman atau di penjara. Rakan-rakan mereka dalam penjara tersebut mungkin *heavy criminal* seperti pembunuh, perogol, pencuri dan sebagainya. Kesemua mereka ditempatkan dalam tahanan yang sama. *As a result*, dengan izin, *their- young minds* akan dipengaruhi oleh persekitaran mereka dan sukar untuk kita menjalankan program rehabilitasi secara berkesan.

Puan Yang di-Pertua, merujuk seksyen 6(2), Pegawai Pemulihan diberikan kuasa untuk mengesyorkan kepada Majistret untuk mewajibkan pengguna dadah menjalankan rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama tempoh dua tahun. Adakah ini bermakna pengguna dadah secara rekreasi- dalam Bahasa Malaysia, yang bukan penagih dadah tegar dan dipaksa menjalankan program pemulihan atas cadangan Pegawai Pemulihan.

Saya berpendapat bahawa, pengguna-pengguna dadah secara rekreasi ini sebenarnya tidak perlu menjalankan rawatan dan pemulihan selama dua tahun, tapi- ia membazirkanlah sumber kerajaan, serta ruang pemulihan yang lebih baik perlu diberikan kepada penagih dadah yang tegar.

Kerana masa yang tak cukup, oleh itu, saya nak buat penggulungan dekat sini.

Puan Yang di-Pertua, perbincangan ini kemungkinan- bukan kemungkinan, memanglah merupakan yang terakhir bagi saya dalam Penggal Pertama sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat pada pertengahan November, tapi tak sempatlah persidangan yang akan datang itu...

**Seorang Ahli:** Disambung lagi.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** *Insya-Allah.* Sebenarnya, saya bangga dan *fulfill-*lah kerana ini peluang diberikan- berkhidmat kepada negara tercinta ini terutamanya bersama-sama semua rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman, kehadiran saya adalah penuh kecuali beberapa hari semasa diserang COVID-19 pada tahun lepas. Saya juga telah membangkitkan pelbagai soalan hampir setiap hari persidangan, telah menyertai perbincangan merentasi kementerian dan mengikut pembentangan yang menyeluruh dasar negara.

*So, my dear President of Senate and all my fellow Senators, I sincerely thank you everyone for allowing me to serve my country in this respectful capacity as a Ahli Dewan Negara... [Tepuk]* Jika ada apa-apa salah cakap, marah, jangan simpan di hati. Saya ambil kesempatan ini memohon maaf kepada semua.

Kalau ada percaya penglibatan saya memberi sedikit kesan positif, saya ucapkan terima kasih kepada semua. Ingat, setiap kita yang berada di Dewan ini, tanggungjawab utama kita adalah untuk rakyat dan negara yang tercinta kita Malaysia.

Terima kasih... *[Tepuk]* Terima kasih, *nandri vanakkam, xie xie da jia.*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic. Kita akui bahawa Yang Berhormat adalah di antara Ahli-ahli Senator di sini yang aktif dalam perbincangan dan juga bertanya soalan. *We will miss your present. We wish you all the best in your next upon your 'face' of your life.*

Seterusnya, kita mempersilakan Senator Datuk Lim.

**3.42 ptg.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Salam sejahtera saya ucapkan kepada Puan Yang di-Pertua Dewan dan para Ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Pindaan Rang Undang-undang Penagih Dadah pada kali ini saya lihat akan meluaskan skop rawatan dan pemulihan kepada penagih. Malah, melalui pelaksanaan pindaan ini, mereka yang terbabit dalam penagihan dan penyalahgunaan dadah akan dibawa

ke Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi rawatan dan pemulihan serta pusat rawatan persendirian berbanding hukuman penjara pada ketika ini. Ini satu tindakan bersifat ihsan dan saya kira di mana kerajaan telah bertoleransi dan berkompromi dengan pesalah guna najis dadah. Walaupun penagihan dadah tidak lagi dikira sebagai jenayah, tapi terdapat keperluan agar mereka ini diberikan rawatan dan pemulihan.

Tindakan kerajaan ini sekali gus mengangkat aspirasi *World Health Organisation* (WHO), dengan izin, yang mendefinisikan penagihan sebagai penyakit kronik otak berulang. Bersandarkan kepada definisi ini, dekriminalisasi penggunaan dadah dikeluarkan daripada undang-undang jenayah dengan penagih dadah tidak diambil tindakan di bawah kerangka perundangan jenayah sekiranya perlu mendapat rawatan dan pemulihan yang sewajarnya.

Antara pindaan yang saya lihat amat bertepatan dengan keperluan semasa adalah menggantikan perkataan "*penagih dadah*" dengan "*penagih dan penyalah guna dadah ataupun bahan.*" Seperti dalam seksyen 2, perkataan "*bahan*" ini membolehkan rawatan dan pemulihan diberikan kepada semua penyalahgunaan bahan termasuk dadah jenis *psilocybin*, contohnya, *magic mushroom* dan dadah jenis *psychotropic*, ketum, ganja serta ubat tahan sakit yang kini banyak ditagih oleh golongan remaja.

Saya amat bersetuju dengan pindaan definisi ini. Namun begitu, wujud persoalan. Bagaimana sekiranya seorang remaja itu tidak tahu bahawa cecair *vape* yang dihisap mereka mengandungi dadah jenis *mushroom* yang banyak berlaku pada ketika ini? Bagaimana kes-kes remaja ini akan dikendalikan dan hukuman akan dikenakan apabila alasan tidak tahu dan sekadar untuk mencuba pada awal dikemukakan?

Seterusnya, saya melihat pindaan ini turut menyentuh mengenai perluasan peranan dan kuasa pegawai pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk melaksanakan verifikasi terhadap klien yang memerlukan rawatan. Ini sekali gus akan mengiktiraf peranan pegawai pemulihan AADK dalam melaksanakan langkah pemulihan awal.

Namun begitu, pindaan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan polemik antara staf perubatan kerana pada masa ini, penagih dadah memerlukan pengesahan pegawai perubatan. Walaupun mereka telah mengaku menggunakan dadah atau bahan untuk memohon rawatan pemulihan, proses verifikasi masih perlu melalui pegawai perubatan KKM yang bertauliah.

Isu yang timbul, adakah pegawai pemulihan AADK ini kesemuanya mempunyai kepakaran atau kelayakan dan latar belakang perubatan yang mampu mengesahkan tahap ketagihan seseorang individu? Maka, di situ terdapat kelompangan yang perlu diisi. Jadi, pada hemat saya, walaupun KDN memberi dan menaik taraf kuasa pegawai pemulihan, ini masih memerlukan sesi intervensi daripada Pegawai Perubatan yang sah.

Jadi, soalan saya. Bagi mengisi kelompangan itu, adakah kementerian selepas ini akan mengisi perjawatan Pegawai Pemulihan daripada mereka yang berkelayakan atau

mempunyai kepakaran dalam bidang ini? Supaya kita tidak mahu proses verifikasi itu akan menimbulkan permasalahan lain di kemudian hari. Atau, pada hemat saya, dengan keperluan yang wujud ini, adakah KDN perlu mengambil perjawatan Pegawai Perubatan untuk terus diserapkan di bawah AADK secara tetap bagi memenuhi kelayakan dan kepakaran yang diperlukan?

*One minute* lagi...

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Silakan.

**Datuk Lim Pay Hen:** Ini sekali gus dapat memberi perjawatan kepada lebih ramai Doktor-doktor baharu di luar sana.

Saya kira RUU ini perlu diperhalusi lagi kerana tafsiran bahan yang turut mencakupi dadah- jenis *mushroom* yang banyak dijumpai dalam cecair *vape* sememangnya telah menimbulkan ketagihan kepada ramai anak remaja. Anak-anak remaja ini perlu dikendalikan secara berhati-hati oleh pegawai yang benar-benar bertauliah dan mempunyai kepakaran.

Keduanya, terdapat sedikit keraguan di bawah pindaan RUU ini di mana pindaan yang dikemukakan menyebabkan denda terhadap keluarga seperti ibu bapa kepada kanak-kanak bawah 18 tahun sebanyak RM5,000 jika didapati melanggar syarat yang ditetapkan oleh AADK. Kemudiannya, penjelasan yang dikemukakan atas sebab denda ini adalah tidak munasabah kerana dikatakan ia berdasarkan Akta Kanak-kanak di mana denda adalah RM50,000.

Pindaan ini telah mendapat kritikan dari banyak badan NGO seperti, dengan izin, *Malaysian Substance Abuse Council* (MASAC) yang berpandangan bahawa ini tidak munasabah kerana Akta Kanak-kanak lebih cenderung ke arah pengabaian dan bukan ketagihan. Denda ini dilihat sebagai menghukum ibu bapa dan tidak membantu mereka terutamanya daripada golongan B40. Jadi, apakah respons kementerian terhadap kritikan ini?

Akhir sekali, saya bersetuju dengan langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri agar RUU ini dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi membolehkan ia diperhalusi lagi dengan lebih terperinci dalam beberapa sudut teknikal. Saya juga meletakkan kepercayaan kepada KDN agar kementerian akan terus memperkasa kuasa AADK tanpa mengetepikan peranan Pegawai Perubatan KKM.

#### ■1550

Puan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pindaan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman.

**3.50 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Yang Berhormat Puan Speaker. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KDN dan kerajaan kerana dalam masa 20 tahun, dasar RUU dadah ini digubal hanya untuk melihat masa depan penagih dadah yang selama ini kita labelkan sebagai penjenayah kepada pesakit.

Tahun-tahun 80an, 70an dulu, mereka ini menjadi penagih mungkin disebabkan oleh suka-suka, ikut kawan dan terpengaruh dengan persekitaran, sekeliling dalam komuniti masyarakat. Mereka ini juga adalah manusia yang harus kita lihat ke arah masa depan yang lebih baik dalam negara kita yang membangun.

Yang Berhormat Puan Speaker, dadah tahun 80an ini cuma ganja, morfin. Sekarang ini dengan *ice*-nya, *metamin*, *ekstasi* dan sebagainya yang mana dadah sintetik ini lebih berbahaya dengan dadah terlebih dahulu. Dengan adanya RUU ini, kita mengubah persepsi masyarakat. Daripada kita melihat bahawa penagih dadah yang dulu kita namakan "mat gian", mat pit dan sebagainya, sekarang ini kita labelkan penagih dadah ini sebagai penjenayah.

Kadang-kadang mereka tidak mahu dalam keadaan seperti itu, tapi usaha kerajaan dengan RUU ini adalah untuk membolehkan mereka ini dapat bersama-sama kita dan mengembalikan kehidupan baharu mereka. Saya rasa dalam Dewan ini setuju dengan saya kalau mengatakan bahawa kita tidak percaya dengan penagih dadah. Hendak ambil jadi kata orang itu kerani dan sebagainya ataupun menjadi pemandu dan sebagainya, kita khuatir dengan kejujuran mereka. Mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya. *Highlight* daripada media juga menyatakan bahawa penagih dadah ini kadang-kadang hendak minta duit dia bunuh mak, bapa dan sebagainya.

Ini akibat daripada dadah sintetik yang ada dalam negara kita ini. Ini negara kita membangun, tapi pembangunan masyarakat, pembangunan insan yang cuba dibuat oleh kerajaan ini adalah satu langkah yang baik supaya mentaliti masyarakat kita tidak melihat penagih dadah ini sebagai penjenayah. RUU ini kita tukarkan mereka ini daripada penjenayah kepada pesakit.

Yang Berhormat Puan Speaker, keadaan sekarang ini harus kita pastikan agar mereka ini dapat bersama-sama dengan masyarakat dan membangunkan negara sejajar dengan harapan kita. Sebagai ibu bapa, sebagai pemimpin, kita kena memikirkan tentang masa depan masyarakat yang ada dalam negara kita ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan penagih sebagai penyakit kronik otak berulang. Berdasarkan definisi ini, dekriminalisasi penggunaan dadah bermaksud ia dikeluarkan daripada undang-undang jenayah dengan penagih dadah tidak diambil tindakan di bawah kerangka perundangan jenayah, sebaliknya perlu mendapat rawatan dan pemulihan. Saya juga mengharapkan agar mereka ini yang terlibat dengan dadah haruslah



ditangani dengan lebih baik. Kadang-kadang kita kasihan juga tengok penagih dadah ini. Pihak berkuasa mengambil mereka seolah-olah mereka ini dijatuhkan hukuman dan bukannya sebagai manusia ataupun siapakah yang menghukum mereka, masyarakat. Siapakah yang menentukan bahawa mereka bukan penagih, tetapi pesakit?

Di dalam RUU ini harus dilihat pelbagai aspek dalam kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Selama ini sebanyak 75 peratus penagih dadah bersamaan dengan 14,890 individu telah pulih sepenuhnya selepas menjalani program rawatan dan pemulihan dalam komuniti sepanjang tahun 2023. Ini menunjukkan membendung penagihan serta penyalahgunaan dadah atau bahan-bahan melalui rawatan pemulihan memberi kesan yang positif berbanding hukuman penjara sahaja.

Bagi saya, RUU ini adalah satu pendekatan yang terbaik, tetapi dalam melaksanakan ataupun untuk mengimplikasikan ataupun melaksanakan tugas tersebut, mereka harus menjalankan tugas dengan baik mengikut undang-undang dan lunas-lunas perundangan melalui daripada RUU yang telah dilaksanakan.

Saya harap juga seksyen 6, 6A, 8, 9, 12, 16 dan 18, ayat yang boleh dimanipulasikan semasa pelaksanaan ini harus diambil kira supaya kita tidak terburu-buru dalam mengambil tindakan terhadap penagih.

Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan tahniah kepada KDN yang dapat melaksanakan tugas dengan baik. Dengan ini, saya turut menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan.

### **3.56 ptg.**

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker atas peluang untuk saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Puan Yang di-Pertua, negara lain telah ke hadapan dalam usaha menangani penagih dadah seperti dalam artikel *The Lancet* yang bertajuk, "*Drug Decriminalization: Grounding Policy in Evidence*" ada mengisahkan tentang kejayaan negara luar seperti Portugal yang berjaya mengatasi masalah guna dadah dengan kaedah perubatan dan rawatan serta mengeluarkan para penagih daripada kesan perundangan jenayah atau dalam kata lain, menyahjenayahkan mereka. Secara asasnya, saya sangat menyokong usaha murni kerajaan untuk menyahjenayahkan penagih dadah dan mendefinisikan semula sebagai pesakit seperti Portugal, tetapi saya juga percaya matlamat ini perlu diseiringkan dengan ketersediaan kita.

Puan Yang di-Pertua, seperti difahami, rang undang-undang ini akan menjadikan perkhidmatan PUSPEN adalah mandatori. Berdasarkan statistik daripada KDN, AADK

mempunyai 75,291 klien di seluruh Malaysia dan 9,919 daripada mereka sedang menjalani rawatan dan pemulihan dalam institusi. Jadi, adakah pihak PUSPEN bersedia untuk menerima tambahan 12,768 orang yang kini dalam penjara Malaysia di bawah PUSPEN bagi rawatan dan pemulihan selanjutnya?

Di Sabah ketika ini, kita hanya ada satu sahaja PUSPEN di Papar yang sedang beroperasi dengan kapasiti antara 300 dan 400 orang. Satu lagi PUSPEN di Tawau yang baharu mula proses pembangunan untuk kapasiti 500 orang. Jadi, kerisauan saya apabila akta ini diluluskan nanti, kita tidak dapat melaksanakan dengan disebabkan kekurangan fasiliti dan bebanan terlalu tinggi pada nisbah pesakit dengan jumlah Pegawai Pemulih, lebih-lebih lagi Pegawai Perubatan kerana Pegawai Perubatan adalah pemain utama dalam kes orang sakit.

Dalam seksyen 9, tatacara rawatan dan pemulihan penagih dadah atau bahan dan penyalahguna dadah atau bahan yang belum dewasa dan yang baginya bantuan dikehendaki. Jadi, di sini pindaan ini mencadangkan denda RM5,000 ke atas ibu bapa pengguna dadah di bawah umur 15 tahun jika melanggar syarat rawatan. Tindakan ini akan membantutkan usaha untuk pemulihan secara holistik. Ibu bapa dan penjaga akan terdorong untuk tidak membawa anak jagaan mereka kerana takut dengan denda, apatah lagi majoriti keluarga yang menerima masalah begini adalah daripada kalangan B40 yang saya khuatir ini akan menambah beban psikologi kepada keluarga penagih muda itu sendiri.

#### ■1600

Puan Yang di-Pertua, sebenarnya ada lagi, tetapi oleh sebab masa terhad, saya berharap melalui pindaan Akta Penagih Dadah 2024 ini, AADK mempunyai bidang kuasa untuk menangani masalah ini tanpa perlu PDRM membuka kertas siasatan dan menunggu kes mahkamah untuk dijatuhkan hukuman. Mereka ini boleh terus dirawat di bawah bidang kuasa AADK.

Apabila mendengar pengalaman rakan-rakan yang telah berucap terdahulu sebentar tadi, sudah tentu kaedah pencegahan dadah ataupun membanteras gejala dadah ini adalah tanggungjawab kita semua rakyat warganegara Malaysia di bumi Malaysia ini kerana ini bukanlah tanggungjawab oleh pihak yang memerintah sahaja dan juga pihak penguat kuasa. Ini adalah tanggungjawab kita bersama.

Akhir kata, saya sekali lagi menyokong usul ini dan berharap beberapa perkara yang perlu diperhalusi dalam rang undang-undang ini. Saya mohon menyokong.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Senator Dato' Husain Awang.

#### 4.01 ptg.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*  
[Membaca doa]

Terima kasih kepada Puan Yang di-Pertua atas keizinan kepada saya untuk membahaskan RUU Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024.

Saya mulakan perbahasan ini dengan menyentuh fasal 9 yang bertujuan menggantikan seksyen 6 Akta 283 iaitu memperuntukkan bahawa Majistret hendaklah atas syor pegawai pemulihan dan selaras memberi penagih dadah atau bahan peluang untuk membuat representasi, memerintahkan penagih dadah atau bahan itu menjalani rawatan dan pemulihan.

Perkara pertama yang saya inginkan nyatakan di sini adalah berkenaan tugas pegawai pemulihan yang bertanggungjawab untuk mengurus penagih dadah. Jika diteliti secara berterusan, ketagihan dadah ini adalah satu keadaan apabila seseorang bergantung kepada dadah untuk membolehkannya melakukan aktiviti harian dan juga mengelak dari mengalami kecanduan. Ia juga menunjukkan pergantungan atau obsesi seseorang itu kepada dadah atau ubat yang sah atau tidak sah.

Dalam situasi ini, apabila pesalah atau penagih dadah tersebut dimasukkan ke dalam Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di bawah kelolaan AADK untuk menjalani program rawatan dan pemulihan, maka di sana wujudnya keperluan dan peranan pakar dalam perubatan atau Pegawai Perubatan Berdaftar untuk merawat penagih atau disebut juga sebagai pesakit yang menyalahgunakan dadah.

Hal ini adalah kerana pegawai perubatan mempunyai kepakaran yang komprehensif dan menyeluruh tentang kaedah serta metode rawatan yang tepat. Ia bukan sekadar merawat atau memulihkan daripada ketagihan, malah pegawai perubatan ini juga mampu merawat pesakit yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah seperti HIV, AIDS, STD, tidak kurang juga penyakit mental seperti kemurungan, *bipolar* dan sebagainya. Oleh yang demikian, peranan dan fungsi Pegawai Perubatan amat penting dalam usaha untuk memulihkan penagihan dadah daripada sebarang penyakit berbahaya secara khusus dan tuntas.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan agar pihak AADK menjalankan libat urus dan kerjasama pragmatik dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan penggunaan dadah.

Hal ini kerana kebiasaannya, penagih dadah lebih mudah percaya untuk menyerah diri secara sukarela kepada pihak-pihak seperti NGO kerana mereka merasakan ia lebih bersifat komuniti dan tidak melibatkan birokrasi yang merumitkan. Ia adalah berdasarkan pengalaman dan juga kisah benar yang dikongsikan sendiri oleh bekas penagih semasa taklimat berkenaan RUU ini pada tiga hari yang lalu.

Tambahan pula, rawatan pemulihan di dalam komuniti ini lebih menjimatkan berbanding rawatan di pusat-pusat pemulihan di bawah badan organisasi lain seperti AADK. Antara contoh badan yang berautoriti, NGO yang menguruskan penyalahgunaan dadah ini adalah seperti Majlis Penyalahgunaan Bahan Malaysia (MASAC). Ia juga merupakan sebuah gabungan 50 NGO, pusat pemulihan swasta dan penyedia perkhidmatan berkaitan penyalahgunaan bahan dari seluruh negara.

Antara matlamat MASAC adalah menyelaras pelaksanaan program yang berkesan untuk mencegah penagihan semula serta memastikan kehidupan bekas pengguna dilindungi di dalam komuniti.

Oleh itu, saya mengesyorkan agar pihak kerajaan dapat bekerjasama secara serius dengan pihak MASAC sebagai rakan strategik dalam usaha untuk mengurangkan isu penagihan dadah yang merupakan liabiliti buat negara.

Puan Yang di-Pertua, saya minta tambahan masa satu minit.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Sila.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Ini adalah keberadaan saya yang terakhir di dalam Dewan ini. Saya mohon tambah satu minit. Hari ini adalah hari terakhir saya bersama di Dewan Negara. Perkhidmatan saya akan berakhir pada 14 September 2024.

Saya amat rasa beruntung dan bangga bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat semua terutamanya apabila berada di bawah empat orang Perdana Menteri yang dimulakan dengan Tun Dr. Mahathir, diikuti dengan Tan Sri Muhyiddin Md Yasin, kemudian diikuti dengan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan Perdana Menteri Dato' Seri yang ada sekarang ini.

Apa lagi, saya keberuntungan itu apabila mendapat bimbingan dan juga pengawasan daripada lima orang Yang di-Pertua Dewan Negara. Dimulakan dengan Tan Sri Yang di-Pertua Vigneswaran, diikuti oleh Dato' Seri Dr. Rais Yatim, kemudian Dato Sri Dr. Wan Junaidi, kemudian diikuti dengan Datuk Mutang Tagal dan Dato' Yang di-Pertua sekarang ini iaitu Dato' Awang Bemee.

Oleh itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas bimbingan dan juga tunjuk ajar serta panduan yang telah pun dapat saya pelajari daripada kedua-dua keadaan ini. Terima kasih. *Wabillahitaufik, wassalamualaikum warahmatullah... [Tepuk]*

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Semoga Dato' sentiasa sihat dan maju jaya dalam kehidupan yang selepas ini.

Selanjutnya, saya mempersilakan pembahas yang terakhir, Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi.

**4.09 ptg.**

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Malaysia Madani.*

Puan Yang di-Pertua, pertamanya, saya nak ucap tahniah kepada kerajaan, Kementerian Dalam Negeri kerana telah membuat akta ataupun pindaan ini yang mana pindaan ini amat penting sekali untuk negara kita.

■1610

Saya juga ucapkan tahniah terima kasih kepada Timbalan Menteri yang daripada pagi tak bergerak-gerak. Makan tak, minum tak, kot?... [*Ketawa*]

Puan Yang di-Pertua, akta ini bukan sekadar melibatkan penagih dadah ataupun keluarganya. Ianya juga memberi impak dan ada impak yang dan implikasi kepada sosioekonomi negara kita. Pertamanya, penagih dadah itu jika kita dapat pulihkannya ianya menjadi satu sumber manusia yang boleh digerakkan untuk mengerakkan aktiviti ekonomi.

Di samping itu keluarga sendiri. Kita pun tahu bahawasanya mana-mana keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang menagih dadah selalunya keluarga itu sangat-sangat *problematic*, dengan izin, ataupun bermasalah dalam berbagai-bagai perkara termasuk kewangan itu sendiri pun.

Sebab itu apabila kita membuat satu pindaan yang mana pindaan ini untuk ditakrifkan penagih dadah ini daripada pesalah ataupun penjenayah menjadi kepada pesakit dan untuk diusulkan sebagai untuk dipulihkan. Dengan sendirinya, pertama sekali beban kewangan kepada keluarga itu. Kalau ianya didakwa ke mahkamah, ada kos *Lawyer*, kos Peguam, kos mahkamah macam-macam kos. Sudah tentu itu sendiri memberi impak yang positif kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat menyokong RUU ini kerana saya rasa ianya banyak manfaat. Sudah tentu ada pertindihan ataupun percanggahan dengan akta-akta lain. Saya yakin kerajaan tidak akan terlepas untuk menyelaraskan percanggahan itu supaya ia nya tidak menjadi satu kejanggalan. Ini amat penting sekali.

Tinggal lagi apa yang saya hendak bangkitkan di sini apabila kita kata pemulihan apa maksudnya pemulihan? Pemulihan kepada penagih dadah? Adakah kita takrifkan pemulihan ini apabila dia sudah tidak hendak ambil dadah lagi? ataupun kita kira dia sudah pulih apabila dia sudah menjadi orang yang biasa boleh bekerja, boleh menjalankan apa-apa tugas tetapi masih memerlukan mengambil dadah itu? Apa takrifannya sini?

Ini saya rasa kerajaan perlu pastikan. Sebab saya ada satu kawan daripada sekolah. Ianya umur seperingkat dengan saya. Dia ini penagih dadah daripada sekolah lagi. Baru-baru ini dalam lima, enam tahun lepas saya jumpa dia *he looks good*. Dia nampak okey, baik apa semua, bagus. Ada anak. Bawa anak lagi berjalan, makan kedai kopi dengan saya. Saya tanya *how are you*, macam mana? Dadah macam mana? Saya tanya *direct*. *It's not something* yang dia hendak sembunyi ke apa, tidak. *It is an open secret between us*.

Dia kata dia masih ambil lagi ubat, tetapi dia kata Polis tak tangkap sudah dia. Polis sudah tak tangkap dia kerana polis sudah akui dia ini penagih tegar dan dia tak boleh lepas

tetapi dia boleh buat kerja. Dia bekerja, dia ada sumber pendapatan tetapi dia masih ambil *but he is under control*.

So dalam akta ini pindaan ini, *what does it mean by* pulih? Adakah kita hendak masukkan penagih dadah ini dalam pusat pemulihan dengan ada rawatan dan berbagai-bagai- sampai bila? Apakah takrif “pulih” di sini? Ini amat penting sekali. Kebanyakan penagih dadah ini tak boleh tinggal dadah, tetapi biarlah sampai ke tahap yang boleh menjadi satu- *become a productive person*, dengan izin. Satu- itu satu perkara.

Kedua, saya juga ingin *highlight*-kan di sini bangkitkan di sini apabila kita memulihkan seorang penagih dadah ini, kita juga perlu memasukkan unsur-unsur akhlak. Akhlak yang mulia, akhlak yang baik. Bukan sekadar untuk pulih dia daripada mengambil dadah.

Tuan Yang di-Pertua, minta sikit sahaja lagi hendak habiskan ayat-ayat ini sahaja.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Silakan.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Supaya juga kita masukkan pembelajaran dan juga unsur-unsur akhlak. Kita sudah tahu, siapa Yang Berhormat Datuk Halim sebut tadi bahawasanya ramai tak akan ambil penagih dadah untuk bekerja kerana tak yakin dengan kejujuran.

Sebab itu, unsur ini perlu diterapkan. Kita tahu penagih dadah ini selalunya berlaku kecurian kerana dadah. Dia ambil dadah dia jadi pencuri. Macam bagai perkara dia buatnya kerana menjadi penagih dadah. Maka, ditakrifkan juga di bawah pulih ini juga unsur akhlak ini perlu diajar dan dimasukkan supaya mereka ini bukan sahaja sekadar pulih, tetapi juga berakhlak yang lebih mulia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dan saya menyokong Usul ini. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat dan seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat saya percaya Yang Berhormat sedar bahawa kita ada satu lagi RUU untuk dibincangkan dan ada 16 orang pembahas.

Jadi, saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk buat satu jawapan ataupun rumusan yang padat dan ringkas. Saya bagi 20 minit ya.

**4.16 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

KDN merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Ramai yang berucap memberi pandangan mengenai rang undang-undang ini. Semua pandangan-pandangan yang diberikan tadi begitu baik. Tentunya akan

diambil kira oleh KDN dalam memastikan rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan baik dengan sempurna.

*Alhamdulillah*, secara keseluruhannya semua yang berucap ini menyokong rang undang-undang ini. Banyak pandangan yang diberikan. Memandangkan masa diberikan pada saya agak terhad. Satu lagi rang undang-undang penting selepas ini, maka saya cuba menjawab dan memfokuskan beberapa isu-isu yang berkaitan. Mana-mana yang tak sempat saya bagi jaminan pegawai-pegawai saya akan buat catatan dan akan memberi jawapan secara bertulis.

Ahli Yang Berhormat, banyak dibangkitkan tadi berkaitan dengan Pegawai Pemulihan. Saya hendak rujuk bahawa punca kuasa pelantikan Pegawai Pemulihan adalah tertakluk di bawah APD 1983. Pegawai Pemulihan bertanggungjawab dalam rawatan dan pemulihan dadah serta bahan dan mempunyai kelayakan serta kepakaran dalam bidang psikologi, *psychological* kaunseling, kaunseling dan *psychological* klinikal. Makna ada kepakaran-kepakaran yang tersendiri.

AADK mempunyai 30 orang pakar dalam bidang rawatan pemulihan serta 1,000 orang Pegawai Pemulih yang terlatih dalam bidang-bidang yang berkaitan. Seramai 400 Pegawai Pemulihan AADK telah ditauliahkan sebagai pengamal bertauliah. Kita ada sudah ada pengalaman.

Untuk makluman sebenarnya Program Pemulihan Komuniti dan sebagainya telah dijalankan sejak lama dalam negara ini. Pegawai-pegawai ditauliahkan sebagai pengamal bertauliah dalam bidang-bidang rawatan saya sebutkan tadi melalui Program Sijil Amalan Rawatan dan Pemulihan (CPP) yang dikendali oleh Pusat Latihan AADK dan diiktiraf oleh *International Accreditation Organization (IAO)*.

Pegawai Pemulihan mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang psikologi, *psychological* kaunseling, kaunseling dan psikologi klinikal melalui penguasaan latihan kemahiran dan kelayakan dalam bidang tersebut yang juga dipenuhi melalui latihan secara formal oleh AADK atau secara akademik dari universiti-universiti awam dan swasta.

Sebagai contoh Pegawai Pemulihan yang mempunyai kelayakan akademi SPADA Ijazah Psikologi, Sarjana Penyalahgunaan Bahan, Sarjana Kaunseling dan sebagainya. Maknanya, pegawai-pegawai kita memang terlatih mempunyai keupayaan dan *insya-Allah* akan melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan sepanjang pengalaman yang mereka ada.

Selain daripada itu, AADK juga mengadakan kolaborasi bersama universiti-universiti awam dengan swasta dan telah membangunkan pelbagai alat-alat ujian psikologi dan klinikal yang mempunyai kesahan dan boleh dipercayai dalam *setting* tempatan termasuk latihan pengendalian dan interpretasi alat-alat ujian berkenaan.

Untuk makluman Dewan, selain daripada kelayakan akademik pegawai pemulih juga mempunyai kompetensi seperti berikut. Jam kredit klien sekurang-kurangnya 1,000 hingga 5,000 jam dan pengalaman di lapangan antara tiga hingga lima tahun. Maknanya pegawai-pegawai yang hendak dilatih ini memang memenuhi kelayakan-kelayakan yang ditetapkan.

Juga dibangkitkan berkaitan penyelarasan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, ada dibangkitkan banyak tadi. Saya hendak rujuk kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 2024 yang dikeluarkan bagi wujudkan jentera penyelarasan pelaksanaan dasar membanteras gejala dadah bagi merealisasikan matlamat Malaysia bebas dadah.

Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah badan tertinggi dalam struktur jentera ini yang ditubuhkan bagi menggubal dasar dan memastikan keputusan Jawatankuasa dilaksanakan dengan komited dan secara berterusan. Pelbagai kementerian termasuk Kementerian Kesihatan merupakan ahli dalam Jawatankuasa ini bagi memastikan keselarasan pelaksanaan usaha membanteras gejala dadah. Malah pelbagai pihak lain terlibat dalam Jawatankuasa ini ia membincangkan perkara-perkara dengan sangat teliti sekali.

Ahli Yang Berhormat, dibangkitkan juga berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dan juga penjaga- denda yang dikenakan. Saya hendak merujuk apa yang kita lakukan ini kita rujuk kepada Akta Kanak-kanak 2001. Kanak-kanak ditafsirkan sebagai orang di bawah umur 18 tahun. Terdapat sesetengah ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab bagi memulihkan anak-anak kepada Pegawai Pemulih semata-mata.

Kajian yang dilakukan yang saya sebutkan tadi oleh *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse* mendapati penglibatan penjaga dalam rawatan dan pemulihan dadah berkait dengan pengurangan tahap ketagihan, pengurangan keparahan psikologi dan pengurangan simptom kemurungan. Jadi, penglibatan ibu bapa yang dikehendaki dalam seksyen ini hanya pada program-program yang ditetapkan atas penilaian Pegawai Pemulihan.

Denda ini dikenakan kepada ibu bapa yang mengabaikan kanak-kanak semasa menjalani rawatan dan pemulihan dadah atau bahan, tanpa alasan yang munasabah berdasarkan penilaian Pegawai Pemulihan. Kalau kita lihat jumlah denda tidak melebihi RM5,000 dirujuk silang dengan seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 bagi kesalahan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa. Jumlah RM5,000 yang dikenakan dalam akta ini sebenarnya hanyalah 10 peratus sahaja berbanding RM50,000 Akta Kanak-kanak 2001 tersebut.

Saya juga ingin menjawab perkara yang berkaitan dengan- ada dibangkitkan tadi banyak- adakah kementerian atau agensi- kementerian melibat urus dengan pelbagai agensi-agensi lain dalam menggubal akta ini. Saya hendak sebut bahawa pihak kementerian melalui AADK telah melaksanakan sesi *town hall* atau libat urus sebanyak dua kali pada 14 Januari



2020 dan 5 Disember 2023 bersama 56 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mengenai isu penyahjenayahkan penagih dadah dan bahan.

Selain itu, AADK juga melaksanakan tinjauan reaksi di sosial media dan mendapati memang orang awam masih kurang faham maksud yang seperti disebut dekriminalisasi yang beranggapan penggunaan dadah sudah tidak menjadi satu kesalahan. Selain itu terdapat juga pandangan bahawa ia akan membenarkan orang awam membawa dadah dalam kuantiti yang kecil.

AADK juga mengadakan sesi libat urus bersama dengan jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui pelbagai program Simposium Sains Penagihan Dadah Kebangsaan dan seminar JKPD, Ahli Lembaga Pelawat, NGO berkaitan dengan dadah secara tahunan bagi bertujuan untuk mendapatkan kerjasama dan penghargaan kepada semua pemegang taruh AADK.

Antara program yang saya hendak sebut yang telah diadakan adalah Program Seminar Pemerksaan dan Kepimpinan Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah dan Ahli Lembaga Pelawat Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) pada 7 hingga 8 Oktober 2023 di Klana Resort Seremban dan Hari Apresiasi Kepulihan AADK pada 16 hingga 17 November 2023 di Grand Barakah Hotel Ampang. Program-program serupa seperti ini dilaksanakan bagi kita berikan pengetahuan, kefahaman, ruang pencambahan minda dan idea dalam kalangan peserta berkait polisi AADK dan pendekatan perkhidmatan rawatan pemulihan yang dilaksanakan.

Sesi libat urus- *town hall* yang diadakan pada 5 Disember 2023 di Dewan Akasia Agensi Antidadah Kebangsaan melibatkan 78 NGO iaitu 28 NGO daripada bidang rawatan dan pemulihan, 50 NGO daripada bidang pencegahan. Antara perkara yang dibincangkan dalam kerjasama yang boleh diberikan oleh NGO dalam membantu AADK melaksanakan program pencegahan rawatan pemulihan.

Pihak AADK juga mengadakan sesi libat urus secara bersemuka dengan pelbagai pihak MASAC yang merupakan peneraju utama kepada semua NGO dadah di Malaysia pada 11 Februari 2021. Ia yang saya sebutkan tadi menggambarkan bahawa waktu kita melaksanakan sesi sebelum rang undang-undang dibentangkan memang pelbagai sesi libat urus dengan pelbagai pihak kepentingan diadakan.

Selain daripada itu, ramai juga yang bercakap soal Pegawai Perubatan Bertauliah ini, apakah pemantauan Pegawai Perubatan Bertauliah, soal isu integriti pegawai pemulihan jika tiada pemantauan dan sebagainya. Saya hendak sebut, setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah menempatkan seramai 63 Pegawai dan Penolong Pegawai Perubatan di fasiliti AADK seluruh negara manakala AADK menyediakan perkhidmatan seramai 24 orang Pegawai Perubatan di PUSPEN- Pusat Saringan dan Penilaian Dadah AADK dan Pejabat AADK Daerah.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa ujian dan perakuan oleh Pegawai Perubatan kerajaan atau Pengamal Perubatan Berdaftar sebagai penagih dadah atau bahan masih diperlukan bagi Perintah di bawah seksyen 6 dan 6A RUU ini. Perakuan oleh Pegawai Perubatan ini bersama-sama syor oleh Pegawai Pemulihan akan dikemukakan kepada Majistret bagi tujuan mendapat perintah rawatan dan pemulihan.

Justeru, ingin saya tegaskan bahawa tidak timbul isu Pegawai Pemulih diberi kuasa besar atau kuasa mutlak memandangkan perakuan daripada Pegawai Perubatan kerajaan atau Pengamal Perubatan Berdaftar masih diperlukan di bawah seksyen-seksyen 6(1) dan 6A(1) RUU ini.

Daripada segi peranan pusat pemulihan swasta selain PUSPEN dibangkitkan juga isu ini, apakah ia mendapat bantuan daripada pihak kerajaan- dikawal selia mengikut spesifikasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). APD 1983 sedia ada, saya hendak sebut kalau akta sebelum ini tidak mempunyai peruntukan mengenai kesalahan tidak mendaftarkan pusat pemulihan ataupun yang melanggar syarat. Jadi, KDN berpandangan terdapat keperluan untuk mengawal selia PPDP ini melalui RUU ini bagi menambah baik peruntukan untuk mengawal selia pusat pemulihan persendirian supaya pengoperasian pusat ini mengikut piawai, kualiti dan kelayakan yang ditetapkan. Inilah semangat sebenarnya.

Jadi, pindaan akta ini kelak akan dapat memastikan keselamatan, kebajikan penghuni atau klien yang dirawat adalah terpelihara di samping memperkasa peranan komuniti untuk bersama kerajaan dalam memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah serta bahan.

Jadi, AADK telah membangunkan satu garis panduan untuk mengawal dan memantau PPDP untuk mematuhi fungsi dan peranan sebagaimana syarat dan peraturan pelesenan dan pemertan yang ditetapkan. Selain itu, PPDP mestilah mematuhi kaedah terma dan syarat yang telah ditetapkan sebelum mana-mana penyedia perkhidmatan boleh menawarkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan pada penagih dadah.

Untuk makluman Dewan, Panduan Pengoperasian Pusat Pemulihan Dadah Persendirian telah dikeluarkan- sebenarnya pada tahun 2019.

#### ■ 1630

Panduan ini mengandungi enam komponen penilaian utama iaitu sistem pengurusan, pengurusan pelanggan, perkhidmatan teras, perkhidmatan kumpulan tertentu dan kemudahan fizikal. Semua PPDP ini akan diperiksa sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan markah penilaian akan diberikan berdasar penelitian dan semakan. Ini dibuat bagi memastikan supaya pusat-pusat ini benar-benar baik dan memberi kebaikan kepada pihak-pihak berkaitan.

Jadi, kadar denda yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini adalah sebenarnya berdasarkan rujukan terhadap Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 iaitu meletakkan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tidak berlesen

atau tidak berdaftar boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Manakala, bagi kesalahan tidak mematuhi mana-mana syarat, denda tidak kurang daripada RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Dato' Yang di-Pertua, dibangkitkan juga soal kapasiti PUSPEN bagi menampung penambahan klien apabila adanya akta ini. Saya nak sebut bahawa program rawatan dan pemulihan dijalankan oleh AADK melalui 30 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), 108 buah Pusat AADK Daerah, 22 buah pusat khidmat dan 14 buah pusat integrasi klien di seluruh negara. PUSPEN dengan kapasiti maksimum sebanyak 10,000 buah katil dapat mengendalikan program rawatan pemulihan dalam komuniti, sementara AADK daerah pula mengendali program rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

Sehingga Mac 2024, seramai 6,867 orang klien menjalani program rawatan pemulihan dalam institusi dan seramai 66,105 orang klien menjalani program rawatan pemulihan dalam komuniti. AADK, saya dah sebut sentiasa menerima klien baharu sama ada di RPDI dan RPKD dengan merancang untuk menambah kakitangan AADK serta menambah baik fasiliti AADK di seluruh negara. Maknanya, kita bersiap sedia untuk melakukan penambahbaikan hasil daripada rang undang-undang ini.

Dato' Yang di-Pertua, juga ditanya apakah prosedur kepulihan yang perlu dilalui oleh klien sekiranya hadir secara sukarela di AADK. Saya nak sebut bahawa seksyen 8 RUU adalah mengenai rawatan dan pemulihan secara sukarela yang diberikan kepada individu yang tampil kepada Pegawai Pemulih untuk mendapat rawatan dan pemulihan.

Pindaan seksyen 8 Akta APD 1983 ini akan membolehkan klien memulakan rawatan dan pemulihan serta-merta di fasiliti AADK dengan tempoh yang lebih singkat berbanding peruntukkan asal. Maknanya, klien sukarela juga perlu Menandatangani Borang Persetujuan Menerima Rawatan Pemulihan Secara Sukarela sebelum Pegawai Pemulih memulakan proses rawatan dan pemulihan.

Melalui RUU ini juga, klien sukarela tidak akan dikenakan sebarang tindakan perundangan. Ini penting ya. Sekiranya tidak mematuhi- klien sukarela tidak akan dikenakan sebarang tindakan perundangan sekiranya tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dan tiada sebarang rekod jenayah bagi kes sukarela.

Juga ditanya tadi berkaitan dengan kempen. Adakah kempen daripada kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam dengan rawatan pemulihan secara sukarela. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui AADK telah dan sedia menjalankan kempen-kempen kesedaran untuk meningkatkan kesedaran mengenai rawatan dan pemulihan secara sukarela melalui media-media massa seperti melalui hebahan di radio, televisyen dan semua platform media-media sosial AADK dan media-media lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KDN sentiasa mengikut trend semasa berkaitan kes penagihan dadah dan bahan dalam dan luar negara. Ada langkah pencegahan serta rawatan pemulihan dan dilaksanakan seiring dengan perubahan semasa. Terkini, AADK baru melancarkan kempen pencegahan dadah '*Tak Payah, Tak Nak*' secara meluas di semua platform media dan jadikan *tagline* semasa untuk disebar luas di semua peringkat dalam masyarakat. Pihak AADK juga mempunyai perancangan khusus dalam menyebarkan hasrat daripada pindaan rang undang-undang ini.

Selain daripada itu, dibangkitkan juga berkaitan dengan berapa ramai Kaunselor di AADK. Saya dah nyatakan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 400 Pegawai Pemulihan AADK telah diberi tauliah sebagai pengamal bertauliah. Tauliah yang mereka dapati ini ialah daripada agensi dan badan yang diperakukan oleh undang-undang.

Selain daripada itu, dibangkitkan juga apakah kadar tempoh enam bulan kali pertama dan setahun kesalahan kedua kepada kepulihan klien. Saya nak sebutkan di sini, individu yang diperintah di bawah seksyen 6A masih dikategorikan sebagai penyalahguna dadah atau bahan.

Walau bagaimanapun, bagi klien yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan termasuk kembali menyalahguna dadah dan bahan, pelanjutan rawatan dan pemulihan diberikan bagi memberi peluang kepada klien untuk terus mendapat rawatan dan pemulihan berbanding denda ataupun pemenjaraan. Ini mengambil kira ketagihan adalah satu penyakit berulang dan memerlukan rawatan dan sokongan berterusan.

Dato' Yang di-Pertua, memang banyak perkara yang dibangkitkan tadi. Kalau saya nak jawab kesemua tadi, kalau setiap seorang lima minit, saya lebih masa daripada itu. Jadi, saya tak sempat nak jawab. Minta maaf banyak-banyak, tapi KDN amat menghormati dan mengambil kira pandangan-pandangan yang diberikan dan semuanya ingat amat baik dalam pastikan rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Jadi, sebagai penutup, rang undang-undang ini memang menerapkan nilai ihsan bagi meningkatkan akses kepada rawatan pemulihan dan perkasa penglibatan komuniti untuk berganding bahu dengan kerajaan dalam pastikan kesejahteraan negara dari segala dadah yang sangat membimbangkan. Pelbagai pihak telah dilibatkan sebagaimana disebutkan tadi. Saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri sangat berharap agar rang undang-undang ini mendapat kelulusan sebulat suara daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan].*

■1640

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA 2024**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**4.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan fungsi dan kuasanya yang berhubung dengan kawalan dan perlindungan sempadan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara berkaitan, dibaca kali yang kedua sekarang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, memandangkan ini rang undang-undang yang terakhir untuk sesi ini, kalau boleh kita jimat masa sedikit... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, urusan berkaitan pemeriksaan, kawalan, pelepasan dan penguatkuasaan ke atas pergerakan orang, barang serta kenderaan melintasi sempadan negara dikendalikan secara

berasingan oleh pelbagai agensi dan kementerian yang berkaitan mengikut sektor dan fungsi tertentu.

Sebagai contoh, secara asasnya pergerakan orang atau pengembara di pintu masuk negara akan melalui proses dan prosedur kawalan dan pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk fungsi berkaitan dokumen perjalanan. Kementerian Kesihatan Malaysia untuk fungsi berkaitan kesihatan awam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk fungsi berkaitan barangan yang dibawa serta Jabatan Pengangkutan Jalan sekiranya terdapat kenderaan yang dipandu. Pelaksanaan fungsi-fungsi ini juga adalah bersandarkan kepada pelbagai punca kuasa serta perundangan yang berkuat kuasa dan urusan tersebut perlu melalui lapisan-lapisan pemeriksaan yang berbeza.

Selain itu, pengoperasian di suatu pintu masuk juga melibatkan arahan dan kawalan-*command and control*, dengan izin daripada punca yang pelbagai mengikut agensi-agensi yang ada. Ini menyebabkan tiada entiti tunggal yang dapat dipertanggungjawab apabila berlaku sesuatu insiden atau isu di kawasan pentadbiran pintu masuk negara. Penyelarasan dan pemurnian prosedur operasi standard (SOP) bagi pengoperasian yang melibatkan urusan pemeriksaan dan kawalan juga dilihat sukar apabila pelbagai agensi di pintu masuk mempunyai peraturan, mahupun arahan dan perintah tetap daripada punca kuasa yang berbeza.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, isu-isu ini merupakan sebahagian daripada hasil dapatan kajian oleh Kementerian Dalam Negeri sejak November 2018 yang dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada 30 Julai 2021. Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada tarikh tersebut telah bersetuju, antara lain agar sebuah agensi tunggal bagi menjaga sempadan dan pintu masuk negara ditubuhkan, bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kawalan keselamatan serta penyampaian perkhidmatan kerajaan di pintu-pintu masuk dan pelabuhan.

Jemaah Menteri pada ketika itu turut bersetuju agar sebuah pasukan nukleus *Single Border Agency* (SBA) dibentuk untuk memperincikan cadangan penubuhan agensi tunggal ini dengan fasa pertama melibatkan pengambilalihan fungsi agensi-agensi di pintu masuk negara termasuk pelabuhan dan fasa berikutnya melibatkan pengambilalihan fungsi kawalan sempadan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perincian oleh Pasukan Nukleus SBA yang melaksanakan kawalan penanda aras dan sesi libat urus bersama agensi dan kementerian yang berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Jemaah Menteri pada 23 Oktober 2023, antara lain telah bersetuju agar pelaksanaan penubuhan agensi tunggal ini yang dikenali sebagai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) bermula pada 1 Januari 2024 dengan diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri. Untuk rekod,

lebih daripada 125 sesi libat urus telah dilaksanakan sehingga kini oleh Pasukan Nukleus SBA dan MCBA.

MCBA akan mengambil alih keseluruhan fungsi sumber manusia, kewangan dan aset bagi enam buah agensi utama di pintu-pintu masuk negara iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penguatkuasaan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia (MAQIS), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan PERHILITAN. Walau bagaimanapun, fungsi tafsiran dan kutipan duti cukai di pintu masuk negara akan kekal dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penubuhan MCBA ini, kerajaan menyasarkan urusan-urusan pemeriksaan di pintu masuk negara akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan pantas. Kesan yang signifikan melalui penubuhan agensi baru ini mungkin tidak dapat dilihat dalam tempoh masa singkat memandangkan perubahan yang drastik ke atas sebarang prosedur operasi standard terutama yang berkaitan dengan pemeriksaan barangan perdagangan boleh memberi impak kepada ekosistem sedia ada yang sedang berjalan.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan melalui agensi ini, komited untuk meneroka sebarang cadangan penambahbaikan operasi terutama dengan pengurangan dan penggabungan lapisan-lapisan pemeriksaan, menutup sebarang kelompangan yang boleh menjurus kepada kerenah birokrasi dan mempercepatkan urusan pemeriksaan melalui penggunaan peralatan sistem berteknologi tinggi. Agensi ini juga telah menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus tahap kecekapan dan keberkesanan operasi akan dapat ditingkatkan dalam tempoh tiga tahun selepas pengambilalihan keseluruhan operasi di pintu masuk utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penubuhan agensi ini juga, kerajaan menyasarkan untuk para pegawai daripada pelbagai agensi diserap masuk ke MCBA ini akan diberikan latihan dan ditingkatkan kemahiran serta keupayaan mereka. Di samping itu, polisi perkhidmatan awam berkaitan pengambilalihan baru pegawai daripada kumpulan kelainan upaya, golongan wanita, veteran ATM akan turut dilaksanakan.

Kesemua inisiatif dan usaha penambahbaikan yang dirancang ini seharusnya tidak akan membuatkan kerajaan berkompromi dengan sebarang isu berkaitan integriti dan ketirisan hasil negara di pintu-pintu masuk termasuk pelabuhan.

Selanjutnya, untuk membolehkan agensi ini mempunyai punca kuasa bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya di pintu-pintu masuk negara, maka suatu rang undang-undang tubuh agensi perlu digubal dan dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Oleh itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Januari 2024 antara lain telah bersetuju dengan penetapan dasar untuk Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia yang dibentangkan melalui memorandum oleh Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan turut menyedari bahawa pengoperasian MCBA di peringkat awal kelak akan melibatkan pengambilalihan fungsi agensi-agensi daripada

pelbagai kementerian memerlukan penyelarasan yang teliti untuk memastikan segala urusan di pintu masuk negara tidak terganggu. Penyelarasan ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak, terutama agensi dan kementerian yang terlibat, termasuklah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sehubungan dengan itu, bagi menangani isu ini serta perkara-perkara yang berbangkit daripada pengoperasian MCBA kelak, Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024 antara lain telah bersetuju agar Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh semua agensi dan kementerian yang berkaitan dengan pengoperasian di pintu masuk negara, termasuk wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Jun 2024 pula ketika menimbang memorandum daripada Menteri Dalam Negeri No. ML 53/2024 bertajuk Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. Antara lain telah bersetuju untuk RUU ini dibentangkan di Mesyuarat Parlimen. RUU ini telah dibentangi dan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan, Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 terbahagi kepada lima bahagian yang mengandungi 25 fasal dan dua Jadual.

Bahagian I rang undang-undang ini memperkatakan mengenai perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan memberi kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa akta untuk suatu bahagian di Malaysia, permulaan kuat kuasa peruntukan dalam akta atau peruntukan akta dan bahagian di Malaysia.

#### ■1650

Fasal 2 mengandungi tafsiran beberapa perkataan atau terma yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II rang undang-undang memperuntukkan mengenai penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan perkara berkaitan pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai agensi.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan agensi tersebut diguna khidmatnya di kawasan yang ditetapkan untuk menyediakan kawalan dan pemeriksaan bagi tujuan kawalan dan perlindungan sempadan Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa melantik Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah serta tanggungjawab Ketua Pengarah terhadap segala perkara yang berhubung dengan agensi.



Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai-pegawai agensi oleh Menteri Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III memperuntukkan berkenaan fungsi dan kuasa agensi.

Fasal 6 bertujuan untuk memperuntukkan fungsi agensi untuk menguatkuasakan undang-undang bertulis yang berkaitan di kawasan ditetapkan. Selain itu, fasal 6 turut menjelaskan fungsi agensi di negeri Sabah dan Sarawak yang mana kuasa dan hak istimewa negeri-negeri ini seperti yang digariskan dalam Bahagian IV Akta Imigresen 1959/63 akan dilaksanakan dan dipatuhi oleh agensi mengikut arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri berkenaan kepada Pengarah Imigresen Negeri.

Fasal 7 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pegawai agensi mempunyai segala kuasa yang pihak berkuasa berwajib boleh menjalankan tanggungjawab tertakluk kepada peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan dan boleh melakukan segala perkara yang munasabah perlu bagi atau berkesampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah fasal 6.

Fasal 8 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sebarang pertindihan fungsi antara agensi dengan pihak berkuasa berwajib perlu diselesaikan secara pentadbiran.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa jika suatu kesalahan telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di negeri Sabah dan Sarawak di kawasan yang ditetapkan, maka tindakan penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan kesalahan itu hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa berwajib negeri Sabah dan Sarawak.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan dalam keadaan tertentu, yang mana agensi boleh menjalankan kuasa dan fungsinya di luar dari kawasan yang ditetapkan.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pegawai agensi yang mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat koperal dan lebih rendah dan seorang pegawai penjara yang berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan agensi. Fasal 11 juga bertujuan untuk menyifatkan pejabat agensi sebagai suatu balai polis.

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada agensi untuk menyelaras dan bekerjasama dengan mana-mana orang atau pihak berkuasa berwajib bagi mendapatkan apa-apa khidmat dan bantuan dalam menjalankan peruntukan akta.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV rang undang-undang ini memperkatakan peruntukan yang berhubung dengan perkara-perkara am.

Fasal 13 memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah akta yang dicadangkan boleh dimulakan dengan keizinan Pendakwa Raya.

Fasal 14 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi melindungi kerajaan daripada apa-apa liabiliti yang berhubung dengan apa-apa kos atau apa-apa kerosakan akibat

daripada perjalanan tugas oleh pegawai agensi termasuk memperuntukkan kuasa kepada kerajaan untuk mendapatkan kos pengurusan barang sitaan daripada orang disabitkan.

Fasal 15 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pengurusan bagi apa-apa kutipan wang yang dibuat agensi bagi pihak-pihak berkuasa berwibawa, ia hendaklah mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan serta arahan-arahan dan kehendak pihak berkuasa berwibawa itu.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai diberi kuasa daripada liabiliti dalam pelaksanaan tugasnya.

Fasal 17 bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan kewajipan pegawai agensi mengekalkan kerahsiaan.

Fasal 18 bertujuan untuk memberikan perlindungan yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] terhadap apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding kepada agensi, pegawai agensi dan kakitangan pihak berkuasa berwibawa yang lain.

Fasal 19 pula bertujuan memperuntukkan bahawa setiap pegawai agensi hendaklah diberikan kad kuasa.

Fasal 20 memperuntukkan bahawa pegawai agensi hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam dan kelengkapan yang ditentukan oleh perintah tetap dan setiap pegawai agensi hendaklah memakai pakaian seragam semasa menjalankan tugas mereka kecuali dikecualikan.

Fasal 21 pula bertujuan untuk membenarkan pegawai agensi membawa senjata semasa menjalankan tugas dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan dan kehendak yang diperuntukkan di bawah Akta Senjata 1960.

Fasal 22 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan hukuman yang berhubungan dengan apa-apa amang, galangan, gangguan dan sebagainya terhadap mana-mana pegawai agensi dalam melaksanakan kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 23. Sikit lagi. Bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah pentadbiran yang disebut perintah tetap yang selaras dengan peruntukan ini tentang kawalan am, latihan, tugas, tanggungjawab pegawai agensi dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau sesuai manfaat untuk pentadbiran baik agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas dan pada amnya, untuk memastikan agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Bagi fasal 24 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkenaan kuasa Menteri untuk meminda Jadual kepada akta yang dicadangkan selepas berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi suatu undang-undang bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 25 di Jadual Kelima bertujuan untuk memperuntukkan pengecualian bagi mana-mana pas permit atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah

undang-undang bertulis yang berkaitan sebelum akta ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga pas permit atau dokumen lain itu habis tempoh, ditarik balik atau dibatalkan. Selain itu, sebarang permohonan yang belum selesai di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan sebelum akta ini mula berkuat kuasa adalah tidak terkesan oleh akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Jadual Pertama rang undang-undang menyenaraikan kawasan yang ditetapkan oleh agensi beroperasi. Manakala Jadual Kedua pula menyenaraikan undang-undang bertulis yang berkaitan seperti yang ditafsirkan dalam fasal 2 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berkeyakinan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini. Penubuhan dan pengoperasian Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia di pintu masuk negara akan dapat memastikan ekosistem dan fungsi pemeriksaan, kawalan serta penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan yang seterusnya akan memudahkan urusan perjalanan keluar dan masuk orang, juga import dan eksport barangan dari atau ke Malaysia. Kewujudan dan peranan agensi ini juga sangat penting bukan sahaja kepada keselamatan awam, malah kepada ekonomi, biosekuriti dan kesihatan awam negara.

Trend atau aliran pendekatan progresif untuk mewujudkan dan mempertanggungjawabkan pengurusan sempadan kepada sebuah entiti tunggal telah bermula seawal tahun 2003 oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat melalui *US Customs and Border Protection*, Australia melalui *Australia Border Forces* dan Singapura melalui *Immigration and Checkpoints Authority* dan beberapa buah negara lain.

Justeru, kerajaan pada hari ini telah mengambil tanggungjawab dan berusaha untuk memastikan inisiatif dan keputusan-keputusan yang telah diputuskan sejak tahun 2018, Yang Berhormat, untuk penubuhan Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan Malaysia dapat direalisasikan. Walau bagaimanapun, hasrat ini sudah pasti tidak tercapai tanpa sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menghormati sempadan masa. Ada siapa-siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]:** Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan fungsi dan kuasanya yang berhubungan dengan kawalan dan perlindungan sempadan dan

untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 15 orang ahli yang hendak berbahas. Maka saya buat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit sahaja seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

#### 4.59 ptg.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024.

#### ■1700

Datuk Yang di-Pertua, pertama, saya amat mengalu-alukan penubuhan Akta MCBA oleh kerajaan yang saya boleh katakan sebagai kesinambungan kepada Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang dibubarkan pada tahun 2021. Pembentangan akta ini dilihat amat *significant* kepada kesemua pintu masuk sempadan negara dengan adanya *single border* agensi dengan izin.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kementerian kerana dapat merealisasikan penubuhan agensi tunggal sempadan demi memastikan kedaulatan negara terus terjaga dan terjamin. Seperti juga negara-negara lain kita juga tidak terkecuali untuk merombak semula pengawasan SOP penguatkuasaan kawalan di sempadan negara. Dengan adanya kewujudan agensi yang baru ini *insya-Allah* dapat memberi nafas baru kepada kawalan pintu masuk negara.

Kita mestilah memahami keadaan sekeliling kita sama ada di darat, udara dan perairan sempadan yang memerlukan satu agensi atau organisasi yang sistematik. Mengambil contoh seperti yang dikata oleh Timbalan Menteri tadi di Amerika Syarikat di *Customs and Border Protection* (CBP) diwujudkan melalui penstrukturan semula agensi sempadan mereka pada tahun 2003.

Manakala di United Kingdom pula dari *UK Border Agency* kepada *Border Force*. Jiran kita Singapura mempunyai *Immigration and Checkpoints Authority* (ICA). Maka, saya syorkan supaya kita juga boleh memakai model sama yang diguna pakai oleh negara-negara maju. Kita mestilah belajar daripada mereka dan dalam masa yang sama, mengenal pasti apa kelemahan sebelum ini kerana sebelum ini kita boleh katakan AKSEM umpama *try and error* dengan izin, maka pengamatan saya mungkin pegawai-pegawai dalam kementerian mengambil iktibar apa yang berlaku pada AKSEM dari tahun 2017 hingga 2021.

Penambahbaikan dalam Akta MCBA ini memungkinkan kita berada di tahap yang sepatutnya kita berada. Jurang antara kita dengan negara jiran juga terlalu besar dan patut kita mengorak langkah ke hadapan. Saya melihat perkara sebegini sebagai batu loncatan

kepada agensi untuk berdaya saing dalam mengawal sempadan pintu masuk negara. Datuk Yang di-Pertua, justeru dalam penubuhan akta ini, usaha kerajaan dan kementerian untuk menyusun semula struktur dan fungsi agensi amatlah bertepatan dengan kehendak dan hasrat kerajaan dalam mengekang ketirisan hasil negara di sempadan.

Dalam masa yang sama, mengikut keadaan geopolitik semasa, persoalan yang saya ingin kemukakan berhubung dengan pergerakan ke pintu masuk, memang benar langkah ini bersesuaian dan dapat memudahkan pergerakan keluar masuk di mana sebelum ini terpaksa melibatkan 28 buah agensi kerajaan yang lain. Pertindihan kuasa di antara agensi dapat dikurangkan. Cuma apa yang saya khuatiri ialah apa jaminan daripada kementerian dan juga agensi yang baru ini berhadapan dengan masalah sebegini dalam pelaksanaan atau penyampaian kaedahnya kerana kita tahu MCBA nanti akan menjadi agensi yang besar. Bagaimanakah pula pegawai-pegawai yang ditempatkan di agensi MCBA nanti?

Adakah penempatan ini nanti dibuat secara merit menerusi jabatan yang sedia ada seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen atau melalui pengalaman yang sedia ada? Begitu juga dengan logistik dan peralatan kerana kita tahu dua perkara ini akan menjadi masalah kepada mana-mana agensi yang baru diwujudkan dalam mengekang dan mengawal sempadan daripada dibolosi. Ia boleh menjadi logistik *nightmare*, dengan izin, di 143 pintu masuk dan pelabuhan sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan secara sistematik dan teratur. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim:** Terima kasih. Pemodenan agensi juga harus diperkukuhkan selepas ini, terutama sekali teknologi terkini seperti *drones*, AI dan sebagainya. Lebih-lebih lagi di pintu-pintu utama masuk negara kita. Datuk Yang di-Pertua, untuk pengoperasian MCBA di Sarawak, saya amat mengalu-alukan cadangan kementerian dan juga agensi di mana MCBA akan menubuhkan MCBA Wilayah Sarawak, diketuai oleh anak Sarawak, penguasa sempadan sendiri malah keanggotaan untuk MCBA Sarawak juga akan diberi kepada anak-anak Sarawak.

Ini adalah satu langkah yang bijak dan tepat daripada pihak kementerian dalam memastikan akta ini berjalan dengan lancar. Oleh itu, saya berharap agar akta ini dapat menjadikan negara kita sebagai negara yang selamat daripada sebarang ancaman di sepanjang pintu masuk sempadan negara. Dengan ini saya menyokong RUU MCBA ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Dato' Ahmad. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datin Ros Suryati binti Alang.

**5.06 ptg.**

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya membahaskan Rang undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 di Dewan yang mulia ini.

Di hadapan kita merupakan rang undang-undang yang bertujuan untuk menubuhkan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia atau MCBA yang antara lain akan mengambil alih fungsi agensi berkaitan di pintu masuk negara yang merupakan sebahagian daripada inisiatif memperkukuhkan tahap kesiapsiagaan pertahanan dan keselamatan negara dengan menyatukan lebih 20 agensi penguat kuasa di 141 pintu masuk negara. Antaranya Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Saya difahamkan juga antara tujuan lain penubuhan agensi ini adalah untuk memudahkan ketibaan pengembara luar ke dalam negara dan mengelakkan kesesakan di pintu masuk negara. Sepertimana yang kita- semua ketahui keselamatan sempadan atau garis keluar masuk bagi sesebuah negara adalah benteng awal bagi menghalang sebarang ancaman luar yang berupaya menjejaskan keselamatan, baik keselamatan manusia, makanan, ekonomi dan sebagainya.

Kegiatan penyeludupan barangan bersubsidi, penggubalan wang haram dan penyeludupan manusia adalah aktiviti yang sering mengancam keselamatan sempadan dan turut mengancam ekonomi sesebuah negara. Saya difahamkan bagi peringkat permulaan MCBA akan mengambil alih 22 pintu masuk sempadan dengan kekuatan anggota pelbagai agensi dan secara keseluruhannya kita mempunyai 143 pintu masuk sempadan dan 118 daripadanya adalah pintu masuk aktif. MCBA menjangka akan mengambil alih sepenuhnya semua pintu masuk sempadan sebaik sahaja agensi ini mempunyai skim perkhidmatan sendiri.

Dengan penubuhan agensi ini ia melibatkan penyusunan semula sumber manusia daripada pelbagai agensi. Soalan saya, sejauh mana latihan dan pembangunan profesional telah disediakan untuk memastikan semua anggota MCBA berupaya melaksanakan tugas dengan cekap. Pengurusan dan pentadbiran yang susun teratur hanya boleh dicapai dengan latihan yang mencukupi dan sokongan yang berterusan daripada semua anggota terlibat termasuk dari kerajaan.

Adakah perkara ini dapat direalisasikan dan apakah penambahbaikan daripada segi pengurusan perjawatan dan sumber manusia ini pada masa hadapan? Selain daripada itu apakah punca kuasa undang-undang yang bakal diperoleh apabila RUU ini berkuasa dengan adanya MCBA akan lebih mudah mengurus pentadbiran kewangan sendiri apabila skim baru dilaksanakan. Seterusnya, saya ingin teruskan mengenai aktiviti penyeludupan haram sama

ada barangan dari Malaysia ke negara jiran ataupun dari negara jiran ke Malaysia yang kini berleluasa.

Penyeludupan bahan makanan, senjata api, pemerdagangan manusia, penyeludupan PATI, penyeludupan hasil hutan, dadah dan penyeludupan minyak. Aktiviti ini berlaku kerana banyak kebocoran berlaku di sempadan sama ada di pintu-pintu masuk atau melalui lorong-lorong tikus atau pangkalan haram.

#### ■1710

Akibat daripada aktiviti haram ini, negara kita telah menanggung kerugian yang besar setiap bulan dan keselamatan negara juga terancam. Maka, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai jaminan kesiapsiagaan infrastruktur aset dan pastikan kawalan dan keselamatan sempadan mesti dititikberatkan.

Walau bagaimanapun, kita tak boleh nafikan bahawa barisan hadapan pertahanan negara mempunyai aset-aset yang usang, kenderaan yang lama dan sering perlukan *maintenance* yang berulang-ulang seperti yang dapat dilihat daripada usia beberapa buah kapal laut milik Polis Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Ini telah merencatkan keberkesanan operasi untuk mengawal sempadan negara.

Lebih parah lagi apabila pasukan keselamatan kita kekurangan peralatan yang canggih dan moden bagi menjalankan tugas kawalan sempadan dengan lebih efektif. Maka dengan itu, saya ingin bertanya, apakah penambahbaikan dari semua yang sebentar tadi saya sebut akan berlaku apabila RUU ini berkuat kuasa? Adakah akan berlaku perubahan drastik pada semua aset-aset pertahanan sempadan? Sebagai contoh, pembelian dron yang berteknologi tinggi dan radar pengesan yang lebih canggih.

Ini penting agar penjagaan sempadan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Saya ingin menyentuh dengan lebih mendalam mengenai penyeludupan yang berleluasa akibat daripada kemunculan lorong-lorong tikus yang berada di perairan dan di sempadan daratan di seluruh negara. Adakah pihak berkuasa telah berjaya mengenal pasti kesemua lorong-lorong tikus ini dan bagaimanakah pihak berkenaan dapat memastikan bahawa kewujudan lorong tikus yang baru ini dapat dikesan lebih awal dan dikurangkan? Adakah dengan penubuhan MCBA ini dapat mengatasi, membanteras dan menghapuskan segala lorong tikus di sempadan?

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai fasal 3 yang antara lain berkaitan dengan tujuan mengadakan peruntukan dan memperuntukkan bahawa agensi hendaklah digunakan khidmat MCBA dan memperuntukkan bahawa agensi hendaklah digunakan khidmatnya di kawasan yang ditetapkan.

Soalan saya, adakah akan berlaku implikasi kewangan yang terlibat memandangkan RUU ini melibatkan perbelanjaan wang tambahan kerajaan yang tinggi? Nyatakan berapa ramai bilangan pegawai dan anggota yang telah ditetapkan dan menjalankan tugas di

sempadan negara setakat ini dan pecahan mengikut agensi atau jabatan serta mekanisme pembahagian tugas merentas agensi-agensi utama penguatkuasaan.

Selain itu, mengenai fasal 6 yang berkaitan dengan peruntukan bagi fungsi agensi untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan di kawasan yang ditetapkan berhubung pemeriksaan dan kawalan orang yang masuk atau meninggalkan Malaysia. Sejauh mana operasi pemeriksaan dan kawalan barang-barang serta tidak dilupakan pengawasan dan rondaan di kawasan yang ditetapkan. Adakah kita berjaya mengumpul maklumat dan risikan bagi maksud kawalan dan perlindungan sempadan dan mengurus dan mentadbir mana-mana kompleks pintu masuk sempadan? Boleh sikit lagi, satu minit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh. Menteri pun akan jawab panjang juga. Jadi, silakan.

**Datin Hajah Ros Suryati binti Alang:** Seterusnya, mengenai fasal 7 yang memberi *authority*, dengan izin, yang lebih luas kepada pegawai agensi sempadan. Saya bimbang dengan pemberian kuasa ini boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa, terutama jika tidak ada mekanisme kawalan dan pemantauan yang ketat untuk memastikan kuasa tersebut diguna dengan beretika dan berpatutan. Kita sering lihat di dada-dada akhbar, kes-kes rasuah yang melibatkan penjawat awam yang menyumbang kepada peningkatan kes-kes penyeludupan dan ini amat merisaukan.

Soalan saya, apakah mekanisme yang digunakan untuk memantau penggunaan kuasa oleh pegawai MCBA ini dan apakah langkah proaktif untuk memastikan tindakan penguatkuasaan keselamatan sempadan dan kerjasama antara pihak penguat kuasa dapat dilaksanakan secara lebih berkesan untuk membanteras kegiatan penyeludupan barangan kawalan dan barangan larangan, termasuk di sempadan Sabah dan Sarawak.

Tidak lupa juga mengambil kira pembangunan ibu negara baharu Indonesia iaitu Nusantara Kalimantan Timur. Sejauh mana keberkesanan strategi yang dirangka oleh kerajaan dalam membendung aktiviti jenayah rentas sempadan melibatkan pendatang tanpa izin di laluan tikus sempadan perairan serta tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap sindiket penyeludupan PATI, termasuk di mana-mana penghantar- *transporter* yang didapati membawa masuk PATI ke negara ini?

Akhir sekali, saya berharap agar dengan adanya akta ini kelak, maka kami- semua akan berasa lebih selamat dan terjamin. Apabila ada agensi barisan hadapan yang bersedia memberi khidmat kawalan dan pemeriksaan bersepadu dan komprehensif di semua pintu masuk sempadan negara. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput YB Puan Susan Chemerai Anding.

**5.15 ptg.**



**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahar rang undang-undang ini. RUU ini adalah untuk penubuhan agensi baru iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan kawasan untuk dikawal oleh agensi ini yang dimaksudkan dalam RUU ini adalah terhadap kepada kawasan yang ditetapkan- *prescribed area*, dengan izin, di bawah Jadual Pertama iaitu seperti kawasan lapangan terbang, pos kawalan imigresen, pelabuhan-pelabuhan, *port* kastam, tempat import dan eksport dan sebagainya.

Kawalan dan perlindungan di pintu masuk negara ini adalah sesuatu yang sangat penting. Pintu masuk negara hendaklah menguruskan dokumentasi dengan cekap dan efisien untuk mereka yang berurusan keluar masuk di sempadan. Dalam masa yang sama memastikan laluan keluar masuk diuruskan dengan baik supaya aktiviti-aktiviti haram seperti penyeludupan adalah terkawal sepenuhnya. Ini bermakna peranan yang bakal dimainkan oleh agensi yang akan ditubuhkan ini amat penting kepada negara.

Sebelum ini, perihal seperti Imigresen Malaysia adalah di bawah Undang-undang Imigresen Malaysia dan Jabatan Imigresen adalah badan yang bertanggungjawab ke atas melaksanakan undang-undang imigresen kita. Jadi, saya mahu tahu sama ada setelah RUU ini nanti, adakah undang-undang imigresen akan dilaksanakan oleh badan ini juga ataupun masih dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen? Sebab nampak macam ada pertindihan tugas. Jika ada pertindihan tugas, bagaimanakah ianya diselesaikan?

Begitu juga dengan undang-undang seperti di bawah Akta Kastam Malaysia dan undang-undang seperti *Malaysian Quarantine and Inspection Services Act*, dengan izin. Adakah undang-undang ini akan dilaksanakan oleh agensi baru ini atau masih agensi terdahulu? Jika ada pertindihan antara akta ini dan akta-akta di bawah Jadual Kedua, undang-undang mana yang akan *prevail*, dengan izin, atau dipakai?

Adakah agensi seperti kastam dan imigresen akan tidak ada wujud lagi ataupun masih kekal melaksanakan tugas di *prescribed area* ataupun kawasan ditetapkan yang disebut di Jadual Pertama RUU ini. Satu perkara lagi berkenaan dengan kawasan yang ditetapkan- *prescribed area*, saya tidak ada nampak kawasan ICQS ataupun pos kawalan di sepanjang sempadan Kalimantan, Sarawak seperti di Lubok Antu atau Tebedu dalam senarai kawasan yang ditetapkan. Di Sarawak, kita ada lima ICQS dan 18 pos kawalan kalau tak silap saya. Adakah ini bermakna agensi baru ini tidak akan diletakkan di ICQS dan pos kawalan di sepanjang sempadan Kalimantan, Sarawak? Saya mohon penjelasan.

Kalau kita bercakap tentang keselamatan sempadan, ianya hendaklah dibuat secara menyeluruh. Penubuhan satu agensi untuk maksud menjaga *entry point* ataupun pintu masuk sudah tentu tidak mencukupi. Kita perlu juga kepada *surveillance*, dengan izin, iaitu kawalan di sepanjang sempadan.

Penambahan *patrol agent* sempadan dan sudah tentu penggunaan teknologi moden dan canggih supaya sempadan dapat dikawal dan dilindungi secara komprehensif. Apakah perancangan kementerian untuk perkara-perkara tersebut? Saya mahu tahu juga bagaimana dengan kawasan sempadan di luar *prescribed area* ini. Siapakah yang akan bertanggungjawab untuk kawalan di sepanjang kawasan ini? Sempadan Kalimantan, Sarawak umpamanya adalah sepanjang 1,100 kilometer dan ia sangat *porous*. Soalan saya, sama ada agensi baru ini nanti akan juga mengambil alih tugas Tentera Darat di 18 pos kawalan ini nanti?

#### ■1720

Akhir sekali, sebagai satu-satunya agensi yang mengawal dan melindungi sempadan, maka kuasa yang dulunya terletak pada agensi berasingan akan selepas ini diletakkan di bawah satu buah agensi dan struktur *single* entiti ini mengandungi bahaya yang tidak sihat daripada segi tatakelola yang baik kerana memberi ruang lebih mudah untuk salah guna kuasa dan juga rasuah.

Jadi, saya mahu komen, Menteri, tentang perkara ini. Sama ada wujud sebarang mekanisme untuk memantau yang dapat memastikan integriti kerja dipelihara supaya tidak ada salah guna kuasa atau peluang untuk rasuah pada agensi ini nanti? Itu sahaja, Datuk Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Susan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rita Sarimah. Terima kasih kerana tadi telah mempengerusikan sesi sebelum ini.

#### 5.21ptg.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** *Most welcome*. Selamat petang. Salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, dahulu, musuh kita adalah komunis, anasir-anasir jahat. Pada masa sekarang, musuh kita sudah berubah wajah. Musuh kita adalah penyeludup, musuh kita adalah pemerdagang orang dan musuh kita adalah *transnational criminal*. Jadi, ini merupakan cabaran-cabaran yang baharu yang tidak dapat kita tangani melalui sistem *delivery* yang ada, melalui jabatan-jabatan, agensi-agensi yang ada. Kerana kita lihat apa yang berlaku sekarang, kita sering dikejutkan dengan berita-berita tentang penyeludupan, tentang, misalnya *container* terbang, tentang ejen-ejen kita yang ditembak di Sungai Golok sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Ros tadi.

Jadi, oleh itu, saya mengalu-alukan rang undang-undang yang baharu ini untuk mewujudkan MCBA atau *Malaysia Checkpoints and Border Agency*. Sudah tiba masanya kita mencuba sesuatu yang baharu untuk menangani masalah yang amat berat seperti yang kita alami sekarang.

Jadi, *expectation* saya daripada penstrukturan institusi-institusi yang membekalkan perkhidmatan berkaitan dengan kawalan dan keselamatan sempadan Malaysia adalah keberhasilan, *outcome*. Keberhasilan MCBA yang saya *expect* dalam tiga perkara.

Yang pertama, bersihkan nama Malaysia daripada gelaran negara transit bagi penyeludupan manusia dan barang khususnya dadah dan pemerdagangan orang. Jadi, kita pada awal tahun ini, kita telah diberikan *tier* kedua daripada *tier* ketiga oleh Kerajaan Amerika Syarikat dalam *human trafficking*. Satu kebaikan ya. Saya harap kita akan dapat menjalankan dengan berusaha dengan terbaik lagi daripada apa yang kita lakukan sekarang.

*Outcome* yang ketiga, jaga penduduk Malaysia sendiri dari pembanjiran dadah dan PATI ke dalam negara. Malaysia tenat berperang dengan dadah. Kita baru sebentar tadi berbahas tentang rang undang-undang tentang penagih dadah. Beribu-ribu anak Malaysia yang ketagih dadah dan bahan. Daripada maklumat yang kita dengar tadi, sebanyak 58 peratus mereka terdiri daripada yang berumur di antara 19 hingga 39 tahun. Kalau kita kira, ini adalah *most productive years* bagi seseorang, tetapi *instead* menggunakan masa tersebut, mereka adalah tidak dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat bahkan tidak dapat mengurus kehidupan mereka sendiri kerana sudah jatuh ke kancah ketagihan dadah.

Begitu juga beratus ribu orang migran sampai sejuta lebih, ataupun lebih, yang tidak berdokumen berada di Malaysia yang bukan sahaja memberi tekanan kepada perkhidmatan asas kita, malah membawa masalah sosial dan jenayah dan menukar imej kawasan-kawasan yang popular seperti Bukit Bintang, kawasan pelancong. Kita melihat bukan Malaysia yang berniaga. Kita telah membenarkan Kuala Lumpur dihakis kemalaysiaannya.

Ketiga, ketirisan cukai yang berbilion-bilion ringgit. Saya harap ini dapat dikurangkan. Kalaupun tidak dapat dibendung, setidak-tidaknya dikurangkan. Saya melihat MCBA dan agensi-agensi utama yang lain seperti Imigresen dan Kastam boleh saling memberi semak dan imbang antara satu sama lain supaya masalah ketirisan dapat dikurangkan atau dibendung.

Pada masa yang sama, saya berharap 28 buah agensi yang di bawah MCBA ini bekerjasama dengan MCBA ini dapatlah bekerjasama dengan baik. Selesaikan apa-apa perselisihan faham sepertimana diperuntukkan dalam RUU ini dengan cara yang baik.

Datuk Yang di-Pertua, berdasarkan rang undang-undang ini, MCBA hanya menjaga *checkpoint* atau pusat kawalan yang disenaraikan dalam Jadual, tetapi sungguhpun MCBA dibenarkan untuk beroperasi di luar dari kawasan-kawasan *checkpoint* yang sah tersebut, namun untuk menyiasat apa-apa, *if they receive* risikan, mereka boleh membuat siasatan ke tempat yang di luar pusat kawalan. Namun, kawasan-kawasan yang di luar *checkpoint* seperti jalan tikus, jalan gajah- sedikit masa. Satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh. Saya suka dengar fasal tikus.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Jalan tikus, jalan gajah, jalan dugong dan kawasan perairan adalah di luar kawalan MCBA. Sempadan kita luas ya. Sempadan Thai-Malaysia adalah sepanjang 656 kilometer. Sempadan Sarawak dengan Kalimantan sepanjang 1,100 kilometer dan sempadan Sabah dengan Kalimantan sepanjang 700 kilometer. Bayangkanlah keluasan sempadan kita dengan negara-negara yang lain.

Jadi, saya rasa MCBA kena buat analisa yang sewajarnya, analisa keselamatan dan memberi fokus kepada kawasan-kawasan yang menjadi pintu masuk penyeludup terutamanya dadah dan juga tempat pemerdagangan orang dan kargo. Saya rasa di kawasan sempadan antara Malaysia dan Thailand, saya rasa itu adalah tempat fokus yang pertama sebab daripada sana datangnya dadah daripada *Golden Triangle* kepada Malaysia.

Oleh yang demikian, saya berharap MCBA dapat mempertingkatkan kapasiti risikan, penggunaan teknologi dan yang paling penting, hendaklah melaksanakan penguatkuasaan dengan tegas, dengan jujur, dengan dedikasi, dengan semangat cintakan tanah air. Datuk Yang di-Pertua, rakyat perlukan institusi yang boleh dipercayai *to keep Malaysia safe*.

Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Mustafa Musa.

**5.28 ptg.**

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024.

Tuan Yang di-Pertua, keutuhan kawasan sempadan dan melindungi kedaulatan sempadan negara dari bolos dan dibolosi jenayah rentas sempadan amatlah diperlukan. Maruah, imej dan nama baik negara ditentukan daripada keutuhan dan kestabilan kawasan kawalan terutamanya di kawasan sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, MCBA adalah agensi barisan hadapan di pintu masuk negara termasuklah pelabuhan dan sebagainya, darat, laut dan udara, yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan sempadan serta pemeriksaan secara bersepadu dan komprehensif.

Sesungguhnya, pelaksanaan MCBA merupakan agenda nasional dalam memperkasakan tiga aspek utama iaitu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan di pintu masuk negara, mengurangkan ketirisan hasil negara dan meningkatkan aspek integriti dalam kalangan penguat kuasa bagi mengawal serta melaksanakan pemeriksaan, antara lain terhadap orang, barang, kenderaan, barangan, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

## ■1730

Justeru, dalam hal ini MCBA antara lain akan mengambil alih fungsi agensi-agensi berkaitan di pintu masuk negara seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan sebagainya. Namun, pengambil alihan ini tidak termasuk fungsi pentafsiran dan kutipan duti atau cukai di pintu masuk kerana segala-galanya akan kekal di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Saya hanya ingin kepastian daripada kementerian bahawa ada tidak nanti akan wujud *redundant*, pertindihan yang akan berlaku terutamanya di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan Kementerian Kesihatan yang juga menjadi nadi semak danimbang dalam RUU ini?

Peralihan fungsi ini juga adakah akan menjejaskan agensi dan kementerian berkaitan di luar kawasan pintu masuk yang turut memainkan peranan sebagai entiti semak danimbang kepada kemasukan orang, barangan, kenderaan dan pelbagai yang merentasi sempadan negara kita? Itu juga perlu diberi kepastian supaya kita dapat satu jajaran dan juga mutu perkhidmatan yang tidak bertindih dan tidak akan dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan agensi kawalan dan perlindungan dengan kuasa eksklusif menjadi agensi tunggal bagi menguatkuasakan secara bersama dan koordinasi kompeten merentasi 36 akta yang bakal dipinda dan disesuaikan dengan kuasa agensi dalam Jadual Kedua. Saya berharap keupayaan dan integriti pasukan pengawal dan pelindung sempadan amatlah tinggi supaya dia dapat mengekalkan keyakinan rakyat terutamanya.

Agensi kawalan kita MCBA akan mengambil alih 22 pintu sempadan buat peringkat permulaan dan mempunyai kekuatan anggota keseluruhan seramai 14,000 pekerja. Bagaimanakah pemindahan, peminjaman, uniform dan sebagainya di dalam jabatan-jabatan yang berbeza-bebeza yang digabungjalinkan di bawah MCBA? Penubuhan MCBA ini harus disokong. Pada dasarnya kita sokong tinggi kerana bersesuaian juga dengan apa yang telah wujud di negara-negara jiran seperti di Singapura yang mempunyai Pusat Pemeriksaan *Singapore* (ICA) dan di Australia, Pasukan Sempadan Australia (ABF).

Namun begitu, pada pandangan saya bagi mengupayakan semangat pasukan, keutuhan, tanggungjawab dan integriti, saya mohon agar kerajaan memberikan perhatian khusus dengan kadar segera bagi memastikan skim perumahan kuarters anggota yang terlibat — kerana masa itu, saya pendekkan. Menakutkan saya bunyi itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa, tak apa.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Sudah. Kemudian- sedikit boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya yang buat keputusan. Teruskan.

**Datuk Haji Mustafa bin Musa:** Silakan. *Alhamdulillah*. Jadi, saya dapati fasiliti mereka, kemudahan rumah, kemudahan kuarters mereka uzur dan ini boleh mengganggu

gugat kompetensi dia bertugas lebih-lebih lagi di kawasan sempadan dan meninggalkan pula keluarga dan sanak saudara tercinta di rumah. Selain daripada itu, operasi tugas di sempadan melibatkan orang, maka kesejahteraan orang, kelestarian minda dia, keseronokan berkhidmat dan kejituan dan sua daya saing untuk menjaga sempadan negara harus juga disertakan dengan kajian semula emolumen dan juga gaji supaya tidak ada ketirisan, supaya tidak ada keinginan untuk mencabuli etika kerana kekurangan gaji, kekurangan insentif dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan perlindungan dan kawasan sempadan, saya kira sudah sampai masanya teknologi komunikasi dan kawalan tanpa manusia perlu digunakan secara serius. Walaupun mungkin memakan modal, tetapi inilah yang paling sesuai, paling cocok, paling berkesan, paling berintegriti kerana dia tidak melibatkan manusia, emosi, jiwa dan sebagainya. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian, daripada 22 buah kawasan sempadan yang telah disenaraikan di Jadual Pertama, berapa banyakkah yang sudah kita adakan kawalan melalui CCTV ataupun bukan daripada manusia ini? Adakah ia akan dilanjutkan di semua pintu masuk, supaya rang undang-undang ini akan menjadi lebih berkesan, tuntas dan penuh integriti?

Salah satu komponen penting bagi pasukan kita adalah insentif. Saya ulangi, insentif perlu diberi keutamaan kerana ia melibatkan satu kerja yang telah mengorbankan jiwa. Satu kerja yang mempertaruhkan nyawa di kawasan sempadan demi kedaulatan dan keutuhan negara.

Tuan Yang di-Pertua...

*Manis sungguh si buah nangka,  
Manis lagi si anak dara;  
Silap cincang tangan terluka,  
Bocor sempadan celaka negara.*

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian dan undang-undang ini harus diperkasa, harus diberikan perhatian yang serius, ditambah baik, ditambah nilai dengan segala kutipan hujah di Dewan ini supaya ia akan menjadi satu rang undang-undang yang membawa seribu kerahmatan dan kesentosaan kepada rakyat jelata. Semoga persempadanan negara akan terus utuh dan negara terus cemerlang dan gemilang sebagai negara yang bersempadan dikawal rapi dengan undang-undang yang baru ini.

Terima kasih. Akhir kata, saya mohon menyokong RUU ini dan tahniah kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang sentiasa tercacak utuh sejak pada awal pagi, AG dan pegawai-pegawai yang menyokong penuh dalam membawa dan merangka rang undang-undang ini. Sekian. *Wabilahitaufik*. Terima kasih...  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tak perlulah nak balas pantun itu, karang lagi panjang jawapan Menteri... *[Ketawa]* Saya sebenarnya ada minat isu ini kerana dulu saya- sebab saya ingat sayalah yang bantangkan undang-undang AKSEM dalam Dewan Rakyat untuk kelulusan. Lama dah itu, tak ingat dah, tapi sekarang dah lebih luas kuasa dia. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Hajah Zurainah binti Musa. Terima kasih sekali lagi kerana telah mengambil sesi tengah hari tadi.

**3.37 ptg.**

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyallah* saya akan menjalankan tugas secara terbaik sekali. *Insyallah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan RUU Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 ini.

Tahniah dan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri. Secara amnya saya amat menyokong RUU ini, namun saya mempunyai beberapa soalan untuk pihak kementerian, lebih kepada isu-isu sumber manusia dan *administration*, dengan izin. Dalam proses penawaran opsyen kepada 13,720 pegawai-pegawai sedia ada di agensi-agensi berkaitan untuk ditukar lantik ke skim baru MCBA, apakah implikasi mereka yang menolak, yang tidak mahu pergi? Adakah tugas mereka kini dikira *redundant*, dengan izin, dan mungkin dipindahkan ke peranan yang berbeza dalam agensi asal? Apakah juga implikasi kepada tangga gaji dan manfaat skim pencen dan sebagainya?

Dengan adanya MCBA ini, skop bidang kuasa latihan bawah akademi agensi-agensi sedia ada seperti agensi Kastam Diraja Malaysia, imigresen, kolej PDRM juga perlu diteliti semula supaya tidak berlakunya pertindihan sumber. Merujuk unjuran penggunaan teknologi baru AI dan dron dalam memastikan MCBA ini dapat menjalankan fungsi utamanya, apakah bentuk pelaburan kemahiran dan pentauliahannya yang akan diperkenalkan kepada bakal-bakal pegawai MCBA untuk memastikan mereka dapat benar-benar mengoptimumkan pelaburan kerajaan dalam menyediakan aset-aset ini nanti? Ingin saya ingatkan supaya kakitangan yang mempunyai kepakaran dalam teknologi tersebut diutamakan dalam penyerapan kakitangan kepada MCBA.

Cadangan saya, pihak kementerian patut juga di bawah RUU ini mewujudkan lembaga pengarah, *board of directors*, dengan izin, untuk MCBA di mana komposisinya pengarah diisi dengan jawatan-jawatan ketua-ketua agensi yang fungsi mereka akan diambil oleh MCBA. Ini termasuklah perwakilan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sabah Sarawak, setuju kah?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Dengan adanya Lembaga Pengarah ini, MCBA bolehlah menyelesaikan isu-isu pertindihan kuasa dengan lebih cekap sebelum adanya keperluan untuk menggunakan fasal 8 RUU ini. Maklumlah, bukan semua agensi yang terlibat menjawab terus kepada Kementerian Dalam Negeri.

■1740

Cara ini akan menjadi pelengkap bagi proses di bawah fasal 8.

Akhir sekali, akhir sekali. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri berkaitan sasaran prestasi dan kayu ukur untuk menilai keberkesanan agensi MCBA ini. Sungguhpun penubuhan agensi ini dilihat sebagai perlu, kita perlu memastikan penubuhannya dengan peruntukan kerajaan dan penglibatan pelbagai agensi ini benar-benar berkesan dan cekap sebagaimana yang dimaklumkan.

Saranan saya adalah untuk MCBA ini diberikan tempoh tertentu melengkapkan fasa-fasa yang digariskan empat ke-enam bulan contohnya dan kajian analitik dilakukan untuk mengukur dan memperbaiki penguasaan MCBA ini sebelum bergerak ke fasa seterusnya. Hasil kajian ini boleh juga ditanda araskan kepada pencapaian agensi-agensi sedia ada pra penubuhan MCBA untuk perbandingan yang lebih jelas.

Datuk Yang di-Pertua, penyelarasan fungsi agensi-agensi melalui penubuhan MCBA ini mengingatkan saya kepada pepatah, "*Serumpun bak serai, sesusun bak sireh*" yang menggambarkan budaya masyarakat kita yang saling bersatu hati dan berpadu antara satu sama lain. Demi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara, saya percaya usaha murni pihak kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri ini mempunyai potensi baik terhadap kepentingan negara dengan pelaksanaan yang tepat dan teratur.

Saya dengan ini menyokong Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 ini. Sekian, terima kasih. Tepat pada masanya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah kerana mematuhi masa. Sekarang saya jemput orang Sabah yang tunggal untuk berbahas dalam rang undang-undang ini iaitu Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan. Ada lagi...

**Seorang Ahli:** Tiga, tiga.

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan:** Tiga lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Noraini, lupa Noraini, minta maaf, minta maaf...

[Ketawa]

5.42 ptg.

**Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 ini.



Saya secara serius amat menyokong usul ini. Hal ini kerana dengan wujudnya sebuah entiti tunggal iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA), gerak kerja bagi menguruskan sempadan negara akan lebih mudah dan bersepadu. Ini merupakan langkah strategik daripada, dengan izin, *red ocean* kepada *blue ocean*. Pun begitu, saya ingin juga agar kita tidak menyisihkan naratif pelaksanaan MCBA ini khususnya ke Wilayah Sabah dan Sarawak yang lebih banyak terkesan dengan masalah persempadanan seperti yang berlaku sebelum ini.

Saya dimaklumkan melalui laporan Ops Benteng oleh Kementerian Dalam Negeri sebelum ini di Sabah, sebanyak 37 jalan tikus wujud di wilayah kami yang digunakan untuk tujuan penyeludupan, pencerobohan dan pelanggaran undang-undang. Justeru saya berharap, pihak Menteri boleh menjelaskan lagi, apakah perbandingan yang lebih baik sebagai usaha mengatasi masalah seperti ini melalui kerjasama MCBA dengan agensi yang mengawal sempadan sekarang seperti PGA, PDRM dan ATM dalam pelaksanaan MCBA fasa dua kelak seperti yang disebutkan dalam fasal 12?

Seterusnya, saya ingin juga merujuk kepada Jadual Pertama seksyen 2, “kawasan yang ditetapkan” dalam Bahagian I iaitu pos kawalan imigresen, tempat mendarat yang dibenarkan, lapangan terbang yang dibenarkan atau pintu masuk yang dibenarkan. Saya maklum bahawa dalam sesi libat urus sebelum ini, KDN menyambut baik cadangan Kerajaan Sabah dan Sarawak mengenai penubuhan Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA di peringkat negeri berasingan dengan struktur di Semenanjung Malaysia.

Namun, dalam Jadual Pertama rang undang-undang ini, saya lihat ada laluan masuk yang tidak termasuk dalam senarai. Misalnya, Pelabuhan POIC Lahad Datu yang kini sudah pun beroperasi tidak termasuk dalam senarai tersebut. Saya berharap dengan sinergi yang baik antara MCBA dengan autoriti kerajaan negeri khususnya di Sabah, isu ini boleh dinilai semula.

Saya juga menuntut Menteri KDN dapat mempercepatkan lagi usaha kerajaan iaitu untuk membangunkan Kompleks CIQS seperti yang telah saya nyatakan lebih kurang dua tahun yang lalu di kawasan saya sebenarnya, tempat tinggal saya iaitu di kawasan Pensiangan ataupun di Pagalugan yang beroperasi memandangkan negara jiran seperti Indonesia giat membangunkan wilayah persempadanan mereka dengan kita.

Mereka sebenarnya sudah siap membina CIQS mereka. Tetapi kita tidak tahu apa dia punya keadaan pada masa ini. Jadi mungkin Timbalan Menteri boleh menjelaskan. Ini akan membolehkan kita lebih bersedia dan dengan aliran trafik pergerakan orang ataupun barangan kelak di kawasan berkenaan.

Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput YB Pele Peter Tinggom.

**5.46 ptg.**

**Tuan Pele Peter Tinggom:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, tahniah juga diberikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kerajaan Madani kerana telah mengambil langkah ke hadapan untuk membentangkan Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 yang sangat penting, terutamanya melibatkan penyeludupan, perdagangan manusia, dadah dan jenayah-jenayah yang berkaitan.

Terima kasih juga kepada pihak kementerian dengan adanya libat urus oleh pihak kementerian beberapa hari yang lepas telah mengurangkan persoalan-persoalan yang memerlukan banyak penjelasan.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, walaupun demikian, saya ada satu persoalan dan mahu sedikit penjelasan berkenaan dengan rang undang-undang ini berkaitan dengan fasal 9 di bawah rang undang-undang yang dibentangkan ini.

Sememangnya, kita memang mengharapkan ini adalah satu cara yang baik di mana agensi dan kementerian di Persekutuan membentangkan rang undang-undang yang, dengan izin, *we in the spirit of the Malaysia Agreement 1963*. Terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri dan kita juga memohon kementerian-kementerian yang lain mengambil contoh yang telah ditunjukkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam hal ini.

Persoalan dan mohon penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah perundingan dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak sebelum rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini diteruskan? Kata kunci adalah “diteruskan” dan “akan diteruskan”.

Saya risau, sekiranya libat urus dan perbincangan rasmi yang berterusan tidak diteruskan seperti isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey dan rakan-rakan yang lain tadi, kemungkinan besar akta ini tidak mencapai objektifnya dan tidak inklusif pelaksanaannya nanti. Di mana kedua-dua wilayah ini nanti tidak bersedia untuk menubuhkan agensi yang sama dan menyediakan perjawatan, logistik, pentadbiran yang berkaitan.

Dengan itu, saya rasa, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan perkara tersebut. Dengan hujah-hujah saya tadi. Wah, cun. Saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Terima kasih kerana penjimatan masa yang diamalkan. Sekarang saya jemput YB Tuan Manolan bin Mohamad.

**5.51 ptg.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Saya ingin memulakan perbahasan saya ini dengan merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia yang berjaya membentangkan rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 adalah komitmen kementerian bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara kita sempadan negara sentiasa terpelihara sangatlah dihargai.

Ini bukan sahaja langkah perundangan semata-mata, tetapi inilah Kerajaan Madani yang komited dalam agenda reformasi institusi di mana MCBA ini adalah seperti yang kita sedia maklum ditubuhkan untuk mempermudah pergerakan keluar masuk di sempadan di negara kita bukan sahaja penyeludup, tetapi untuk memudahkan urusan perniagaan juga. Di mana kalau kita tengok di KLIA kadang-kadang, kita lambat untuk nak buat *clearance*, dengan izin, kerana banyak agensi yang terlibat. Jadi, bagi saya ini satu langkah yang baik. Kita tak mahu kadang-kadang pelabur untuk nak masuk ke Malaysia ini payah dan menyusahkan dan ini merugikan kita.

Di samping itu juga, kita juga harus mengawal seperti yang dibentangkan oleh Ketua Pengarah MCBA ini banyak lorong-lorong tikus, dugong, gajah... [*Ketawa*] Jadi, walaupun sekarang ni semua agensi ini telah disatukan di bawah MCBA ini, tetapi apakah sebenarnya langkah jangka pendek yang perlu diambil oleh kerajaan untuk menutup lorong-lorong ini. Sebab ini adalah satu agensi yang baharu walaupun ada agensi-agensi yang akan diserap ke dalam agensi yang baharu ini, tetapi dia sebenarnya adalah orang yang sama.

Jadi Datuk Yang di-Pertua, penubuhan MCBA ini, *Malaysian Checkpoints and Border Agency* ini tepat pada waktunya. Penubuhan MCBA ini merupakan menjadi penyelesaian kepada kewujudan berbagai-bagai-bagai agensi kerajaan di pintu masuk dan ke luar negara kita. Jadi, setiap agensi kerajaan ini mempunyai sistem maklumat atau pengurusan mereka tersendiri. Kita sedia maklum ada situasi kesibukan di terminal, maka itu sudah semestinya MCBA ini mempunyai sistem pengurusan yang cekap. Oleh itu, saya mahu bertanya kepada kementerian bagaimana kementerian memastikan supaya sistem pengurusan rentas kementerian ini berfungsi dengan lancar.

Seterusnya Datuk Yang di-Pertua, seiring dengan kecanggihan teknologi dan pengawasan rentas sempadan menjadi semakin kompleks dan dinamik. Adalah amat perlu kementerian mengambil langkah-langkah sewajarnya termasuk mempertingkatkan

kemampuan teknologi dalam prosedur penguatkuasaan dan kawalan. Kita sedia maklum bagaimanakah sekarang ini ada sistem yang lebih *advance* iaitu kita ada teknologi AI sebagai contoh iaitu kecerdasan buatan. Secara keseluruhannya berperanan dalam membantu pengawasan rentas sempadan sama ada darat, maritim dan udara.

Jadi, kalau kita bergantung kepada sumber manusia sahaja walaupun kakitangan hampir melebihi 13,000 orang, tetapi sekarang ini penyeludup ataupun untuk nak mempermudah pergerakan manusia itu, kita tidak boleh bergantung kepada manusia sahaja. Saya fikir kita kena menerokai satu sistem yang baru supaya mempermudah pergerakan dan juga mengawal segala lorong-lorong tadi supaya dia tidak keluar masuk dengan mudah.

Datuk Yang di-Pertua, akhir sekali. Adakah keselamatan kakitangan agensi terjamin? Sebab kita tahu apabila menjaga sempadan ini, risikonya tinggi dan ada juga yang telah terbunuh disebabkan- kita sedia maklum bahawa penyeludup-penyeludup ini keluar masuk mereka sudah mahir ataupun dah mereka mempunyai peralatan-peralatan untuk menjaga diri mereka. Maka itu, kita juga memerlukan senjata bagaimana untuk memastikan supaya semua kakitangan MCBA ini selamat.

Jadi, maka itu saya juga Datuk Yang di-Pertua menyokong Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Tuan Abun Sui Anyit.

#### **5.55 ptg.**

**Tuan Abun Sui Anyit:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2034.

Rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang baru berdasarkan kepada MCBA yang kita nampak baru untuk diperkenalkan ke dalam negara ini. Ini susulan daripada pelbagai agensi yang ditugaskan berkaitan menjaga sempadan ini.

Sebelum saya melanjutkan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana memperkenalkan MCBA ini untuk menyelaras semua sempadan di negara kita. Saya berharap supaya ke depannya ini MCBA ataupun hasil yang dikutip melalui ataupun kebocoran sempadan kita ini dapat dikawal dengan sebaiknya oleh MCBA.

Dikatakan hasil ataupun penyeludupan yang berlaku di dalam negara ini, kita kerugian sehingga RM70 bilion. Ini jumlah yang sangat besar. Justeru itu, saya berharap apabila undang-undang ini dilaksanakan saya mengharapkan supaya sempadan-sempadan kita pengimbas yang canggih akan dibekalkan kepada MCBA kerana RM70 bilion ini kalau

diselamatkan, maka dapatlah juga kerajaan memberi, menyediakan pengimbas-pengimbas yang canggih ini kerana teknologi ini memang ada di dunia ini.

Justeru itu, kerana ini penting kerana dikatakan tujuannya juga dapat dijimatkan ekonomi akan berjalan dengan lancar, maka ini sangat penting. Saya juga ingin bertanya siapakah pihak yang akan mengawal apabila perkara ini akan berlaku nanti sudah ada warga asing ataupun pelancong-pelancong asing yang sudah ada di dalam negara ini, adakah MCBA terlibat dalam urusan untuk bolehlah dikatakan menghalau pelancong-pelancong asing yang melebihi tempoh yang masih ada sehinggakan menjejaskan ekonomi di dalam negara kita.

Untuk fasal 13, fasal ini berkaitan dengan pendakwaan. Dikatakan memerlukan pendakwa raya untuk memberi kebenaran bertulis. Jadi, kenapakah masih memerlukan fasal ini dan saya percaya pegawai yang ditempatkan di dalam MCBA ini yang sangat bertauliah dan profesional.

Begitu juga, ini ada kaitannya juga dengan fasal 9 dikatakan semua yang berlaku di Sabah atau Sarawak akan dikendalikan mengikut undang-undang di Sabah dan Sarawak. Persoalan kita adalah bagaimanakah nanti kerajaan untuk menyelaraskan perkara ini supaya ada keseragaman, ada keadilan berdasarkan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan semua orang adalah adil di sisi undang-undang. Jadi inilah yang saya berharap supaya tidak ada ketidakseragaman ini masih wujud nanti.

Saya juga hairan kita sudah membincangkan tentang ada lorong-lorong tikus, ada lorong-lorong gajah. Apa yang menghairankan saya ini lorong-lorong gajah ini. Lori besar yang boleh ditengok, kita tengok sahaja dia lalu.

#### ■1800

Jadi, kenapa perkara ini masih wujud? Dengan adanya undang-undang ataupun MCBA ini diluluskan dan mereka bergerak ke depan, saya berharap supaya bukan saja lorong tikus, lorong gajah ini pun di- kalau tak dapat dihapuskan, dikurangkan. Saya mengharapkan boleh dihapuskan kerana saya yakin dengan komitmen yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai kita. Ya, malah sebelum undang-undang diluluskan pun sudah mereka bekerja sebelum ini. Saya ucapkan tahniah kerana semangat mereka untuk terus bekerja dengan baik ini.

Begitu juga dengan pakaian seragamnya nanti, sudah mungkin menggerunkan. Jangan hanya menggerunkan, tetapi saya berharap integriti pengawal sempadan ini terpelihara supaya hasil negara dapat diselamatkan. Akhir sekali, saya mengharapkan supaya sempadan kita dijaga dengan baik terutamanya di tempat saya, CIQ Tapak Megah kalau boleh dibina secepat mungkin dengan adanya MCBA ini kerana di sebelah Indonesia sudah siap tersergam indah bangunan mereka. Justeru itu, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih YB. Sekarang saya jemput Dato' Kesavadas a/l Achyuthan Nair.

#### **6.01 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Rentetan daripada pelaksanaan subsidi bersasar bagi pengguna diesel di Semenanjung Malaysia yang bermula pada 10 Jun lalu, aktiviti penyeludupan minyak diesel ke negara jiran di dapati semakin berkurangan.

Seperti yang ditegaskan oleh kumpulan Pemerhati Rasuah Malaysia, kelemahan dalam aspek pengawalan sempadan negara merupakan antara sebab utama aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi dapat dijalankan secara aktif sebelum ini dan kelemahan tersebut telah membuka ruang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk membina rangkaian penyeludupan diesel serta petrol ke negara jiran.

Senario tersebut telah menjadi antara faktor kritikal yang telah menyukarkan pihak penguat kuasa tempatan untuk melaksanakan pembanterasan secara berkesan lebih-lebih lagi ada stesen minyak yang beroperasi berhampiran dengan pintu masuk ke negara jiran. Saya juga difahamkan bahawa sempadan Malaysia-Thailand juga dihubungkan menerusi negeri Perlis sudah sekian lama menjadi laluan utama bagi kegiatan penyeludupan minyak RON95. Minyak RON95 yang diseludupkan menerusi sempadan negara dijual pada harga THB45 bagi kuantiti 1.5 liter di Pasar Sempadan Wang Prachan di Wilayah Satun berdekatan Wang Kelian.

Kegiatan penyeludupan RON95 itu merupakan salah satu kegiatan penyeludupan yang masih gagal dikekang secara total oleh agensi penguat kuasa tempatan yang ditugaskan untuk menjaga sempadan negara dan merupakan isyarat kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menekankan struktur pengendalian kawalan sempadan yang melibatkan pegawai yang bertugas mengikut penggiliran waktu bertugas atau *shift*.

Oleh sebab itu, sejajar dengan perwujudan Agensi Kawalan Sempadan dan Perlindungan Malaysia yang digariskan dalam rang undang-undang ini, KDN seharusnya merupakan aspek kecukupan pegawai penguat kuasa mengikut zon sempadan negara seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dalam rang undang-undang ini. Sehubungan dengan itu, pelantikan pegawai agensi yang akan dibuat oleh Menteri menurut fasal 5(1); "*Seharusnya bersandarkan kepada keperluan penguatkuasaan bagi satu-satu zon sempadan negara khususnya yang sering dilaporkan dengan aktiviti penyeludupan barangan bersubsidi serta kegiatan jenayah yang lain*".

Datuk Yang di-Pertua, gejala rasuah yang membelenggu sektor perkhidmatan awam di negara ini telah mencemarkan imej sesebuah agensi penguat kuasa yang sepatut bertindak mengikut arahan kerajaan dan bukannya tunduk dengan tawaran penjenayah. Kita tidak mahu

gejala rasuah yang melibatkan pegawai agensi penguat kuasa kerajaan menjadi batu penghalang kepada kerajaan untuk menoktahkan kegiatan penyeludupan barangan haram menerusi sempadan negara. Memandangkan Pegawai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia yang diperuntukkan dengan kuasa yang setara dengan Pegawai Polis menurut Kanun Tatacara Jenayah, Menteri seharusnya melaksanakan penilaian integriti secara terperinci terhadap profil seseorang calon anggota perkhidmatan awam yang akan menjadi pegawai agensi.

Sebagai pengamal undang-undang, saya mengharapkan agar penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan ini akan berupaya bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa di setiap negeri dalam menggagalkan kelicikan satu-satu aktiviti jenayah berat yang melibatkan individu warganegara asing. Jadi, Menteri Dalam Negeri tidak boleh lagi berdolak-dalik terhadap sebarang kelemahan yang ditunjukkan oleh agensi ini pada masa hadapan sekiranya ia gagal bertindak untuk menghalang mana-mana penjenayah warganegara asing atau tempatan yang cuba untuk meloloskan diri ke mana-mana negara jiran.

Berhubung dengan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, pertama, apakah perkara yang akan dinilai oleh Menteri dalam memuktamadkan pewartaan kuat kuasa akta bagi setiap kawasan yang ditetapkan.

Kedua, apakah bentuk kerjasama dua hala yang akan diwujudkan antara Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan dengan agensi penguat kuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam mengekang kegiatan penyeludupan barangan terkawal dan barangan bersubsidi. Setengah minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Setengah jam?

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Setengah minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Setengah minit... *[Ketawa]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Ya. Ketika...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Setengah jam lagi baguslah... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada, tak ada... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tidur dekat sinilah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** *[Ketawa]* Ketiga, apakah aspek yang akan dinilai oleh Menteri dalam menentukan jumlah pegawai yang perlu ditempatkan di setiap kawasan yang ditetapkan menurut Jadual Pertama. Saya minta Menteri memperincikan jumlah pegawai yang diperlukan di setiap zon sempadan negara dan berapakah anggaran

perbelanjaan mengurus bagi akan digunakan untuk membiayai para pegawai agensi yang akan dilantik kelak.

Keempat, adakah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan ini akan memeterai kerjasama dengan mana-mana pihak penguat kuasa antarabangsa sebagai strategi untuk mengekang rangkaian aktiviti jenayah yang melibatkan lebih daripada dua buah negara. Datuk Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Dato'. Terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Dato' Arman.

#### 6.07 ptg.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati. Terima kasih atas ruang diberikan kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024.

Datuk Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menzahirkan ucapan syabas kepada pihak kementerian atas usaha murninya menggubal satu akta iaitu Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024, dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara daripada sebarang bentuk salah laku dan pencerobohan di pintu masuk dan sempadan tanah air. Seterusnya, akta ini memperuntukkan penubuhan satu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia yang berfungsi dengan kuasanya diperuntukkan ke atas kawalan dan perlindungan sempadan.

Datuk Yang di-Pertua, penubuhan agensi ini susulan daripada tiada entiti tunggal yang dapat dipertanggungjawabkan apabila berlaku sesuatu insiden atau isu kawasan pentadbiran di pintu keluar masuk negara. Selain itu, peraturan mahupun arahan dan perintah tetap daripada punca kuasa yang berbeza menyukarkan, malah merumitkan penyelarasan prosedur operasi standard yang melibatkan urusan pemeriksaan kawalan. Maka itu, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) ditubuhkan.

Agensi ini berperanan sebagai agensi kerajaan barisan hadapan yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan dan beroperasi secara bersepadu dan komprehensif di pintu-pintu masuk darat, laut, udara termasuk pelabuhan bagi pergerakan orang, kenderaan, barang termasuk haiwan, termasuk juga tumbuh-tumbuhan.

Justeru itu, saya ingin tahu, apakah koordinasi yang diguna pakai dalam meletakkan agensi ini sebagai barisan hadapan bagi mengawal keluar masuk pintu sempadan negara kita. Apabila operasi mengambil alih tugas laluan pintu masuk sempadan negara, adakah sebarang pertindihan, proses dan gerak kerja di antara agensi-agensi yang terlibat.



Datuk Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian berkongsi sejauh manakah output kelancaran proses gerak kerja di pintu masuk dan sempadan negara yang dihasilkan oleh pasukan rintis MCBA.

■1810

Datuk Yang di-Pertua, memandangkan MCBA ini adalah satu agensi baharu yang ditubuhkan, berapa ramai kah bilangan tenaga kerja yang diperlukan untuk mengisi perjawatan dikenal pasti untuk melaksanakan MCBA secara keseluruhan? Dalam sesi libat urus, saya dimaklumkan lebih kurang 13,000 orang penjawat yang akan berada dalam MCBA. Adakah pengambilan tenaga kerja dan bilangan yang telah dikenal pasti dibuat secara serentak untuk penempatan di seluruh negara atau dilaksanakan secara berfasa-fasa?

Seterusnya, berapa lama kah anggaran tempoh masa yang diperlukan bagi pelaksanaan operasi MCBA ini mencapai nilai 100 peratus meliputi seluruh kawasan yang terlibat apabila ia mula dilaksanakan kelak? Kita sedia maklum terdapat pelbagai agensi yang terlibat dengan pelbagai operasi di pintu masuk sempadan. Justeru, berapa ramai kah penjawat awam dan agensi-agensi sedia ada diambil atau dipinjam untuk memulakan pelaksanaan gerak kerja rintis MCBA ini?

Datuk Yang di-Pertua, pihak kementerian boleh berkongsi berapa kah nilai anggaran implikasi kewangan yang akan dibelanjakan untuk tujuan penubuhan MCBA ini di seluruh negara? Dalam usaha mengetatkan sektor perundangan negara berkaitan laluan keluar masuk sempadan, penubuhan MCBA ini amat diharapkan dapat membendung pencerobohan pendatang tanpa izin walaupun dengan apa cara sekalipun. Sudah tentu aktiviti penyeludupan barang-barang terkawal tidak boleh diberikan toleransi sama sekali.

Namun, kebanjiran PATI yang semakin hari semakin memburukkan landskap negara kita, sosioekonomi negara kita, mungkin dapat dicegah dengan begitu tuntas pada masa hadapan. Kehadiran PATI-PATI ini telah bergenerasi menetap dan berkeluarga di negara kita, malah mendatangkan impak yang cukup negatif dalam peningkatan kadar jenayah, penyebaran penyakit berjangkit, gelandangan, peminta sedekah, kawasan setinggan yang kotor dan pelbagai lagi daripada aspek sosiobudaya. Kajian PATI ini semakin membimbangkan dan merisaukan rakyat negara kita. Tiada pilihan lain, terpaksa hidup bersama-sama kumpulan ini, satu kawasan yang menjadi penempatan etnik-etnik keluarga asing.

Datuk Yang di-Pertua, justeru itu penubuhan MCBA ini saya harap dapat dilaksanakan dengan objektif penubuhan dengan baik. Harapan saya, selaras dengan penubuhan MCBA ini, semoga ia menjadi titik tolak pengawalan salah laku yang lebih ketat. Pencerobohan yang berleluasa di pintu masuk sempadan negara dapat dikenal pasti dengan efisien demi kesejahteraan dan keharmonian negara kita.

Datuk Yang di-Pertua, di sini saya ingin merakamkan sedikit ucapan. Ucapan terima kasih dan menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Pahang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri, barisan kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional, rakan-rakan Dewan Negara, pelbagai parti, Speaker, Timbalan Speaker, para Bentara, Pegawai Parlimen, Pegawai DAA dan rakan-rakan yang memberi pelbagai sokongan.

Untuk makluman, ini adalah sidang Dewan yang terakhir saya bagi Penggal Pertama. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua di mana dalam tempoh tiga tahun ini, kita telah mempunyai keakraban seperti sebuah keluarga besar dalam Dewan Negara. Kepada Timbalan Speaker, *thank you very much for all your* nasihat, tunjuk ajar dan sebagainya. Semoga Allah SWT mempermudah untuk dilanjutkan Penggal Kedua... [*Dewan ketawa*]

Dengan ini, saya menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita berikan tepukan meja bagi Dato' Arman... [*Tepuk*] kerana telah menjalankan tugas dengan begitu baik dan kita doakan YB Arman juga sambung semula Penggal Kedua.

**Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah:** Amin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Insyaa-Allah.* Sekarang ini, sebelum saya jemput Datuk Nelson, saya hendak minta maaf tadi saya tidak nampak. Saya maklumkan pada Dewan bahawa ada seorang sahaja wakil orang Sabah, tapi sebenarnya Datuk Nelson yang juga orang Sabah, dari Beaufort. Jadi, sekarang saya minta Datuk Nelson untuk berbahas.

#### 6.14 ptg.

**Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih Datuk Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya akan-saya tidak akan berbahas panjang. Saya akan pergi secara spesifik berkaitan dengan rang undang-undang ini. Tumpuannya adalah berkaitan dengan- khususnya berkaitan dengan penyelesaian. Tumpuan atau penyelesaian yang khusus yang dikenal pasti untuk menangani masalah pembolosan sempadan di Sabah daripada aspek kawalan orang yang memasuki dan keluar meninggalkan Malaysia, khususnya di Sabah.

Saya juga maklum bahawa daripada taklimat yang diberikan kelmarin bahawa ini baru fasa pertama dalam pengenalan rang undang-undang ini berkaitan dengan kawalan pintu masuk. Masih terhad lagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti, tapi saya mengharapkan ada pendekatan yang khusus terhadap masalah unik bagi negeri Sabah ini.

Untuk makluman sidang hadirin sekalian, masalah di Sabah ini begitu unik di mana, dengan izin, *the mother for all problems in Sabah* adalah masalah cabaran pendatang tanpa izin yang ada di negeri Sabah. Saya bagi satu contoh. Dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Ke-

14 yang lepas, jumlah penduduk negeri Sabah bagi tahun 2020 adalah seramai 3.9 juta penduduk. Daripada jumpa 3.9 juta penduduk ini, bukan warganegara adalah seramai 1.09 juta. Saya boleh katakan hampir satu pertiga daripada jumlah di Sabah adalah bukan warganegara.

Saya bandingkan dengan negara jiran, sahabat saya dari Sarawak, yang diberikan jumlah penduduk bagi tahun yang sama, 2020 bagi Sarawak. Jumlah keseluruhan adalah 2.82 juta bagi penduduk Sarawak. Sabah 3.91 juta. Bagi bukan warganegara, bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 159,500 sahaja. Sabah, 1.9 juta; Sarawak, 159,000 orang sahaja. Berjiran, berhampiran tetapi perubahan yang amat ketara daripada segi kehadiran pendatang tanpa izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu yang dibanci.

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Itu yang dibanci. Ya, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Secara rasmi.

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih Yang di-Pertua. Itu yang dibanci.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Itu yang dibanci pada tahun 2020. Bukan itu sahaja, akibat daripada masalah ini, Sabah mempunyai empat masalah yang khusus. Ini saya perlu terangkan supaya kita boleh memahami betapa seriusnya masalah pendatang tanpa izin di Sabah ini.

Disebabkan pembolosan sempadan ini, di mana terdapat empat kategori warga asing yang ada di Sabah. Satu yang kita kenali sebagai pendatang tanpa izin atau PTI. Kedua, kami juga mempunyai masalah pelarian, pemegang dokumen IMM13. Ini sudah lama, berdekad-dekad lama dan mereka masih berada di Sabah juga.

Ketiga, akibat daripada masalah-masalah ini, wujud lagi satu kategori masalah di Sabah iaitu tanpa warganegara- *stateless* di mana mereka ini dilahirkan di Sabah kerana kedua-dua ibu bapa mereka bukanlah warganegara. Negara asal mereka tidak terima mereka. Kita, ya, saya tahu ada cadangan hantar mereka balik tetapi negara asal mengatakan hantar balik kenapa? Dilahirkan di negara kamu. Kami tiada rekod mereka dilahirkan di sini. Jadi, itulah sebabnya masalah tanpa warganegara di Sabah ini kronik, betul-betul kronik dan yang belum...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu belum lagi...

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Belum.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu belum lagi *claim* daripada negara Filipina...

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Betul... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Atas kedaulatan Sabah... *[Ketawa]*

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Betul, betul Yang di-Pertua. Satu lagi kategori yang juga meruncingkan di mana terdapat di kalangan mereka ini yang telah mendapat dokumen

pengenalan yang bukan secara sah. Ini semua diiktiraf semasa Suruhanjaya Diraja yang diadakan pada tahun 2012. Semua ini ada direkodkan.

Sebab utama kenapa kebanjiran pendatang haram yang dikawal selia dari Filipina dan Indonesia ke Sabah ialah disebabkan oleh kedudukan geografi. Minta maaf Datuk Yang di-Pertua, saya mohon sedikit masa untuk menjelaskan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan. Saya amat memahami isu keselamatan...

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Dan juga imigrasi di Sabah ini.

**Tuan Datuk Nelson W Angang:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Di Sabah ini, kedudukan geografi kita ini unik. Sabah mempunyai garisan pantai lebih daripada 1,700 kilometer, begitu luas. Di atas kami itu, sempadan dia Lautan Sulu lagi, nama dia. Sebab itulah cabaran. Saya tidak mengatakan ini pusat- saya tidak mengatakan agensi-agensi yang terlibat tidak melakukan tanggungjawab mereka- tidak, tetapi saya memahami kerana cabaran-cabaran daripada segi geografi, keluasan sempadan yang ada. Saya memahami semua itu.

Jadi, geografinya juga terdapat kira-kira 200 buah pulau-pulau kecil di sekitar Sabah ini. Di Pantai Timur Sabah ada 52 daripada pulau-pulau ini berpenghuni dan di sesetengah tempat hanya memerlukan masa 20 minit untuk merentasi sempadan ini. Inilah cabaran-cabaran yang kami hadapi.

Dalam Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah mengatakan- mendedahkan terdapat 48 buah lokasi atau pintu masuk yang digunakan oleh pendatang Filipina dan 17 lokasi digunakan oleh mereka dari Indonesia.

Tadi sahabat saya dari Sabah, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Suan mengatakan 37 lorong tikus dan ini, lokasi pintu masuk ini tidak diwartakan. Tidak diwartakan oleh pihak berkuasa dan syor daripada RCI pada waktu itu adalah kawalan pintu masuk dan keluar yang tidak diwartakan perlu dibuat kajian secara teliti dan penempatan semula atau mewujudkan pos kawalan baharu di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

#### ■1820

Soalan saya, adakah pihak kerajaan dalam menyediakan draf RUU ini, ada memberi pertimbangan yang khusus terhadap situasi di Sabah ini? Saya rujuk kepada seksyen 2, tafsiran kawasan yang ditetapkan. Di sini saya melihat a, b, c, d, e di bawah Akta Imigresen, di bawah Akta Kastam, di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin, Akta Zon Bebas, Akta Pengawasan Penyakit Berjangkit. Ini bermaksud kawasan-kawasan ini sudah lama diwartakan.

Adakah kawasan-kawasan baharu yang dikenal pasti dan akan diwartakan ataupun sudah diwartakan bagi tujuan RUU ini? Jika hanya mengambil kawasan-kawasan yang diwartakan ini daripada undang-undang yang lama, bermaksud kawasan-kawasan ini adalah

kawasan-kawasan yang lama. Sama juga, cabaran-cabaran itu masih wujud kerana tidak ada pengkhususan untuk menangani masalah ini secara khusus.

Saya faham. Tadi saya katakan dalam rang undang-undang ini, kalau saya lihat Jadual 1, cuma beberapa buah tempat sahaja yang telah dikenal pasti bagi fasa pertama ini iaitu di Dermaga Tawau, Dermaga Kota Kinabalu dan tiga lapangan terbang yang ada di Sabah. Masalah pembolosan sempadan ini kebanyakannya bukan melalui kawasan-kawasan yang diwartakan. Kalau tujuan agensi ini ditubuhkan hanya untuk mengawal selia kawasan-kawasan yang diwartakan, bererti masalah-masalah pembolosan di sempadan yang luas itu masih belum ditangani.

Bukan itu sahaja, seperti yang saya katakan, kalaulah tafsiran seksyen 2 hanya merujuk kepada kawasan-kawasan yang diwartakan dari dahulu, tidak ada perancangan yang baharu untuk menangani masalah ini. Ini tidak akan membantu kami di Sabah untuk menyelesaikan masalah ini. Sebab, sudahlah masalah-masalah kehadiran warga asing ini masih belum mempunyai penyelesaian yang tuntas. Kami perlu menghentikan dulu pembolosan di sempadan-sempadan ini. Barulah kita boleh mengurangkan kehadiran atau pembolosan di kawasan-kawasan ini.

Jadi, Datuk Yang di-Pertua, saya sebenarnya menyokong. Saya menyokong rang undang-undang ini. Cuma, saya mengharapkan bahawa pihak kerajaan mengambil satu pendekatan ataupun *special attention* terhadap saya katakan cabaran yang dihadapi oleh Wilayah Sabah ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong terhadap RUU ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang ini, saya jemput seorang lagi orang Sabah. Mohon maaf, tadi alpa awal-awal tadi. Jadi, Datuk Noraini, silakan.

### 6.23 ptg.

**Datuk Noraini binti Idris:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Datuk Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menubuhkan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan fungsi dan kuasanya yang berhubung dengan kawalan dan perlindungan sempadan yang pada ketika ini dikendalikan secara berasingan oleh pelbagai agensi dan kementerian.

Dengan adanya agensi tunggal, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia- *Malaysian Control and Border Protection Agency* ini, penyelarasan dan pemurnian prosedur operasi standard bagi pengoperasian yang melibatkan urusan pemeriksaan dan kawalan sempadan dapat dilakukan dengan lebih sempurna.

Mengambil maklum bahawa MCBA akan berperanan bagi menyelaraskan semua perkara berkaitan kawalan dan perlindungan sempadan yang sebelum ini diuruskan oleh pelbagai

agensi seperti imigresen, kastam dan sebagainya. Semestinya perkara pokok yang perlu diketahui adalah bagaimanakah prosedur melibatkan pengambilalihan fungsi agensi daripada pelbagai kementerian akan dilakukan melibatkan punca kuasa pegawai pengurus atasan.

Kita faham jika ia melibatkan agensi dalam KDN sahaja, mungkin lebih mudah untuk diselaraskan. Namun, apabila melibatkan pelbagai kementerian lain, bagaimanakah perjawatan itu diagihkan? Berdasarkan struktur organisasi MCBA yang dicadangkan, ia memerlukan seramai 13,720 orang anggota atau tenaga kerja diperlukan dalam pelbagai sektor. Adakah angka ini berdasarkan perjawatan baharu atau sudah diambil kira penyerapan pegawai *inter* kementerian, daripada kementerian yang lain yang sedia ada? Adakah latihan semula akan diberikan bagi memastikan pegawai-pegawai ini faham akan tugas atau skop kerja baharu mereka?

Peranan agensi ini juga sangat penting bukan sahaja kepada keselamatan awam malah kepada ekonomi, biosekuriti dan kesihatan awam negara. Justeru, bagi memastikan pegawai yang ditempatkan betul-betul *fit in*. Bagaimanakah latihan dan bimbingan yang akan dibuat kelak?

Untuk kawalan sempadan di pintu masuk Sabah dan Sarawak pula, untuk Sabah sahaja dianggarkan seramai 1,209 tenaga kerja diperlukan. Manakala, di Sarawak seramai 1,451 orang- tenaga kerja diperlukan.

Oleh itu, amatlah diharapkan agar kementerian memberikan keutamaan untuk pegawai-pegawai bertugas diberi keutamaan kepada anak-anak kelahiran negeri itu sendiri ya. Ini bagi bertujuan untuk meningkatkan sifat kebertanggungjawaban terhadap negeri kelahiran mereka dan seterusnya mengelakkan pintu-pintu masuk, lorong-lorong tikus seperti yang telah disebutkan jumlahnya secara spesifik oleh rakan-rakan Senator dari Sabah tadi sukar dicerobohi kerana anak tempatan sudah tentu lebih arif dengan selok-belok kawasan mereka.

Jadi, mohon pandangan YB Menteri berkaitan cadangan ini yang mengutamakan pegawai bertugas dalam kalangan anak tempatan. Diharapkan dengan penubuhan Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh semua agensi dan kementerian yang berkaitan dengan pengoperasian di pintu masuk negara termasuk wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan membincangkan perkara ini kelak.

Penyelarasan jitu antara kerajaan negeri dengan Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensi di bawah KDN termasuklah MCBA kelak amatlah perlu bagi menangani isu-isu ancaman keselamatan, memelihara kedaulatan negara serta membanteras dan mencegah aktiviti jenayah merentasi sempadan. Hal ini amatlah perlu lebih-lebih lagi Sabah sebagai sebahagian dari kawasan pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Ditambah lagi dengan pewujudan Ibu Negara baharu Indonesia, Nusantara di Kalimantan Timur yang juga akan secara langsung akan memberi limpahan ekonomi pada Sabah dan Sarawak. Peningkatan kawalan aspek keselamatan amatlah penting demi meningkatkan keyakinan masyarakat dalam dan luar negara terhadap aspek keselamatan di Kepulauan Borneo.

Apabila cadangan pemusatan kuasa ini dibuat, sudah tentulah yang paling membimbangkan ialah penyalahgunaan kuasa berkemungkinan lebih tinggi untuk berlaku. Justeru, sepanjang kawalan sempadan ini dilakukan di bawah pelbagai agensi dan kementerian, berapakah jumlah kes penyalahgunaan kuasa melibatkan ketirisan oleh kakitangan awam dan bagaimanakah dengan pemusatan kuasa ini? Apakah saranan yang dibuat bagi mengelakkan berlaku salah guna kuasa melibatkan kakitangan awam yang menjaga sempadan ini?

Akhir kata Datuk Yang di-Pertua, cadangan bagi pemusatan kuasa ini akan memberi lebih peluang untuk kementerian mengawal selia dalam semua aspek bagi memastikan kelancaran kawalan sempadan. Namun demikian, diharapkan agar KDN terus meningkatkan kawalan dalam semua aspek bagi memastikan ketirisan diminimumkan sepenuhnya kelak.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Datuk Noraini. Sekarang, kepada pembahas kita yang terakhir untuk sesi Dewan Negara kali ini. Saya jemput Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh, mungkin dengan pandangan daripada sempadan negeri Kelantan... *[Ketawa]*

#### 6.29 ptg.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Datuk Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Dewan Negara. Saya tidak ada banyak nak dipertanyakan sebab sudah banyak rakan-rakan dan kawan-kawan telah pertanyakan. Maka, ada sedikit sahaja pandangan yang perlu disampaikan di sini.

Pertamanya, saya nak ucap syabas dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah mengilhamkan untuk mewujudkan dan menubuhkan undang-undang baharu untuk mewujudkan MCBA atau Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia. Ini adalah satu perkara yang baik. Juga, tahniah kepada Timbalan Menteri yang berkampung di sini hari ini daripada selepas Subuh sampai sekarang. Nak Maghrib dah. Ada lagi sini... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Datuk Yang di-Pertua, undang-undang ini ialah *high time*. Sudah sampai waktunya untuk Malaysia mengadakan sistem ini kerana sudah banyak negara-negara lain.

Ini boleh meletakkan negara kita ini setaraf dengan negara-negara yang lebih maju dengan kita ini. Namun demikian, walaupun kita kata undang-undang ini adalah baik tetapi ia mempunyai beberapa cabaran. Cabaran pertama yang saya berpendapat ialah personel ataupun kakitangan. Kakitangan ini amat penting. Pemilihan kakitangan untuk mengisi kekosongan dalam unit ini atau agensi ini terlalu amat-amat penting. Kalau kakitangan itu substandard sudah tentu matlamat kita matlamat kerajaan untuk mewujudkan satu agensi yang lengkap ini tidak akan tercapai. Itu satu perkara.

Kedua, sistem. Hari ini, dunia hari ini kita perlu ada sistem canggih. Kita tidak mampu untuk membuat sesuatu secara manual lagi sekarang kerana *the quantum, the volume* untuk pergerakan orang dan juga kargo begitu tinggi sekali sekarang ini berbanding dengan 20 ke-30 tahun yang lalu. Kalau dulu kaedah dulu mungkin mampu kita buat secara manual. Sekarang ini *you* perlu kepada sistem yang canggih. Maka, kerajaan perlu bajetkan ia mencukupi untuk perolehan sistem yang canggih ini. Ini satu perkara yang amat-amat penting. *Otherwise*, minta maaf betapa cantik undang-undang ini pun tidak akan boleh mencapai matlamat kita.

Ketiga, cabaran ketiga ialah peralatan. Peralatan seperti *scanner*, seperti peralatan lain-lain itu juga perlu peralatan yang canggih kerana kalau kita lihat kargo kita masuk melalui pintu-pintu masuk kita begitu banyak sekali dengan sendirinya sudah tentu dengan secara manual anggota kastam tidak mampu untuk menyemak dan men-*check* segala-gala yang masuk ini. Sebab itu ada penyeludupan masuk penyeludupan keluar. Macam-macam ada. Sebab itu kerana tidak ada bantuan daripada kelengkapan yang lebih canggih lagi.

Keempat Datuk Yang di-Pertua, tidak kurang pentingnya dan ini adalah merupakan kelemahan negara kita yang selalu kita alami iaitu selenggaraan ataupun *maintenance*. *We always take for granted on maintenance. We always take for granted maintenance*. Kita selalu dengar masalah-masalah di perumahan awam. Lima ataupun ada enam ataupun lapan lif, tetapi semua lif rosak. Orang duduk dekat tingkat 20, tingkat 30, kalau hendak beranak macam mana? Kalau sakit macam mana- kerana apa? *Maintenance*. Kita lihat *maintenance* kita *we always take for granted maintenance*. Sekarang ini kita lihat di pintu masuk negara kita yang mana *the first thing* orang datang negara kita *this image* yang kita dapat ialah *aerotrains* kita sudah berapa lama tidak beroperasi.

Padahal dulu elok saja. Kerana tidak ada *planning*, tidak ada *maintenance plan*. Selenggaraannya tidak ada langsung kerana *we always take for granted*. Eh, hendak habis. Karang tidak cukup *kot*. Cukup, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Jadi, itulah dianya sangat-sangat penting dan ini cabaran yang saya rasa kita perlu lihat dan perlu utamakan kerana unit ini yang kita hendak buat ini adalah sangat penting. Sangat penting kerana bukan kerana



menjejaskan imej kita tetapi juga keselamatan negara kita, kedaulatan negara kita. Itu yang sangat-sangat penting. Maka, sebagaimana masa libat urus diadakan dua hari lepas, saya telah membangkitkan janganlah pula bila kita tubuh satu agensi yang baru- habis masa, minta sikit... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh. Sila.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Janganlah kerana kita sekadar tubuh unit baharu ataupun agensi baharu ini sekadar tukar uniform sahaja. Daripada uniform kastam, uniform imigresen menjadi uniform *this* MMCBA. MCBA ya? MCBA. So, ia bukan sekadar tukar uniform tetapi mesti melakukan tugas yang berbeza daripada sekarang ini.

Kita lihat negara-negara yang kita rasa dulu kita lebih maju daripada mereka, Indonesia. Indonesia, baru-baru ini dalam tiga bulan lepas saya pergi ke Jakarta, tiga ke-empat bulan lepas...

**Seorang Ahli:** ...Tidak ajak.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** *I call you, you* tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Sebelum saya pergi, kawan-kawan saya kata kena isi *online arrival card*. *Before that*, sebelum itu kita pergi sebelum itu kita kena isi *custom declaration online*, tetapi *arrival card* tidak ada lagi, tetapi *the last* saya pergi baru ini yang akhir kena isi *arrival card online*. Kastam dah lama *online*. Kita isi *online*, sampai di *airport* saya *just walk through the autogate*. Tidak ada *que* imigresen lagi kerana kita isi.

Kenapa? Kerana ia dah *sync*, sudah *online*, *passport* saya sudah *online* dengan isinya *website* itu dengan sendiri memudahkan. Dengan sendirinya saya *personal experience* saya. "*Wah, steady Indonesia.*" *This is* yang termasuk dalam kepala kita. Apatah lagi kalau negara kita boleh buat yang lebih canggih daripada itu, lebih baik daripada itu. Sudah tentu ia memberi satu imej dan keselamatan dan kedaulatan negara kita yang lebih baik.

Datuk Yang di-Pertua, saya tidak ada cara lain lagi *except for* menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, memandangkan semua orang menyokong RUU ini dan bakal diluluskan dan Yang Berhormat Menteri pun dah lama dari pagi tadi kan, panjang lebar jawapan dan sebagainya.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menjawab dengan se-*simple* minimumnya. Bukan perkataan saya, perkataan Dato' Arman. Boleh gulung dalam masa 15 minit? Yang Berhormat Menteri, silakan... [Dewan riuh]

**6.37 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Tetapi selingan dulu. Datuk Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah kepada pasangan wanita Malaysia yang berjaya ke peringkat seterusnya dalam beregu wanita di *Paris- Olympic*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, menang.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Semoga ia menyumbang pingat pada Malaysia. Tahniah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah, tahniah.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rakamkan ucapan tahniah bagi pihak Kementerian Dalam Negeri kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang memberikan pandangan dan secara umumnya saya melihat semua menyokong terhadap rang undang-undang ini. Pelbagai isu yang dibangkitkan, soal integriti, soal pertindihan tugas, kawalan sempadan, soal sumber manusia, infrastruktur dan juga penggunaan teknologi. Saya akan ambil beberapa isu untuk menepati tempoh waktu yang ditetapkan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, soal pertindihan tugas merujuk kepada fasal 8, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Jadual Kedua Rang Undang-undang MCBA memperuntukkan 36 undang-undang bertulis yang berkaitan. Justeru, adalah tidak dinafikan akan isu pertindihan fungsi di antara MCBA dengan jabatan dan agensi sedia ada sama ada peringkat awal pengoperasian MCBA di lapangan mungkin akan timbul.

Oleh yang demikian, menyedari perkara ini Jemaah Menteri pada 22 Mac 2024 antara lain telah bersetuju agar isu berkenaan pertindihan fungsi berkenaan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dianggotai oleh seluruh pihak berkuasa berwibawa berkaitan dengan pengoperasian MCBA termasuklah wakil Sabah dan Sarawak.

Jadi, jawatankuasa ini juga bertindak sebagai satu platform dan punca kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa lain berbentuk teknikal dan operasi bagi maksud melicinkan operasi harian di pintu masuk negara. Selain itu, apa-apa isu dasar yang melibatkan kuasa Menteri atau perkara-perkara melibatkan kepentingan negara yang dibangkitkan dalam Jawatankuasa Pemantapan Dasar dan Pengoperasian MCBA ini, KDN akan mengesyorkan perkara tersebut dibentangkan ke Kabinet bagi mendapat keputusan Jemaah Menteri.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, agensi-agensi sedia ada seperti Jabatan Imigresen, Kastam, Jabatan PERHILITAN akan kekal melaksanakan fungsi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Sebagai contoh Jabatan Imigresen Malaysia kekal melaksanakan fungsinya dalam pengeluaran passport atau permit atau pas masuk. Satu isu yang dibangkitkan tadi, saya hendak sebut soal berkaitan dengan integriti.

#### ■1840

Untuk makluman Yang Berhormat, isu integriti di kalangan penguat kuasa diakui ini merupakan isu yang diberi perhatian serius oleh kerajaan. Sudah tentunya oleh KDN, sebagai salah satu matlamat penubuhan MCBA ialah memperkukuh, memperkasa integriti di kalangan pegawai agensi, menjadi satu isu pokok yang perlu ditangani dalam pengoperasian MCBA.

Tentunya antara inisiatif awal yang telah dirangka oleh KDN untuk mencapai matlamat ini ialah dengan mewujudkan bahagian integriti dalam struktur asas ibu pejabat MCBA yang diketuai oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan gred P54 yang akan mengendalikan hal ehwal integriti dan tatakelakuan Pegawai-pegawai MCBA. Pendekatan ini diambil bagi kita pastikan sebarang siasatan dan tindakan ke atas pegawai-pegawai MCBA adalah telus dan berkecuali.

Selain itu, bahagian integriti ini akan pastikan enam Teras Integriti yang ditetapkan iaitu tadbir urus, pengurusan aduan, pengukuhan integriti, pematuhan, pengurusan aduan dan tatatertib dapat dilaksanakan dengan berkesan di MCBA. Kewujudan bahagian integriti ini juga akan diperluas pada struktur pejabat-pejabat wilayah MCBA.

Ini juga akan diperluas kepada struktur pejabat-pejabat wilayah MCBA apabila waran perjawatan agensi di peringkat wilayah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan kelak, untuk memastikan kawal selia dan pengurusan integriti agensi yang lebih meluas, lebih berfokus di pintu-pintu masuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, pewujudan bahagian integriti di pejabat-pejabat wilayah MCBA juga membolehkan program audit silang antara pejabat wilayah ini dilaksanakan dengan pelaporan secara berkala kepada pengurusan tertinggi agensi dan KDN. Bahagian-bahagian yang terlibat dengan operasi dan siasatan juga akan mempunyai penempatan pegawai-pegawai SPRM untuk memastikan kepatuhan dan integriti para pegawai.

Selain daripada perancangan tersebut, MCBA akan turut bekerjasama rapat dengan SPRM, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) serta Jabatan Audit Negara untuk memastikan rangka kerja pengukuhan integriti dan tadbir urus MCBA sentiasa menjadi keutamaan dan dapat direalisasikan. Maknanya soal integriti memang menjadi keutamaan MCBA dan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan isu sumber manusia, banyak yang dibangkitkan juga berkaitan dengan soal-soal yang berkaitan kewangan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MCBA beroperasi dengan perjawatan asas ibu pejabat yang diluluskan oleh JPA dan Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2024 dengan 104 perjawatan.

Jadi, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 3 Januari 2024 berkenaan dasar MCBA. Kerajaan antara lain telah bersetuju agar pewujudan dan pindah butir perjawatan serta peruntukan kewangan akan ditentukan secara berasingan oleh MCBA bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Justeru, konsep asas pengembangan struktur perjawatan MCBA kelak ialah dengan memindahkan butir perjawatan yang dikenal pasti di bawah agensi-agensi sedia ada, di pintu-pintu masuk yang akan diambil alih fungsinya oleh perjawatan MCBA.

Jadi berdasarkan libat urus dan perbincangan yang telah diadakan, adalah dianggarkan sebagaimana yang telah saya maklumkan sejumlah 13,720 perjawatan yang akan terlibat di seluruh pintu masuk negara yang aktif. Walau bagaimanapun, MCBA masih mendapat perincian butiran perjawatan daripada semua jabatan, agensi yang terlibat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, pegawai-pegawai yang telah dikenal pasti ini adalah pegawai-pegawai sedia ada, yang cekap dan berpengalaman, berkhidmat di pintu-pintu masuk negara. Bagi tujuan ini juga Tuan Yang di-Pertua, KDN telah pun mengemukakan cadangan berkaitan perjawatan MCBA kepada pihak JPA.

Berdasarkan cadangan tersebut adalah diakui bahawa implikasi kewangan akan wujud terutama dalam proses penawaran opsyen kepada pegawai-pegawai sedia ada untuk ditukar lantik ke skim baru MCBA, sekiranya diluluskan kelak. Selain daripada itu, kita percaya pembangunan kompetensi pegawai-pegawai MCBA akan menjadi salah satu perkara yang penting dan telah dikenal pasti dalam penubuhan MCBA.

Jadi, bagi memastikan semua pegawai MCBA kompeten dalam melaksanakan skop fungsi dan tugas yang telah ditetapkan pelan latihan MCBA yang komprehensif akan dibangunkan merangkumi semua modul dan kepakaran yang perlu dimiliki oleh semua pegawai yang ditukar lantik ke MCBA. Pelan latihan ini akan dibangunkan melalui libat urus dan kerjasama pihak berkuasa berwajib yakni agensi dan kementerian teras yang sedang melaksanakan fungsi masing-masing di pintu masuk negara.

Kerjasama strategik ini turut meneroka dan meninjau peluang MCBA memanfaatkan institusi dan pusat latihan, jabatan, agensi sedia ada, serta *subject matter expert* agensi setiap ada sebagai tenaga pengajar. Di samping itu, MCBA juga akan melihat peluang-peluang kolaborasi latihan bersama dengan agensi penguasa sempadan negara seperti US, Singapura, Australia dan lain-lain.

Oleh sebab itu Yang di-Pertua, selain dari berperanan untuk melaksanakan fungsi MCBA ini, sukacita saya sebut bahawa pelan latihan ini turut merangkumi modul-modul generik yang bertujuan mengurangkan jurang di kalangan pegawai yang terdiri daripada pelbagai jabatan, membangunkan semangat dan identiti MCBA serta memperkasa kerjasama berpasukan.

Selain itu, modul latihan lain yang telah dikenal pasti untuk- merangkumi latihan penyiasatan dan pendakwaan, pemeriksaan barangan serta *consignment*, pengendalian senjata api, pengendalian lesen pengimbas serta pelbagai bentuk latihan lain yang melibatkan latihan dalam dan luar negara.

Selanjutnya, KDN yakin penubuhan agensi akan memberi manfaat jangka panjang kepada negara daripada aspek mengoptimumkan sumber kewangan. Pengoptimum ini akan melibatkan aspek penggajian, emolumen, pengurusan kewangan berpusat, penyediaan infrastruktur, peralatan dan peralatan dapat disediakan dan dilaksanakan secara berfokus pada sebuah agensi tunggal di pintu masuk dan lain-lain.

Daripada aspek pengoperasian kelak, MCBA yakin kerajaan akan menyalurkan peruntukan agensi-agensi pintu masuk yang diambil alih kepada MCBA untuk memastikan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan pemeriksaan pintu masuk dapat ditambah baik sebagaimana dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi. Sebab itu soal berkaitan dengan infrastruktur dan teknologi tinggi, saya nak sebut bahawa kalau kita lihat fasal 6(1)(d) RUU ini memperuntukkan fungsi MCBA untuk mengurus dan mentadbir mana-mana kompleks pintu masuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pengurusan kompleks dan fasiliti yang di laksana adalah berbeza mengikut domain. MCBA akan mengambil alih pengurusan 20 buah kompleks pintu masuk darat yang mana bertanggungjawab menyelaras penyediaan ruang pejabat pada semua agensi untuk urusan dan operasi pemeriksaan, pengurusan penyelenggaraan, kebersihan kompleks, fasiliti, pastikan aspek kawalan keselamatan dan menyediakan bekalan utiliti seperti air, elektrik, pembetulan dan lain-lain.

Berdasarkan objektif penubuhan MCBA ini, dengan penyaluran peruntukan kerajaan di pintu masuk selepas ini akan dioptimumkan. KDN berhasrat untuk membuat perancangan yang menaik taraf fasiliti dan aset melibatkan penggantian aset usang, perolehan aset berteknologi tinggi seperti dron, kamera badan serta pembekalan senjata api ringan kepada anggota penguat kuasa bagi kesiapsiagaan kawalan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara.

Oleh sebab itu, tentunya penggunaan teknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (AI), kalau nak sebut bahawa penggunaan AI dalam pemeriksaan barangan sebenarnya telah terbukti di beberapa buah negara, misalnya di Singapura. Tentunya proses ini bukan sahaja mengurangkan masa pemeriksaan, tapi juga meningkatkan ketepatan pengesanan barang terlarang dan penyeludupan dan kerana itulah kerajaan turut tidak ketinggalan.

KDN melalui MCBA nanti untuk mengambil langkah bagi melabur dan menggunakan teknologi tinggi termasuk kecerdasan buatan (AI) sebagai contohnya kalau kita lihat di Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mula menggunakan mesin pengimbas Kastam yang

dilengkapi dengan teknologi AI untuk meningkatkan kecekapan dalam proses pemeriksaan penguatkuasaan.

#### ■1850

Jabatan Imigresen turut tidak ketinggalan untuk memperluaskan penggunaan teknologi seperti QRC, peluasan *auto gate* di pintu-pintu masuk negara. Maksudnya, dengan penubuhan MCBA sebagai agensi tunggal di pintu masuk, aset-aset pemeriksaan, termasuklah mesin pengimbas ini akan diambil alih oleh MCBA sebagai strategi jangka sederhana dan jangka panjang. Kerajaan melalui KDN, *committed* untuk meningkatkan teknologi pemeriksaan di pintu masuk negara demi memastikan keselamatan dan kelancaran serta pergerakan orang ramai dapat dikawal dengan baik sekali.

Selain daripada itu, disebutkan tadi juga soal berkaitan dengan kawalan sempadan. Sukacita saya hendak sebut bahawa Tuan Yang di-Pertua, mengikut keputusan Jemaah Menteri, isu terakhir saya rasa, pada 30 Julai 2021 antara lain telah mengambil maklum dan bersetuju bahawa pengoperasian MCBA secara keseluruhan akan merangkumi dua fasa.

Fasa utama iaitu pengoperasian di pintu-pintu masuk negara dan seterusnya, pengambilalihan kawalan sempadan negara.

Justeru, untuk peringkat pertama ini penggubalan Rang Undang-undang MCBA hanya memberi fokus kepada pelaksanaan fungsi MCBA di kawasan yang ditetapkan iaitu di pintu masuk.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pintu masuk aktif yang diwartakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia berjumlah 115 pintu masuk yang meliputi 30 pintu di domain darat, 56 laut, 29 pintu masuk udara. Isu laluan-laluan tidak sah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat merupakan laluan yang tidak sah yang kadang-kadang turut disebut sebagai laluan tikus. Laluan-laluan ini terletak di sepanjang garis sempadan dan tidak melibatkan pintu masuk yang diwartakan seperti peruntukan rang undang-undang ini. Bagaimanapun, KDN serius untuk mengambil tindakan isu-isu yang dibangkitkan tadi.

Ahli Yang Berhormat, bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat, yang memberi pelbagai pandangan, saranan. Semua pandangan-pandangan walaupun saya tidak jawab satu persatu kerana kesuntukan masa, akan diberi perhatian oleh KDN secara serius bagi memastikan rang undang-undang MCBA dapat dilaksanakan.

Marilah kita sama-sama memberi sokongan supaya MCBA ini, Ketua Pengarah ada di belakang ini, dapat memainkan peranan untuk memastikan supaya agensi itu kali ini dapat memainkan peranan dan setanding, malah lebih hebat daripada negara-negara lain. Kepada rakan-rakan yang terlibat Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak KDN mengucapkan banyak terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 25** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu) dan diluluskan].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesi kita untuk menggubal undang-undang dan meluluskan rang undang-undang selesai ya, Setiausaha. Masa adalah untuk kita mengakhiri Majlis Mesyuarat kita pada sesi ini.

Saya ingin mengucapkan *alhamdulillah* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Syukur pada hari ini, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas, Majlis Dewan Negara selesai bersidang selama dua minggu bermula 22 Julai 2024 yang lepas.

Sepanjang persidangan Majlis Dewan Negara kali ini, sebanyak 27 rang undang-undang telah dibawa dari Dewan Rakyat dan kesemua rang undang-undang telah pun diluluskan dalam tempoh lapan hari... *[Tepuk]* Satu rekodlah.

Dewan hari ini juga menyaksikan bahawa YB Menteri Luar Negeri telah hadir memberi penerangan mengenai pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pembunuhan Ismail Haniyeh, Ketua Biro Politik Hamas pada 31 Julai 2024.

Bersyukur kita bahawa setelah saya dipilih sebenarnya dan angkat sumpah, terus menjalankan tanggungjawab sebagai Yang di-Pertua, *for national service there is no warm-up*. Ahli-ahli Dewan Negara telah menyokong dan memberikan kerjasama serta komitmen yang sangat tinggi, sekaligus menzahirkan kewibawaan Dewan yang mulia ini dalam memainkan peranan semak dan imbang terhadap proses penggubalan undang-undang negara. Persepsi Dewan ini adalah Dewan yang *rubber stamp* tidak berasas; sesi kita ada

rang undang-undang yang diluluskan melalui undi belah bahagi- itu *democracy in action*. Ada juga kita telah tubuh Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang. Dewan Negara ini benar-benar menonjolkan kefungsiannya sebagai *The Upper House* dalam menyemak dan mengimbangi proses meluluskan undang-undang di negara ini. Terlakar lagi dalam sejarah di mana pada sesi ini, Dewan yang mulia ini meluluskan 22 rang undang-undang, satu rekod.

**Beberapa Ahli:** 27...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya 27, minta maaf. *I stand corrected, 27 alright*. Terima kasih.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat, khususnya kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas 27 rang undang-undang yang telah dipersetujui dan pernyataan yang telah dibuat ke atas penerangan Menteri pagi tadi. Penglibatan yang sangat aktif ini amat membanggakan dan pastinya komitmen yang sangat tinggi ini meningkatkan lagi kredibiliti Dewan yang mulia ini.

Saya menyarankan agar momentum ini dapat diteruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang yang telah membentangkan Penyata yang kedua bagi tahun ini yang saya dapati amat komprehensif dan mengusulkan syor yang bermanfaat, sama ada sebagai input perbahasan, mahupun asas dalam menimbang suatu rang undang-undang.

Tahniah juga diucapkan kepada barisan Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah yang telah membentangkan Penyata yang pertama bagi tahun ini dan saya tahulah Datuk Arman memang suka publisiti... *[Ketawa] ...For a good cause-* membuat *press conference* pagi ini. Terima kasih ya. Saya berharap input dan syor-syor Jawatankuasa-jawatankuasa ini diambil perhatian dan tindakan wajib oleh pemegang taruh- *the stakeholders* dan kumpulan sasaran yang berkenaan.

*Kupu-kupu terbang ke taman,  
Hinggap di bunga menghisap madu;  
Walau rupa saya tak setampian Datuk Nur Jazlan.... he is blushing.  
Terima kasih memilih diriku.*

*Mekar mewangi pohon selasih,  
Dipetik budak buat bermain;  
Hati gembira berterima kasih,  
Memilih diriku bukan yang lain... [Tepuk]*

Saya juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-Senator yang akan menamatkan tempoh penggal perkhidmatan, sama ada untuk Penggal Pertama atau pun Penggal Kedua. Diucapkan selamat maju jaya dan pastinya jasa Yang Berhormat semua akan dikenang oleh negara. Didoakan terus sihat *walafiat*, murah rezeki dan panjang umur.



Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga kerja Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Pentadbiran Parlimen Malaysia, khususnya kepada Setiausaha Dewan Negara yang telah mengetuai dan melancarkan urusan sesi Mesyuarat pada kali ini dengan baik dan cemerlang- sebenarnya... *[Tepuk]*

Syabas juga diucapkan kepada semua warga kerja Parlimen Malaysia yang komited dalam menjalankan tugas dengan penuh produktif.

Tidak ketinggalan juga diucapkan terima kasih kepada wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-67, bertemakan "Malaysia Madani Jiwa Merdeka" dan Selamat Menyambut Hari Malaysia. Marilah kita sama-sama menyemarakkan sambutan ini.

Kepada semua Yang Berhormat Senator yang akan pulang ke kawasan masing-masing, selamat pulang ke destinasi dengan selamat. Semoga kita berkesempatan untuk berjumpa lagi. Sekian, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan. Dalam bahasa Latin- *the Senate is now adjourned, sine die...* *[Tepuk]*

***[Dewan ditangguhkan pada jam 7.03 malam]***